

WARTAWAN

DALAM

Seribu Suasana



Oleh
GHAZALI
ISMAIL

WARTAWAN DALAM SA-RIBU SUASANA



oleh:
Ghazali Ismail

Di-chodangkan untuk pembacaan
para pemberita daerah, chafun2 war-
tawan dan pembaca2 yang ingin
mengetahui penghidupan dan tugas2
kaum wartawan sehari2.

Di-semak oleh:
Osman Abadi dan Harun Hassan
(dari Jabatan Pengarang Utusan Melayu)

Di-alu2kan oleh:
ZABHA
(Pengarang Utusan Melayu)

Di-terbitkan oleh:
PENERBITAN GRONLOH
41, Princes Road — Kuala Lumpur.



YANG QUEE YEE
45 YUK TONG AVE.
SINGAPORE 21

(HAK PENGARANG TERPELIHARA)

Di-chetak oleh:
UTUSAN MELAYU PRESS LTD.,
KUALA LUMPUR.

SA-PATAH KATA DARI PENGARANG UTUSAN MELAYU

Saya telah membaca, menyemak dan mengkaji seluruh kandungan buku "Wartawan Dalam Sa-ribu Suasana" ini, dan mendapati bahawa kandongan-nya sangat bermutu jika di-perhitong dari segi kewartawanan dan persuratkhabaran, terutama persuratkhabaran Melayu.

Saya mengucapkan tahniah kepada pengarang buku ini yang telah berjaya mengarang sa-buah buku wartawan yang lengkap hidangan-nya, sesuai dengan perkembangan dan pertumbuhan kewartawanan di-negeri ini pada masa ini.

Saya amat puas hati dan saya yakin buku ini amat sesuai untuk menjadi pembacaan dan panduan bagi chalun2 wartawan, terutama pemberita2 daerah surat2khabar.

Barangkali tidak berlebihan rasa-nya jika saya katakan bahawa buku ini ia-lah julong2 buku wartawan yang di-terbitkan dalam bentuk yang lengkap, meliputi seluruh segi kewartawanan, baik yang mengenai persuratkhabaran Melayu tulisan Jawi, mahu pun persuratkhabaran Melayu tulisan Rumi.

Oleh kerana isi kandongan-nya sudah sa-wajar-nya di-beri pujian, maka amat sesuai-lah untuk menjadi buku pelajaran bagi orang2 yang ingin berkechempong dalam lapangan kewartawanan.

Sekian.

ZABHA

(Zainal Abidin bin Haji Alias)

July, 1962.

SEPATAH KATA DARI PENGARANG

Buku ini saya susun berdasarkan pengalaman2 saya su-masa berkhidmat di-Berita Harian dan di-Utusan Melayu, serta di-tokok tambah dengan pengetahuan2 yang saya dapati dari rakan2 saya yang lebeh berpengalaman, terutama mereka yang sekarang berkhidmat di-Utusan Melayu.

Saya ucapkan terima kaseh kepada wartawan2 tersebut nama-nya di-bawah, yang telah menyemak isi kandungan buku ini untuk sesuai menjadi pembachaan ringan chalun2 wartawan dan pemuda pemudi yang chenderong dalam lapangan kewartawanan dan persuratkhabaran.

Wartawan2 tersebut ia-lah: **Inche Zabha, Pengarang Utusan Melayu.**

Inche Harun Hassan, Pengarang Utusan Zaman, dan Mastika.

Inch Osman Abadi, Sub-Editor terkanan Utusan Melayu.

Muda2han buku ini dapat memberi faedah kepada semua pehak yang membacha-nya. Sekian.

—Ghazali Ismail

BAB PERTAMA:

ARTI-NYA WARTAWAN

Perkataan "wartawan" berasal dari istilah "warta", yang dalam bahasa Melayu berarti "perkhabaran". Yang demikian, sa-orang "wartawan" ia-lah sa-orang yang kerja-nya "memberi perkhabaran", baik melalui suratkhabar (Press), radio mahu pun melalui television.

Dalam bahasa Inggeris perkataan ini di-sebut "journalist", istilah yang mempunyai sejarah-nya sendiri dalam bidang kewartawanan dan persuratkhabaran. Tidak seperti perkataan Melayunya, perkataan ini di-tafsirkan sa-chara berlainan oleh wartawan2 Inggeris di-zaman yang silam.

Kalau dalam bahasa Melayu perkataan "journalist" boleh di-sebut sa-bagai "wartawan" sahaja, dalam bahasa Inggeris maksud dari perkataan itu boleh di-nyatakan dengan dua istilah yang saling berbedza bunyi-nya. Sa-tengah2 wartawan di-England lebeh suka menggunakan perkataan "newspaperman" untok "wartawan" daripada menggunakan perkataan "journalist".

Walau pun kedua2 istilah Inggeris ini sama arti-nya, namun oleh sa-tengah2 wartawan, kedua istilah itu di-tafsirkan sa-chara berlainan.

Newspaperman arti-nya "orang suratkhabar".

Yang demikian tentu-lah, menurut pertimbangan kami, tidak ada perbedzaan antara kedua perkataan tersebut, malah sama ada di-panggil "journalist" atau "newspaperman", wartawan-lah yang di-maksudkan-nya.

Tetapi mari kita sama2 mendengar pendapat wartawan2 ini terhadap kedua istilah itu. Apa-kah pendapat mereka terhadap "journalist" dan apa-kah pula pentafsiran mereka terhadap perkataan "newspaperman"?

JULIAN RALPH, dalam buku-nya "The Making of A Journalist", berkata dia lebeh suka istilah "newspaperman" daripada istilah "journalist" untok di-pakai bagi

memaksudkan "wartawan". Kata-nya: "Istilah itu lebih lohor dan modern daripada perkataan "journalist".

MARLEN E. PEW, pengarang penerbitan "Editor and Publisher" (New York), berkata bahawa perkataan "newspaperman" lebih suka di-pakai di-Amerika Shari-kat semenjak bertahun2 yang lampau. "Saya lebih suka menggunakan perkataan "journalist" daripada "news-paperman", kata-nya, kerana sa-orang "newspaperman" tidak sa-mesti-nya sa-orang yang bertugas sa-bagai "war-tawan".

Sekarang kembali-lah kita kapada arti perkataan "wartawan" itu sendiri. Apa-kah arti-nya wartawan, apa-kah tugas-nya dan syarat2 apa-kah sa-orang itu layak di-panggil wartawan. Ada-kah tiap2 orang yang bekerja dalam sa-buah perusahaan suratkhbar itu di-panggil wartawan. Katakan mereka itu kerani atau pun pegawai penerima iklan atau pun pegawai kira2 dalam perusaha-an akhbar, boleh-kah mereka ini di-panggil wartawan juga? Atau ada-kah wartawan hanya orang2 yang bekerja dalam Jabatan Pengarang (Editorial Department) suratkhbar itu sahaja?

Ini-lah yang menjadi masa'alah kapada banyak wartawan2 dunia hingga sekarang ini. Dan ini-lah juga problem yang hingga sekarang ini masih sukar untuk di-atasi oleh kaum wartawan, dan kerana itu masing2 wartawan membuat pentafsiran-nya sendiri terhadap arti-nya istilah itu.

Kita sendiri mempunyai pentafsiran yang tersendiri untuk perkataan "wartawan" tersebut. Kami yakin ini-lah sa-tepat2 pentafsiran yang boleh di-buat untuk perkataan itu.

Menurut pendapat kami, perkataan "wartawan" berarti.....
MANUSIA YANG MATA PENCHARIAN-NYA DENGAN MENULIS ATAU MENGARANG (berita atau rencana) UNTUK SA-BUAH AKHBAR, MAJALLAH ATAU PENERBITAN2 LAIN.

Dengan pentafsiran ini, berarti-lah bahawa kami hanya me-ngakui sa-bagai "wartawan" orang2 yang bertugas dalam Jabatan Pengarang sahaja, sama ada mereka itu pemberita, pengarang atau pun penulis.

Kakitangan lain yang bekerja dalam jabatan2 lain dalam suratkhbar itu, yang demikian, tidak boleh di-sifatkan sa-bagai "wartawan".

Tetapi apa-kah pula pendapat wartawan2 lain terhadap artinya perkataan ini. Ada-kah mereka sa-pendapat dengan kami atau tidak, ikuti-lah pendapat2 mereka di-bawah ini:

Pengarang kamus "Oxford Dictionary": Wartawan ia-lah sa-orang manusia yang bertugas sa-bagai penulis atau pengarang bagi sa-buah penerbitan.

T.H.S. Escott dalam buku-nya "Masters of Journalism": Wartawan ia-lah sa-orang yang berusaha mempe-ngaruhi fikiran masharakat untok satu2 haluan dengan chara menulis dalam penerbitan2..."

Hugh Chisholm dalam "Encyclopaedia Britannica" naskah ke-11:

Kewartawanan tidak boleh di-bataskan pada kerja2 mereka yang menulis dan mengarang untok surat-khabar sahaja. Kewartawanan harus termasuk juga kerja2 yang berchorak intelektual yang di-lakukan untok menjayakan penerbitan sa-buah suratkhabar itu.

Demikian pendapat tiga orang ahli bahasa terhadap istilah "wartawan" itu. Dan kita perchaya pendapat2 itu, walau pun berbeza satu sama lain, a k a n membolehkan saudara membuat pentafsiran saudara pula atas perkataan itu. Apa pun juga pendapat orang terhadap arti "wartawan" yang sa-benar, tentu-lah t i d a k terseleweng daripada maksud bahawa "wartawan" ia-lah "orang yang bertugas menchari, mengumpul dan mengedarkan perkhabaran kepada umum".

Memperkatakan soal "wartawan", saudara2 tentu terheret kapada memikirkan soal2 y a n g mengenai persuratkhabaran sa-haja. Tadi telah kami katakan bahawa wartawan ia-lah orang yang mata pencharian-nya dengan menulis, mengarang dan sa-bagai-nya untok sa-buah akhbar, majallah, atau penerbitan2 lain-nya.

Perlu di-nyatakan di-sini bahawa renchana atau berita yang di-tulis oleh wartawan2 itu tidak sa-mesti-nya di-siarkan melalui kertas suratkhabar. Untok pemberita atau wartawan yang be-kerja di-suratkhabar, hasil tulisan-nya itu tentu-lah tersiar melalui suratkhabar.

Tetapi untok wartawan2 yang bertugas dengan radio atau television, yang hasil tulisan-nya tidak dapat di-siarkan melalui

kertas, maka media penyebaran yang di-gunakan ia-lah dengan radio atau television itu sendiri. Dengan ini berarti-lah bahawa wartawan2 tidak sa-mesti-nya berkhidmat dengan perusahaan akhbar sahaja, malah boleh juga berkhidmat dengan perkhidmatan2 radio atau television.

Radio Malaya mempunyai satu jabatan khas untuk mengendalikan soal2 yang mengenai pemberitaan. Jabatan ini, yang dipimpin oleh Inche Hashim Hassan, bekas wartawan Utusan Melayu, mempunyai sidang pengarang-nya sendiri, yang terdiri dari para pemberita dan sub-editor. Tugas mereka sama dengan tugas yang di-lakukan oleh wartawan2 di-suratkhabar, menchari, mengumpul, menyusun dan menyiarkan pelbagai berita, baik yang mengenai negeri ini sendiri, mahu pun yang datang dari luar negeri melalui sharikat2 berita kawat asing.

Demikian juga hal-nya kapada wartawan2 yang bekerja di-sharikat2 television. Oleh kerana negeri kita belum mempunyai perkhidmatan television, maka sukar untuk kita memperkatakan soal ini dari segi kewartawanan, dan sukar pula untuk saudara2 memahaminya. Tetapi barang-kali perlu juga untuk kami terangkan tentang apa yang di-namakan television, dan apa-kah perbezaan-nya dengan perkhidmatan radio.

Radio, hanya dapat kita dengar. Television bukan sahaja boleh di-dengari suara dan bunyi yang di-laungkan-nya itu, malah boleh di-lihat juga orang2 yang melahir-kan suara-nya itu. umpama-nya, untuk siaran warta berita-nya, kita akan dapat menyaksikan wajah pembacha-nya itu dengan terang dan nyata, sa-olah2 kita menyaksikan wayang gambar pula. Television ada-lah chip-taan baharu yang di-chapai oleh kepandaian manusia modern, satu kemajuan sains yang belum di-praktikan lagi di-negeri ini.

Kewartawanan ada-lah satu lapangan hidup (profession) yang penting dan mulia. Kenyataan ini di-akui juga oleh Tuan Ramsay MacDonald, sa-orang wartawan yang menjadi Perdana Menteri Inggeris dalam tahun 1924 dahulu.

Wartawan bertugas mengumpul, merumus dan "mengadun" pelbagai perasaan dan pendapat yang lahir dalam satu2 masyarakat untuk membena satu fikiran umum yang sihat, bertanggung jawab dan nyata. Tanggong jawab itu di-laksanakan melalui tulisan2-nya yang berbentuk berita atau renchana, yang oleh umum di-jadikan bahan bacaan-nya sa-tiap hari.

BAB KEDUA:

SIFAT2 WARTAWAN

Peri besar-nya pengaruh persuratkhabaran terhadap masharakat, ada-lah satu kenyataan yang tidak boleh di-tolak oleh sa-siapa pun. Dan ini-lah sebab-nya maka kaum wartawan sentiasa di-sanjong tinggi oleh segala perengkat masharakat, miskin atau kaya, tua atau muda, lelaki atau wanita.

Lord Rosebery menyatakan dalam tahun 1913: "Saya akui kekuatan persuratkhabaran. Saya yakin terhadap pengaruh dan kemuliaan persuratkhabaran. Dan saya lebeh yakin lagi terhadap tanggung-jawab persuratkhabaran."

Mengingat besar-nya tanggung-jawab sa-orang wartawan terhadap bangsa dan nusa, tanah ayer dan negara, maka perlu-lah untuk sa-orang wartawan itu mempunyai sifat2 di-bawah ini:

1. **JUJOR:** Jujur dalam membuat berita. Jangan menokok atau menambah. Laporan apa yang berlaku. Dalam hubungan ini, menurut hemat kami, sa-orang wartawan yang tulen harus terlepas dari segala parti politik. Hanya wartawan yang tidak menyertai sa-barang parti politik sahaja, dapat menulis berita yang jujur dan tidak berat sa-belah.
2. **KUAT KERJA:** Sanggup mengorbankan sa-penoh waktu untuk akhbar yang di-khidmati-nya. Tidak boleh mengira letch atau penat, malam atau siang. Sanggup bekerja dengan sa-penoh kesanggupan demi kepentingan akhbar-nya.
3. **CHERDAS:** Harus cherdas. Chepat menchium berita. Selalu menggunakan daya utama (inisiatif) menchari berita dan sa-bagai-nya. Sanggup membuat pertimbangan sendiri terhadap nilai satu2 berita.
4. **RAMAH:** Mesti ramah. Mendekatkan diri kapada masharakat, istemewa kapada pehak2 yang selalu dapat di-jadikan sumber berita yang baik.

Demikian empat sifat yang penting yang harus di-miliki oleh kaum wartawan. Banyak lagi sifat2 lain yang harus ada pada wartawan, tetapi kerana kurang penting-nya, kami rasa tidak-lah mustahak untuk di-sebutkan juga dalam halaman ini.

Wartawan2 pernah di-katakan lebeh mementing-kan tugas-nya daripada famili-nya di-rumah. Walau pun sukar untuk sa-barang wartawan menerima tuduhan itu begitu sahaja, namun tuduhan itu mungkin benar pula. Dari pengalaman kami berkhidmat di-sabuah suratkhbar bahasa kebangsaan yang terbit di-Kuala Lumpur, pernah kami alami sa-orang wartawan kanan datang ka-pejabat pada pukul 10 pagi dan kembali pada pukul 9.30 malam.

Dengan itu berma'na bahawa wartawan tersebut menghabiskan masa-nya sa-tiap hari sa-lama hampir 12 jam di-pejabat, dan hanya beberapa jam sahaja untuk dapat bermain2 dengan anak2 nya di-rumah, satu hal yang membuktikan kebenaran kenyataan yang di-sebutkan di-atas tadi.

Hidup wartawan tertumpu sa-penoh-nya untuk kepentingan akhbar yang di-khidmati-nya, demi kepentingan bahasa dan tanah ayer. Kalau manusia lain boleh bersiar2 di-taman bunga pada hari Ahad dan hari2 kelepasan lain-nya, manusia wartawan tidak demikian pula hal-nya. Kalau manusia lain boleh bergembira menyaksi-kan temasha itu dan ini pada hari2 kebesaran, sa-perti Hari Merdeka umpama-nya, manusia wartawan akan bergembira dengan pena-nya sa-haja di-pejabat tempat mereka bekerja.

UTUSAN MELAYU DAN BERITA HARIAN

Bagaimana hendak membuat berita kalau sekira-nya saudara sa-orang pemberita? Bagaimana hendak merengkaskan berita dan lain2 kalau sa-kira-nya saudara sa-orang sub-editor (penyunting)? Bagaimana-kah keadaan pelajaran sa-buah pejabat suratkhbar di-Malaya?

Dan banyak lagi pertanyaan lain yang perlu saudara ketahui kalau sekira-nya saudara benar2 ingin menjadi sa-orang wartawan.

Baik-lah untuk pengetahuan saudara, izinkan kami cheritakan serba ringkas chara2 pejabat suratkhbar di-jalan-kan. Oleh kerana saya pernah bekerja di-Berita Harian dan pernah berkhidmat pula sa-bagai Sub-Editor Berita Luar Negeri dan Bahagian RENCHANA KHAS Utusan Melayu, saya rasa elok-lah bagi saya

menerangkan chara2 pentadbiran, terutama dalam bahagian pengarang kedua2 suratkhbar tersebut — Berita Harian dan Utusan Melayu.

Akhbar Berita Harian ada-lah kepunyaan sharikat Straits Times Press Limited. Maka itu Berita Harian boleh-lah di-kata-kan satu2-nya akhbar Melayu yang menggunakan tulisan Rumi.

Akhbar Utusan Melayu, yang semenjak keluaran sulong-nya lagi menggunakan tulisan Jawi, hingga sekarang maseh lagi menggunakan tulisan tersebut. Banyak berita2 baharu yang di-bentangkan oleh Utusan Melayu, tetapi tidak di-siarkan oleh akhbar2 Melayu yang lain. Banyak renchana2 hangat yang di-siarkan oleh Utusan Melayu, tetapi tidak di-hidangkan oleh akhbar2 lain.

Tidak-lah berlebehan rasa-nya kalau s a y a katakan bahawa Utusan Melayu, yang telah m u l a i melahirkan diri pada tahun 1939, layak di-namakan akhbar Melayu yang utama sa-kali di-Tanah Melayu sekarang.

Lebih penting dari itu ia-lah bahawa Utusan Melayu ada-lah kepunyaan orang2 Melayu sendiri, di-tadbir dan di-usahakan oleh bangsa Melayu seluroh-nya.

Ibu pejabat Berita Harian terletak di-Pudu Road, Kuala Lumpur. Pejabat-nya besar dengan kakitangan yang ramai sakali, terdiri dari segala bangsa dan kaum. Berita2 penting yang di-siarkan oleh Berita Harian sa-tiap hari terdiri dari berita2 yang di-terjemah-kan terus dari Straits Times dan ada pula yang di-kirim terus oleh para pemberita Berita Harian sendiri dari kampong2 dan daerah di-seluruh cherok rantau Tanah Melayu.

Satu masa dahulu, bahkan di-Jakarta sa-kali pun Berita Harian mempunyai pemberita khas-nya. Sebab itu-lah Berita Harian di-masa y a n g lampau dapat menghidangkan renchana2 hangat tentang Indonesia yang tidak dapat di-siarkan oleh akhbar lain.

Walau pun Berita Harian mempunyai sumber berita yang banyak, Berita Harian lebih utamakan berita2 yang sesuai dengan pembacaan orang2 Melayu kita. Berita2 mahkamah shari'ah, berita2 kempen pilihan raya dan lain2 tidak ketinggalan menelorkan diri dalam muka2 Berita Harian sa-tiap hari.

Utusan Melayu pula, yang sa-bilangan besar pembacha-nya terdiri dari penduduk2 kampong, nampak-nya sangat mengutamakan berita2 dan renchana2 yang di-fikirkan layak untok pemba-

chaan orang2 kampung. Masa'alah yang di-hadapi oleh Utusan Melayu dalam bidang memilih berita dan rencana tidak sama dengan masa'alah yang mungkin di-hadapi oleh Berita Harian.

Sa-tiap berita dan rencana untok siaran Utusan Melayu harus di-fikir, di-timbang dan di-tinjau dari segala segi dan bidang untok dapat di-putuskan layak untok menjadi hidangan orang2 kampung.

Bagaimana-kah berita2 itu di-putuskan sama ada layak atau tidak layak, akan kami terangkan lebeh lanjut lagi dalam halaman yang akan datang.

BERITA DAN FEATURE

Siaran yang di-hidangkan oleh surat2khabar tiap2 hari adalah terdiri dari dua jenis. Satu jenis yang di-panggil "feature" atau "reencana", satu jenis lagi di-panggil "berita".

Hidangan yang di-panggil "feature" itu termasuk-lah ruangan2 seperti rencana pengarang (editorial), rencana2 biasa yang di-tulis oleh anggota2 sidang pengarang itu sendiri atau pun orang2 luar, ruangan2 wanita, pemuda, kanak2, ruangan agama, halaman Perajurit, ruangan2 Pa' Nujum, Pa' Belalang, ruangan pojok sa-perti "Bajang" dan sa-bagai-nya, halaman2 sajak, cerpen dan halaman2 lain yang menggunakan pelbagai nama dan tajok.

Jenis "berita" pula tergolong soal2 pemberitaan. Berita2 pula terdiri dari pelbagai jenis dan chorak. Ada berita mahkamah, ada berita tentang soal2 kemasyarakatan, ada berita2 jenayah, perkahwinan, kematian, ada berita2 politik, ekonomi, perdagangan dan sebagainya.

Oleh kerana kewartawanan sa-bahagian besar-nya tertumpu pada soal pemberitaan, maka baik-lah kalau se-kira-nya di-terangkan serba sedikit tentang perkara ini.

Pengarang2 yang menjaga muka (sub-editor) menerima berita2 dari pemberita2 dari seluruh tanah ayar, di-samping berita2 yang di-kutip sendiri oleh pemberita2 dalam bandar Kuala Lumpur.

Berita2 yang kurang penting-nya di-kirim oleh pemberita2 daerah dengan surat. Umpama-nya berita2 tentang sungutan orang2 kampung terhadap itu dan ini, atau perjumpaan ramai mera'ikan sa-orang guru berpindah ka-lain tempat dan sa-bagai-

nya. Berita2 itu boleh di-katakan kurang penting. Kadang2 dipakai, kadang2 di-singkirkan sahaja oleh sub-editor2 tadi.

Tetapi berita2 yang penting yang datang dari bandar2 besar sa-perti Ipoh, Pulau Pinang dan Singapura di-kirim melalui kawat. Bagi akhbar2 kumpulan Straits Times, termasuk suratkhbar Berita Harian, berita2 tersebut di-terima melalui mesin2 yang di-namakan teleprinter. Mesin2 teleprinter ini menyambungkan pejabat Berita Harian di-Kuala Lumpur dengan pejabat2 Berita Harian di-bandar2 tadi.

Akhbar Utusan Melayu pula hanya mempunyai perhubungan mesin sa-umpama itu antara pejabat-nya di-Kuala Lumpur dan Singapura. Yang demikian berita2 yang datang daripada Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Trengganu, Kota Baharu dan sa-bagai-nya terpaksa-lah di-kirim melalui taligram sa-chara "Collect Press".

Dengan menggunakan chara "Collect Press" ini, pembayaran yang di-kenakan ada-lah lebih murah daripada sa-chara bayaran taligram biasa. Yang demikian semua surat2khabar yang tidak mempunyai mesin2 teleprinter ada-lah menggunakan "Collect Press".

MESIN TELEPRINTER

Sekarang berbalek-lah kita kepada soal mesin teleprinter. Saudara2 tentu-lah ingin mengetahui apa yang di-namakan mesin "teleprinter" itu dan bagaimana-kah mesin tersebut menjalankan tugas-nya sa-tiap hari.

Ada pun mesin teleprinter itu sama-lah tugas-nya seperti taligram. Cepat perjalanan-nya. Kalau berita itu di-kirim dari Ipoh pada pukul 4 petang tepat, akan sampai di-pejabat surat2khabar yang berkenaan itu (di-Kuala Lumpur) sa-saat lepas itu. Begitu juga berita2 yang di-kirim dari Singapura, Pulau Pinang dan sa-bagai-nya.

Rupa teleprinter itu sama-lah besar-nya dengan mesin taip yang besar. Bentuk-nya pun sama dan sa-rupa, mempunyai "keyboard", alat2 pemetek dan sa-bagai-nya. Kalau pun ada perbezaan antara mesin2 itu ia-lah bahawa mesin teleprinter di-jalankan dengan kuasa elektrik sementara mesin typewriter pula tidak di-hubongi dengan kuasa elektrik. Untuk sa-orang juru-teleprinter mengutuskan satu berita, katakan dari Ipoh ka-Kuala Lumpur, a t a u pun dari Singapura ka-Kuala Lumpur, m a k a dia ha-nya

melaipkan berita tersebut seperti mentaip surat pada mesin typewriter yang biasa.

Segala hasil perutusan yang di-taip itu akan di-terima masa itu juga di-pejabat tempat di-kirim-nya berita itu.

Teleprinter boleh di-gunakan oleh kedua2 belah pihak. Umamanya juru-teleprinter di-Singapura boleh mengutuskan apa2 berita untuk Kuala Lumpur, dan juru-teleprinter Kuala Lumpur pula boleh mengutuskan apa2 perutusan untuk Singapura.

Untuk supaya satu2 pihak tidak akan berlaga menggunakannya pada waktu yang sama, maka juru2-teleprinter itu mempunyai peratoran2 yang khas mesti di-ikuti.

Dengan menerusi alat2 teleprinter dan lain2, maka sa-tiap hari banyak-lah berita2 yang datang kepada pengarang2 di-pejabat suratkhbar. Lain yang datang melalui teleprinter, lain lagi yang di-datangkan dengan surat. Lain pula yang di-buat oleh pemberita2 Kuala Lumpur sendiri. Ta' terkira banyak-nya berita2 itu. Sub-editor itu-lah yang menimbangkan penting ta' penting-nya satu2 berita. Kalau berita itu di-anggap penting, banyak-lah bahan2 daripada-nya di-gunakan, tetapi kalau kurang penting-nya, hanya sedikit sahaja yang di-pakai. Yang lain2 akan di-buang sahaja.

Usaha menimbangkan penting ta' penting-nya berita itu adalah satu tugas yang susah sa-kali. Sub-editor mesti terdiri dari sa-orang wartawan yang mahir dalam soal ini, ia-itu yang telah berpengalaman berpuluh2 tahun sa-bagai sa-orang wartawan.

Bagaimana pun, un t o k menjawat jawatan itu, si-wartawan tadi mesti lebeh dahulu menjadi sa-orang pemberita, kerana pemberita ada-lah langkah pertama bagi orang y a n g ingin mengchempong ka-dalam lembah kewartawanan.

Sa-orang pemberita mempunyai tanggung jawab yang besar kepada masyarakat. Menjadi kewajipan-nya yang pertama bahawa berita2 yang di-buat-nya itu mesti-lah terdiri dari kenyataan2 yang sa-benar, bukan rekaan2-nya sendiri. Kalau sekira-nya pemberitaan-nya itu rekaan-nya sahaja, maka berma'ana dia t e l a h menchabul undang2 ke-wartawanan, kerana sa-orang wartawan mesti mempunyai sifat yang jujur dan lohor.

Apa yang di-nampak-nya itu-lah yang di-jadikan bahan dalam membuat berita itu, bukan apa yang di-reka2 dalam fikirannya.

SAMAD ISMAIL DAN ZABHA

Banyak orang telah tertanya2 tentang sifat sa-orang wartawan. Ada-kah wartawan mempunyai chara hidup-nya sendiri, dan kerana itu mempunyai sifat2 yang tersendiri? Ada-kah wartawan harus berchampur dan bergaul dengan orang2 atasan sahaja atau orang2 yang datang dari golongan2 tertentu? Ada-kah wartawan itu sama hidup-nya dengan manusia2 lain atau pun chara atau aliran hidup-nya mempunyai chorak dan bentok yang khas dan istimewa?

Untuk menjawab pertanyaan2 itu terpaksa-lah saya mengemukakan beberapa chontoh yang langsung kerana hanya dengan chontoh2 yang langsung sahaja-lah dapat sa-suatu penerangan itu di-fahami dengan baik dan mudah.

Sa-benar-nya kaum wartawan tidak mempunyai chara hidup yang tersendiri. Saperti juga golongan manusia yang lain, demikian pula-lah kaum wartawan, mereka mempunyai sifat2 seperti orang2 lain, bahkan dalam soal ini pun tidak dapat persamaan antara sa-sa-orang wartawan dengan sa-sa-orang wartawan yang lain, baik dalam segi peribadi-nya mahu pun dalam lapangan2 hidup yang lain.

Sa-tengah2 wartawan pendiam layak-nya, ta' mahu menegor orang lain kechuali di-tegor dahulu oleh orang lain. Sa-tengah2 wartawan keletah pula layak-nya, ramah tamah dan pantang di-sapa. Sa-kali di-sapa, sa-ribu kali di-layan. Dalam soal ini sahaja dapat kita menentukan bahawa antara wartawan dengan wartawan memang tidak dapat sa-suatu yang di-panggil persamaan.

Sa-bagai chontoh mari-lah kita mengenal dengan dua orang pengarang suratkhbar Melayu yang terkemuka — Berita Harian dan Utusan Melayu.

Saudara Samad Ismail, dahulu-nya menjadi timbalan Pengarang Utusan Melayu, sekarang ada-lah Ketua Pengarang Berita Harian.

Samad pernah mengikut rombongan merdeka ka-London beberapa tahun dahulu ketika Tengku Abdul Rahman memimpin

rombongan yang pertama ka-Britain untok merundingkan soal kemerdekaan. Dan Samad juga pernah di-kirim ka-Jakarta oleh Utusan Melayu sa-bagai wakil-nya.

Samad Ismail pernah di-anggap oleh wartawan2 Melayu sa-Malaya sa-bagai salah sa-orang wartawan yang ulong. Orang-nya kurus, berchermin mata, kadang2 pendiam juga layak-nya. Dia suka berbual dengan orang2 yang di-kenali-nya sahaja.

Saperti tadi-nya di-katakan bahawa dia ada-lah sa-orang daripada wartawan2 Melayu yang ulong, maka sa-penoh masa-nya hanya di-habiskan di-pejabat-nya. Di-Berita Harian, pagi2 lagi sudah dia datang ka-pejabat, ia-itu kira2 pukul 10 pagi.

Dia kembali sa-telah berita utama untok muka satu Berita Harian untok keluaran esok-nya telah di-terima oleh pejabat Berita Harian. Biasa-nya berita2 utama yang di-terima oleh akhbar itu tiba-nya pada pukul 8 malam.

Abdul Samad Ismail telah mengechemponangkan diri dalam lapangan persuratkhabaran semenjak ia meninggalkan bangku sekolah lagi. Bahkan pengalaman-nya dalam persuratkhabaran Melayu boleh di-katakan kira2 20 tahun lama-nya. Ketika wartawan2 Melayu di-Singapura menubuhkan persatuan-nya — Persatuan Wartawan Melayu Singapura — Samad telah di-pilih sa-bagai presiden-nya yang pertama.

Soal baik-kah sa-sa-orang wartawan itu memasoki gelanggang politik, ada-lah satu soal yang rumit. Sa-tengah2 wartawan yang ulong berkata untok menjadi sa-sa-orang wartawan yang baik dan tulen, ia mesti-lah melepaskan diri-nya dari segala party politik, ia-itu tidak menyertai baik sa-chara aktif atau pun tidak aktif dalam satu2 pertubohan politik.

Tetapi untok Samad Ismail, semenjak dahulu lagi memang chenderong dalam lapangan politik. Dia ia-lah salah sa-orang pengasas Parti Tindakan Ra'ayat (PAP) di-Singapura pada tahun 1954, tetapi pada tahun 1958 telah lepas pula dari parti itu untok mencheborkan diri dalam UMNO.

Menurut hemat saya sendiri, dari pergaulan sa-hari2 sa-masa saya bekerja sa-bagai sa-orang anggota sidang pengarang Berita Harian (July 1957 hingga July 1960), Samad ia-lah sa-orang wartawan yang chergas dan cherdas. Dia mempunyai kebolehan menterjemah baik dari Inggeris ka-Melayu mahu pun sa-balek-nya

dan boleh memimpin satu2 akhbar itu dengan chekap dan baik.

RIWAYAT INCHE ZABHA, PENGARANG UTUSAN MELAYU.

Sekarang mari-lah kita berkenal pula dengan Saudara Zainal Abidin bin Haji Alias, yang juga terkenal sa-bagai "ZABHA", pengarang Utusan Melayu sekarang.

Zabha ia-lah wartawan Melayu yang tertua sa-kali dan paling lama sa-kali berkhidmat sa-bagai wartawan suratkhabar ketika ini. Dia telah masok Utusan Melayu semenjak keluaran sulong-nya, dan sa-belum itu telah menjadi sa-orang anggota sidang pengarang Warta Malaya, suratkhabar yang terkemuka di-Tanah Melayu sa-belum Utusan Melayu lahir.

"Menoleh ka-belakang kapada pengalaman2 yang di-tempoh selama dekat 25 tahun dalam lapangan kewartawanan, maka saya merasa untong," demikian Inche Zabha, pengarang Utusan Melayu sekarang, menyatakan dalam satu renchana yang pernah ditulis-nya dalam sa-buah majallah.

Z a b h a telah di-angkat sa-bagai pengarang Utusan Melayu oleh Inche Ibrahim Fikri, bekas managing-director sharikat itu, pada masa pekerja2 akhbar tersebut melancharkan mogok dalam bulan July tahun 1961.

Dia telah menjadi wartawan dekat 25 tahun, bermula dari sa-orang pemberita daerah, kemudian pemberita khas dan akhirnya sa-bagai sub-editor, dan sekarang sa-bagai pengarang atau editor.

Dia telah masok Utusan Melayu semenjak Utusan Melayu melahirkan keluaran sulong-nya pada bulan May tahun 1939. Semenjak itu, belum sa-hari pun dia mengundorkan dari daripada sharikat tersebut, hingga-lah ka-masa ini.

Dalam renchana itu, Inche Zabha berkata: "Saya merasa beruntong kerana dari semenjak mula saya berlateh sa-bagai wartawan membawa-lah kapada sekarang, saya hanya bekerja dengan dua buah sharikat suratkhabar yang besar sa-kali — dengan akhbar "Warta Malaya" dan dengan "Utusan Melayu". Bukan pula arti-nya saya hendak menyombong tetapi sa-bagaimana saya kata tadi, barangkali juga kerana telah tersurat bagitu.

"Sa-perkara lagi, saya tidak pula bersekolah tinggi. Di-Sekolah Melayu saya hanya lulus darjah empat. Di-Sekolah Inggeris hanya meningkat ka-darjah lapan sahaja. Sa-bagai tambahan, saya juga dapat didekan sekolah Arab.

"Bagitu pun lama sudah saya di-dalam suratkhobar, masch lagi saya malu2 asam, dan chemas kalau2 ta' boleh membuat sa-suatu pekerjaan yang di-hadapi. Barangkali perasaan ini di-sebabkan oleh keinsafan bahawa dua puluh lima tahun belum memadai dalam ukoran hidup sa-orang wartawan".

Zabha kemudian mencheritakan bahawa masa dia mula2 sa-kali datang ka-Cecil Street (pejabat Utusan Melayu di-Singapura — tempat Utusan Melayu di-chetak pada masa sa-belum ibu pejabat-nya berpindah ka-Kuala Lumpur) kerana di-panggil dari kampung untok bekerja sa-bagai sa-orang anggota sidang pengarang "Warta Malaya", "saya telah datang dengan bersongkok dan berpakaian coat satu suit — betul2 gaya orang Johor."

(Zabha berasal dari sa-buah kampung di-Muar).

"Saya lihat pengarang2 yang baru datang — waktu itu baharu pukul sa-puluh — membawa buku2 besar belaka. Makin chemas hati saya. Wah! susah betul nampak-nya na' menjadi pengarang, fikir saya."

Zabha kemudian telah memperbualkan pula tentang pengalaman2-nya masa baru menjadi pemberita. Dia berkata bahawa dia telah disuruh mengambil berita di-satu majlis sharahan di-Town Hall, Singapura, atas soal University Malaya. Captain Nor Mohd. Hashim telah bersharah dalam bahasa Inggeris dan Dr. Hassan Aljunid menjadi pegerusi-nya.

Kata Zabha: "Kerana ucapan itu telah lebeh dahulu kami terima dan sudah pun di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu, saya pun datang pura2 ambil chatatan sahaja.

"Esok-nya sharahan itu tersiar dengan penoh. Kerana pada masa itu orang Melayu belum berapa damping dengan suratkhobar, maka banyak juga teman2 yang bertanya bagaimana agaknya saya mengambil semua ucapan yang dalam bahasa Inggeris itu dan di-terjemahkan di-situ juga ka-dalam bahasa Melayu.

"Mereka sangka saya tulis dalam trengkas," tegas Zabha.

Yang mereka tidak tahu, kata Zabha, dua hari sa-lepas itu Captain Hashim datang ka-pejabat mengadu bahawa terjemahan

saya tidak betul. "Mujur Abdul Rahim Kajai mempertahankan saya."

Zabha kemudian mengalehkan cerita-nya kepada soal "Dorothy Lamore". Kata-nya: "Saya kenal dengan Dorothy Lamore pun bukan baharu. Di-Muar saya jarang menonton wayang. Tiba2 datang ka-Singapura, di-suruh menonton "Dorothy Lamore" dengan membuat berita-nya sa-kali. Tidak-kah kelam-kabut saya di-buat-nya?"

"Esok-nya saya buat berita menyatakan bahawa gambar "Puteri Rimba" itu terlalu panjang kalau hendak di-cheritakan. Ada buaya, ada harimau, ada ular, ada monyet — kata saya — tetapi kalau mahu tahu lebeh lanjut, sila-lah datang ka-Pangpong Capitol (Singapura). Mudah sahaja, bukan?"

Dalam pengalaman2-nya sabagai sa-orang pemberita, Zabha tidak akan ketinggalan mencheritakan sa-buah majlis perjumpaan di-Singapura. Berikut ini ada-lah huraian-nya:

"Dah pandai sedikit kerana telah hampir sa-tahun tinggal di-kota besar Singapura, saya pun berani-lah keluar ka-tengah2 majlis yang lebeh ramai.

"Pada suatu hari saya menghadhiri perayaan maulud nabi di-Sekolah Aljunid, Singapura. Perayaan di-mulakan pada pukul 10 pagi sampai enam petang. Saya sampai pukul 2 tengah hari. Jamuan makan untuk orang ramai telah di-mulakan pukul 10 membawa-lah sampai pukul 1 tengah hari tadi-nya.

"Saya kata kepada sa-orang jawatankuasa di-situ: 'Ta' ramai orang tahun ini, ya?' Jawab-nya: 'Ah, begitu-lah orang Melayu.....waktu makan ramai,...waktu bacha maulud...lari! Saya pulang ka-pejabat, membuat berita saperti biasa sahaja tetapi sa-sudah-nya itu saya bercherita-lah kepada Abdul Rahim Kajai cha-kap pegawai tadi.

"Kajai pun hentak2kan tangan-nya. Kata-nya sa-paroh menjerit dan sa-paroh gembira: "Ini-lah news". Lalu di-buang-nya kertas berita saya tadi, minta kopi oh pekat2 sa-mangkok lagi, lalu menulis. Esok-nya terbentang dengan huruf2 kasar berita di-buat oleh Abdul Rahim Kajai sendiri. Bagini berita-nya:] "Orang Melayu waktu makan ramai, waktu bacha maulud cha-but".

Menurut Zabha sa-lepas itu dia telah dengar chakap2 kechil di-Kampung Jawa (sa-buah daerah orang Melayu di-tegah2 bandar Singapura terletak di-sekitar Masjid Sultan sekarang ini), mengatakan bahawa orang2 suratkhbar pandai membuat2 perkara yang bukan2. Bagitu pun perkara itu tidak pula di-nafikan.

Zabha kemudian berpaling pula kapada zaman muda2-nya dahulu menjadi wartawan. Dia berkata bahawa waktu dia bekerja dahulu, pengarang2 (sa-belum perang dunia pertama) tidak-lah bagitu bebas tentang penggunaan perkataan dan istilah.

Perbendaharaan kata2 Melayu terlalu terbatas dan terhad. Ahli2 bahasa ketika itu maseh takut2 dan segan2 untok mengambil perkataan2 baharu untok di-pakai dalam bahasa Melayu. Mungkin kerana itu-lah perbendaharaan kata2 Melayu pada masa sekarang tidak-lah sa-bagitu meluas dan banyak saperti bahasa Indonesia, yang juga serumpun dengan bahasa Melayu.

Zabha berkata: "Saya terpaksa mengikut menggunakan perkataan yang telah sedia di-tentukan. Saperti perkataan "Yang Mulia" mesti di-gunakan pada orang2 Syed. Kapada kerajaan, di-pakai perkataan tambahan saperti "Yang Maha Adil, bertimbang rasa lagi saksama", dan pada penganjor di-gunakan perkataan "penganjor yang terkenal dan terbilang", dan sa-bagai-nya.

Inche Zabha berkata bahawa pada tahun 1938 dia telah ditugaskan untok mengambil berita meshuarat negeri Johor. Walau pun saya anak Johor, kata-nya, pening juga kepala saya masuk ka-dalam dewan undangan itu bagi pertama kali-nya. "Kesempatan yang diberi kapada pemberita untok dudok di-meja wartawan, bagaimana pun, telah menguatkan semangat saya. Itu-lah juga saya mula2 melihat Dato Onn semenjak dia balek semula ka-Johor.

"Oleh kerana pada masa itu saya maseh hijau lagi, saya kira berita2 meshuarat itu mesti di-siarkan sa-chara lengkap. Saya pun tunggu-lah hingga meshuarat itu habis."

Pada masa itu Utusan Melayu di-terbitkan pada pukul 12 tengah hari. Meshuarat pukul 10 pagi di-mulakan dan selesai pukul 11.30.

Bila balek ka-pejabat, Abdul Rahim Kajai tanya mengapa tidak saya talipon tadi memberi berita2 meshuarat itu serba sedikit bagi di-gunakan sa-bagai "Stop Press", saya jawab: "Saya ingat

berita2 itu ta' boleh di-pechah2kan." Abdul Rahim Kajai tersengoh sahaja: "You...ni...macam pengantin baharu sahaja. Ta' pandai kelechek2"....., demikian Zabha menerangkan.

Sa-belum Utusan Melayu lahir, kebanyakan daripada tokoh2 wartawan zaman itu ada-lah orang2 yang bukan sa-penoh-nya berdarah Melayu. Kerana itu, kewartawanan Melayu jelas sa-kali chondong kapada chorak ke-Araban. Istilah2 yang di-pakai hampir semua berbau Arab, dan gaya bahasa pun boleh di-katakan ala-Arab.

Dalam hubongan ini, Zabha mempunyai kata2 ini untok di-terangkan:

"Entah saya kerja dengan Arab, atau kerana saya belajar Arab, tulisan saya waktu itu berat ka-Arab. Saya menulis menggunakan perkataan2 saperti makallah, natijah, pardhu, maudu', akibah, i'tiraf, jema'ah, sahibul fadzillah dan lain2 perkataan yang berat untok di-sebut oleh orang2 Melayu kita.

"Baharu-lah di-Utusan Melayu bila saya dan Ishak Haji Mohammad (sekarang ketua Socialist Front) pindah dari "Warta Malaya", maka kami gunakan perkataan2 saperti "makallah" di-ganti dengan "renchana", "natijah" di-gantikan dengan "kesudahan" atau "keputusan", "maudu'" di-ganti dengan "hantaran" dan "sahibul-fadzillah" di-ganti dengan "Inche" atau "tuan" sahaja.

Abdul Rahim Kajai sendiri bila masok ka-Utusan Melayu telah kurang menggunakan perkataan2 Arab. Sa-berapa yang terdapat di-chari-nya perkataan Melayu, demikian menurut Zabha.

Zabha kemudian telah menarek perhatian kapada satu cherita, yang menurut-nya amat menggelikan hati-nya. Dia memanggil cherita itu sa-bagai "cherita mati hidup balek".

"Ada cherita yang menggelikan hati saya sampai sekarang, terutama bila2 saya menerima berita kematian sa-sa-orang. Saya sudah mula di-beri kewajipan menjaga berita2 yang sampai dari seluroh Tanah Melayu baik dari orang ramai mahu pun dari wakil2 khas Utusan di-merata2 tempat.

"Entah macham mana saya terima pada suatu hari sa-puchok surat daripada Ulu Selangor di-tulis oleh sa-orang murid darjah lima — chukup dengan nama dan alamat-nya yang terang. Murid itu memberitakan bahawa guru pelawat-nya — polan bin polan — telah meninggal dunia — sekian2 haribulan di-rumah-nya di-sini2

— dan telah selamat di-kebumikan dengan di-hantar oleh sahabat handai-nya dan kaum keluarga-nya termasuk-lah empat puluh orang murid darjah lima sekolah itu. Sebagaimana biasa, oleh kerana surat itu mempunyai nama pengirim-nya serta alamat-nya sa-kali yang terang, maka saya pun siarkan-lah berita itu pada esok-nya.

"Empat hari di-belakang, kami terima aduan daripada guru pelawat itu melalui persekutuan-nya menafikan bahawa dia telah meninggal dunia. Kata guru pelawat itu dia masih hidup dan sihat wal'afiat. Dan risek2 yang kami dengar dari satu puncha di-Kuala Lumpur mengatakan konon-nya guru pelawat itu hendak saman malu ka-atas kami. Pihak-nya telah pun mengambil lawyer, kata puncha2 itu lagi.

Menerima berita tersebut, saya ta' tahu apa hendak buat. Bagaimana pula guru itu boleh hidup kalau murid2-nya mengatakan dia telah mati? Saya bertanya. Mujor saya bersekolah Arab dan berpegang pula kepada ajaran bahawa manusia itu baharu dan sa-bagaimana manusia tidak-lah sunyi dia membuat salah dan silap. Pendek-nya saya berserah-lah kepada T u h a n. Kerana Ishak Haji Muhammad pernah menjadi pengadil di-Kuala Lumpur, saya pun minta-lah nasihat beliau.

Kata Ishak, perkara itu mudah. Siarkan satu berita khas esok mengatakan bahawa berita yang terdahulu salah dan di-katakan juga bahawa kita memohon banyak maaf kepada yang berkenaan itu atas kesilapan tersebut. Habis perkara, kata Ishak, sa-olah2 dia-lah yang mengadu.

Kami pun ikut-lah chakap tadi lalu siarkan berita tentang permohonan maaf tersebut. Perkara itu, akhir-nya, senyap bagitu sahaja. Peristiwa itu rupa-nya akibat dari guru itu konon-nya tidak di-sukai oleh murid2 darjah-nya, demikian Zabha berkata.

Ada kala-nya surat2 dari pembacha ta' dapat si-pengarang perchaya bulat2 bagitu sahaja. Peristiwa yang di-cheritakan oleh Che Zabha itu ada-lah satu daripada chontoh-nya.

Pengarang Utusan Melayu yang baharu ini juga telah men-cheritakan tentang surat2 yang berbau minyak wangi. "Entah apa sebab-nya tidak-lah saya tahu tetapi surat2 kiriman daripada perempuan selalu kedapatan berbau harum, terkadang2 semerbak dengan bauan "Evening and Paris", sa-jenis minyak wangi yang terkenal. Barangkali juga pada masa itu kaum ibu kita belum

mempunyai keyakinan penuh menulis dalam surat2khabar.

Kata Zabha, "jadi terpaksa menggunakan pengeras. Bau yang semerbak itu akan di-kuatkan pula dengan rayuan yang pilu rasa hati membacanya meminta "tolong apa-lah kira-nya Inche Pengarang masokan makallah saya atau surat saya yang tidak sa-perti-nya ini, yang datang dari saya yang....."

Tetapi satu hal yang mesti di-ketahui oleh para pembaca ia-lah bahawa pengarang sa-sa-buah suratkhabar tidak lekas dan tidak mudah di-pengarohi walau dengan bau minyak wangi sa-kali pun. Dalam bidang melayani surat2, pengarang bersikap tegas dan samarata, adil dan saksama, ta' kira pengirim-nya itu perempuan atau lelaki, kenal atau tidak kenal.

Zabha kemudian telah memperkatakan soal layanan orang ramai terhadap kaum wartawan. Menurut-nya, orang ramai banyak yang menganggap kaum wartawan sa-bagai kaum yang harus di-segani dan di-takuti. Untok segan, barangkali wajar, tetapi untok takut sa-chara membuta bukan sahaja tidak wajar tetapi juga tidak kena pada tempat-nya.

"Jaga2 sedikit. Chakap biar chermat, dekat awak tu ada orang suratkhabar," demikian perkataan yang biasa di-dengar dalam majlis2 orang ramai bila ada wartawan yang hadir dalam perjumpaan tesebut. Di-kota2 seperti Singapura dan Kuala Lumpur, orang2 suratkhabar sudah-lah menjadi hamba Allah yang tidak di-hairankan lagi.

Di-kampong2, sa-orang wartawan maseh di-pandang sa-bagai manusia yang harus di-segani dan di-takuti. Mereka menganggap sa-sa-orang wartawan kerja-nya tidak lain bahkan hanya membahan orang sahaja. Tidak ada yang betul pada sa-orang wartawan.

Kata Zabha dalam hal ini: "Penduduk2 kampong berpendapat apa yang di-buat oleh orang2 suratkhabar semua-nya salah belaka. Jarang sa-kali kedapatan orang yang menyangka bahawa sa-orang wartawan itu ia-lah hamba Allah juga yang mempunyai soal2 hidup-nya sendiri sa-bagaimana sa-orang ramai yang biasa."

Bagitu-lah pendapat2 dalam satu rechana Inche Zabha, sekarang pengarang Utusan Melayu, tentang pengalaman2 kechil-nya sa-masa menjadi sa-orang pemberita pada masa mula2 dia menjadi wartawan.

BAB KETIGA:

APA ITU BERITA?

Pembaca2 suratkhobar pernah bertanya, sa-kurang2-nya menaya diri mereka sendiri: "Apa itu berita?". Pertanyaan itu terlalu m u d a h untok mendengar-nya tetapi terlalu sukar untok menjawab-nya.

Pembaca tidak sahaja ingin mengetahui apa yang di-panggil berita, tetapi ingin juga memahami apa yang membentokkan berita dan bagaimana sa-suatu kejadian atau peristiwa di-nilaikan untok layak di-jadikan berita. Untok sa-tiap wartawan, kebolehan menjawab pertanyaan itu dengan lengkap dan padat, ada-lah satu hal yang wajib dan perlu.

Sa-sa-orang tidak boleh dan tidak layak di-panggil wartawan kalau sa-kira-nya dia belum lagi mengerti arti berita yang sa-benar dan chara2 menyusun dan membentok-nya yang sa-baik2-nya.

Apakah berita itu? Jika di-tafsirkan dengan bahasa perchakaan hari2 maka berita dapat di-katakan: satu pemberitahuan, kesah atau laporan tentang satu2 kejadian yang akan berlaku, sedang berlaku atau sudah berlaku. Tegas-nya, kerana berita itu maka kita akan tahu apa yang telah terjadi.

Tetapi untok kepentingan persuratkhobaran, jawapan y a n g di-nyatakan di-atas itu belum boleh di-katakan satu jawapan yang sempurna, penuh, lengkap dan memuaskan. Jawapan di-atas itu terlalu umum dan terlalu am, kerana menurut hukum2 kewartawanan, sa-buah berita ada-lah wajib untok memenohi atau melengkapkan beberapa syarat yang tertentu, ia-itu berita2 itu:—

- (1) MESTILAH BARANG2 BERLAKU BUKAN REKAAN2 SAHAJA,
- (2) CHEPAT DI-KIRIMKAN DAN DI-SIARKAN DALAM AKHBAR,
- (3) SEMPURNA, LENGKAP DAN TERANG DI-LAPORKAN, TIDAK JANGGAL,
- (4) JUJOR, TIDAK ADA TOKOK TAMBAH,

- (5) TERSUSUN BAIK MENURUT KEBIASAAN DAN KEPERLUAN SURATKHBAR.
- (6) PENTING DAN MUSTAHAK UNTOK DI-KETAHUI UMUM.

Tentang syarat yang pertama, ia-itu sa-tiap berita yang tersiar dalam akhbar itu harus benar terjadi, maka soal ini memang sudah menjadi kewajiban pehak pemberita, juga pehak akhbar yang menyiarkan berita itu. Kebenaran sa-suatu berita itu sangat perlu, kerana pada orang ramai yang menjadi pemberita akhbar itu, sa-tiap berita yang terchatat dalam akhbar tersebut, senentiasa di-anggap dan di-terima sa-bagai telah benar2 berlaku.

Dalam hubungan ini sa-sa-orang pemberita perlu menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan yang tidak selalu mudah untok di-putuskan. Pemberita harus lebeh dahulu menyiasat kebenaran satu2 berita sa-belum layak menulis berita itu untok di-siarkan. Umpama-nya, dia harus lebeh dahulu menanyakan kebenaran berita tersebut dengan pehak2 yang berkenaan, dan sa-hingga pengesahan daripada pehak2 itu di-dapati, maka berita2 tersebut baharu-lah boleh di-tulis dan di-siarkan dalam akhbar-nya.

Namun bagitu, tidak semua berita yang harus menantikan pengesahan. Saperti yang saudara2 ketahui sa-tiap wartawan harus chepat membuat kerja-nya, harus lekas membuat berita yang di-terima. Kadang2 pehak yang kita mahukan pengesahannya itu meminta tempoh untok sakian waktu, dan dalam hal ini, berita2 itu harus di-buat dan di-siarkan juga dengan ta' payah menunggu pengesahan pehak2 itu, kerana kalau menanti juga, akan menjadikan berita yang hangat itu kehilangan hangat dan sedap-nya. A k a n di-ingat, sa-tiap akhbar mempunyai dasar menyiarkan berita2 yang hangat dan panas, kalau boleh berita2 itu tidak di-dapat oleh akhbar2 lain. Berita2 yang tersiar dalam sa-sabuah akhbar dan tidak tersiar di-akhbar2 lain, di-panggil "berita scoop" — berita2 teristimewa. Lebeh banyak berita2 itu lebeh baik lagi bagi pehak surat2khabar itu kerana itu menunjukkan kecekapan dan kemampuan pemberita2 surat2khabar tersebut.

Maka untok menjaga nilai dan harga berita itu, maka berita2 yang terkechuali itu terpaksa di-siarkan juga tanpa mendapatkan pengesahan daripada pehak2 yang di-minta pengesahan-nya itu.

Menanti sampai-nya pengesahan berita itu untok mendapatkan seluroh bukti2 kebenaran-nya, kerap kali dapat di-terima sa-bagai langkah yang kurang bijaksana. Malah langkah sa-umpama itu hanya dapat menunjokkan bahawa wartawan itu bodoh. Ke-rana itu maka tiap keadaan dan tiap kejadian harus di-timbang sendiri oleh wartawan itu. Namun demikian pedoman wartawan harus di-pelihara juga: **KEBENARAN MESTI DI-PEREKSA SA-BELUM BERITA DI-SIARKAN.**

C h a r a memberitakan-nya, pemilehan kata dan istilah dan semua-nya ini bergantung pada kebijaksanaan pemberita itu sendiri, menghukum dan bertindak sesuai dengan apa yang di-tafsirkan layak dan betul.

Dengan lain2 perkataan ia-lah laporan itu harus menggambarkan tingkat atau nilai kebenaran sa-suatu berita itu. Umpama-nya, kalau kira-nya ada berita2 yang kebenaran-nya maseh di-chuakkan atau di-ragu2kan, sedangkan berita itu di-anggap mustahak untok di-ketahui umum dengan segera, maka jangan-lah berita itu di-tulis sa-olah2 kebenaran a t a u kepastian-nya sudah tidak boleh di-nafikan lagi.

Banyak pemberita2 Melayu yang pernah dan selalu menem-poh pengalaman ini. Berita yang kepastian-nya maseh di-ragu-kan, telah di-beritakan sa-olah2 tidak boleh di-tolak lagi kebe-naran-nya. Tiap2 pemberita yang menulis berita2 sa-umpama ini harus pandai dan bijak menggunakan kata2 atau kalimat2 yang tertentu. Umpama-nya untok berita yang kepastian atau kebe-naran-nya belum dapat di-tentukan lagi, maka kalimat2 saperti:

"MENURUT BERITA YANG BELUM DI-PASTIKAN LAGI KEBENARAN-NYA.....", "MENURUT SUMBER2 YANG BELUM DI-SAHKAN.....", "MENURUT PUNCHA2 YANG BOLEH DI-PERCHAYAI....." dan sa-terus-nya dapat di-guna-kan.

Dengan menggunakan kalimat2 tersebut, m a k a pembacha akan menerima berita itu dalam keadaan yang menyenangkan d a n menimbangkan, bahkan oleh para pembacha, mereka harus sendiri menimbangkan apa-kah berita itu boleh di-terima kebenarannya atau tidak. Pembacha2 terpaksa melatehkan diri-nya di-an-tara simpangan fikiran.....na' di-perchayai susah, ta' mahu di-perchayai susah.

Satu contoh yang baik sa-kali mengenai soal ini ia-lah berita yang datang dari Amsterdam (negeri Belanda) beberapa tahun dahulu tentang "Presiden Sukarno di-gulingkan....." Berita itu, yang di-utus ka-seluruh dunia oleh sa-buah sharikat berita Amerika dari bandar Amsterdam, berkata: "Menurut sumber2 yang kepastian-nya belum di-ketahui lagi, Presiden Soekarno telah di-gulingkan oleh Angkatan Darat-nya..."

Berita ini selanjut-nya berkata bahawa harga sher2 di-negeri Belanda sudah naik akibat "penggulingan" itu. Ini tentu-lah benar kerana berita itu memang datang dari negeri Belanda. Tetapi yang penting yang sekarang terpaksa di-fikirkan ia-lah hubungan antara kenaikan harga2 sher itu dengan penggulingan Presiden Soekarno yang di-beritakan itu.

Berita itu menyebut pula bahawa sa-saorang pedagang China di-Singapura telah menerima kawat dari pihak-nya di-Indonesia menyatakan bahawa Soekarno telah di-gulingkan. Jadi, kedudukkan berita itu sekarang ia-lah berita atas berita, dengan berita itu di-susun sa-demikian rupa untok pembacha sukar untok memperchayai atau tidak mahu memperchayai kebenaran. berita tersebut, sa-hingga Kerajaan Indonesia sendiri membuat penafian rasmi terhadap berita tersebut hari esok-nya.

Bagaimana-kah sambutan akhbar Tanah Melayu terhadap berita ini? Akhbar2 selalu gembira untok menyiarkan berita2 yang mengejut dan panas, dan berita saperti penggulingan Presiden Soekarno itu tentu-lah menjadi berita besar kalau sekira-nya benar terjadi atas kepala negara Indonesia itu.

Sa-buah akhbar Melayu, umpama-nya, telah menerima berita tersebut hari itu pada pukul 7.45 malam. Muka2 berita semuanya sudah penuh di-isi, tetapi andaikata berita Soekarno itu benar... apa-kah berita demikian besar itu akan di-tanggohkan siaran-nya ka-lain hari?

Pengarang2 akhbar itu kemudian sebok membicharakan berita itu, dan sedang menunggu pengesahan dari pihak2 Jakarta sendiri. Sampai pukul 8.30 malam itu pun, belum tiba lagi pengesahan atau penafian rasmi dari Jakarta, dan kerana itu di-siar-kan-lah sahaja berita yang di-terima dari Amsterdam itu pada ruangan BERITA AKHIR-NYA.

Yang menjadi tanda tanya ketika berita itu di-terima ia-lah: Mengapa-kah harga2 sher di-Amsterdam itu naik kalau Presiden

Soekarno tidak terguling? Sayogia di-ketahui, kenaikan harga itu ha-nya boleh naik jika peristiwa2 besar sa-umpama itu benar ber-laku.

Tetapi sukar pula untok sa-siapa pun memperchayai bahawa Presiden Soekarno telah terguling. Dengan pertimbangan2 sen-diri, kita tahu bahawa Presiden Soekarno mempunyai pengaruh yang kuat, tidak sahaja di-kalangan ra'ayat jelata umum-nya, ma-lah di-kalangan Angkatan Bersenjata-nya juga.

Di-sini-lah letak-nya keraguan. Mahu memperchayai akan berita itu sukar juga, tidak mahu memperchayai sukar juga..... Maka ternanti2-lah kita kapada pengesahan atau penafian d a r i Jakarta terhadap berita tersebut.

Sekarang kembali-lah kita kapada soal pentafsiran berita. Banyak juga pentafsiran yang di-buat oleh kaum wartawan me-ngenai berita, tetapi pada umum-nya pentafsiran2 itu sama sahaja dan sama maksud-nya.

Dan pentafsiran saya pula ia-lah:

BERITA ADA-LAH SATU LAPORAN MENGENAI SATU KEJADIAN YANG TELAH BERLAKU, SEDANG BERLAKU ATAU PUN AKAN BERLAKU, DI-SATU TEM-PAT DAN PADA SATU MASA YANG TERTENTU, DAN MENGANDONGI MA'ALUMAT2 YANG DI-KUMPUL, DI-SUSUN SERTA DI-KARANG OLEH PEMBERITA2 YANG TERLATEH UNTOK MAKSUD MENYAMPAIKAN-NYA KAPADA PARA PEMBACHA (MELALUI SURATKHABAR), PARA PENDENGAR (MELALUI RADIO) ATAU PARA PE-NUNTUN (MELALUI TELEVISION ATAU WAYANG GAM-BAR).

* * *

BAB KEEMPAT:

TIGA UNSOR

Tiap2 berita yang tersiar ada-lah mempunyai beberapa unsur yang penting, dan berdasarkan unsur2 ini-lah sa-suatu kejadian atau peristiwa itu di-pernilai sa-bagai berita. Unsur2 yang di-katakan itu banyak, tetapi yang penting sa-kali ia-lah tiga sahaja, ia-itu kejadian itu harus di-laporkan berdasarkan ma'lumat2 yang tepat, harus chepat dan harus membawa "rasa minat" pada para pembacha am-nya.

RASA MINAT:

Sa-suatu laporan yang di-buat tanpa tundok kapada syarat2 itu, berarti-lah tidak mempunyai nilai untok di-siarkan sa-bagai berita. Untok sa-orang wartawan dapat berkhidmat sa-baik2-nya kapada para pembacha, dia harus dapat pula menyampaikan kapada pembacha2-nya itu ma'alumat2 penting yang di-perlukan oleh pembacha2 tersebut dalam penghidupan-nya sa-hari2, ma'alumat2 yang mempunyai pertalian rapat dengan diri-nya, sa-chara langsung, atau ta' langsung baik yang mendatangkan perasaan2 tertentu kapada-nya, mahu pun yang membawa penghiboran dan suka gembira kapada mereka.

Umpama-nya kalau akhbar yang di-bacha-nya itu melapor-kan bahawa kerajaan akan menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan dalam tahun 1967, pembacha itu akan tahu bahawa bahasa tersebut akan tinggi nilai-nya pada tahun tersebut dan yang demikian jika sa-orang yang bukan Melayu, tentu-lah akan mengusahakan supaya anak2-nya mempelajari bahasa Melayu.

Ma'alumat2 sa-umpama ini-lah yang saya katakan membawa "rasa minat" kapada para pembacha kerana mempunyai hubungan dengan penghidupan-nya sa-hari2, sa-kurang2 untok penghidupan di-masa akan datang.

BERITA2 HARUS TEPAT:

Tiap2 berita yang di-siarkan melalui suratkhbar, majallah, radio atau television, atau pun melalui wayang2 gambar, ada-lah berdasarkan kenyataan2 dan ma'alumat2 (fact2) yang tepat, tidak di-tokok tambah, atau di-ubah.

Bahkan soal ini-lah yang di-rasakan penting sa-kali untok sa-tiap berita yang di-tulis, dan sa-barang perkhabaran yang tidak mempunyai unsur ini bukan lagi di-sebut berita, tetapi di-namakan di'ayah sahaja. Bila2 satu kejadian penting berlaku di-mana2, para pembacha akan berebut2 menchari suratkhbar atau membuka radio-nya untok mengetahui laporan yang sa-benar dan tepat mengenai kejadian itu. Pengarang2 akhbar sangat mengambil berat tentang soal ini, dan memerentahkan pemberita2-nya supaya mendapatkan ma'alumat2 berita mereka berdasarkan kenyataan2 yang tepat dan jujur, tidak sekadar menyandar kapada akhbar2 angin atau risekan2 yang liar. Pemberita2 di-perintah supaya membuat laporan-nya sa-chara objektif, ia-itu mendapatkan ma'alumat2 dari kedua belah pihak kesah itu, dan harus sa-dapat mungkin mengelak-kan sifat2 berat sebelah atau pilih kaseh yang memang ada pada diri tiap2 manusia di-dunia ini.

CHEPAT:

Sa-saorang wartawan pernah mensifatkan berita sa-bagai satu barang dagangan yang mudah musnah dan basi dan mesti di-jual-kan chepat dan ta'boleh di-tanggoh2 lagi. Kemajuan satu2 akhbar bergantung pada kechepatan satu2 berita di-keluarkan. Akhbar yang boleh mengeluarkan berita dengan chepat akan mendapat sambutan yang lebeh besar daripada akhbar yang lambat menyiarkan berita. Dan kechepatan ini mempunyai hubungan rapat pula dengan soal kemajuan dalam bidang2 penting persuratkhbaran itu, umpama-nya dalam lapangan iklan.

Sharikat2 perniagaan tentu-lah lebeh suka mengiklankan barang2 dagangan mereka melalui akhbar2 yang tinggi circulation-nya daripada yang rendah, dan untok menchapai circulation tinggi mesti-lah mempunyai bilangan pembacha yang besar. Bilangan pembacha tidak akan bertambah sa-lama akhbar itu tidak mampu menyiarkan berita2 lebeh chepat daripada akhbar2 lain. Maka itu di-negeri2 di-mana persaingan akhbar sangat menjadi2, dasar "Dahulu Dengan Berita" atau "First With News" ada-lah satu panduan yang terpenting untok wartawan2-nya. Masing2 suratkhbar mengerahkan wartawan2-nya untok mendapatkan berita2 lebeh awal dan lebeh chepat dari rakan2 mereka dari akhbar2 lain.

Persaingan mendapat berita terlalu hebat dan terlalu ranchak hingga kadang2 mereka tidak mengira bahaya atau sukar,

asalkan boleh mendapatkan berita lebih cepat dari akhbar2 lain. Suratkhbar yang kecil modal-nya menempoh "ajal" akibat tidak mampu untuk ikut dalam medan persaingan yang hebat ini. Di-Malaya sahaja sudah banyak surat2khbar yang mati kerana ini, dan ha-nya akhbar2 yang kuat modal-nya sahaja dapat mengatasi rakan2-nya yang lain dalam pertandingan di-bidang ini.

Untuk mendapatkan berita sa-chara cepat, sa-suatu akhbar mesti mampu mempunyai rangkaian perhubungan yang lengkap dan rapi, dan pembiayaan untuk mencapai maksud tersebut tentu-lah sukar untuk di-tanggung oleh akhbar2 yang kecil modal-nya. Walau pun soal mendapatkan berita2 dengan cepat itu merupakan soal yang penting, tidak-lah pula hendak-nya unsur itu di-terima sa-bagai terlalu mustahak hinggakan soal tepat-nya berita itu tidak di-indahkan langsung.

Mendapatkan berita2 yang cepat tidak berma'ana mesti mengabaikan berita2 yang tepat. Sa-panjang sejarah persuratkhbaran dan kewartawanan, wartawan2 telah berusaha menyelesaikan masa'alah yang sukar untuk mereka atasi, masa'alah yang mudah pada bunyi-nya tetapi sukar untuk di-amal-kan-nya. Tiap2 wartawan di-pandukan dengan chogan kata: "Dapatkan Berita Cepat, Tetapi Mesti Tepat," tetapi sa-jauh mana chogan kata tersebut boleh di-amalkan oleh kaum wartawan belum sa-orang wartawan pun boleh memastikan-nya.

Memang untuk mendapatkan ma'alumat2 yang tepat mengenai satu2 kejadian yang hendak di-beritakan, kaum wartawan kadang2 terpaksa mengorbankan berminggu2 lama-nya untuk menchari kenyataan2 yang sa-benar dari sumber2 yang wajar, tetapi oleh kerana persaingan menchari berita ada-lah persaingan yang hebat, untuk wartawan menghabiskan masa-nya sehari2 sa-kadar mendapatkan ma'alumat2 yang sa-ratus peratus tepat barangkali terlalu lama untuk di-tunggu-nya dan terlalu berat pula untuk di-pikul-nya.

Kerana hendak mengejar masa ini-lah maka berita2 yang tersiar di-akhbar2 selalu sahaja mendapat kechaman dari pehak2 yang ada perhubungan rapat dengan kejadian yang di-beritakan itu, dan pehak pengarang terpaksa melayan kechaman2 itu dengan "memohon maaf" dan sa-bagai-nya dari sa-waktu ka-sawaktu.

Menurut fikiran saya, berita yang tepat ada-lah lebih baik daripada berita yang cepat tetapi kurang tepat isi-nya. Tetapi

lebih baik lagi jika berita ini tepat di-samping chepat, kerana kedua2-nya sama penting-nya kepada para pembaca.

Akhbar2 yang di-keluarkan pada waktu tengah hari, umpamanya di-Kuala Lumpur, "Malay Mail", biasa-nya menyiarkan berita2 tentang kejadian2 yang telah pun di-laporkan di-akhbar2 keluaran pagi di-samping menyiarkan juga berita mengenai kejadian2 yang berlaku pada suboh2 pagi dan sa-bagai-nya. Namun demikian berita2 itu tidak-lah pula boleh di-katakan lewat, bahkan sesuai dengan tujuan2 akhbar2 tengah hari itu untuk menyiarkan berita yang berlaku hari ini, dan sa-bahagian-nya yang berlaku sa-malam, kadang2 disertakan juga dugaan2 yang di-jangka sa-bagai perkembangan2 dari kejadian2 yang di-laporkan itu. Radio atau television biasa-nya dapat menyiarkan berita2 lebih chepat daripada suratkhbar kerana mereka mempunyai waktu2 yang tertentu sa-panjang hari untuk menyiarkan warta berita.

Lebih penting dari itu ia-lah kebolehan radio atau television mengadakan "ulasan2 selari" mengenai kejadian2 penting yang berlaku pada masa2 yang tertentu. Umpamanya, Hari Pertabalan sa-orang Sultan. Pihak Radio Malaya tentu dapat mengadakan ulasan selari-nya mengenai upacara itu pada ketika pertabalan itu di-lakukan, sedangkan surat2khbar hanya dapat siarkan berita itu sa-chepat2-nya 15 jam sa-lepas itu.

Demikian juga ulasan2 mengenai perlawanan bola sepak yang biasa di-langsungkan di-Stadium Merdeka, Radio Malaya telah dapat mengadakan ulasan2 selari dan dapat mengumumkan keputusan2-nya pada masa itu juga, sedangkan suratkhbar terpaksa menantikan beberapa jam lagi untuk dapat di-umumkan keputusan itu.

Bagaimana pun soal mengejar masa tidak senentiasa-nya diterima sa-bagai satu perkara yang wajib. Kerana ada kala-nya satu temu ramah yang di-lakukan sa-chara tempatan dapat pula di-hidangkan pada naskhah yang sama, berikutan dengan satu berita yang ada hubungan rapat yang di-terima dari satu sharikat berita kawat.

Umpamanya, katakan-lah Tengku Abdul Rahman ketika membuat satu kunjongan ka-London, telah membuat kenyataan mengenai rancangan "Melayu Raya" dan sa-bagai-nya, dan berita tentang kenyataan-nya itu telah di-kirim oleh sharikat berita kawat Reuter di-Kuala Lumpur. Sa-buah akhbar Kuala Lumpur

yang menerima berita itu merasa penting pula hendak mendapatkan fikiran dari pemimpin2 parti pembangkang tentang kenyataan Tengku itu.

Maka pehak akhbar akan mentugaskan sa-orang wartawan untok menginterbiu pemimpin2 party pembangkang untok mendapatkan ulasan mereka mengenai Melayu Raya tersebut. Dan ulasan pemimpin2 itu dapat pula di-siarkan bersama2 dengan berita yang di-kirim oleh sharikat berita kawat tadi.

Dan berita itu masch lagi boleh di-katakan chepat. Tetapi sa-tengah2 akhbar lebeh suka pula menyiarkan berita dari sharikat berita kawat itu sa-hari lebeh dahulu dari menyiarkan ulasan2 pemimpin2 pembangkang tadi.

Dan penanggohan yang sa-umpama itu ada-lah "merbahya" kerana lain2 akhbar mungkin akan lebeh dahulu menyiarkan ulasan2 itu. Di-zaman persaingan sa-umpama ini, tidak bijak untok berita2 di-tahan atau di-tanggoh2kan penyiaran-nya.

BAB KELIMA:

MENULIS BERITA

Sekarang kita menoleh kepada soal menulis berita. Dalam bahagian ini saya akan menceritakan bahagian berita di-tulis sa-orang pemberita mendapatkan ma'lumat² yang di-perlukan-nya untuk berita itu.

Untuk sa-orang wartawan yang sudah berjaya mendapatkan ma'lumat² yang di-kehendaki-nya, soal penting yang di-hadapi-nya ia-lah bagaimana berita itu di-tulis dalam bentuk yang sa-baik²-nya supaya pembacha-nya dapat faham apa yang sa-benar-nya di-maksudkan oleh-nya itu. Wartawan itu tidak sahaja akan terfikir untuk menentukan fact² yang harus di-susun, yang mana harus di-dahulukan dan yang mana pula harus di-kemudiankan, tetapi dia juga akan memikirkan istilah² yang baik dan sedap, tepat dan padat, untuk di-pakai dalam menulis berita²-nya itu.

Dia juga akan berusaha untuk membuat ayat² yang tegas dan padat, tidak meleret² dan tidak terlalu berbunga², untuk di-susun dalam paragraph² yang tertentu sesuai dengan keyakinan-nya dalam pembentokan berita itu. Kepada diri-nya ketika itu ha-nya ada satu tekad — tekad untuk mempersembahkan berita-nya dalam bentuk dan chara yang paling mudah di-fahami dan paling sedap jalan pemberitaan-nya. Sa-orang wartawan sama-lah seperti sa-orang seniman. Maka itu perasaan wartawan sa-telah selesai menulis satu berita sama dengan perasaan ahli ukir sa-telah selesai sa-buah patong, umpama-nya. Dia akan merasa puas hati dan gembira atas hasil usaha-nya itu. Kepada diri-nya, itu-lah hasil yang paling baik yang dapat di-persembahkan ketika itu, dan dia yakin hasil berita-nya itu mendapat sambutan dari para pembacha am-nya.

Menulis berita ada-lah satu kebolehan peribadi atau persa-orangan, kebolehan yang ta' boleh di-tiru atau di-ikut² oleh orang lain. Masing² wartawan mempunyai chara menulis berita yang tersendiri dan berasingan. Wartawan Abdul Samad Ismail, umpama-nya, tentu-lah mempunyai style menulis berita yang tersen-

diri dan style-nya itu tentu-lah tidak sama dengan style yang dipakai oleh wartawan Othman Wok. Demikian juga kepada wartawan2 lain, masing2 mempunyai chara yang berasingan, berdasarkan kebolehan dan bakat yang tersendiri sama sa-kali.

Oleh kerana kebolehan menulis berita ada-lah satu kebolehan peribadi, saya ingin nasihatkan kepada pemuda pemudi yang ingin menjadi wartawan di-kemudian hari supaya jangan mempelajari menulis berita dengan chara mengkhafal style orang lain. Menghafal susunan style orang lain dengan sa-chara satu demi satu barangkali satu perhubungan yang kurang sihat kerana dengan melakukan demikian akan memusnahkan bakat asli yang pada hakikat-nya ada terpendam pada pemuda pemudi itu.

Kebolehan menulis berita ta' boleh di-pelajari dengan meniru dalam beberapa jam sahaja. Tetapi kebolehan itu boleh di-chapai jika saudara2 berlatah menulis dan mengarang sa-lama beberapa waktu yang tertentu. Lebih penting dari itu ia-lah bahawa sa-orang pelajar kursus wartawan boleh mempelajari chara menulis berita dengan lekas jika dia di-pimpin oleh wartawan yang sudah berpengalaman, di-samping memahami keperluan2 yang penting dalam bidang perhubungan ke-wartawanan.

JALAN BAHASA DALAM BERITA

Berita harus di-tulis dengan jalan bahasa yang sa-mudah2-nya. Bagi kita yang berbahasa Melayu, kerana bahasa Melayu sendiri maseh kurang perkataan, soal jalan bahasa tidak menjadi masa'alah dalam kewartawanan Melayu. Tetapi bagi kewartawanan2 bahasa lain umpama-nya Inggeris, di-mana perbendaharaan istilah dan perkataan-nya terlalu banyak dan jalan bahasanya pun mempunyai banyak perengkatan berita yang di-tulis oleh wartawan untuk siaran akhbar mesti-lah menggunakan jalan bahasa yang termudah, jalan bahasa yang boleh di-fahami oleh seluruh perengkat masyarakat, termasuk perengkat2 penarek becha atau menyapu jalan raya, umpama-nya.

Berita hendak-lah di-tulis bukan sahaja dengan jalan bahasa yang senang, tetapi juga dengan ayat2 yang tegas dan padat tidak meleret2 atau bebunga2.

Perkataan2 yang sukar atau pun perkataan2 baharu hendak-lah di-elakkan sa-dapat mungkin dari di-pakai untuk menulis berita. Umpama-nya jika umum lebih lazim memakai perkataan "rasuah" untuk memaksudkan "makan suap" pakai-lah perkataan

"rasuah" dan jangan pula memakai perkataan "korupsi" yang hanya di-ketahui oleh sa-gelintir orang sahaja.

Begitu juga kalau perkataan "juruchakap" lebeh di-fahami orang untok memaksudkan apa yang dalam bahasa Inggeris di-panggil "spokesman", maka gunakan-lah perkataan "juruchakap" itu bukan perkataan "jurubichara".

Biasa-nya surat2khabar di-bacha di-tempat2 yang ramai manusia, tempat2 yang sebok dengan sa-ribu perbuatan dan laku, seperti di-perhentian2 kereta api atau bas, di-lapangan2 terbang, di-tepi2 jalan, di-kedai2 kopi atau restoran atau pun di-luar2 kilang, dan jarang2 suratkhabar dapat di-bacha dalam suasana tenang dan diam seperti di-bilek2 kutub-khanah atau pun ma'amal.

Yang demikian pada umum-nya surat2khabar itu di-bacha dengan chepat dan terburu2. Dan kerana itu-lah berita2 yang di-tulis harus jelas dan hidup, boleh menimbulkan suasana realistik hingga pembacha2 itu dapat pula menggambarkan sa-olah2 mereka sendiri ada di-tempat kejadian itu. Gambaran yang jelas yang boleh di-timbulkan oleh sa-orang wartawan dalam beritanya ada-lah satu kebolehan yang boleh di-banggakan oleh wartawan yang mempunyai kebolehan itu. Sa-orang wartawan yang boleh membuat tegasan pada bahan2 tertentu yang penting dengan menggunakan jalan bahasa yang beraneka bentuk biasa-nya boleh melahirkan berita yang hidup dan yang di-terima "hidup2" pula oleh para pembacha.

* * *

BAB KEENAM:

MEMBUAT INTRO

Sa-orang wartawan yang mempunyai kebolehan sa-umpama itu pada lumrah-nya bijak membuat intro (paragraph pertama) yang hidup, jelas, nyata dan tegas, dan kepandaian-nya menulis intro yang kuat dan hebat itu-lah si-pembacha akan terseret ikut merasakan berita itu hidup seluroh-nya.

Intro yang hidup mesti-lah lengkap dan nyata, dan boleh menarek perhatian pembacha laksana kilat menyabong layak-nya. Kebolehan membuat intro yang lengkap dan padat, yang mengandongi bahan2 terpenting dari berita itu, akan mempermudah pehak news-editor (pengarang berita) melakukan sebarang potongan dan sa-bagai-nya andaikata halaman yang di-untokkan bagi berita itu sempit untok menampung seluroh berita tersebut.

Jika sa-kira-nya perkara2 penting dari berita itu telah di-sebutkan dalam intro, maka sa-kira-nya news-editor tadi ingin membuat sa-barang potongan, maka potongan itu boleh-lah di-lakukan daripada bawah kerana perkara2 yang tersebut di-bahagian bawah itu semua-nya perkara2 yang tidak begitu penting, yang jika di-singkirkan pun tidak akan merosakkan kandungan berita itu yang sa-benar.

Oleh kerana intro merupakan satu soal yang terpenting, soal yang harus dapat di-kuasai oleh tiap2 wartawan, baik pemberita mahu pun pengarang, maka perkara ini akan kami terangkan lebeh mendalam lagi.

Chara2 membuat kesimpulan berita atau intro itu boleh di-katakan berbedza dari satu jenis berita dengan satu jenis berita yang lain. Membuat intro untok berita rapat umum ada-lah berbedza dengan membuat berita tentang kemalangan, membuat intro tentang berita interbiu (temu ramah) ada-lah berlainan dengan

Intro2 itu harus sesuai dengan chorak atau jenis berita itu. Kalau berita "A" harus di-chari intro-nya dari angle "M", berita intro untok berita yang berupa pernyataan akhbar dari sa-orang tokoh negara dan sa-bagai-nya.

"B" mungkin tidak sesuai mencari intro-nya dari angle tersebut malah sesuai pula kalau di-ambil intro-nya dari angle yang lain. Demikian hal-nya dalam membuat intro satu2 berita.

Kira2 15 tahun yang lalu, manakala kemajuan kewartawanan Melayu belum sampai ka-takat sekarang ini, chara2 pemberita2 membuat berita2-nya ada-lah berlainan sa-kali kalau di-bandingkan dengan chara yang di-pakai oleh pemberita2 Melayu sekarang. Berita itu mereka buat sa-chara tersusun "kaku", mengikut saat demi saat dengan tidak memerlukan intro yang sa-chorak sekarang. Katakan-lah berita rapat umum. Kalau sekarang pemberita2 lebeh suka memetek bahagian ucapan yang penting dari pensharah yang terkemuka dari rapat umum itu, untuk di-jadikan intro, tetapi dahulu, pemberita2 lebeh suka menyatakan dahulu perkara2 yang mereka merasa harus di-dahulukan mengikut giliran.

Chara pemberita2 z a m a n dahulu membuat berita "rapat umum" ia-lah dengan menyebutkan dahulu tempat d a n tarikh rapat itu di-adakan, kemudian nyatakan pula waktu rapat tersebut di-mulakan, nama2 pensharah yang berucap dan banyak lagi titek bengek yang untuk pemberitaan sekarang tidak perlu di-beri tempat langsung dalam halaman akhbar.

Pemberita2 itu kemudian melaporkan ucapan dari sa-orang pensharah kepada sa-orang pensharah, mengikut giliran. Kadang2 ucapan itu di-siarkan sa-penoh-nya dengan tidak memperhitong penting tidak-nya untuk penyiaran.

Intro ada kala-nya merupakan ringkasan perkara2 yang penting dari kandungan berita itu seluroh-nya, dengan menjawab pertanyaan2 saperti siapa, apa, bila, di-mana, mengapa dan bagaimana.

Paragraph kedua, ketiga dan sa-lanjut-nya biasa-nya menerangkan sa-chara lanjut perkara2 yang telah di-sebutkan sa-chara ringkas dalam intro tadi. dalam kewartawanan Inggeris, bentuk berita yang mempunyai jenis intro yang sa-perti ini di-panggil "INVERTED PYRAMID". Dalam bahasa Melayu, saya ingin namakan "Sistem Kochi".

Kadang2 satu persoalan atau pun satu perkataan yang berupa seruan dapat juga di-jadikan intro yang sedap, kerana boleh menarek perhatian pembacha dengan chepat dan tajam. Sa-lain dari itu, untuk berita2 ucapan atau interbiu, intro boleh juga di-pilih

dari sa-barang cakap ajok yang di-ucapkan-nya kerana ini pun boleh melahirkan suasana tertentu yang di-harapkan dari berita itu.

Berikut ini saya siarkan beberapa chontoh intro untok panduan saudara2 sa-kalian:

JENIS BERITA RAPAT UMUM:

MELAKA, Khamis. — Yang di-Pertua Agong Parti Kechil, Inche Ali bin Haji Kassim, menyatakan di-sini hari ini bahawa Tanah Melayu akan menjadi negara yang terma'amor sa-kali di-Asia Tenggara kalau sekira-nya party-nya menang dalam pilihan raya akan datang.

Beliau menyatakan demikian dalam satu rapat umum di-padang.....

JENIS BERITA KEMALANGAN:

PULAU BOLA, Rabu. — Kira2 10 orang di-perchayai terbunuh, dan lebeh 300 orang luka2, dalam satu malapetaka gempa bumi yang berlaku sa-chara tiba2 di-Pulau Asam, lima batu dari sini, malam tadi.

JENIS BERITA SUKAN:

PULAU HAWA, Juma'at. — Pasokan bola sepak Irang telah seri 2—2 dalam perlawanan-nya dengan Pasokan Bola Sepak Kayu Ara di-Stadium Bebas di-sini petang ini.

Forward pasokan Irang, Aziz Kadir, telah di-perentah keluar padang oleh pengadil Hardial Singh dalam minit yang ka-46 manakala pemain tersebut tidak mengindahkan amaran-nya yang ketiga kali supaya jangan bermain kasar.

JENIS BERITA PILEHAN RAYA:

ULU MANGGIS, Sabtu. — Parti Tanah telah mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya Majlis Tampatan hari ini, manakala mereka mengalahkan empat orang chalun Parti Bumi, yang telah berkuasa sa-lama tiga tahun yang lalu.

Hanya sa-orang sahaja chalun Parti Bumi telah dapat mempertahankan kerusi-nya dengan mengalahkan chalun bebas, Inche Dol bin Haji Hashim dengan kelebihan undi yang kechil.

Sa-orang juruchakap Parti Bumi hari ini berkata:".....

BERITA2 TENTANG KEGERINGAN RAJA ATAU KEPALA2 NEGARA:

Berita2 sa-perti ini biasa-nya menggunakan kenyataan perubatan atau medical bulletin yang di-keluarkan oleh pihak Rumah Sakit tempat raja atau kepala negara itu di-rawat, sa-bagai intro-nya. Kerana pembacha ingin na' mengetahui perkembangan yang baharu sa-kali mengenai keadaan kesihatan raja atau kepala negara itu, dari sa-masa ka-samasa.

Berita sa-perti itu lazim-nya di-buat intro-nya bagini:

KUALA MALI, Ahad. — Satu kenyataan perubatan yang di-keluarkan pada pukul 8.45 malam ini berkata: "Paduka Yang Mulia telah bertambah sihat sa-panjang hari tadi dan walau pun keadaan-nya belum dapat di-katakan memuaskan, namun baginda senentiasa riang gembira sahaja layak-nya".

BERITA PERSIDANGAN PERSATUAN ATAU PARTI POLITIK:

Berita2 tentang persidangan agong atau parti2 politik, kesa-tuan atau persatuan atau pun badan2 lain-nya, biasa-nya menjadi bahan intro-nya ia-lah salah satu daripada keputusan2 terpenting yang di-chapai dalam persidangan itu.

Umpama-nya, beberapa tahun dulu Parti Buroh Malaya telah mengadakan Persidangan agong-nya yang kedelapan dan antara keputusan2 yang di-ambil ia-lah menyeru supaya Kerajaan meng-undorkan tentera2 asing yang di-tempatkan di-Malaya daripada Tanah Melayu. Walau pun persidangan itu telah mengambil ba-nyak keputusan, namun keputusan yang ini nampak-nya lebeh penting daripada keputusan2 lain, dan kerana itu sudah wajar untok keputusan tersebut di-jadikan bahan intro berita-nya.

MAKA BERITA ITU HARUS DI-TULIS BAGINI:

JOHOR BAHARU, Ahad. — Satu seruan supaya askar2 asing yang di-tempatkan di-Malaya mengundorkan diri daripada negeri ini, telah di-buat dalam persidangan agong Parti Buroh yang ke-delapan hari ini.

BERITA2 TENTANG KENYATAAN ORANG2 KENAMAAN:

Pembesar2 tanah ayer, tokoh2 politik, ahli2 bahasa dan kebudayaan, pemimpin2 kaum, ketua2 persatuan dan sa-bagai-nya, selalu mengeluarkan kenyataan khas yang di-tujukan untok siaran akhbar. Kenyataan2 sa-umpama ini, dalam bahasa Inggeris di-panggil "Press Statement".

Sa-lain dari itu, kadang2 pemimpin2 ini membuat kenyataan2 yang penting ketika beruchap dalam persidangan2 umum, atau pun melalui renchana2 yang di-tulis-nya dalam majallah2 atau risalah2 dan sa-bagai-nya. Kenyataan2 sa-umpama ini boleh menjadi berita penting juga. Untok berita2 sa-perti ini, yang penting sa-kali untok di-jadikan bahan ia-lah seruan atau nasihat atau pun amaran yang di-buat dalam kenyataan2 itu.

Sa-bagai chontoh, kita ambil satu kenyataan yang di-buat oleh Setiausaha Politik Kementerian Buroh dan Undang2 Singapura (sekarang dia telah berhenti dari jawatan itu), dalam satu renchana yang di-tulis dalam majallah chenderamata Kesatuan Pekerja2 Getah Singapura.

Antara lain dalam renchana itu, setiausaha politik itu telah menasihatkan sharikat2 buroh supaya menjadikan pemogokan sa-bagai tindakan yang akhir sa-kali dalam usaha perjuangan-nya. Nasihat ini barangkali penting juga untok menjadi pengetahuan para pekerja, kerana sa-kurang2-nya membayangkan sikap Kerajaan berhubung dengan soal perburohan di-negeri itu.

Maka untok berita2 sa-perti ini, intro-nya harus demikian:

SINGAPURA, Ahad — Setiausaha politik Kementerian Buroh dan Undang2 Singapura, Tuan..... hari ini menasihatkan kesatuan2 buroh supaya jangan mengambil tindakan perusahaan untok mengatasi satu2 pertikaian-nya kechuali sa-bagai satu tindakan yang terakhir.

Mengingat penting-nya soal intro tadi, dan penting-nya pula soal pembentokan berita itu, maka saya ingin terangkan lebeh lanjut perkara tersebut.

Sa-barang wartawan yang tahu membuat berita, tahu menyusun berita, tahu kaedah2 pemberitaan, tahu rukun2 kewartawanan, tetapi tidak tahu pembahagian pembentokan berita2 itu, sama lah sa-perti sa-orang yang tahu memakai pakaian, tetapi tidak tahu bahawa pakaian-nya itu terdiri dari kemeja dan seluar.

Maka itu, yang menjadi tujuan saya dalam bahagian ini ialah untok menerangkan kapada saudara2 bahawa pakaian yang di-pakai itu tidak sahaja terdiri dari kemeja atau baju, tetapi terdiri juga dari seluar dan sarong.

Demikian pula-lah hal-nya kapada berita. Berita juga mempunyai baju dan seluar, yang kalau ketinggalan satu daripada-nya akan hanya menimbangkan atau membinchangkan pembentokan berita tersebut.

Saudara2 tentu tahu bahawa untok menyusun berita dengan sa-baik2-nya, sa-lengkap2nya dan sa-sempurna-nya, oleh pemberita yang menulis berita itu hendak-lah menchorakkan tulisan-nya supaya dapat menarek perhatian pembacha. Bukan itu sahaja, malah pemberita itu juga harus memudahkan pembacha untok membacha berita-nya itu, memudahkan pengarang-nya untok membetulkan bahagian2 daripada tulisan-nya yang kurang tepat atau padat, kemudahan pekerjaan "documentation", dan untok pemberita2 daerah yang berita-nya harus di-kirim dengan kawat atau talipon, hendak-lah pula meringankan perbelanjaan pengiriman dengan kawat.

Susunan berita boleh di-buat dengan berbagai2 sistem atau chara. Tetapi sistem yang kerap sa-kali di-gunakan oleh banyak pemberita2 ia-lah "SISTEM KOCHI" yang saya sebutkan sa-bentar tadi. Sistem ini boleh di-katakan menjadi sistem yang "common" sa-kali di-pakai oleh kaum wartawan, termasuk kaum wartawan di-Tanah Melayu.

"Sistem Kochi" ini di-bahagikan kapada dua bahagian. Bahagian pertama di-panggil "intro", dan bahagian kedua di-panggil "badan berita".

LIHAT RAJAH

1. INTRO:

Intro ia-lah istilah pendekan dari perkataan Inggeris "introduction" yang berarti "permulaan" atau "perkenalan". Tetapi



di-sini boleh kita artikan sa-bagai "kesimpulan berita". Di-atas tadi kita menyatakan bahawa dalam rangka menyusun berita, kita harus menchorakkan berita itu supaya tidak sahaja menarek perhatian pembacha, tetapi juga di-tulis demikian rupa untok mudah di-bacha oleh pembacha. Sa-bagaimana yang kita ma'alum, untok menarek perhatian pembacha kapada berita

yang kita tulis kita harus pandai menggunakan pula kebijaksanaan "psychology" (ilmu jiwa). Saya lihat banyak pemberita2 akhbar Melayu kerap mengemukakan soal yang penting dalam berita itu sa-bagai isi intro-nya. sedangkan kita ketahui bahawa "penting" sahaja belum chukup dapat menarek perhatian pembacha.

Tetapi untok pemberitaan sa-chara modern sa-perti sekarang ini, pemberita2 harus hati2 dalam usaha membuat intro-nya untok berita yang di-tulis itu. Kadang2 mereka mengambil masa ta' kurang dari sa-tengah jam untok menchari intro yang tepat bagi berita-nya itu.

Sa-tiap wartawan tahu peri penting-nya intro dalam segi pemberitaan zaman ini. Berita yang tidak mempunyai intro yang baik tidak akan dapat menarek perhatian pembacha, satu hal yang menyebabkan berita-nya itu tidak akan di-bacha oleh para pembacha.

Wartawan yang tahu dan chekap memilih intro, akan menjadi wartawan yang terkemuka. Ini satu kenyataan yang benar, satu kenyataan yang memang terdapat di-kalangan masharakat wartawan di-dalam atau di-luar negeri.

Banyak wartawan2 dunia yang terkenal telah menulis tentang peri mustahak-nya intro ini. Di-bawah ini kami petek kata2 dari wartawan2 dunia yang terkemuka tentang soal tersebut:

Wartawan GEORGE C. BASTIAN

Dari akhbar Chicago Daily Tribune berkata:

- * **Leads (intro) should be simple, brief, compact, vigorous, attractive and should shoot straight as a rifle bullet into the readers' attention.**

(Intro hendak-lah sederhana, singkat, berisi, hebat dan menarek seperti sa-butir peluru yang di-tujukan terus kapada perhatian pembacha.)

GEORGE FOX MOTT

Dalam buku-nya "An Outline Survey of Journalism" berkata:

- * **The lead, or introduction, is the most important part of a news article. It should be clear, provocative, and so simple that anyone can understand. Usually it should start with a name, a noun, or an article.**

Writing the lead for the conventional news story requires exercise of great care. It serves to summarize, and to emphasize the news-worthy event by answering in clear cut fashion the questions Who? What? When? Where? Why? and How?

(Intro ia-lah bahagian yang terpenting dalam sa-buah berita. Ia harus jelas, provokatif, dan sederhana untok mudah difahami oleh sa-siapa pun. Biasa-nya ia mesti bermula dengan nama atau "article".

Menulis atau menyusun intro sa-suatu berita yang sering berlaku memerlukan perhatian yang besar. Kita harus hati2 dan teliti, harus dapat mengambil ringkasan atau singkatan-nya dan mengemukakan yang penting2 dalam menjawab pertanyaan2: Siapa? Apa? Bila? Di-mana? Mengapa? dan Bagaimana?).

Sa-orang wartawan Indonesia, ketika membicarakan soal ini, pernah berkata:

- * Sa-sungguh-nya sa-perti dengan lain pekerjaan, juga dalam menyusun berita, yang paling susah ia-lah membuat permulaan-nya (intro). Kalau permulaan-nya sudah dapat, yang lain2 biasa-nya menyusul dengan sendiri-nya.

Saudara2 tentu pernah melonchat dari satu berita kapada satu berita, sedangkan berita pertama yang saudara bacha itu belum

habis lagi. Kadang2 baharu membacha paragraph yang pertamanya sahaja, sudah chukup unok saudara melonchat ka-berita lain. Mengapakah saudara membuat demikian? Saudara tentu tahu sebab-nya kerana saudara juga ada-lah sa-orang pembacha surat-khabar.

Sebab-nya ia-lah kerana berita itu kurang menarek. Unok tiap2 berita yang kurang menarek isi dan susunan-nya akan menerima reaksi yang sama dari para pembacha, baik pembacha akhbar Melayu, Inggeris, China atau Tamil.

Langkah kita melonchat ka-berita lain, sedang berita pertama tadi belum habis di-bacha, achap kali membawa kekesalan kapada kita, kerana kita harus pandai menduga pula bahawa di-bawah-nya tentu ada perkara2 yang lebeh penting unok kita ketahui. Tetapi akibat lonchatan tadi, tertinggal-lah soal2 yang penting itu.

Di-negeri2 lain, di-mana surat2khabar-nya mempunyai lebeh dari 16 muka (halaman), tentu-lah para pembacha tidak mempunyai masa unok menatap semua berita2 yang di-siarkan dalam akhbar itu. Pembacha2 tentu memilih berita2 yang menarek perhatian mereka, tetapi yang tidak menarek akan di-tinggalkan bagitu sahaja tidak terbacha.

Dalam hubungan ini perlu-lah berita2 yang ingin mendapat perhatian pembacha itu harus menyesuaikan chorak-nya supaya boleh menarek perhatian orang. Berita2 yang kurang menarek akan terabai bagitu sahaja.

Tetapi apa-kah pula hal-nya kapada akhbar2 di-tanah ayer kita — akhbar2 Melayu yang kita maksudkan. Akhbar2 tanah ayer dengan halaman tidak lebeh dari 8 muka atau 10 muka tentu-lah sempit unok tiap2 berita yang di-siarkan-nya di-bacha oleh para pembacha, sama ada berita menarek atau tidak menarek.

Tetapi akan sampai masa-nya kelak, manakala akhbar2 Melayu akan mempunyai 16 muka atau lebeh, bahawa tiap2 berita yang tidak menarek akan terabai bagitu sahaja. Dan pada masa ini-lah berita2 itu harus menitek-beratkan soal chorak-nya yang boleh menarek perhatian pembacha.

BAB KETUJUH:

SISTEM KOCHI

Untuk menarek perhatian pembacha dan untok menulis berita2 itu agar supaya mudah dan senang di-ikuti oleh para pembacha, maka sistem kochi tadi itu-lah yang agak sesuai sa-kali untok di-pakai pada tiap2 kali kita hendak menulis berita. Sistem ini di-pakai oleh semua akhbar.

INTRO: Pada dasar-nya intro itu harus demikian:

(a) Pembacha harus sudah tertarek bukan sahaja dengan kepala atau tajok berita dan kepala2 berita tambahan (ta' kira sama ada terletak di-sabelah atas mahu pun di-sabelah bawah), tetapi juga oleh kata2 awal dari kalimat yang pertama dari intro itu.

(b) Seluroh intro itu, yang biasa-nya di-buat hanya menggunakan beberapa kalimat atau clause sahaja, harus mewakili sa-tiap isi atau fact yang di-sebut dalam badan berita itu, sa-hingga untok pembacha yang rasa-nya berat untok mengikuti berita itu akan tahu isi dan kandungan penting berita tersebut dengan tidak perlu membacha seluroh badan berita itu.

BADAN BERITA: Jika di-tinjau halus2 tuboh berita tidak lain dari keterangan atau penjelasan mengenai apa yang tadi-nya telah di-sebut dalam intro itu. Sa-perti yang di-katakan, intro harus mengandongi sa-tiap isi atau fact yang di-sebut dalam badan berita, maka badan berita pula bertugas untok melanjutkan lagi keterangan dan penjelasan-nya atas tiap2 isi atau fact yang sudah di-sebutkan oleh intro itu.

Paragraph pertama dari badan berita (bersamaan dengan paragraph kedua jika di-perhitong sa-chara seluroh-nya: intro paragraph pertama), harus merupakan keterangan yang terpenting sa-kali mengenai apa yang telah di-sebut dalam intro, paragraph kedua akan merupakan keterangan yang penting, tetapi tidak terlalu penting, paragraph ketiga harus merupakan keterangan yang sedikit penting, tetapi tidak sa-penting paragraph kedua tadi, paragraph ka-empat harus merupakan keterangan tambah2an yang tidak penting, ia-itu yang kalau di-pakai akan menyedapkan lagi

berita itu, dan kalau ta' di-pakai tidak akan merosakkan isi berita tersebut, dan sa-terus-nya kepada paragraph2 yang lain.

Sistem ini di-namakan di-Indonesia sa-bagai sistem blok. Masing2 paragraph mempunyai kaitan dengan paragraph yang lain, tetapi tidak terkait demikian rupa sa-hingga kalau di-buang dapat merosakkan perjalanan berita. Sistem blok ini memudahkan news-editor (pengarang berita) atau sub-editor (penyunting atau pengarang yang mengelolakan halaman atau page) membuang, merengkas atau mengubah paragraph2 itu, mengikut pertimbangan yang bijaksana.

Sistem ini meliputi seluroh syarat2 yang telah di-sebutkan pada awal2 tadi, ia-itu meringankan perbelanjaan jika hendak dikirim dengan kawat, memudahkan pekerjaan documentation dan sa-bagai-nya.

Oleh kerana saya sendiri yakin bahawa sistem kochi ini adalah sa-baik2 sistem untok membentok berita, maka saya ingin menerangkan lebeh jelas lagi supaya pemuda pemudi yang ingin menjadi wartawan dapat mengamalkan-nya pula.

Bagi pemberita2 yang sudah berpengalaman, membuat "style berita" bukan perkara sukar. Hanya dengan membaca ma'alumat2 yang telah di-kumpulkan-nya itu, pemberita2 itu dapat menentukan pembentokan intro-nya dan paragraph2 yang akan menyusul selanjut-nya. Dia akan terus meletakkan kertas di-mesin type-nya dan dengan tidak membuang masa lagi lalu mentype terus, lebeh kurang bagini:

GHAZALI ISMAIL, SA-ORANG WARTAWAN "UTUSAN MELAYU", AKAN BERUCHAP TENTANG "WARTAWAN DAN TUGAS-NYA" DALAM SATU MAJLIS SEMINAR DI-KELAB PEMUDA PEMUDI DI-KUALA LUMPUR MALAM INI.

SEMINAR ITU DI-ANJORKAN OLEH PERSATUAN BUDAYA SA-BAGAI MENYAMBUT "MINGGU KEBUDAYAAN" TAHUN INI.

GHAZALI, BEKAS WARTAWAN "BERITA HARIAN" YANG PERNAH MEMIMPIN SA-BUAH MAJALLAH BER-NAMA "MAMBANG", AKAN MENCHERITAKAN DALAM CHERAMAH-NYA ITU TENTANG MASA'ALAH2 YANG DI-HADAPI OLEH KAUM WARTAWAN DALAM MENJALANKAN TUGAS MEREKA SA-HARI2.

Daripada intro itu, sub-editor yang menggunakan berita itu dapat membuat kepala berita-nya tanpa membuang masa. Sub-editor itu mungkin terus akan menulis sa-bagai kepala berita-nya:

"GHAZALI BERUCHAP MALAM INI".

Pembacha2 manakala membacha huruf2 besar terpampang membuat pengumuman itu akan tertanya2 sendiri: Siapa Ghazali? Pembacha itu berfikir sama ada dia kenal atau tidak orang ini.

Kemudian lahir-lah pula pertanyaan2 lain di-fikirkan-nya, pertanyaan2 sa-perti: Apa-kah yang akan di-ucapkan oleh Ghazali itu? Bila dia akan beruchap — siang atau malam? Di-mana?"

Demikian-lah pertanyaan2 yang akan di-soal oleh pembacha2 itu kelak, dan ka-empat2 pertanyaan itu telah pun terjawab dalam intro berita tersebut. Jika pembacha itu suka hendak tahu ma'alumat2 sa-lanjut-nya, dia akan membacha terus sa-hingga akhir. Dan dia akan tahu lebeh banyak lagi mengenai majlis itu.

Sa-telah membacha berita tersebut, pembacha itu akan mengetahui mengapa Ghazali di-jemput dan untok apa, dan apa-kah soal penting yang mungkin di-sentuh dalam cheramah-nya itu.

Jika sekira-nya sub-editor yang akan menggunakan berita itu tidak chukup ruangan untok menampung seluroh berita tersebut, bahkan hanya chukup untok satu paragraph sahaja, berita itu maseh boleh di-pakai dengan t i d a k kehilangan ma'alumat2-nya yang penting mengenai seminar itu. Kerana perkara yang penting telah pun di-beritakan kapada para pembacha p a d a paragraph yang pertama itu.

Menurut sa-tengah2 wartawan yang banyak pengalaman, menulis berita menurut sistem kochi ini boleh menjimatkan masa juga kapada si-pembacha. Kerana sa-orang pembacha yang tidak suka membacha berita2 sosial, umpama-nya, dapat segera memindahkan pembacha-nya kapada berita lain yang menjadi kesukaan-nya, jika berita yang mula2 di-bacha-nya tadi ada-lah berita sosial.

Ini ia-lah kerana dia telah dapat mengagak chorak berita itu sa-baik2 sahaja sa-telah membacha paragraph pertama berita tadi, yang biasa-nya tertulis atau terchap dalam jenis2 huruf yang di-panggil 12 point black, metro black atau sa-kurang2-nya 10 point roman, ia-itu jenis huruf yang lebeh besar dari jenis huruf yang

di-pakai untuk paragraph2 lain, yang biasa-nya ia-lah 8 point roman.

Tetapi untuk surat2khabar jawi sa-perti Utusan Melayu, jenis huruf yang di-gunakan untuk intro ada-lah dari 18 point Black atau 18 point Light, kemudian di-susul oleh 14 point Black sa-bagai paragraph kedua, dan yang lain2 di-gunakan jenis huruf yang di-panggil 14 point Light.

Sistem kochi boleh di-katakan baharu jika di-perhitong dari segi sejarah persuratkhbaran dunia. Sa-belum sistem ini di-pakai, wartawan2 zaman dahulu menggunakan sistem lain, sistem yang dalam bahasa Melayu ingin saya namakan "sistem edaran", di-tulis menurut "yang dahulu berlaku mesti dahulu di-laporkan, yang kemudian berlaku, kemudian-lah di-laporkan."

Yang demikian jika sa-kira-nya berita tentang cheramah Ghazali Ismail itu hendak di-tulis menurut sistem itu, ia akan berbunyi demikian:

Bekas Wartawan Utusan Melayu, Ghazali Ismail, akan beruchap dalam satu majlis seminar. Seminar itu akan berlangsung di-Kelab Pemuda Pemudi Kuala Lumpur. Majlis itu di-adakan malam ini. Ghazali akan beruchap mengenai "Wartawan dan Tugas-nya". Dia akan mencheritakan tentang masa'alah2 yang di-hadapi oleh kaum wartawan dalam menjalankan tugas mereka sa-hari2.

SISTEM EDARAN sa-umpama ini barangkali tidak se-suai lagi untuk di-pakai dalam zaman kemajuan persuratkhbaran sa-perti sekarang. Wartawan2 dan penerbit2 akhbar, akibat di-de-sak oleh tekanan2 perubahan dan persaingan dalam dunia persuratkhbaran, telah berganding bahu mengusahakan chara yang sa-baik2-nya untuk menulis berita, tidak sahaja mengenai bagaimana berita itu di-tulis, tetapi juga tentang bagaimana berita dapat di-persembahkan dalam bentuk yang sa-chantek2-nya.

Maka lahir-lah apa yang wartawan2 sekarang kenali sa-bagai "Kewartawanan Modern", kewartawanan yang bentuk gaya-nya di-perjuang dan di-usahakan oleh wartawan2 angkatan baharu. Tiap2 suratkhbar, baik yang beraliran modern mahu pun yang kuno, sama ada suka atau tidak, terpaksa tundok kepada keperluan2 itu untuk hidup. Penerbit2 suratkhbar mulai merasa penting-nya tugas persuratkhbaran dalam usaha menghidangkan pemberitaan yang tidak berat sa-belah dan mesti meliputi semua

pehak dan memberi puas hati kepada seluruh pihak2 itu.

Penerbit2 mendapati bahawa untuk sa-buah suratkhobar yang di-baca oleh ribuan manusia, kandungan-nya harus luas dan lengkap meliputi kehendak seluruh golongan dan perengkat manusia itu. Sebab itu-lah dalam suratkhobar sekarang, kita dapati pelbagai halaman dan ruangan di-adakan untuk golongan2 tertentu, sakurang2-nya ruangan2 itu di-siarkan sa-minggu sa-kali. Dalam Berita Harian, umpama-nya, kita dapati ruangan2 seperti Halaman Perajurit, yang di-pimpin oleh wartawan Jaafar Fahmy, yang di-tujukan khusus kepada kaum perajurit sa-tanah ayer; Halaman Dewan Wanita oleh Ratnamala yang di-tujukan kepada kaum wanita umum-nya, Halaman Kanak2 untuk kanak2 dan banyak lagi halaman2 khas yang di-hidangkan semata2 untuk memenuhi kehendak2 pelbagai golongan pembacha-nya. Demikian juga di-surat2khabar Utusan Melayu, Straits Times dan sa-bagai-nya, ruangan2 sa-demikian terdapat di-hidangkan tiap2 minggu.

Semua-nya itu sa-bagai sa-bahagian apa yang saya sebutkan tadi "Kewartawanan Modern" atau "Modern Journalism".

Dalam kewartawanan modern, style atau chara berita itu dipersembahkan harus sedap dan menarek, dan sistem yang mereka ikuti dalam bidang ini tidak lain dari sistem kochi tadi.

Sistem kochi di-pakai tidak sahaja oleh surat2khabar tetapi oleh sharikat2 berita kawat yang besar2 seperti Reuter, Associated Press dan United Press International (gabungan United Press dan International News Service). Sharikat2 berita kawat mendapati sistem ini paling berkesan, paling chekap dan paling mudah dalam segala2-nya, juga mendatangkan faedah dalam bidang mengirinkan berita kepada surat2khabar seluruh dunia yang berlanggan dengan mereka.

Dengan sistem kochi, sharikat2 berita kawat itu mengirinkan berita2-nya ka-pejabat2 suratkhobar, dan di-Amerika Sharikat sharikat2 itu mengirinkan berita2-nya mula2 dengan taligraf, kemudian dengan taliprinter. Penggunaan kawat barangkali terlalu terbatas, sedang persaingan untuk mendapatkan berita dan menyiarkannya di-surat2khabar ada-lah sangat penting. Yang demikian sharikat2 itu mengirinkan dahulu intro-nya ka-pejabat2 suratkhobar dan kemudian baharu di-susul oleh paragraph2 lain dari berita itu. Tujuan mereka ia-lah supaya akhbar2 yang hampir dekat masa perche-takan-nya (Press Date-Line) ketika berita itu di-terima, sempat sa-

kurang2-nya menyiarkan paragraph pertama dari berita itu untuk siaran-nya.

Yang demikian sistem kochi itu sangat sesuai sa-kali bagi kepentingan sharikat2 berita kawat itu, sama ada berita2 yang di-kirim itu panjang-nya 100 perkataan atau 200 perkataan, bahkan sa-kali pun 700 perkataan. Chara demikian juga dapat mempermudah sub-editor2 memilih sa-panjang mana berita yang hendak di-pakai-nya, dengan tidak payah menulis dan menyusun sa-mula berita itu.

Tadi saya katakan bahawa sistem yang di-gunakan oleh wartawan2 zaman dahulu ada-lah berbeza dengan sistem yang di-pakai kita sekarang. Untuk supaya pembacha dan peminat2 kewartawanan dapat melihat sa-jauh mana perbezaan yang berlaku dalam rupa dan bentuk antara berita2 sistem lama dengan berita2 sistem kochi, elok-lah jika sa-kira-nya saya sebutkan satu chontoh berita untuk menjadi perbandingan.

Mari-lah kita mengambil chontoh dari satu berita kebakaran. Jika berita itu di-tulis menurut sistem lama, ia akan berbunyi:

BANGUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN KAYU ARA DI-BATU MENTAKAP TELAH DI-BINASAKAN API YANG MULA DARI SA-BUAH RUMAH YANG BERDEKATAN PADA JAM 8 MALAM TADI. BANGUNAN TERSEBUT TINGGI-NYA EMPAT TINGKAT TERLETAK DI-SIMPANG JALAN MUARA DAN JALAN ULU. IA MEMPUNYAI 5 BILEK DARJAH DAN DUA BILEK REHAT, DAN TELAH DI-BELI KIRA2 DUA TAHUN DAHULU OLEH ORANG2 KAMPONG. MEREKA TELAH MEMBELI BANGUNAN TERSEBUT DARI SA-ORANG TAUKEH CHINA DENGAN HARGA \$7,500, DAN SEMENJAK ITU TELAH MEMBUAT PEMBAIKAN2 YANG PERLU.

Berita di-atas ia-lah satu berita yang mengandongi ma'alumat2 yang chukup tetapi chara persembahan-nya menurut chara lama atau apa yang saya panggil tadi "CHARA EDARAN". Bagaimana-kah pula rupa berita itu kalau sa-kira-nya ia di-tulis menurut sistem kochi, atau sistem baharu?

LIHAT-LAH SEKARANG DI-BAWAH INI:

Satu kebakaran hebat telah berlaku di-Sekolah Kebangsaan Kayu Ara malam tadi, dan memusnahkan harta benda yang berharga kira \$7,500.

Demikian PERBEDZAAN-NYA antara sistem2 yang berlainan untuk satu berita yang sama, yang di-pakai oleh kaum wartawan zaman dahulu dan sekarang. Dari keterangan2 tadi, marilah kita membuat kesimpulan yang tegas mengenai cara membuat intro. Kita sekarang telah faham bahawa unsur2 di-bawah ini ada-lah perlu untuk menjadi bahan dalam intro:

PERTAMA: Jawapan2 kepada persoalan2 yang harus diketahui oleh sidang pembaca: Apa, Siapa, Bila, Di-mana, Mengapa dan Bagaimana? Satu dua daripada jawapan2 itu mungkin lebeh penting dari yang lain, yang demikian harus di-beri layanan yang lebeh istimewa pula dalam tegasan kita pada intro itu. Ini bergantung pada kedudukan berita itu sendiri. Wartawan2 harus membuat pertimbangan-nya sendiri sa-panjang mana satu2 ketegasan itu perlu di-buat sa-bagai menjawab tiap2 satu daripada enam pertanyaan tadi, tetapi mereka harus jangan sampai meninggalkan pula perkara2 yang mustahak.

KEDUA: Sari dari berita itu, kalau pun ada, yang boleh menjadikan intro itu lebeh menarek dan lebeh hebat kepada sidang pembaca.

Sa-belum sa-orang pemberita mulai menulis berita-nya dia harus lebeh dahulu menentukan bahawa bahan2 yang di-dapatinya itu ada-lah tepat dan benar.



BAB KEDELAPAN:

BAGAIMANA HENDAK MENGUMPULKAN BAHAN

Sa-belum sa-orang wartawan menulis sa-barang berita, dia harus mempunyai ma'alumat2 atau fact2 yang chukup untok menjadi bahan berita itu. Sa-tiap hari wartawan di-tugaskan, atau pun dengan daya utama-nya sendiri, menchari pelbagai bahan dari pelbagai sumber dan jurusan mengenai satu2 kejadian yang hendak di-laporkan kepada sidang pembacha-nya. Tugas menchari bahan, pada hakikat-nya, memakan masa yang lebeh lama daripada tugas menulis berita itu sendiri. Bahan2 itu di-chari, di-kumpul, di-selidek untok menentukan kebenaran-nya, dan kemudian baharu di-tulis untok membentok berita. Oleh kerana sidang pembacha biasa-nya menggunakan ma'alumat2 yang di-dapati-nya daripada suratkhbar untok melakukan satu2 perbuatan atau tindakan, ma'alumat2 yang di-siarkan dalam berita hendak-lah tepat dan benar, lengkap dan sempurna. Kalau tidak sudah tentu-lah pembacha2 itu akan terkeliru dan mungkin akan melakukan sa-suatu yang tidak di-ingini akibat dari pemberitaan suratkhbar itu.

Sa-tengah2 pemberita daerah, mungkin kerana tidak mempunyai latehan dan pimpinan yang wajar, selalu mengirinkan berita yang tidak lengkap. Soal2 yang harus di-sebutkan dalam berita itu tinggal tidak tersebut, menjadikan para pembacha tidak sahaja tidak bagitu tertarek untok mengikuti berita itu, tetapi juga mudah merasa jemu terhadap isi2 lain yang di-nyatakan dalam berita itu.

Tiap2 berita yang di-tulis harus lengkap dan penoh. Sa-tiap perkara yang di-anggap mustahak untok di-sebut dalam berita itu harus di-sebut dengan sa-wajar-nya. Tiap2 perkataan yang di-pergunakan juga perlu lengkap untok melahirkan satu2 fikiran yang penting. Tiap pembacha yang membacha satu2 berita dalam akhbar, ingin mengetahui apa yang terjadi dan berlaku. Katakan-lah mengenai satu berita tentang kemalangan kapal-terbang. Para pembacha tentu ingin mengetahui siapa yang mendapat luka, di-mana terjadi-nya, apa-kah yang menyebabkan kechelakaan itu, bagaimana semua itu terjadi.

Perkara2 di-atas itu ia-lah antara soal2 yang mesti di-sebutkan dalam satu2 berita sa-umpama itu. Di-samping itu banyak lagi perkara2 lain yang harus tidak pasti di-tinggalkan oleh berita tadi. Maka bila saudara hendak menulis satu berita kechelakaan atau kemalangan atau yang berchorak lebeh kurang sa-umpama itu, pertanyaan2 ini harus di-ingat: Siapa yang luka, berapa yang mati, bila terjadi, sebab2 terjadi, bagaimana boleh terjadi.

Sa-sa-orang pengarang akhbar tidak akan menyiarkan satu berita yang di-kirimkan oleh pemberita daerah-nya, jika pemberita itu tidak menyebutkan soal2 tersebut. Dan kerana itu-lah maka banyak berita2 yang di-kirimkan kepada akhbar, terpaksa di-tolak mentah2 oleh pehak akhbar itu. Maka itu, bukan-lah kerana pehak akhbar tidak mahu melayani berita2 yang di-kirim itu, tetapi perlu tidak-nya layanan di-berikan pada berita2 itu bergantung pada chara berita2 tersebut di-tulis dan di-persembahkan.

Pihak pengarang akhbar tahu kalau berita2 yang tidak lengkap di-siarkan, tentu-lah akan menjemukan para pembacha, yang demikian akan merugikan kepentingan akhbar tersebut di-mata umum.

JUJUR DAN OBJEKTIF:

Sa-tengah2 pemberita, terutama yang memasoki parti2 politik, selalu menyeleweng daripada hukum2 kewartawanan yang harus di-ikuti. Mereka mengutamakan kepentingan parti politik-nya hingga kepada soal berita p u n, mereka harus terasa mustahak untuk mengamalkan sikap politik yang berat sa-belah itu.

Umpama-nya kalau pemberita itu sa-orang ahli UMNO, tentu-lah dia lebeh mengutamakan kepentingan parti-nya itu. Berita itu di-buat demikian rupa supaya parti-nya tidak menempoh sa-barang kerugian pengaruh. Demikian juga kalau pemberita itu ahli Parti Negara, berita itu tentu-lah di-sesuaikan dengan kepentingan parti-nya dan sa-terus-nya kepada pemberita2 parti lain.

Satu soal yang penting yang rasa-nya perlu untuk di-sebut juga dalam ruangan ini ia-lah sa-tengah2 pemberita yang berparti sa-umpama ini tidak atau jarang2 dapat menelorkan berita yang objektif, berita yang di-tulis dengan tidak mempunyai niat untuk mempengaruhi para pembacha.

Berita2 itu, kalau sa-kira-nya kecil, sengaja di-besar2kan sa-lama usaha demikian dapat menguntongkan p e h a k parti-nya.

Kadang2 si-pemberita sanggup pula menyebut perkara2 yang datang dari fikiran-nya sendiri, tetapi kerana kebijaksanaan-nya menyusun berita itu dan menggunakan jalan bahasa yang tepat dan padat, maka segala soal yang tidak menjadi sa-bahagian daripada berita itu telah dapat di-telorkan sa-bagai berita untok dapat pula mempengaruhi si-pembacha.

Saya ingin memesan kapada saudara2 manakala menjadi pemberita kelak, supaya jangan bersikap sa-umpama itu. Sa-orang pemberita yang jujur ada-lah pemberita yang tulen. Jangan kita beritakan sa-suatu kejadian lebeh baik atau lebeh burok daripada yang sa-benar-nya terjadi. Yang hitam harus di-beritakan hitam, yang puteh harus pula di-katakan puteh.

Sa-berapa boleh kita harus melepaskan diri kita daripada kepentingan2 parti manakala membuat berita. Ini-lah yang di-panggil "impersinal atau onpersoonlijk", terlepas daripada keinginan, pengharapan atau penglihatan kita sendiri.

Sa-orang wartawan Indonesia bernama Tuan Sumarang, ketika memperkatakan soal ini, telah berkata:

"Sa-orang pemberita harus memandangi diri-nya sa-bagai alat potret (pengambil gambar). Apa yang ada dan apa yang terjadi, itu-lah yang di-gambarkan, tidak lebeh dan juga tidak kurang. Berita harus menggambarkan dan berdasarkan fact2, feitan atau kenyataan dan kejadian sa-mata2. Pemandangan, pendapat atau fikiran yang membikin-nya jangan sa-kali2 di-masokkon dalam sa-buah berita".

Demikian kata wartawan Indonesia yang terkenal itu. Sa-bagai sa-orang wartawan di-Tanah Melayu, saya juga sa-pendapat dengan apa yang di-perkatakan itu. Bahkan kenyataan2-nya itu di-setujui juga oleh wartawan2 lain umum-nya. Dalam hubungan ini juga kita harus mengingat kenyataan yang di-buat oleh sa-orang wartawan Inggeris bernama Walter Scott, sekarang sudah meninggal dunia, yang berkata:

"News are sacred, comment it free....." "Berita ada-lah suci, ulasan ada-lah bebas....." Wartawan Inggeris ini, yang memimpin akhbar "Manchester Guardian" menchuba menerangkan bahawa untok menulis satu2 berita kita harus menjamin bahawa apa yang di-tulis itu berdasarkan fact2 yang sa-benar, tidak bersifat berat sa-belah, dan jujur. Itu-lah yang di-panggil-nya tadi "News are sacred". Tetapi untok para pemberita yang ter-

lalu ingin untuk menyatakan fikiran-nya berdasarkan minat atau kechenderongan-nya pada satu2 parti politik, maka kenyataan atau fikiran-nya itu boleh-lah di-lahirkan dalam ruangan lain, bukan dalam ruangan berita.

Ruangan lain itu ia-lah ruangan rencana, ruangan yang memang di-sediakan untuk sa-siapa pun menyatakan fikiran dan pendapat-nya terhadap apa pun juga, dalam bentuk rencana. Itu-lah maka dia berkata: "Comments are free...".

Kenyataan itu boleh juga kita terima sabagai satu anjoran kepada pemberita2 bahawa tiap2 berita yang mereka tulis harus di-pandang sa-bagai sa-suatu yang mulia dan suci yang tidak boleh di-champur adokkan dengan unsur2 lain yang mengandongi niat2 politik.

Tadi telah saya katakan bahawa pemberita di-tugaskan oleh pengarang-nya untuk mengutip sa-tiap berita, tegas-nya menchari bahan2 yang di-perlukan untuk berita tersebut.

Di-pejabat2 suratkhobar yang besar, sa-perti suratkhobar Straits Times, umpama-nya, Jabatan Pemberita-nya mempunyai sa-buah buku dairi, dalam mana di-chatatkan tempat2 yang mesti di-pergi-nya sa-tiap hari kerana ada hal2 yang penting berlaku untuk dapat di-jadikan bahan berita. Katakan-lah sa-orang Perdana Menteri asing hendak singgah di-lapangan terbang Kuala Lumpur dalam perjalanan-nya kembali ka-tanah ayer-nya. Maka perkara ini akan di-chatatkan dalam buku itu supaya pada hari persinggahan-nya itu, sa-orang wartawan dapat di-hantar ka-lapangan terbang untuk menginterbiu perdana menteri tersebut. Buku dairi ini memang di-untokkan bagi menchatatkan perkara2 penting yang berlaku dan yang mesti di-dapatkan bahan-nya untuk siaran akhbar.

Maka sa-bahagian besar dari tugas kaum wartawan biasa-nya di-tentukan sendiri oleh News-Editor (pengarang berita) akhbar tersebut, sama ada untuk perkara2 yang telah di-chatatkan dalam buku chatatan itu mahu pun yang belum. Kuasa mengirinkan pemberita dan tukang gambar terletak pada News-Editor itu.

Wartawan2 pada umum-nya mendapatkan ma'alumat2 untuk di-jadikan bahan sa-tiap hari ada-lah dengan melalui tiga chara yang penting:

PERTAMA: MENDUGA

Jika peristiwa atau kejadian yang hendak di-beritakan itu ada-lah satu achara yang memang telah sedia di-duga dan di-nantikan — sa-perti rapat umum, perlawanan bola, atau pun kedatangan sa-orang pembesar asing ka-Kuala Lumpur — sa-orang wartawan akan di-tugaskan untok pergi ka-tempat itu. Biasa-nya perkara2 sa-perti ini telah memang di-chatatkan dalam buku dairi di-Jabatan Pemberita itu.

Katakan-lah satu rapat umum anjoran Parti UMNO, untok saya jadikan contoh dalam bidang ini. Dengan menyaksikan apa yang berlaku, siapa yang beruchap, apa yang di-sharahkan, apa keputusan yang di-chapai, apa pula kesan pada penonton2 yang hadir, dan sa-ribu satu macham lagi tentang kejadian itu, wartawan itu dapat melaporkan kapada sidang pembacha-nya apa yang telah berlaku dalam rapat itu.

Tetapi untok satu berita yang maseh mempunyai perkembangan2 lagi, wartawan itu akan sa-kali lagi melawat ka-tempat itu dan menyaksikan lebeh chermat lagi segala sa-suatu yang berlaku di-tempat itu. Sa-orang wartawan yang chekap mesti mempunyai kebolehan untok mengingat sa-suatu. Dia mesti boleh mengingat walau sa-kecil mana pun sa-suatu bahan itu, dan kebolehan yang demikian ada-lah penting untok semua kaum wartawan yang ingin menchapai kemajuan yang lebeh pesat lagi.

Orang yang lembab fikiran-nya dan lambat untok memikirkan sa-suatu ada-lah satu kerugian untok dapat menjadi wartawan yang chekap. Wartawan2 harus mempunyai buku2 kecil untok menchatat apa yang di-saksikan-nya. Ini ada-lah penting, sa-kali pun kapada wartawan2 yang kuat daya pemikiran dan ingatan-nya. Kita tidak boleh mengharapkan otak kita untok mengingat semua perkara2 perinchian yang kita saksikan itu. Menchatat bahan2 yang kita saksikan itu dalam buku kecil ada-lah satu usaha yang baik sa-bagai jaminan bahawa bahan2 yang akan di-siar-kan itu ada-lah tepat dan benar. Buku kecil ini juga dapat menolong kita mengingatkan sa-mula bahan2 yang mungkin kita lupa. Buku kecil ini mesti ada di-samping tiap2 wartawan, baik ka-mana pergi-nya.

KEDUA: TEMU RAMAH (INTERBIU)

Ada-lah menjadi satu kebiasaan bahawa sa-orang wartawan tidak dapat memperlihatkan diri-nya di-tempat di-mana satu2 ke-

jadian itu berlaku. Wartawan hanya datang manakala kejadian tersebut sudah berlaku.

Dalam hubungan ini dia terpaksa mendapatkan bahan2-nya dari orang2 atau pihak2 yang terlibat dalam kejadian itu atau pun daripada orang2 yang menyaksikan kejadian tersebut.

Oleh kerana wartawan tadi tidak ada di-tempat itu manakala kejadian itu berlaku, ia terpaksa-lah mendapatkan fact2-nya itu dari orang2 yang saya katakan tadi melalui temu2 ramah atau interbiu2, sama ada sa-chara berjumpa sendiri atau pun melalui talipon. Untok mendapatkan bahan2 itu, wartawan itu harus lebeh dahulu menchari orang2 atau pihak yang mengetahui atau pun ada perhubungan rapat dengan kejadian itu. Kemudian dia mesti berusaha untok mendapatkan kerjasama mereka supaya dapat memberikan ma'alumat2 yang di-perlukan-nya itu. Sa-baik2 sahaja sa-orang wartawan itu telah menemui orang yang di-perlukan-nya itu, dia akan mengemukakan beberapa pertanyaan untok mendapatkan ma'alumat2 yang perlu. Chara mendapatkan ma'alumat2 itu, yang di-lakukan sa-chara tanya-jawab, di-panggil interbiu dan ini memerlukan kepandaian, kebijaksanaan serta pengalaman yang wajar.

Interbiu memang-lah merupakan salah satu tugas para pemberita, tugas yang penting juga kalau di-perhitong dari beberapa segi kewartawanan. Bahkan tugas itu oleh sa-tengah2 wartawan baharu, wartawan2 yang baharu sahaja mengechempongan diri dalam dunia kewartawanan atau persuratkhabaran, ada-lah sukar untok di-jalankan kechuali oleh mereka telah di-ketahui lebeh dahulu chara yang sa-baik2-nya untok menjalankan interbiu tersebut.

Maka itu-lah sebab-nya saya menghuraikan soal tersebut dalam "WARTAWAN DALAM SA-RIBU SUASANA" ini, moga2 akan berguna kapada semua peminat2 kewartawanan, yang ingin satu masa kelak hidup dan bertugas sa-bagai wartawan.

Interbiu ia-lah satu pertemuan antara pemberita dengan orang lain untok mendapatkan pendapat, fikiran, keterangan, penerangan, pertimbangan atau komen terhadap sa-suatu perkara yang penting, perkara yang ingin di-ketahui oleh para pembacha, perkara yang di-fikirkan menjadi minat orang ramai pada satu2 ketika yang tertentu.

Tetapi untuk menjalankan tugas itu bergantung pula kepada beberapa hal yang sudah wajar-nya menjadi pandangan dan pandangan kepada pemberita2 yang menginterbiu itu. Mereka hendaklah chekap mengutarakan pertanyaan2 yang di-kehendaki agar ma'alumat2 atau bahan2 atau pun fact2 yang di-perlukan dapat di-berikan oleh orang yang di-temu ramah itu.

Oleh kerana interbiu merupakan satu ujian kepada kejayaan satu2 pemberita, maka oleh wartawan yang menjalankan interbiu itu hendaklah tahu dan faham soal yang hendak di-dapatkan fikiran orang yang di-temui-nya itu. Andaikata soal yang hendak di-jadikan bahan temu ramah itu ia-lah soal tentang konsep Melayu Raya, maka pemberita itu haruslah tahu sa-dapat yang boleh soal2 mengenai konsep itu dan perbincangan orang ramai tentang rancangan itu.

Pemberita itu mesti dapat mengetahui dan memahami segala perbincangan yang berlaku di-kalangan raayat di-kelima2 wilayah yang akan membentok negara Melayu Raya itu, dan segala sesuatu yang mengenai sambutan dan reaksi masharakat terhadap soal tersebut.

Selanjut-nya pemberita itu perlu juga menyiasat lebeh dahulu akan perawakan atau peribadi orang yang mereka hendak interbiu itu. Ini juga satu sumbangan atau pertolongan kepada pemberita tadi untuk menjalankan tugas-nya dengan sa-baik2-nya dan sa-ranchak2-nya.

Ada-kah orang yang mereka hendak menemu ramah itu mempunyai peribadi atau sifat2 bengis, lemah lembut, peramah, som-bong, pendiam? Semua-nya ini dapat menolong dan membantu si-pemberita dalam menjalankan temu ramah itu. Bahkan sa-tiap pertanyaan yang mereka kemukakan itu hendaklah di-chochokkan dengan keadaan peribadi orang yang di-interbiu itu.

Dalam menjalankan satu2 interbiu, jangan-lah tergesa2. Ambil-lah waktu lebeh lama sedikit.

Bualkan soal2 lain dahulu sa-belum sampai untuk menemu ramah soal2 yang di-hajatkan. Kalau dapat perbualkan-lah soal2 yang boleh mendatangkan minat kepada orang yang hendak di-interbiu itu. Umpama-nya kalau orang itu ia-lah sa-orang pegawai bomba, maka perbicharakterkan-lah dahulu soal2 tentang bomba. Tanya-lah dia kesan tentang kebakaran2 yang besar yang pernah berlaku dan yang pernah dia menyertai dalam bidang pemadaman-

nya. Semua-nya ini dapat memeserakan orang yang di-interbiu itu dengan pemberita yang menginterbiu tadi. Dalam hubungan ini, kita jangan selalu menunjol2kan diri kita sendiri. Kalau boleh jangan sa-kali pun menyebut perkara2 yang boleh memberi minat kepada kita sedangkan perkara itu tidak memberi minat kepada orang yang di-interbiu itu.

Dalam menemu ramah orang itu, kita hendak-lah mengelakkan diri dari di-sangka oleh orang yang di-interbiu itu sa-olah2 memaksakan pada diri-nya. Kita jangan sa-kali mendatangkan sangkaan pada mereka bahawa kita hendak memaksa mereka memberikan pendapat dan pertimbangan-nya atau pun ulasannya. Biar-lah dalam temu ramah itu terwujud suasana gembira dan muhibbah antara yang menginterbiu dengan yang di-interbiu. Setengah pemberita biasa-nya memberi keyakinan dan kepercayaan kepada orang2 yang tidak biasa di-interbiu wartawan untuk memberikan pendapat-nya dengan terus terang dan tidak ragu2.

Sa-belum satu2 interbiu di-adakan, si-pemberita hendak-lah lebeh dahulu bersiap sedia dengan pertanyaan2 yang hendak di-kemukakan-nya. Pemberita2 yang tidak mengemukakan pertanyaan2 yang tepat dan tidak menyeleweng daripada perkara yang di-perbicharakan, maka biasa-nya boleh menyenggong orang yang di-interbiu itu. Untuk mengelakkan terjadi-nya perkara itu, maka oleh pemberita hendak-lah dahulu menyiapkan pertanyaan2-nya dengan menchatat dalam buku2 kecil-nya. Akan di-ingat, tiap2 wartawan mesti-lah mempunyai buku kecil yang biasa-nya disediakan khas oleh sharikat2 akhbar tempat dia berkhidmat.

Pertanyaan2 itu hendak-lah di-susun sa-demikian rupa supaya pertanyaan2 tersebut dapat di-kemukakan dengan chara yang terator dan lancar, senang dan mudah di-ikuti oleh pihak yang di-interbiu. Tetapi untuk pemberita2 yang lebeh berpengalaman, pertanyaan2 itu ta' payah di-tulis dalam buku kecil, bahkan di-ingat-nya sahaja dalam otak. Dengan chara ini akan terjimat-lah waktu yang di-pergunakan dalam satu2 interbiu itu. Biasa-nya orang2 yang terkemuka dan berkedudukan penting, seperti manager2 perusahaan dan sa-bagai-nya, mereka membatasi waktu interbiu itu.

Umpama-nya kalau kita menginterbiu sa-orang ahli perniagaan yang penting, maka sa-belum kita melakukan interbiu itu, dia akan berkata kepada kita: "Saya hanya boleh beri awak 10 minit sahaja." Maka dalam 10 minit itu-lah kita mesti pandai

menggunakan waktu supaya segala soal yang kita perlukan itu sempurna belaka di-beri oleh pihak yang di-interbiu itu. Tetapi bagi pemberita2 yang tidak mempunyai persediaan lebeh dahulu, tentu-lah menyukarkan-nya untuk mendapatkan ma'alumat2 yang di-perlukan itu. Bahkan waktu yang 10 minit itu sahaja dapat menggamamkan pemberita tadi hingga satu ma'alumat pun tidak boleh di-dapati-nya. Maka itu interbiu-nya itu tidak berlebehan kalau di-katakan tidak memberikan hasil yang baik dan memuaskan.

Saperti yang saudara2 ma'alumi, tujuan satu2 interbiu itu ialah untuk mendapatkan sa-banyak2 ma'alumat, keterangan, ulasan dan pertimbangan. Dalam hubongan ini, pemberita2 jangan-lah banyak chakap, bahkan biar-lah orang yang kita interbiu itu ber-bicara atau berchakap lebeh banyak. Tetapi ada sa-tengah2 pemberita, terutama sa-kali pemberita2 baharu, lebeh banyak berchakap daripada orang yang ditemu ramah itu. Ini ada-lah satu kesalahan atau kesilapan yang besar yang mesti di-elakkan oleh saudara2 manakala saudara2 menjadi pemberita kelak. Bahkan kadang2 berlaku pula pertengkaran antara pemberita dengan orang yang di-temu ramah-nya itu.

Kalau sekira-nya kita memberi peluang orang yang kita interbiu itu banyak berchakap, maka lebeh banyak pula-lah bahan yang kita dapat untuk di-jadikan berita kita.

Namun demikian tidak-lah pula berarti bahawa pemberita tidak boleh bertukar2 fikiran dengan orang yang di-temu ramah itu. Tetapi pertukaran fikiran tidak-lah berma'ana mewujudkan pertengkaran. Kalau pemberita itu bijak, maka dia boleh menggunakan fikiran itu sa-bagai satu jalan untuk menunjukkan kepada pihak yang di-interbiu itu darjah-nya sa-bagai pemberita. Pertukaran fikiran yang boleh di-lakukan dengan chara yang bijaksana, ramah dan mesera, akan mengikat perhubungan baik antara pemberita dengan orang yang di-interbiu itu. Dalam hubongan ini, pemberita2 hendak-lah ingat bahawa berlaku sopan dan beramah tamah dalam keadaan goodwill atau muhibbah ada-lah dasar utama untuk menjadi pegangan tiap2 wartawan dalam melakukan satu2 temu ramah.

Sa-tengah2 orang yang di-interbiu itu kadang2 keberatan untuk menjawab satu2 pertanyaan yang di-kemukakan oleh pemberita itu. Dalam hal ini si-pemberita hendak-lah memberi jaminan kepada orang yang di-interbiu-nya itu bahawa fikiran-nya

itu tidak akan di-siarkan dalam akhbar.

Dalam pengalaman saya sendiri dalam hal ini, saya dapati jaminan seperti ini biasa-nya dapat memujuk orang itu memberikan pendapat-nya atas perkara itu yang oleh pemberita tadi dapat pula di-jadikan latar belakang pengetahuan-nya sendiri. Tetapi pemberita itu hendak-lah memegang tegoh jaminan-nya itu. Ingat-lah bahawa tiap2 sa-orang pemberita mesti-lah jujur dan lohor dalam sifat-nya. Ini penting kerana kalau jaminan ini tidak di-pegang tegoh, maka goodwill atau perasaan muhibbah dan kepercayaan orang yang di-interbiu itu terhadap pemberita tadi akan hapus. Mungkin orang yang di-interbiu itu sa-orang pemimpin masyarakat, dan orang2 ini selalu sahaja boleh di-jadikan puncha mendapatkan berita. Maka kalau orang2 sa-umpama ini telah hilang kepercayaan-nya terhadap kita, maka sukar-lah bagi kita untuk mendapatkan berita2 lagi daripada-nya kerana mereka tidak yakin lagi kepada kita akibat jaminan yang tadi-nya kita berikan kepada-nya itu tidak di-pegang tegoh.

BAGAIMANA NA' MELAKUKAN INTERBIU:

Sa-orang wartawan harus memulakan interbiu-nya dengan mengenalkan diri-nya sendiri kepada orang yang hendak di-temu ramah. Kemudian baharu-lah mengemukakan pertanyaan2 yang di-perlukan dan dalam hubungan ini saudara pembacha harus ingat bahawa pertanyaan2 itu harus tepat dan terus terang, tidak meleret2 dan tidak berpusing2.

Supaya dapat mengemukakan pertanyaan2 baharu yang tadi-nya tidak terlintas pada fikiran wartawan dia harus mendengar sa-chara chermat dan hati2 jawapan2 yang di-berikan kepada-nya itu. Biasa-nya bahan2 yang mustahak boleh di-dapati dari jawapan2 yang di-tujukan kepada pertanyaan2 saudara yang hanya terlintas untuk di-soal sa-telah mendengar jawapan2 yang awal.

Wartawan harus ingat dan faham bahawa peranan-nya dalam masa interbiu itu ia-lah sa-bagai untuk mendengar dan mengarah interbiu itu sendiri, dan bukan untuk berbual atau bercheloteh. Ketika saudara2 mengemukakan pertanyaan2 itu, saudara harus menganggap sa-olah2 diri saudara sendiri ada-lah sidang pembacha, dan yang demikian saudara akan tahu apa yang ingin di-ke-tahui oleh pembacha dan apa yang mustahak untuk mereka.

Sa-orang wartawan pernah berkata bahawa sa-makin sedikit pertanyaan yang timbul di-fikiran pembacha sa-telah membacha

berita saudara, sa-makin baik berita itu pula. Dalam masa interbiu di-jalankan, wartawan itu perlu menchatat perkara2 yang penting di-buku kechil-nya. Tetapi bagi wartawan2 yang sudah bertahun2 berkechempong dalam lapangan persuratkhabaran, soal2 kechil tentu-lah tidak sa-demikian perlu untok ikut terchatat dalam buku tersebut. Wartawan2 yang berpengalaman mungkin dapat meletakkan keyakinan pada daya fikiran mereka untok mengingat soal2 yang kurang penting itu.

Pengetahuan trengkas sangat perlu kapada kaum wartawan untok menjalankan interbiu2 saperti ini. Menulis berita interbiu kadang2 dapat mengelirukan juga sa-tengah2 penuntut kursus wartawan yang belum pernah mengechempongan diri dalam bidang persuratkhabaran. Saya mendapat tahu sa-tengah2 penuntut yang di-minta membuat berita jenis interbiu, telah membuat-nya saperti dialogue drama atau sandiwara layak-nya.

Walalu pun interbiu bererti cheramah atau temu ramah dalam bahasa Melayu-nya, namun berita yang di-tulis itu tidak mustahak mesti berbentok senikata sandiwara atau drama. Saudara tidak perlu menyatakan si-Ali berkata demikian, si-pemberita bertanya bagitu, si-Awang berkata p u l a demikian, si-pemberita menjawab pula bagini.

Menulis berita, walau apa pun jenis-nya, termasuk berita interbiu juga, mesti-lah di-tulis saperti berita2 lain juga, dengan susunan dan gaya pentafsiran dan persembahan yang sama, di-samping menggunakan jalan bahasa yang tegas, tepat dan padat. Sa-orang penuntut, umpama-nya, telah menulis berita sa-umpama itu bagini:

P. ALI, SA-ORANG BINTANG FILEM MELAYU YANG TERKENAL DI-TANAH MELAYU, DALAM TEMU RAMAH-NYA DENGAN SAYA HARI INI, TELAH BERKATA BAHAWA FILEM2 MELAYU AKAN DI-TERBITKAN KIRA2 DUA TAHUN LAGI DALAM WARNA WARNI.

PEMBERITA: BAGAIMANA PENDAPAT SAUDARA TERHADAP KEMAJUAN FILEM2 MELAYU SEKARANG?

P. ALI: PESAT JUGA. DUA TAHUN LAGI FILEM2 MELAYU AKAN DI-TERBITKAN DALAM WARNA WARNI, SA-TANDING DENGAN FILEM2 BARAT.

PEMBERITA: TIDAK-KAH SAUDARA BERCHITA2 UNTOK MENDIRIKAN SA-BAUH STUDIO FILEM SENDIRI?

P. ALI: CHITA2 ITU ADA. TETAPI ONGKOS-NYA MASEH SUKAR DI-CHARI UNTOK MASA INI.

PEMBERITA: BAGAIMANA PENDAPAT SAUDARA TERHADAP KEMAJUAN FILEM2 INDONESIA?

P. ALI: SAYA KIRA, KEMAJUAN FILEM2 KITA LEBEH MAJU DARIPADA MEREKA. ISI FILEM2 INDONESIA BOLEH DI-KATAKAN MENGATASI FILEM2 MELAYU, TETAPI TEKNIK-NYA BARANGKALI LEBEH MAJU FILEM2 KITA.

PEMBERITA: TIDAK-KAH SAUDARA BERCHITA2 UNTOK PERGI KA-HOLLYWOOD GUNA MEMPELAJARI KEMAJUAN2 PERFILEMAN DISANA?

P. ALI: SAYA BERCHADANG AKAN PERGI KA-NEGERI ITU BULAN HADAPAN. SEGALA PERSIAPAN TELAH PUN BERES DI-LAKUKAN.

Bagitu-lah berita interbiu yang di-tulis oleh sa-orang penuntut. Berita itu belum boleh di-katakan berita, kerana susunan saperti ini ia-lah susunan dialogue drama atau sandiwara. Namun demikian isi2 atau fact2 dari berita ini boleh menjadi satu berita yang baik mutu-nya kalau sekira-nya di-susun kembali saperti berita yang sa-benar. Untok itu lihat-lah chontoh yang di-buat oleh saya, berdasarkan fact2 di-atas itu:

SINGAPURA, KHAMIS. — Sa-orang bintang filem tempatan yang terkemuka, Inche P. Ali, yang juga pernah mengarahkan beberapa buah filem keluaran sharikat filem "Antari", akan bertolak ka-Hollywood bulan hadapan untok mempelajari kemajuan2 perfileman di-sana.

Dalam satu temu ramah dengan-nya hari ini, Inche P. Ali berkata: "Persiapan2 untok pemergian itu telah pun beres. Saya harap dapat mempelajari kemajuan2 filem di-kota itu untok dapat di-gunakan pula bagi memajukan perfileman di-Tanah Melayu."

Seniman ini menyatakan juga keinginan-nya untok membuka sa-buah studio sendiri "jika ongkos-nya ada."

Inche P. Ali mengumumkan juga bahawa filem2 Melayu akan

mulai di-terbitkan dalam warna warni dua tahun lagi. Dia tidak pula menyebut studio2 yang akan memulakan langkah ini, tetapi saya yakin usaha2 itu akan di-jalankan sendiri oleh studio yang akan di-dirikan-nya kelak.

Tentang kemajuan2 filem Indonesia, kata-nya, teknik-nya agak kurang baik jika di-bandingkan dengan filem2 Melayu. Tetapi dia memuji isi filem2 negeri tetangga kita itu.

Demikian susunan berita yang sa-benar yang sa-harus-nya di-buat untuk menulis satu berita tentang interbiu.

KETIGA: PENYELIDEKAN

Untuk mendapatkan ma'alumat2 yang lebeh luas, wartawan2 selalu-nya bergantung kapada risalah2, buku2 atau penerbitan2 lain yang sedia terchetak. Ini penting untuk mendapatkan ma'alumat2 untuk di-jadikan latar belakang kapada berita2 yang ditulis. Buku2 rekod rasmi, penyata2 Polis dan Hospital, risalah2 chukai pendapatan, buku2 rekod beranak, dan lain2 kerap kali memberikan ma'alumat2 yang tertentu yang di-perlukan oleh sa-orang wartawan untuk menyiapkan berita-nya.

Sa-tengah2 suratkhbar, seperti Straits Times, umpama-nya, mempunyai satu jabatan khas untuk maksud itu. Jabatan itu yang di-panggil Jabatan Kutub-khanah tidak sahaja menyimpan risalah2 sa-umpama itu bagi kegunaan wartawan2-nya, tetapi juga menyimpan file2 potongan akhbar dan gambar2 yang telah di-pakai oleh akhbar tersebut dalam siaran2-nya yang lalu.

Keterangan lanjut mengenai Jabatan ini ada di-buat dalam Bab lain.

Untuk menulis satu berita, jarang2 wartawan menggunakan hanya satu chara sahaja, bahkan telah menjadi sa tu kelaziman pula untuk menyiapkan berita yang lengkap dan penuh, ketiga2 chara itu di-amalkan dengan serentak.

* * *

BAB KESEMBILAN:

MENGARANG BERITA

Saperti juga lapangan2 lain, lapangan wartawan pun mempunyai tingkat2 yang tertentu. Sa-saorang pemuda atau pemudi yang baharu sahaja mengechemponkan diri di-dalam lapangan kewartawanan, hendak-lah dahulu menjadi pemberita atau reporter sa-belum boleh menjadi sa-orang pengarang atau editor.

Maka itu ini-lah saya huraikan chara2 membuat berita kepada saudara2, dan saya perchaya saudara2 dapat mengikuti bahagian ini dengan baik dan teliti, chochok dan sesuai dengan keazaman saudara untok menjadi sa-orang pemberita di-kemudian hari.

Berita2 yang di-siarkan dalam akhbar2 sa-tiap hari itu tergulong dalam beberapa jenis. Ada berita politik, ada berita ekonomi, ada berita sosial, ada berita akademik dan sa-terus-nya.

Berita saperti rapat umum di-katakan di-dalam gulongan berita politik, berita2 saperti kechurian, rompakan dan pencholekan ada-lah tergulongan dalam gulongan berita jenayah, berita2 tentang harga getah, harga pasar, kedudukan pasaran timah dan sa-bagai-nya tergulong dalam berita2 yang berchorak ekonomi atau perniagaan. Berita2 perkahwinan, perjumpaan kebajikan, pembenaan jala raya dan sa-bagai-nya di-namakan berita2 sosial, ia-itu yang mengenai soal kemasharakatan. Sa-tiap pagi kita menatapi suratkhobar, kita akan dapati pelbagai jenis berita di-siarkan oleh suratkhobar itu. Ada berita rompakan, ada berita rapat umum, berita ucapan pembesar2 kita dalam majlis2 rasmi, berita tentang pembukaan sharikat2 perniagaan, berita tentang gadis kahwin lari, budak kehilangan ibu, isteri meninggalkan suami, berita percheraian di-mahkamah2 syariah, berita2 tentang lawatan Menteri keluar negeri atau melawat projek2 pembangunan luar bandar, berita2 Ustadz Dahalan menangkap pemuda pemudi yang berkhalwat dan seribu satu macham lagi, yang semuanya boleh di-katakan menarek hati.

CHARA MENGARANG BERITA PERKAHWINAN:

Jarang2 soal perkahwinan di-jadikan berita. Soal2 perkahwinan hanya pernah di-jadikan keterangan gambar kalau sa-kira-nya gambar2 persandingan itu ada untuk di-siarkan dalam akhbar2 itu.

Tetapi perkahwinan2 antara pembesar2 negeri atau orang2 kenamaan atau antara anak2 raja, tentu-lah mendapat perhatian daripada akhbar2. Akhbar2 di-tanah ayer kerap menjadikan soal2 ini sa-bagai berita2 besar di-muka depan. Tetapi ada juga kadang2 hanya di-jadikan berita2 kecil sahaja. Dalam bahasa Inggeris, berita2 kecil di-panggil "Fillers" kerana berita2 itu hanya di-siarkan untuk menyendal tempat2 kosong yang kecil dalam akhbar2 itu.

Bagaimana pun mari-lah kita mengikuti satu berita (chontoh berita). Dan chontoh ini amat berguna kapada saudara2 jika saudara2 ingin membuat berita2 sa-umpama itu di-suatu hari kelak.

SINGAPURA KHAMIS. — Tengku Mohammad bin Tengku, 37 tahun, dari Jabatan Kesihatan, Negeri....., telah melangsungkan perkahwinan-nya dengan Puan Sharifah Azah, 21 tahun, di-Singapura hari ini.

Pengantin perempuan ia-lah pegawai.....dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat..... Tengku Mohammad ia-lah putera sulong Tengku..... dari Singapura. Majlis persandingan akan di-langsungkan pada malam Abad ini di-rumah bapa pengantin perempuan di-Siglap.

Demikian berita tentang perkahwinan. Berita ini sa-benarnya bukan satu berita yang betul, malah hanya rekaan2 sahaja. Sebab itu-lah maka di-pakai titik2 sahaja pada tempat2 yang ta' perlu di-tegaskan. Bagaimana pun itu-lah chara yang tepat dan padat untuk menulis berita sa-umpama itu.

Menulis berita tentang perkahwinan, yang penting sa-kali ia-lah nama kedua mempelai itu. Di-samping itu, tempat perkahwinan tersebut di-langsungkan, pekerjaan kedua2 pengantin tadi dan kalau orang tua2 salah satu mempelai itu (atau pun kedua2-nya) ada-lah orang2 yang terkemuka, maka hendak-lah di-sebutkan sa-kali dalam berita tersebut.

CHARA MENULIS BERITA JENAYAH (ia-itu tentang kejadian2 rompakan, kechurian, pencholekan dan sa-bagai-nya).

Menulis berita tentang jenayah ada-lah satu daripada rangkaian2 berita yang sukar sa-kali. Berita2 sa-umpama itu bukan mudah di-buat dan tidak pula dapat di-lakukan oleh sa-barang pemberita akhbar.

Biasa-nya berita2 sa-umpama ini di-kendalikan oleh pemberita2 khas yang di-panggil "Crime Reporters" atau pun "Pemberita Jenayah". Pemberita2 tersebut mempunyai tanggung jawab yang besar dan berat untuk menentukan bahawa apa yang mereka tulis ada-lah kenyataan dan hakikat yang benar belaka, di-sador dari sumber2 yang rasmi.

Di-sa-tengah2 negeri, pihak Jabatan Penyiasat Jenayah (C. I. D.) ada mengadakan "persidangan2 akhbar khas" untuk memberi ma'alumat2 mengenai kejadian2 jenayah kepada akhbar2. Persidangan2 akhbar tersebut kadang2 di-lakukan sa-minggu sa-kali, atau dua tiga hari sa-kali, dan ada juga negeri2 lain yang mengadakan sa-tiap hari pada waktu2 yang di-tentukan.

Melalui Jabatan Penyiasatan Jenayah itu-lah akhbar2 mendapatkan berita2 jenayah-nya, dan bantuan sa-umpama ini adalah satu kerjasama yang sangat bernilai kepada lapangan persuratkhabaran tanah ayer.

Tiap2 suratkhbar mempunyai pemberita jenayah-nya sendiri yang boleh di-katakan senentiasa membuat perhubungan dengan pihak yang berkenaan.

Antara berita2 jenayah yang selalu sa-kali di-lihat dalam surat2khabar ia-lah berita2 rompakan. Mungkin kerana rompakan ada-lah kejadian2 biasa di-negeri ini, satu hal yang tentu-nya mendapat perhatian bukan dari pihak2 berkuasa tetapi juga pihak umum.

Maka itu untuk permulaan dalam rangkaian berita ini, marilah kita menulis atau menhuba mempelajari chara2 menulis satu berita rompakan. Berita ini rekaan sahaja. Dalam menulis berita2 sa-umpama ini, antara fact2 atau kenyataan2 yang perlu kita chatatkan sa-belum menerima berita2 tersebut ia-lah tempat kejadian itu, masa kejadian tersebut berlaku, suasana pada waktu kejadian itu berlaku, mangsa2 perompakan itu, rupa (jika boleh di-di-lihat) perompak2 itu (umpama-nya tinggi badan mereka, adakah mereka bertopeng-waktu melakukan rompakan tersebut atau pun hanya menggunakan sapu tangan sahaja untuk menutup muka mereka supaya jangan di-kenal orang dan sa-bagai-nya), bagai-

mana perompakan itu di-lakukan (umpama-nya sa-tengah2 kejadian rompakan, perompak2 itu menchurahkan serbok lada kepada mata mangsa2 itu dan sa-bagai-nya), dan akhir-nya kita chatatkan tentang kesan2 dari rompakan2 itu, ia-itu apa yang telah di-rompak dan perkembangan2 sa-lanjut-nya yang mengekor kejadian itu.

Dalam hubungan ini tidak juga kurang penting-nya untuk kita menchatetkan kegiatan2 atau siasatan2 yang di-lakukan oleh polis untuk menangkap perompak2 itu, orang2 yang di-shakki yang telah di-tahan untuk di-soal dan sa-bagai-nya. Sa-perkara lagi yang mesti di-chatetkan ia-lah bahawa pemberita itu hendak-lah menemui juruchakap polis menyatakan fikiran atau ulasan-nya tentang kejadian tersebut.

Sekarang ikuti-lah satu berita rompakan (rekaan) dan perhatikan-lah fact2 yang di-tulis dalam berita ini:—

BANDAR LAMA, Juma'at — Dalam satu samunan sa-chara kilat, tiga orang penyamun yang bersenjata — dua orang menggunakan revolver dan sa-orang lagi memakai pisau — telah menyamun barang2 kemas berharga kira2 \$500 dari sa-buah kedai emas di-Jalan Kechil di-sini hari ini.

Samunan yang di-lakukan bertepatan dengan waktu lepas makan tengah hari manakala pelanggan tidak ramai lagi di-Taman Selera di-sa-belah kedai emas itu. Tiga orang penyamun itu masuk ka-dalam kedai emas tersebut dan menahan Pak Maidin, 42 tahun, dan penolong-nya, Haji Wahid, 27 tahun.

Dengan mengeluarkan revolver dua daripada tiga orang penyamun itu memaksa taukeh itu dan penolong-nya pergi ka-bilek belakang. Sa-orang penyamun mengachukan revolver-nya ka-perut taukeh Maidin sementara sa-orang lagi memukul bahu penolong taukeh itu manakala Haji Wahid menchuba menentang-nya.

Taukeh Maidin memberitahu pemberita kita hari ini: "Penyamun yang ketiga telah mengeluarkan sa-bilah pisau sambil pergi ka-tempat menyimpan barang2 emas dan mengambil barang2 emas yang tersimpan di-dalam peti kacha dalam kedai itu. "Sa-belum saya sedar apa yang telah berlaku, penyamun2 itu telah tidak ada lagi di-kedai. Segala2-nya berakhir dalam masa lima minit sahaja," kata-nya. Pakar2 chap jari dari CID telah mereksa kalau2 ada bekas2 jari tetapi tidak berhasil, Polis di-

beritahu bahawa ketiga orang penyamun itu telah mengintip kedai itu dari pagi2 lagi. Menurut sa-orang pekedai yang tinggal berhampiran di-situ dia terasa pelek manakala melihat tiga orang pemuda berulang alek melalui kaki lima kedai beberapa kali dengan tidak membeli apa2. Dia telah mengangkat talipon untuk memberitahu polis tentang hal itu, tetapi terpaksa meletakkan balek talipon-nya kerana sa-orang pelanggan masuk ka-kedai. Penyamun2 itu tidak bertoping ketika melakukan samunan itu.

BAGAIMANA HENDAK MENULIS BERITA TENTANG PILEHAN RAYA:

Pilehan raya yang saya maksudkan dalam soal ini bukan pilehan raya umum, tetapi pilehan raya yang di-adakan di-satu2 kawasan sahaja, umpama-nya pilehan raya kecil atau pun yang di-panggil dalam bahasa Inggeris-nya "bye-election".

Maka untuk menulis berita2 pilehan raya sa-umpama itu, beberapa hal patut di-chatetkan. Untuk mengelakkan daripada keraguan saudara dalam hal ini, biar-lah berita ini konon-nya kita buat pada hari pilehan raya itu sendiri, ia-itu ketika keputusan pilehan raya tersebut maseh menjadi dugaan atau ramalan orang.

Berita2 sa-umpama ini kalau sekira-nya tidak di-tulis dengan pandai, tentu-lah akan mengechewakan para pembacha akhbar itu. Kerana pembacha2 pada hari itu, terutama sa-kali pembacha yang tinggal di-kawasan tempat pilehan raya di-adakan, ingin mengikuti perkembangan2 yang mungkin berlaku dan apa pula fikiran akhbar terhadap keputusan yang mungkin terchapai hari itu.

Dalam hubungan ini, yang penting sa-kali yang patut kita sebutkan dalam berita itu ia-lah tentang dugaan yang tepat pada chalun mana-kah kemenangan itu akan jatuh. Dalam memuat dugaan atau ramalan itu, mesti-lah di-seretkan sa-kali sebab2 yang mungkin sa-orang chalun itu menang, berdasarkan fact2 yang tepat dan padat chochok dengan perkembangan yang sa-benar-nya berlaku di-kawasan itu semenjak kempen pilehan raya di-adakan

Sa-bagai chontoh saya ingin menuliskan satu berita yang ter-gulong di-bawah soal ini. Berita yang saya tulis ini hanya rekaan sahaja. Maka itu nama2 chalun dan tempat-nya pun sengkaja saya rekakan juga. Ikuti-lah berita itu hati2, dan pereksa-lah yang mana di-katakan fact dan yang mana tidak untuk menulis berita2 sa-umpama ini. Saya perchaya saudara2 dapat mengikuti-nya kerana berita ini di-tulis dengan mudah dan senang di-fahami:

SUNGAI KUALA, Rabu. — Pilihan raya Parlemen untuk kawasan Sungai Kuala akan di-putuskan esok dengan bekas Menteri Makanan dan Perkapalan, Inche Dol bin Dollah, menghadapi dua orang lawan dari Parti National dan Parti Ibu untuk merebutkan kerusi Parlemen yang ke-99.

Lawan2 Inche Dol ia-lah Tuan Haji Hashim bin Haji Ahmad dari Parti National dan Che' Minah binti Kadol dari Parti Ibu. Walau pun Inche Dol menghadapi dua orang lawan namun dugaan2 di-sini meramalkan bahawa Inche Dol akan dapat juga merebut kerusi itu.

Inche Dol, sa-orang chalun bebas, telah menjadi Menteri Makanan dan Perkapalan dalam Kerajaan yang lalu. Tenaga2 yang di-gerakkan oleh penyokong2 Inche Dol untuk menghadapi pilihan raya di-Sungai Kuala ini jauh lebeh besar dan lebeh lichin dari lawan2-nya.

Berhadapan dengan tenaga2 raksasa Inche Dol itu, pemerhati2 menduga bahawa kemungkinan untuk chalun Parti National, Tuan Haji Hashim bin Haji Ahmad, dan chalun Parti Ibu, Che' Minah binti Kadol, mengemukakan ancaman yang besar terhadap Inche Dol, sangat-lah tipis sa-kali.

Harapan Parti National untuk menang ada-lah terletak pada kedudukan Tuan Haji Hashim dahulu menjadi sa-orang ahli Majlis Meshuarat Negeri sa-bagai wakil ra'ayat di-kawasan ini.

Beliau mewakili Parti Melayu waktu itu tetapi telah keluar dari pada pertubuhan itu dalam bulan February tahun ini kerana soal2 dasar.

Chalun Parti Ibu, Che' Minah ia-lah sa-orang yang di-katakan daripada daerah lain untuk bertanding di-kawasan itu. Beliau ia-lah ketua penerangan Parti Ibu di-negeri Perak.

Che' Minah pernah bertanding tetapi kalah dalam pilihan raya kecil Parlemen di-kawasan Sungai Ulu. Juruchakap2 Parti Ibu dan Parti Kebangsaan hari ini menyatakan keyakinan mereka untuk memberi pertentangan yang hebat terhadap Inche Dol. Tetapi penyokong2 Inche Dol juga yakin akan menang.

Mereka berdasarkan keyakinan pada tiga faktor ini: Pertama: Parti Melayu yang dulu-nya Inche Dol sa-bagai sa-orang pemimpin-nya telah menang sa-ratus peratus dalam pilihan raya Negeri yang lalu. Kedua: Penyertaan Menteri2 Kerajaan dalam kempen

Inche Dol itu. Ketiga: Kenyataan-nya bahawa Sungai Kuala ialah tempat tumpah darah Inche Dol.

Jumlah pengundi2 kawasan Sungai Kuala ia-lah 23,100 dengan 15,101 pengundi Melayu dan 3,999 orang pengundi China manakala yang lain itu terdiri dari pengundi2 India dan bangsa2 lain.

Sa-jumlah 21 buah pusat membuang undi akan di-buka dan kebanyakan-nya akan di-buka mulai pukul 8 pagi. Sa-tengah2 pusat itu akan di-tutup pada pukul 6 petang manakala yang lain akan di-tutup pada pukul 5 atau 7 malam.

DEMIKIAN BERITA YANG SAYA JADIKAN CHONTOH tentang soal itu. Dalam berita yang di-tulis di-atas ini tentu-lah saudara dapat memerhatikan bahawa antara lain2 yang penting yang di-sebutkan ia-lah tentang faktor2 yang membawa keyakinan bahawa satu2 calon yang bertanding itu akan atau di-duga menang.

Juga saudara tentu-lah nampak bahawa bilangan pengundi juga mempunyai tempat dalam berita itu. Bilangan pusat mengundi, masa dan sa-bagai-nya yang boleh menolong para pengundi tahu kewajipan-nya pada hari mengundi itu ada-lah soal2 yang wajib dan mustahak di-sebutkan dalam berita ini.

Ada kala-nya satu2 kawasan pilihan raya itu mempunyai pusat2 mengundi yang di-tutup chepat daripada pusat2 mengundi yang lain. Hal ini kerana terpenchil-nya tempat2 itu dan barangkali kerana kechil-nya bilangan pengundi di-daerah itu. Maka soal2 ini juga hendak-lah di-sebut dan di-terangkan dengan sa-jelas2-nya dalam berita itu. Ini-lah satu penerangan yang boleh saya sifatkan faktor yang memberi penerangan kepada pembaca umum.

Umpama-nya: "Masa membuang undi yang paling singkat sa-kali ia-lah di-daerah yang terpenchil di-Pulau Ugang. Waktu membuang undi ia-lah dari pukul 9 pagi hingga 3 petang."

Demikian saya sebutkan sa-bagai chontoh tentang penerangan saya di-atas. Jika saudara suka, saudara boleh juga menginterbiu Penyelia Pilihan Raya kawasan itu tentang pendapat-nya terhadap bilangan pengundi2 yang akan keluar membuang undi-nya hari itu. Ini juga satu fact yang baik kalau di-sebutkan dalam berita sa-umpama ini. Pegawai itu tentu-nya tidak keberatan

untuk membuat dugaan-nya itu kepada akhbar, umpama-nya boleh kita tulis sa-bagai berikut:

"Penyelia Pilihan Raya Negeri, Tuan Kong Lee Lim, hari ini mentaksir bahawa lebih dari 80 peratus pengundi akan membuang undi-nya hari ini....."

BAGAIMANA MENULIS BERITA TENTANG PARLEMEN:

Sa-tiap kali Parlemen bersidang, sa-tiap kali saudara2 melihat halaman2 akhbar penuh sesak dengan berita2 Parlemen. Mengapa berita2 Parlemen di-beri perhatian bagitu berat oleh akhbar2, dan bagaimana berita2 itu di-susun demikian rupa hingga dapat menarek perhatian pembaca?

Tiap2 akhbar menghantar tidak kurang dari empat wartawannya untuk melaporkan persidangan Parlemen sa-tiap kali Dewan itu bersidang. Kadang2 Dewan itu mengadakan sidang-nya sahingga berminggu2 ta' putus2, membinchang dan meluluskan rang undang2 dan sa-bagai-nya untuk menjadi sendi hidup ra'ayat umum-nya.

Oleh kerana Parlemen ia-lah satu2-nya badan yang berkuasa untuk membuat dan meluluskan undang2 negeri, maka gerak langkah yang di-buat Parlemen tentu-lah ingin di-ketahui oleh ra'ayat umum-nya. Ra'ayat hanya boleh tahu gerak langkah itu melalui akhbar dan radio, dan kerana itu-lah akhbar2 memberikan perhatian-nya yang berat terhadap sa-tiap bahan yang boleh di-telorkan oleh Parlemen tiap2 kali bersidang.

Akhbar2 tidak berat sa-belah dalam melaporkan berita2 tentang sidang Parlemen itu. Satiap ucapan dari sa-tiap ahli Parlemen, sama ada dari Parti Kerajaan mahu pun parti pembangkang, akan di-beri tempat yang wajar mengikut mutu dan nilai tiap2 ucapan itu.

Untuk masuk ka-Parlemen, wartawan2-harus mempunyai kad istimewa yang dengan-nya sahaja akan membolehkan mereka mengikuti sidang itu. Bukan semua wartawan boleh di-benarkan masuk ka-Dewan tersebut. Tiap2 wartawan yang di-hantar untuk melaporkan berita2 Parlemen itu saperti juga lain2 orang yang masuk ka-Dewan yang mulia itu, harus memakai pakaian rasmi, sama ada pakaian kebangsaan atau pakaian lengkap chara Barat, dengan tali leher dan kot.

Tiap2 pemberita yang di-hantar oleh surat2khabar-nya tentu-lah sudah lebeh dahulu di-terangkan tugas-nya masing2 oleh pehak pengarang akhbar-nya itu. Ketibaan mereka dalam Dewan itu pasti sudah tahu apa yang harus di-buat dan di-lakukan dalam Dewan tersebut.

Sa-orang pemberita, umpama-nya, di-tugaskan untok mengutip sa-tiap bahan tentang Rang Undang2 A yang di-bahathkan hari itu. Sa-tiap soal yang di-bawakan dalam perdebatan rang undang2 itu mesti di-chatat dalam buku chatatan-nya. Sa-tiap hujjah atau fikiran yang di-utarakan oleh tiap2 ahli Parlemen sama ada dari Parti Kerajaan atau dari Parti Pembangkang, mesti-lah di-chatat sa-tu persatu, untok sa-kembali-nya ka-pejabat kelak, dapat di-jadikan satu berita yang besar dan menarek.

Ahli2 Kerajaan tentu-lah akan menyatakan sebab2 maka rang undang2 itu harus di-luluskan, sementara ahli2 p u a k pembangkang pula akan menyatakan alasan2-nya maka mereka membangkang rang undang2 tersebut. Masing2 tentu mengeluarkan point2 baharu yang hangat yang belum lagi di-sebut oleh ahli2 yang terdahulu daripada itu. Maka isi2 itu semua-nya menjadi chatatan dan akan menjadi bahan yang penting untok menulis berita2 yang hangat.

Pemberita yang kedua akan di-tugaskan melaporkan Rang undang2 B. Dia sahaja-lah akan mengikuti perdebatan tentang Rang undang2 B itu. Sementara itu pemberita yang telah mengikuti perdebatan atas rang undang2 A tadi akan keluar sa-kejap untok membuat berita dari perdebatan yang telah di-ikuti-nya tadi. Ia tidak sanggup membuang masa, tambahan pula berita itu tentu dapat di-tulis-nya dengan baik ketika itu juga daripada kalau menunggu sa-hingga petang-nya. Maka demikian-lah sa-terus-nya pemberita itu menjalankan tugas-nya. Masing2 dengan t u g a s atau assignment yang telah di-tetapkan oleh ketua pengarang-nya pagi tadi.

Sa-tengah2 akhbar mentugaskan dua orang pemberita sa-kali untok mengikuti satu2 perdebatan mengenai satu2 rang undang2. Ini ia-lah untok supaya pemberita2 itu tidak akan tertinggal menchatat isi2 yang di-hemborkan oleh ahli2 Parlemen itu dan dapat pula di-pakai oleh akhbar tersebut seluroh-nya.

Akhbar Inggeris menghantar pemberita2 Melayu-nya untok menchatat isi ucapan ahli2 Parlemen yang menggunakan bahasa

Melayu. Tetapi untuk akhbar2 bukan Melayu lain-nya yang tidak mempunyai pemberita Melayu seperti akhbar2 China dan Tamil, maka mereka dapat menchatat isi2 ucapan ahli2 Parlemen yang menggunakan bahasa Melayu itu dengan melalui satu alat yang bernama "earphone" yang di-sediakan pada tiap2 meja dalam Dewan itu. Alat2 telinga itu di-sediakan supaya ahli2 yang tidak dapat mengikuti perdebatan itu sechara langsung, ia-itu kerana penggunaan bahasa yang tidak di-fahami-nya, dapat mengikuti terjemahan2 yang di-buat serentak oleh penterjemah2 yang memang di-sediakan oleh pihak Parlemen.

MENULIS DARI PERSIDANGAN AKHBAR:

Menteri2 atau pembesar2 Kerajaan atau pun orang2 yang ter-nama dari dalam atau luar negeri kerap kali mengadakan persidangan2 akhbar bila2 hendak mengumumkan sa-suatu hal yang penting kepada akhbar2. Oleh mereka di-jemput pemberita2 untuk menghadhiri persidangan2 itu.

Oleh kerana yang hadir dalam persidangan itu ia-lah wartawan2 akhbar, maka di-namakan-lah persidangan sa-umpama itu persidangan akhbar, yang oleh wartawan2 di-jadikan satu sumber untuk menjadi bahan2 penting dalam akhbar2 mereka keluaran esok-nya.

Dalam bahasa Inggeris persidangan sa-umpama ini di-panggil "Press Conference".

Sa-bagai satu contoh mari-lah kita ikuti satu persidangan akhbar yang beberapa tahun dahulu telah di-adakan oleh Tuan Syed Jaffar Albar, yang pada masa itu menjadi Menteri Muda Penerangan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam persidangan itu Tuan Syed Jaffar menerangkan sikap-nya, lebih tegas lagi ia-lah sikap Kerajaan, terhadap beberapa hal yang tertentu yang patut di-jadikan pegangan oleh akhbar2 Tanah Melayu.

BERITA ITU IA-LAH SA-BAGAI BERIKUT:

KUALA LUMPUR, Thalatha. — Menteri Muda Tuan Syed Jaffar Albar hari ini menegaskan lagi peranan ketiga2 jabatan propaganda Kerajaan — Penerangan, Radio dan Malayan Film Unit — dalam bidang usaha pembentokan satu bahasa baharu di-negeri ini.

Beliau menyatakan bahawa ketiga2 Jabatan itu akan berusaha membenteras faham perkauman dan di-samping itu berusaha

pula menyatu padukan ra'ayat berbilang bangsa negeri ini melalui saranan2 kebudayaan dan bahasa kebangsaan.

Dalam satu persidangan akhbar kali pertama-nya yang di-adakan-nya sa-panjang2 masa dalam bahasa Melayu, Tuan Syed Jaffar Albar menyeru kepada para wartawan agar memberikan sumbangan mereka untuk usaha2 pembangunan negeri ini. Beliau menyesalkan akhbar2 yang maseh bermain dengan apa yang di-sifatkan sa-bagai "api perkauman."

"Sa-kira-nya di-biarkan juga sentimen perkauman ini akibat-nya kelak akan membakar negeri ini," kata Tuan Syed Jaffar Albar lagi. Di-samping itu Menteri Muda itu memberi amaran bahawa Kerajaan tidak akan mendiamkan diri kalau a d a akhbar yang menchuba membangkitkan perpechahan di-kalangan ra'ayat berbilang bangsa negeri ini."

Beliau keberatan menyatakan hukuman yang mungkin di-jalankan terhadap akhbar2 yang bersalah kelak. "Tindakan yang wajar akan di-pertimbangkan bila tiba waktu-nya nanti," kata-nya.

Tentang Radio Malaya, Tuan Syed Jaffar Albar berkata bahawa siaran2 tentang adat istiadat dan kebudayaan Melayu akan di-siarkan sa-luas2-nya dan bukan sahaja siaran2 dalam bahasa Melayu tetapi juga siaran2 dalam bahasa lain akan di-gunakan untuk memberi penerangan2 tentang ajaran ugama Islam. Perhubungan dengan Radio Jakarta akan di-pererat dengan ditambah waktu siaran2 dari Indonesia saperti siaran "Inti Sari dari Indonesia" sekarang, kata-nya.

Terdahulu daripada itu, Tuan Syed Jaffar Albar menerangkan sebab-nya maka beliau mengadakan persidangan akhbar itu dalam bahasa Melayu. Beliau menyedari kesukaran2 dari wartawan2 bukan Melayu dalam persidangan itu yang tidak mengerti bahasa Melayu.

"Tetapi tentu-lah saudara2 bersetuju bahawa kita harus mengadakan permulaan dari sekarang untuk menggunakan bahasa Melayu kerana bahasa ini-lah yang menjadi bahasa kebangsaan negeri kita ini," kata-nya.

Demikian sa-tu chontoh berita tentang persidangan akhbar yang telah di-adakan oleh Tuan Syed Jaffar Albar, ia-itu pada ketika beliau maseh menjadi Menteri Muda Penerangan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam persidangan itu sa-benar-nya telah

di-sentuh banyak lagi perkara2 yang tentu-nya membawa perhatian besar kepada saudara2 pembacha. Tetapi memandang bahawa ruangan akhbar terlalu sempit dan memandang pula bahawa soal2 penting sahaja yang perlu di-titekberatkan untok pembachaaan orang2 Melayu maka soal perkauman dan soal bahasa sahaja yang di-tuliskan dalam berita itu. Memang tiap2 persidangan akhbar terlalu banyak soal2 yang sendiri-nya termunchul dan menjadi ke-wajiban pemberita2 akhbar itu-lah untok memilih subject yang sesuai dan yang lebeh penting dengan subject yang tidak sesuai dan tidak terlalu penting.

BAGAIMANA PEMBERITA MENGHADHIRI PERSIDANGAN AKHBAR:

Sa-perti yang di-katakan tadi, persidangan akhbar di-adakan oleh Menteri2 atau pembesar2 Kerajaan atau pun orang2 kenamaan dalam dan luar negeri, dari sa-masa ka-samasa untok mengu-mum dan menghuraikan sa-suatu hal yang penting yang di-fikir-kan perlu untok di-siarkan sa-chara penoh dalam akhbar2.

Tokoh2 luar negeri, saperti perdana Menteri, menteri2, pega-wai2 kanan kerajaan dan ahli2 perniagaan penting yang melawat negeri ini tidak ketinggalan juga untok mengadakan persidangan2 akhbar sa-lama lawatan-nya itu. Perdana2 Menteri asing yang melawat Persekutuan Tanah Melayu biasa-nya mengadakan per-sidangan akhbar-nya beberapa jam sahaja sa-tiba-nya di-ibukota.

Dalam persidangan akhbar, tentu-lah banyak soal2 yang ingin di-ketahui oleh para wartawan yang di-tugaskan hadhir dalam persidangan2 tersebut. Kedua belah pihak mempunyai kepentingan dalam persidangan itu, masing2 ingin "menanya" yang lain, masing2 ingin mengetahui perkara2 yang tadi-nya masch di-ragikan.

Tetapi soal yang penting yang harus di-terangkan kepada saudara2 mengenai persidangan2 akhbar sa-umpama itu i-a-l-a-h soal2 yang harus saudara ketahui sa-belum menghadhiri pertemu-an2 itu.

Saudara perlu ketahui pakaian yang saudara harus pakai untok hadhir. Saudara harus ketahui untok hadhir dalam persida-ngan2 sa-umpama itu, bukan boleh memakai sa-barang pakaian yang berdasarkan sa-suka hati kita sahaja.

Saudara di-kehendaki memakai pakaian "rasmi", lengkap dengan kot dan tali leher. Pemberita2 yang tidak memakai pakaian rasmi sa-umpama itu di-larang menghadiri persidangan itu, sa-kali pun dia mewakili sa-buah suratkhbar yang besar dan ber-pengaruh.

Dalam hubungan ini, ingin kami menarek perhatian saudara kapada satu peristiwa sa-masa sa-orang Perdana Menteri asing mengadakan persidangan-nya ketika melawat Tanah Melayu da-hulu. Sa-orang pemberita dari sa-buah akhbar Melayu t e l a h di-larang memasoki bilek persidangan akhbar itu, kerana dia ha-nya memakai kemeja sport (sports shirt), sedangkan pemberita2 lain menggunakan pakaian rasmi saperti yang di-sebut tadi. Di-sini-lah nampak penting-nya s o a l pakaian untok persidangan2 akhbar saperti itu.

Sa-suai dengan nama-nya "persidangan akhbar", maka pem-berita2 di-beri kesempatan sa-luas2-nya u n t o k mengemukakan pertanyaan kapada tokoh yang menganjorkan persidangan terse-but. Tetapi sa-tiap pertanyaan yang sudah di-tanya dan di-beri jawapan-nya, tidak akan di-beri layanan untok kedua kali.

Dalam hubungan ini, terserah-lah kapada kebijaksanaan dan pertimbangan pemberita2 itu supaya tidak mengemukakan perta-nyaan2 yang tadi-nya telah di-tanya oleh pemberita2 lain.

Untok persidangan2 akhbar sa-umpama ini, pertanyaan2 yang di-kemukakan elok-lah k a l a u di-siapkan lebeh dahulu. Sau-dara2 h a r u s chatatkan pertanyaan2 itu dalam buku2 kechil saudara sa-belum saudara hadir d a l a m persidangan terse-but. Ini bukan sahaja akan menyenangkan saudara mengemuka-kan pertanyaan2 yang telah siap itu dengan bahasa yang tegas, lancar dan padat, tetapi juga memudahkan saudara membanding-kan dengan pertanyaan2 yang telah di-siapkan oleh rakan2 sa-ja-wat saudara dari akhbar2 lain yang juga hadir dalam persidang-an itu.

Sa-tiap pertanyaan biar-lah "straight-forward", jangan mele-ret2 dan jangan pula berbunga2. Katakan-lah saudara ingin ber-tanya tentang soal "apartheid".

**TUAN, BAGAIMANA SIKAP TUAN TERHADAP APAR-
THEID?**

Demikian chontoh-nya. Dan demikian-lah hal-nya kapada pertanyaan2 lain yang ingin saudara tanya.

WARTAWAN YANG CHEKAP

Wartawan yang luas pengalaman-nya dan intelligent sikap-nya biasa-nya ada-lah wartawan yang chekap. Wartawan2 sa-umpama ini tidak mengharapkan kejadian yang sa-benar untok dapat melahirkan berita, bahkan dengan kebijaksanaan-nya sahaja dalam bidang mempermainkan bahasa dan kesah, telah dapat melahirkan berita yang sa-nilai dan sa-tinggi harga-nya dengan berita2 lain yang berdasarkan kejadian2 benar.

Sa-bagai chontoh, bacha-lah huraian saya yang berikut:

Sa-orang Presiden sa-buah negara telah di-jemput membuka satu persidangan internasional yang penting di-ibukota negara itu. Presiden itu, sa-telah membuat ucapan pembukan-nya, lalu duduk bertongkat dagu, dengan ayer muka yang muram. Dia muram mungkin kerana perut-nya sudah "main keronchong", kerana jam waktu itu sudah tiba pukul 1.30 petang.

Upachara pembukaan majlis internasional itu belum ha b i s lagi, kerana banyak lagi ketua2 perwakilan negeri2 lain yang bangun untok menyampaikan ucapan. Si-Presiden tadi maseh menongkat dagu, muka-nya sa-makin lama sa-makin "puchat".

Sa-orang wartawan yang chekap dan berpengalaman tentu tidak melepaskan "peluang" ini untok di-jadikan berita besar. Tujuan-nya sa-mata2 untok menchari "reaction" atau kesan balas dari Presiden itu pula. Maka oleh wartawan tadi di-katakan bahawa presiden tersebut telah berdukachita terhadap ucapan sa-tengah ketua perwakilan tadi atau sa-suatu masa'alah yang tertentu yang di-lahirkan oleh wakil2 yang beruchap tadi.

Jika berita itu benar, maka tentu-lah si-Presiden akan mengeluarkan kenyataan atau "Press Statement" menolak-nya, dan jika benar tentu pula akan mengesahkan-nya.

Demikian-lah chara wartawan menyungkil satu2 perkara dari orang kenamaan. Mula-nya membuat berita yang "ramal2" sahaja, kemudian nanti pengesahan atau penafian-nya.

Ini-lah yang saya katakan tadi, membuat berita dengan bahan yang bukan berchorak pemberitaan. Perkara yang bukan dan tidak sesuai di-jadikan berita, berhasil pula di-beritakan dengan chara yang menarik dan hebat dengan kebijaksanaan dan kepandalian wartawan itu. Perbuatan sa-umpama ini kerap terdapat di-kalangan wartawan2 yang tidak bermodal. Tugas mereka hanya menyungkil ulasan dari orang2 tertentu dengan membuat pemberitaan2 yang tidak berdasarkan kenyataan, malah berdasarkan ramalan dan dugaan sahaja.

Tetapi kerana dugaan itu pandai pula di-susun dengan baik dan padat, maka dapat-lah ia merupakan sa-bagai satu berita yang sa-olah2 benar berlaku. Dan oleh pembacha, mudah pula terpedaya dengan isi berita itu, akibat susunan dan chara dugaan tersebut di-beritakan.

Orang2 wartawan pernah berkata: Dalam dunia tidak sunyi dari berita. Berita tetap wujud sa-tiap saat.

TUGAS PEMBERITA TERDIRI DARI DUA BAHAGIAN:

Sa-kira-nya saudara sa-orang pemberita, tahu-lah saudara di-mana tempat atau puncha mendapatkan berita? Mana-kah tempatnya untok di-tinjau dan siapa-kah orang2 kenamaan yang boleh di-jadikan bahan bagi pemberita kita.

Tugas sa-orang pemberita terdiri dari dua bahagian:

1. Menjalankan assignment (tugas yang telah di-tentukan terlebih dahulu) dari Ketua Pengarang atau Ketua Pemberita.
2. Menjalankan daya utama sendiri menchari berita.

ASSIGNMENT:

Saudara mungkin di-suruh menemui sa-orang Menteri a t a u sa-orang pembesar untok mendapatkan fikiran-nya terhadap sa-suatu hal. Umpama-nya, katakan sa-orang pejuang Algeria merayukan pertolongan dari Tanah Melayu, dan berita tentang rayuan itu di-siarkan pula oleh sa-buah akhbar.

Maka oleh pengarang atau ketua pemberita, tentu-lah akan di-utuskan saudara kepada Menteri Luar Negeri untok mendapatkan ulasan-nya. Dan ulasan itu tentu-lah menjadi satu berita yang baik. Sa-lain daripada itu, saudara mungkin pula di-minta menchari ulasan2 dari ketua2 parti politik terhadap satu2 kenya-

taan Kerajaan atau langkah Kerajaan atau satu2 masa'alah. Umpama-nya tentang langkah Kerajaan Singapura ta' lama dahulu menyamakan tangga gaji pekerja2 perempuan-nya dengan pekerja2 lelaki, pemberita2 telah di-hantar untok menemui pemimpin2 wanita dari Singapura, juga Persekutuan, menanyakan reaction nya terhadap langkah Kerajaan tersebut.

Maka ulasan2 sa-umpama itu biasa-nya di-lakukan sa-chara assignment yang di-tetapkan atau di-tugaskan pada sa-tiap pemberita. Tugas2 ini memang di-chatatkan dalam sa-buah buku besar dan tiap2 pagi manakala tiba di-pejabat, tugas yang pertama sa-kali yang mesti di-lakukan oleh pemberita2 ia-lah membuka buku itu untok mengetahui apa-kah assignment2 yang telah di-tentukan pada-nya hari itu.

Jika Ketua Pengarang atau Ketua Pemberita tidak menyediakan soalan2 itu, maka pemberita itu sendiri harus membuat dan mempersiap pertanyaan2-nya supaya sa-tiba-nya sahaja pada orang yang akan di-temui-nya itu sudah dapat pertanyaan2 tersebut dikemukakan sa-chara lancar dan teratur, satu demi satu, dengan tidak teragak dan tidak tergamam.

Persiapan2 sa-umpama itu tidak sahaja akan menyenangkan pemberita itu, tetapi juga orang yang di-temu. Ia juga dapat menjimatkan masa dan waktu, dan melancharkan perbualan dan temu ramah.

MENJALANKAN DAYA UTAMA SENDIRI:

Pemberita2 daerah, ia-lah pemberita yang tidak bertugas di-pejabat akhbar itu sendiri, terpaksa menchari berita dengan menjalakan daya utama sendiri. Dia harus tahu di-mana untok mendapatkan berita yang baik hari itu, dan apa pula yang harus di-jadikan subject yang menarek untok masharakat sekitar-nya untok hari tersebut.

Sa-lain dari melaporkan kejadian2 yang berlaku di-daerah-nya, dia juga akan mengadakan temu ramah dengan orang2 kenamaan, menchari ulasan dan pendapat dari pembesar2 daerah, melaporkan keadaan2 yang wujud di-kampung-nya dan banyak lagi soal tempatan yang boleh di-jadikan berita yang menarek.

Umpama-nya di-Banting tidak lama dahulu terdapat sa-buah batu bergambar atau di-Klang pada tahun 1961 terdapat sa-buah perigi yang di-katakan berkeramat. Maka berita2 sa-umpama ini boleh di-jadikan berita2 besar jika sekira-nya pembe-rita2 daerah di-tempat2 itu tahu mengorek dan menyungkil soal2 yang ada di-sabalek berita tersebut. Umpama-nya dia harus me-nemui dan mendapatkan fikiran orang ramai yang menyaksikan kejadian itu terutama pembesar2 yang datang melihat-nya, berta-nya kepada orang yang pertama sa-kali melihat kejadian tersebut, bagaimana peristiwa yang ganjil itu b o l e h berlaku, bagaimana pendapat tok2 bomoh di-situ, bagaimana pula pendapat orang2 yang lebeh maju fikiran-nya, apa-kah reaction masharakat di-situ terhadap kejadian tersebut dan apa-kah rancangan2 yang akan di-buat pada tempat2 dimana kejadian2 itu berlaku, dan banyak soal2 lain lagi.

* * *

BERITA2 LUAR NEGERI

Surat2khabar seluroh dunia mendapatkan berita2 luar negeri-nya daripada sharikat2 berita kawat, di-samping mendapatkan juga daripada wartawan2 khas-nya yang di-tempatkan di-beberapa buah ibu kota dunia yang penting.

Suart2khabar di-Tanah Melayu p a d a umum-nya boleh di-katakan mendapatkan berita2 luar negeri itu daripada dua buah sharikat berita kawat yang terkemuka — REUTER DAN UNITED PRESS INTERNATIONAL (UPI) — masing2 beribu pejabat di-London dan New York.

Sa-tengah2 suratkhabar yang tidak berlanggan dengan UPI akan berlanggan pula dengan sa-buah sharikat berita kawat lain, yang tidak kurang popular-nya, ia-itu AP.

Sa-bagai pelanggan, sharikat2 berita tersebut ada-lah membekalkan akhbar2 itu dengan pelbagai berita yang berlaku di-merata cherok dan rantau, di-samping membekalkan juga surat2-khabar itu gambar2 mengenai berita2 yang penting untuk di-siar-kan di-akhbar2 tersebut.

Surat2khabar di-Tanah Melayu boleh di-katakan seluroh-nya berlanggan dengan UPI untuk gambar2 itu.

Gambar2 yang di-kirim oleh sharikat berita kawat UPI ada-lah melalui dua chara. Satu chara dengan sa-chara kiriman pos udara, sementara satu chara lagi dengan kiriman perantaraan radio, yang di-panggil "Gambar Radio".

Surat2khabar biasa-nya mendapat kiriman perbekalan gambar2 itu pada tiap2 petang, kechuali pada hari2 chuti.

Gambar2 yang agak tidak memerlukan kechepatan yang luar biasa ada-lah di-kirim dengan jalan pos udara, tetapi untuk peristiwa2 yang penting, umpama-nya tentang perkahwinan Princess Margarett beberapa tahun yang lalu atau pun perkahwinan Shah Iran dan sa-bagai-nya, maka gambar2 mengenai peristiwa2 mustahak itu ada-lah di-kirim melalui perantaraan radio untuk sempat

di-siarkan oleh surat2khabar yang terbit 24 jam sa-lepas kejadian2 tersebut.

Akhbar2 Tanah Melayu nampak-nya lebeh suka memakai be-rita2 luar negeri yang di-kirim oleh sharikat berita kawat Reuter. Tetapi untok berita2 yang ada perhubungan rapat dengan Amerika Sharikat, akhbar2 tempatan kerap kali memperlihatkan kechende-rongan-nya menggunakan bahan2 yang di-terima daripada UPI.

Sa-suatu berita yang di-siarkan dalam akhbar, nama sharikat berita kawat yang mengirimkan berita tersebut akan di-sebutkan pada akhir berita itu, atau pun pada awal2 berita tersebut. Um-pama-nya surat2khabar yang menyiarkan berita UPI, akan me-nyebut nama sharikat berita kawat itu pada akhir atau awal be-rita tersebut. Dan demikian sa-terus-nya bagi berita2 lain yang di-kirim oleh sharikat2 berita kawat lain.

Kadang2 untok satu kejadian yang sama, akhbar2 gemar pula menggunakan bahan2 dari kedua2 sharikat berita kawat itu, di-susun dan di-sador demikian rupa, hingga menjadikan berita itu sa-olah2 datang daripada satu sumber yang tunggal. Untok beri-ta2 yang bahan2-nya di-sador daripada kedua2 sharikat berita ka-wat itu, nama kedua2 sumber itu akan di-sebutkan sa-kali di-akhir berita itu.

Pengarang yang bertanggung-jawab menyador dan menyusun kembali bahan2 itu ia-lah Sub-Editor (Penyunting) yang menjaga dan mengelolakan bahagian berita2 luar negeri.

BERITA2 MENGENAI KERAJAAN:

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mempunyai sa-buah ja-batan yang menjadi perantaraan antara Kerajaan dan akhbar2, ia-itu Jabatan Penerangan, a t a u dalam bahasa Inggeris di-panggil Information Services.

Antara pejabat2 atau bahagian2 yang mustahak dalam Jaba-tan tersebut ia-lah satu bahagian yang bernama "PRESS SEC-TION" atau "Bahagian Persuratkhabaran". Dari Bahagian ini-lah surat2khabar seluroh Tanah Melayu mendapatkan berita2 yang ada perkaitan-nya dengan Kerajaan.

Berita2 tentang Menteri membuka jambatan, jalan raya dan sa-bagai-nya, berita2 tentang kenyataan Menteri2 dalam majlis2 umum dan sa-terus-nya, ada-lah di-bekalkan kapada akhbar2 oleh Jabatan ini. Gambar2 mengenai berita2 tersebut ada-lah di-be-

kalkan juga. Maka itu nyata-lah betapa penting-nya peranan Jabatan ini dalam lapangan persuratkhabaran dinegeri kita ini.

Dengan ada-nya Jabatan ini, akhbar2 di-Tanah Melayu telah dapat menyiarkan berita2 yang berdasarkan ma'alumat2 yang sa-benar, ma'alumat2 yang datang dari sumber2 yang tepat dan cho-chok, yang kebenaran-nya tidak di-sangsikan lagi.

Memperkatakan soal berita yang di-keluarkan oleh Jabatan Penerangan untok akhbar2 negeri ini, barangkali sudah wajar-nya pula kalau saya memberi satu chontoh. Dalam tiap2 persidangan belanjawan di-Dewan Ra'ayat atau pun kerana untok membuka sidang baharu Parlemen, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong biasa-nya bertitah untok membuka dengan rasmi-nya persidangan tersebut. Titah Yang di-Pertuan Agong itu, saperti juga berita2 lain yang bersumber dari pihak Kerajaan, telah di-edarkan kapada semua akhbar untok siaran. Tetapi ucapan2 yang sa-bagitu penting yang memerlukan penyiaran di-akhbar2 sa-cha-ra meluas dan lengkap, ada-lah di-edarkan kapada akhbar2 beberapa hari sa-belum hari titah tersebut di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia.

Demikian juga ucapan2 para Menteri di-upachara2 pembukaan majlis2 umum dan sa-bagai-nya, biasa-nya surat2khabar boleh mendapatkan kandungan2 ucapan itu beberapa hari lebeh awal dari masa ucapan2 itu di-kemukakan.

Tetapi pengeluaran berita2 sa-umpama ini ada-lah di-sharatkan. Dalam bahasa Inggeris di-panggil "EMBARGO". Dalam bahasa Melayu-nya pula berarti bahawa berita itu hanya boleh di-siarkan pada waktu dan hari yang di-tetapkan oleh Kerajaan, saperti yang ada dichatetkan dalam kenyataan itu.

Oleh kerana bahan2 itu telah di-terima lebeh awal dari masa yang sa-patut-nya, surat2khabar biasa-nya menyiarkan ucapan2 atau titah2 penting itu di-halaman2 yang sa-patut-nya di-gunakan untok menyiarkan renchana2 atau feature, dan tidak pada halaman2 berita. Namun demikian, biasa-nya rengkasan berita-nya ada juga di-siarkan pada muka hadapan untok dapat menarek perhatian para pembacha-nya.

Semua-nya ini menunjukkan peri penting-nya peranan yang di-ambil oleh pihak Jabatan Penerangan dalam membekalkan berita2 yang puncha-nya dari Kerajaan untok siaran akhbar.

Tetapi dalam hubungan ini pula, ingin saya tegaskan bahawa walau pun pihak jabatan Penerangan Persekutuan ada-lah menyediakan berita2 yang berhubungan dengan Kerajaan untuk siaran akhbar, namun tidak-lah berarti bahawa akhbar2 hanya mengharapkan bahan2 berita dari Jabatan itu sahaja. Tiap2 akhbar mempunyai para pemberita yang di-tugaskan khas untuk mencari berita2 yang ada hubungan dengan Kerajaan sa-tiap hari. Pemberita2 itu selalu sahaja membuat perhubungan dengan pihak2 Kerajaan yang dapat memberikan bahan2 untuk mereka.

Dengan kerjasama pihak2 Kerajaan itu-lah maka akhbar2 negeri ini dapat melaporkan segala sa-suatu yang mengenai negara ini dengan panjang lebar-nya serta memuaskan, chocok dengan keinginan para pembaca sakalian.

SUMBER2 BERITA:

Sa-lain daripada sumber2 berita yang di-sebutkan di-atas tadi, perusahaan2 akhbar mempunyai banyak lagi sumber2 berita yang lain, yang oleh-nya di-jadikan punca mendapatkan berita2 pelbagai jenis dan bangsa, dari pelbagai cherok dan rantau, luar dan dalam negeri, untuk di-siarkan sa-chepat yang boleh bagi tatapan para pembaca sakalian.

Suratkhabar Berita Harian, umpama-nya, mendapatkan berita2 dari bandar2 seluruh Persekutuan dari pejabat2 Straits Times. Berita2 itu di-dapatkan melalui pemberita2 Straits Times, yang merangkap juga sa-bagai pemberita Berita Harian, dan berita2 daripada sumber2 ini di-tulis dalam bahasa Inggeris dan terpaksa di-terjemahkan ka-bahasa Melayu oleh ahli2 sidang pengarang Berita Harian di-ibu pejabat Kuala Lumpur.

Sa-lain daripada itu, akhbar itu juga memperoleh berita2 yang datang dari pelbagai daerah dan kampung di-seluruh tanah ayer, dan berita2 daripada kampung2 ini biasa-nya mengenai hal ehwal orang2 Melayu sahaja, dan di-tulis oleh pemberita2 daerah yang memang di-tempatkan di-daerah2 itu.

Tidak saperti pemberita2 bandar, pemberita2 daerah masih sukar untuk di-sifatkan sa-bagai pemberita yang sa-benar. Mereka yang jadi pemberita daerah biasa-nya mempunyai pekerjaan lain yang tetap. Mungkin mereka mempunyai pekerjaan sa-bagai guru sekolah kebangsaan pada pagi-nya, dan hanya bertugas sa-bagai pemberita pada sa-belah petang-nya.

Dan kerana itu maka layanan yang di-berikan kepada pemberita2 kampung seperti ini tidak seperti yang di-berikan kepada pemberita2 sa-benar. Pembayaran untuk pemberitaan mereka itu pun di-kira sa-chara inchi.

Sa-orang pemberita daerah mungkin menghantar berita2 sa-hingga 20 inchi panjang-nya sa-tiap hari. Tetapi dari sa-panjang itu, mungkin 10 inchi sahaja yang di-ambil untuk di-gunakan bagi siaran akhbar tersebut. Dan oleh sharikat akhbar itu, pembayarannya hanya di-beri untuk 10 inchi sahaja, tidak untuk 20 inchi yang di-kirim tadi. Tiap2 sa-inchi, bayaran-nya lebeh kurang 60 sen.

Ada juga masa-nya untuk pemberita2 itu tidak mendapatkan bayaran apa pun, kerana berita2 yang di-kirim-nya itu tidak dipakai oleh sharikat akhbar tersebut. Mungkin kerana berita2 itu tidak bermutu atau tidak mempunyai fact, atau pun telah basi atau pun tidak akan mendapat perhatian dari para pembaca.

Demikian juga hal-nya pada pemberita2 daerah yang bertugas dengan akhbar2 bahasa kebangsaan seperti Utusan Melayu dan lain2.

Sa-lain daripada berita2 yang di-kirim oleh pemberita2 daerah yang rasmi, banyak juga kiriman2 berita yang di-buat oleh pemberita2 sukarela atau pembaca2 kebanyakan. Pemberita2 sukarela ini tidak di-beri bayaran atas hasil usaha-nya itu, kerana mungkin perkhidmatan-nya itu di-berikan sa-chara sukarela, dengan tidak mengharapkan apa2 bayaran daripada pehak akhbar yang di-kirimkan berita itu.

Akhbar Utusan Melayu, akhbar bahasa kebangsaan yang besar sekali circulation-nya di-negeri ini, sangat menghargai berita2 yang di-kirimkan oleh pemberita2 sukarela itu. Ini ada-lah untuk memberi peluang kepada daerah2 lain di-negeri ini mengikuti perkembangan2 dan kemajuan2 yang di-chapai di-tempat2 lain, satu hal yang penting untuk membangun sa-buah masharakat yang berpengetahuan di-kemudian hari. Mungkin kerana itu-lah akhbar tersebut mendapat perhatian yang luar biasa dari masharakat kampung.

Sa-tengah2 suratkhbar besar, seperti Straits Times, mempunyai wakil2-nya di-luar negeri untuk menulis berita dan renchanan2 yang penting mengenai negeri2 tersebut. Umpama-nya di-Indonesia, akhbar Berita Harian satu masa dahulu mempunyai wakil khas-nya bernama Abdul Majid bertempat di-Jakarta yang

tugas-nya untuk mengulas perkara2 atau peristiwa2 penting di-negeri itu yang sa-kira2 menarek perhatian para pembacha di-Tanah Melayu.

Sekarang Inche Abdul Majid tidak lagi berada di-Indonesia.

Di-London, Straits Times mempunyai wakil tetap-nya, dan kerana itu walau pun akhbar2 kumpulan Straits Times — Straits Times, Sunday Times, Malay Mail, Sunday Mail, Berita Harian — boleh mendapatkan berita2 daripada London melalui sharikat2 berita kawat Reuter atau UPI, akhbar2 itu maseh merasa penting untuk mendapatkan berita2 yang lebeh lanjut dan detail dari wakil-nya sendiri, yang mungkin tidak di-sebut dalam berita2 yang di-kirim oleh sharikat2 berita kawat tadi.

Pada masa berlaku-nya peristiwa kebakaran di-astama Brinsford Lodge, England, yang mengakibatkan kematian empat orang guru perempuan Tanah Melayu, pada awal2 tahun 1962, Straits Times banyak menggunakan bahan2 yang di-kirim oleh wakil tetap-nya itu untuk siaran-nya. Bahan2 yang di-kirim oleh sharikat berita kawat tidak chukup untuk dapat memuaskan pembachaan sidang pembacha sakelian, yang menganggap kejadian kebakaran itu satu peristiwa yang penting dan menarek hati.

Sa-bagai satu chontoh lagi mari-lah kita menoleh kembali ka-Persidangan Perdana Menteri Commonwealth beberapa tahun yang lalu, yang sa-tiap perkembangannya tentu-lah di-ikuti dengan penoh minat oleh para pembacha di-Tanah Melayu.

Maka untuk peristiwa2 penting sa-perti ini, para pembacha tentu ingin hendak tahu tentang Tengku di-persidangan itu, perjuangan-nya mengenai apartheid, hasil pertemuan-nya dengan wakil2 negeri Commonwealth yang lain mengenai soal2 kepentingan bersama dan sa-terus-nya, maka tugas untuk mendapatkan bahan2 yang lebeh lanjut atau detail mengenai perkara itu ada-lah di-sehahkan kepada wakil2 akhbar2 itu di-London. Dan kerana itu-lah maka Berita Harian, Straits Times, dan akhbar2 kumpulan Straits Times lain-nya telah dapat menyiarkan berita2 mengenai persidangan itu lebeh chepat dan lebeh banyak daripada yang di-siarkan oleh akhbar2 Melayu dan bukan Melayu yang lain.

Demikian-lah sumber2 berita yang di-dapatkan oleh akhbar2 Tanah Melayu sa-chara umum.

* * *

BAB KEDUABELAS:

BAGAIMANA HENDAK MENENTUKAN SAMA ADA SA-SUATU BERITA PENTING ATAU TIDAK

Tiap2 tugas yang di-jalankan atau di-kerjakan oleh sa-saorang wartawan — sama ada ia pemberita atau pengarang — ada-lah sukar belaka, walau sa-kecil mana pun rupa tugas itu. Sukar yang di-maksudkan di-sini ia-lah bahawa tugas tersebut memerlukan perasaan dan usaha tanggung jawab yang besar. Kerja itu mesti di-jalankan dengan chermat dan teliti.

Demikian juga hal-nya tentang usaha menentukan sama ada sa-suatu berita itu penting atau tidak penting. Kerja menentukan penting atau tidak penting-nya berita2 itu di-lakukan bukan oleh para pemberita, tetapi oleh pengarang akhbar itu.

Tugas ini memerlukan pengalaman dan kecekapan bertahun2 lama-nya. Tugas ini tidak mungkin di-lakukan oleh sa-orang pengarang yang hanya beberapa tahun sahaja telah memasuki lapangan kewartawanan, bahkan biasa-nya pengarang2 yang menjalankan kerja ini ia-lah pengarang2 yang sudah bertahun2 menjadi pemberita dan sudah bertahun2 pula menjadi pengarang. Tegasnya ia telah tahu selok belok dan tindak tandok kewartawanan dan persuratkhbaran sa-chara masak dan matang.

Maka untok sa-buah suratkhabar yang kecil — harian yang di-keuarkan oleh sa-buah sharikat perusahaan akhbar yang kecil — kerja ini di-lakukan oleh Ketua atau Timbalan Pengarang-nya. Tetapi untok sa-buah sharikat akhbar yang besar, yang di-usahakan oleh sa-buah perusahaan akhbar yang besar pula, maka kerja ini di-lakukan oleh pengarang berita-nya. Dalam bahasa Inggeris pengarang sa-umpama ini di-panggil "News Editor".

Tetapi kadang2 bukan news-editor yang menentukan penting-nya atau tidak penting-nya berita itu, malahan tugas ini di-serahkan pula kepada pengarang2 bawahan-nya yang dalam bahasa Inggeris di-panggil Sub-Editor (penyunting).

Kalau sekira-nya saudara sa-orang sub-editor yang mengelolakan Muka 5, umpama-nya, saudara akan di-banjiri oleh bera-

tus2 berita sa-tiap hari untuk halaman saudara itu. Kadang2 boleh di-katakan seluroh berita2 itu penting belaka, sukar untuk di-tinggalkan satu pun, sedangkan halaman muka saudara hanya terhad sahaja. Tambahan pula sa-tengah2 bahagian dari muka tersebut mengandongi ruangan2 yang telah di-untokkan bagi ilan2.

Maka terpaksa-lah saudara menggunakan kebijaksanaan saudara untuk menentukan yang mana antara berita2 itu harus di-abaikan begitu sahaja, dan yang mana pula harus di-siarkan. Bukan itu sahaja, malah saudara juga harus bijak untuk menetapkan yang mana harus di-siarkan sa-chara lengkap, yang mana pula harus di-siarkan sedikit sahaja. Ini-lah satu masa'alah yang sa-tiap hari di-hadapi oleh sub-editor yang menjaga muka2 berita itu .

Untuk akhbar2 bahasa kebangsaan saperti Utusan Melayu dan Berita Harian, masa'alah ini merupakan sulit sa-kali, kerana akhbar2 itu sa-tiap hari menerima beribu2 berita dari pelbagai cheroK dan rantau Tanah Melayu, lain pula yang datang melalui sharikat2 berita dari pelbagai negeri dalam dunia. Tetapi oleh kerana akhbar2 itu mempunyai pembacha yang bukan sahaja terdiri dari orang2 bandar, malah orang2 kampong juga, maka sub-editor2 yang menjaga muka itu harus bijak bahawa sa-tiap pemilihan yang di-lakukan itu harus di-dasarkan pada hakikat ini, hakikat kemahuan pembacha2 berbilang daerah itu.

Tetapi bagitu pun, Utusan Melayu nampak-nya lebeh mem-beratkan berita2 yang di-fikirkan lebeh menarek perhatian orang2 Melayu di-kampong2 dan kerana itu berita2 yang di-siarkan sa-tiap hari senentiasa sesuai dengan kemahuan para pembacha-nya dari orang2 berbilang daerah itu.

Pada saat2 yang tertentu, akhbar2 bahasa kebangsaan merasakan diri-nya perlu untuk menyiarkan berita2 yang seluroh-nya mengenai kepentingan para pembacha Melayu umum-nya. Um-pama-nya berita2 mengenai persidangan agong UMNO dan sa-bagai-nya, boleh di-katakan seluroh muka2 akhbar bahasa kebangsaan penuh dengan bahan2 sekitar persidangan itu.

Bahkan surat2khabar bahasa kebangsaan itu telah menghantarkan sa-kurang2-nya tiga orang pemberita-nya untuk melapor-kan persidangan itu guna di-siarkan sa-chara lengkap dalam akhbar2 itu. Dalam hal ini, nyata-lah bahawa pemilihan berita tidak sahaja di-dasarkan pada kemahuan si-pengarang, tetapi pada kemahuan si-pembacha.

Pengarang hanya mengadakan ada-kah berita itu di-sukai atau tidak oleh para pembaca. Jika di-sukai, di-siarkan sa-cha-ra lengkap dan detail, jika tidak di-sukai di-tinggalkan-lah begitu sahaja, dan kalau di-sukai sedikit sahaja, maka di-siarkan-lah be-rita tersebut sedikit pula.

Maka untuk melakukan pemilehan berita2 itu, saudara harus:

1. Mempertilakan isi berita itu — ada-kah penting un-di-ketahui oleh pembaca atau tidak?
2. Mengadili ada-kah berita itu membawa minat kepada para pembaca atau tidak?
3. Ada-kah sesuai berita itu dengan dasar akhbar itu atau tidak?

Demikian tiga soal yang perlu di-jadikan pertimbangan dalam rangka usaha mempertilakan satu2 berita yang hendak di-siarkan dalam akhbar.

Surat2khabar besar seperti Utusan Melayu, umpama-nya, mempunyai anggota2 pengarang yang masing2 di-beri tugas tertentu untuk menjayakan pengeluaran akhbar itu tiap2 hari. Sa-kurang2-nya daripada anggota2 pengarang-nya di-tugaskan sa-bagai penterjemah berita. Mereka ini-lah yang meterjemahkan sa-tiap berita yang tadi-nya di-terima dari sharikat2 berita kawat dalam bahasa Inggeris ka-dalam bahasa Melayu. Sayogia di-keta-hui semua berita2 luar negeri yang di-terima daripada sharikat2 be-rita kawat seperti Reuter, UPI dan lain2 ada-lah di-buat dalam bahasa Inggeris. Maka menjadi kewajipan penterjemah2 itu-lah untuk menterjemahkan berita2 itu ka-dalam bahasa Melayu sa-telah sub-editor tadi menentekan bahawa berita2 itu penting dan sesuai untuk di-siarkan dalam akhbar itu.

Anggota2 sidang pengarang yang lain di-tugaskan untuk me-ngelolakan tiap2 muka dalam akhbar itu. Untuk akhbar yang mempunyai lapan muka sahaja, maka lapan orang-lah sub-editor-nya untuk mengelolakan dan menjalankan kewajipan itu. Dan untuk akhbar yang mempunyai 10 muka, begitu-lah juga susunan tugas-nya. Namun begitu ada juga sub-editor2 yang di-tugaskan untuk mengelolakan lebih dari satu muka, kerana kebolehan dan kecekapan-nya ada-lah sa-bagitu rupa untuk memberi kemam-puan kepada-nya menjalankan tanggung-jawab yang penting itu.

Dan anggota2 pengarang yang di-tugaskan untok mengelola muka2 ini-lah, kadang2, di-tugaskan untok menentukan penting atau tidak penting-nya sa-suatu berita itu, atau untok menentukan sesuai atau tidak sesuai-nya suatu berita itu di-siarkan dalam akhbar, malah si-pengarang itu juga mempunyai kewajiban menentukan banyak atau panjang mana sa-suatu berita itu di-siarkan, berdasarkan penting atau tidak penting-nya berita tadi dari matakacha pembacha. Satu kewajiban yang sukar, bukan?

Berita2 yang di-terima oleh sa-suatu sharikat akhbar tiap2 hari ada-lah banyak sa-kali. Lain yang di-kirim dengan surat oleh pemberita2 daerah atau dari pembacha2 biasa, lain yang di-kirim dengan taliprinter oleh pemberita2 yang di-stationkan di-bandar2 besar saperti Ipoh, Singapura dan Pulau Pinang, lain lagi berita2 yang di-buat sendiri oleh pemberita2 yang di-stationkan di-ibu pejabat Kuala Lumpur, dan lain lagi berita2 luar negeri yang bertimbun2 di-terima dari sharikat2 berita kawat Reuter dan UPI.

Oleh kerana terlalu banyak berita2 ini-lah maka tugas menentukan penting atau tidak penting-nya berita itu merupakan tugas yang maha bertanggung-jawab. Jika ada berita yang terlalu panjang, maka kewajiban pengarang itu-lah untok meringkaskan berita tadi dengan syarat isi berita tersebut tidak hilang atau terhapus atau tertinggal atau terkeliru.

Tetapi dalam usaha menentukan berita itu, bukan sahaja meringkaskan berita tadi menjadi satu tugas yang penting, tetapi juga beberapa tugas2 lain yang di-anggap lebeh penting daripada tugas meringkaskan berita itu.

Sa-suatu berita sa-belum di-ringkaskan, lebeh dahulu di-timbangan ada-kah ia sesuai atau tidak untok di-siarkan dalam akhbar. Pertama, berita itu terpaksa di-timbangan dari segi akhbar itu, ia-itu jika berita itu tidak menyeleweng daripada dasar akhbar tersebut, maka baharu-lah berita itu boleh di-timbangan terus dari segi2 yang lain pula.

Kedua, berita itu hendak-lah chochok atau sesuai dengan rukun2 kewartawanan dan peratoran2 persuratkhbaran. Jika itu terkeluar dari landasan ini, maka berita itu dengan sendiri-nya di-ketepikan demi kepentingan akhbar itu pula.

Sa-telah sa-suatu berita itu di-anggap layak untok di-siarkan sa-telah di-pertimbangan dari ketiga2 segi ini-lah maka berita itu, jika panjang, akan di-pendekkan saperti yang telah di-terang-

kan tadi-nya. Dalam usaha merengkaskan berita yang panjang itu pula, ada beberapa perkara yang patut di-perhatikan dan di-jadikan pegangan pada keseluruhan tugas itu. Umpama-nya tentang gaya berita itu di-laporkan. Sa-tengah2 pemberita, terutama sa-kali pemberita2 daerah, tidak begitu chekap untok membuat laporan yang di-kehendaki oleh lapangan ini. Berita mereka kerap kali meleret2 dan sa-bagai-nya. Maka gaya pemberitaan yang sa-macham ini-lah yang akan di-perhatikan untok di-perelok menjadi berita2 yang lebeh baik laporan-nya sesuai dengan rukun2 pemberitaan dalam ilmu kewartawanan.

Di-samping memperkatakan tentang gaya pemberitaan itu, bahasa yang di-pergunakan oleh pemberita2 itu pun menjadi soal juga untok di-timbangkan nilai-nya. Sa-tengah2 pemberita tidak begitu chekap untok menguasai bahasa mereka, menyebabkan istilah2 atau pun perkataan2 atau pun kalimat2 yang mereka pergunakan itu tidak chochok sa-kali untok di-pergunakan dalam lapangan akhbar.

Umpama-nya dalam soal pemilehan istilah yang akan di-terangkan dalam halaman2 selanjut-nya. Wartawan2 yang mahir akan menggunakan perkataan "tadi-nya" daripada perkataan "dahulu-nya" kerana perkataan tersebut lebeh padat dan tegas untok sampai sa-chara peluru layak-nya kapada maksud yang ingin di-te-sampaikan. Sa-bagai chontoh, lihat-lah ayat2 di-bawah ini:

PEMUDA ITU, YANG DAHULU-NYA MENJADI SA-ORANG ASKAR, TELAH DI-PILEH MENJADI ANGGOTA DEWAN RA'AYAT.

PEMUDA ITU, YANG TADI-NYA MENJADI SA-ORANG ASKAR, TELAH DI-PILEH MENJADI ANGGOTA DEWAN RA'AYAT.

Ayat yang kedua untok para wartawan ada-lah lebeh tepat sa-kali. Maka bahasa2 yang sa-macham ini-lah yang selalu di-betulkan oleh pengarang2 yang di-tugaskan untok memileh berita2 yang peiting itu.

Jika saudara menatapi surat2khabar tiap2 pagi, saudara tentu-lah dapat melihat dalam muka2 akhbar itu, bahawa sa-tengah2 berita panjang dan sa-tengah-nya pendek. Ada berita yang di-siarkan hingga satu ruangan (column), bahkan lebeh dari itu, dan ada pula berita yang hanya di-siarkan satu inchi sahaja.

BERITA2 PANJANG DAN PENDEK:

Juga saudara mungkin tertanya2 dalam hati saudara bagaimana-kah berita2 itu di-tentukan sama ada hendak di-panjangkan atau di-pendekkan siaran-nya dalam akhbar2 itu. Berita2 itu sa-benar-nya di-timbangkan dahulu dari segi penting-nya atau dari apa yang di-panggil nilai-nya (News-value). Jika berita itu di-anggap paling penting sa-kali dan paling hangat sa-kali untuk di-ba-cha oleh orang ramai, maka berita yang sa-umpama itu-lah yang di-jadikan berita pertama. Dalam bahasa Inggeris berita pertama ini di-panggil "lead". Dan kerana itu-lah maka berita pertama itu di-siarkan oleh akhbar2 pada muka depan-nya, dengan menggunakan kepala2 berita yang besar2 dan hitam2 huruf-nya untuk menarek perhatian pembacha. Size kepala2 berita itu biasa-nya di-buat dengan mengusahakan jenis2 huruf yang di-besarkan sa-chara membikin blok dari size yang paling besar sa-kali yang mungkin di-dapati dari jenis huruf yang sa-umpama-nya.

Di-samping berita pertama itu tentu-lah ada juga berita2 lain yang tidak kurang penting-nya dengan berita pertama itu. Maka berita2 itu di-siarkan sa-bagai berita2 utama dalam muka2 lain, ia-itu sama ada dalam muka 2, 3, muka 5, 8 dan sa-bagai-nya.

Maka berita utama atau penting yang di-siarkan sa-bagai be-rita pertama pada muka satu itu dalam bahasa Inggeris di-nama-kan "Page One Lead" a t a u "Lead Muka Satu", berita penting yang di-jadikan berita utama dalam muka dua dalam bahasa In-ggeris di-panggil "Page Two Lead" atau "Lead Muka Dua" dan sa-terus-nya.

Penentuan tentang menjadikan berita itu penting atau tidak penting, Page One Lead atau Page Two Lead, ada-lah juga tugas pengarang yang memilih tadi. Biasa-nya news-editor yang me-mentukan pemilihan lead2 untuk seluruh muka2 akhbar itu, se-mentara sub-editor2 hanya di-bebaskan un t o k memilih berita2 lain sa-lain dari yang di-terangkan oleh news-editor. Dalam hu-bongan ini chorak berita tidak menjadi soal. Ada kala-nya be-rita yang di-jadikan berita utama itu berupa berita perchintaan, ada kala-nya berita mahkamah, ada kala-nya berita jenayah sa-per-ti pencholekan, rompakan besar dan sa-bagai-nya, ada kala-nya be-rita2 tentang kejadian banjir besar yang berlaku sa-tiap tahun di Tanah Melayu manakala sampai musim tengkujuh, ada kala-nya berita pilehan raya, dan ada kala-nya juga berita2 mengenai saint

dan teknologi seperti manusia terbang ka-angkasa lepas dan sa-bagai-nya.

Kejadian penting di-luar negeri selalu juga mendapat tempat sa-bagai berita2 utama di-muka2 depan akhbar.

BERITA2 YANG BOLEH DAN YANG TA' BOLEH DI-DUGA:

Berita2 yang di-siarkan dalam surat2khabar sa-tiap hari adalah terdiri dari dua jenis. Satu jenis ia-lah berita2 yang memang di-sangka atau di-duga akan berlaku manakala sa-jenis lagi ia-lah berita2 yang tidak di-jangka atau di-duga akan berlaku. Untuk persuratkhabaran kedua jenis berita itu ada-lah perlu dan penting. Masing2 mengatasi yang lain. Masing2 sama penting dan sama berguna, dan sa-nilai dan sa-harga untok dapat menerima perhatian dari para pembacha umum-nya. Kerana itu kedua2 jenis berita tersebut layak untok siaran akhbar dan layak pula mendapat tempat yang wajar dalam rungan2 akhbar.

Sa-bagai chontoh kapada berita2 yang di-katakan telah di-duga atau di-jangka akan berlaku, bacha-lah berita2 di-bawah ini:

1. Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Kampong Sireh akan mengadakan meshuarat agong-nya yang kedua di-Balai Raya Sireh Road besok. Sakelian anggota di-jemput hadir.
2. Perdana Menteri Indonesia..... di-jangka akan tiba di-Kuala Lumpur hari Ahad ini untok melakukan satu lawatan sa-lama lima hari di-Persekutuan.
3. Majlis perkahwinan antara Inche Ali bin Kodol, sa-orang wartawan tempatan, dengan Che Fawziah Haji Hashim, sa-orang guru Sekolah Kebangsaan dari Tanjong Katong, akan di-langsungkan di-rumah Inche..... pada 12 June ini. Card2 jemputan telah di-edarkan.
4. Amerika Sharikat mungkin akan melancharkan satu lagi roket di-Cape Canaveral, Florida, tidak berapa lama lagi.
5. Wakil Ra'ayat Kampong Datok Keramat, Inche Hussain bin Bidin, akan membuka perjumpaan ramai yang di-adakan oleh badan seni drama kampong itu minggu depan sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil-Adha.

6. Sa-ramai lima puluh orang penuntut luar negeri di-jangka tiba di-Singapura hari ini untok menyertai persidangan tahunan persatuan pekerja2 Singapura besok. Mereka, yang akan hadhir sa-bagai pemerhati, ada-lah dalam rangka lawatan ka-negeri2 Asia Tenggara untok mempelajari perkembangan2 trade union di-daerah bahagian dunia ini.

Ke-enam2 berita di-atas ada-lah berita2 yang telah di-jangka atau di-duga akan berlaku. Dan berita2 sa-umpama ini, saperti yang di-katakan tadi, layak dan wajar untok mendapa tempat dalam surat2khabar saperti juga berita2 yang tidak di-duga akan berlaku saperti berita2 kebakaran, pencholekan, kechurian, samun, kejadian banjir dan sa-bagai-nya.

Sa-orang wartawan asing, ketika memperkatakan nilai satu2 berita itu, berkata: Nilai berita antara lain2 di-tentukan oleh waktu. Makin dekat waktu-nya, makin besar harga-nya. Orang lebeh merasakan apa yang terjadi sekarang dari apa yang terjadi semalam, minggu yang lalu atau tahun yang lalu, kerana itu semua berita harus chepat di-siarkan. Bagaimana juga penting-nya, tetapi kalau terlambat menyiarkan-nya, maka akan kurang nilai-nya.

Kenyataan wartawan itu benar belaka. Umpama-nya apalah guna-nya sa tu berita banjir itu di-siarkan kalau sekira-nya peristiwa itu telah berlaku sa-minggu yang lalu dan ayer-nya pun sudah surut saperti sediakala. Ini nama-nya sudah basi atau lapok. Berita2 yang sudah basi atau lapok bukan lagi di-namakan berita. Kerana itu tidak sesuai atau chochok lagi untok di-beri tempat dalam suratkhabar.

Untok berita2 yang jenis pertama ini — ia-itu berita2 yang di-duga akan berlaku — biasa-nya di-chatetkan lebeh dahulu oleh pemberita2 itu dalam buku2 kechil-nya atau diary. Umpama-nya si-pemberita itu mendapat tahu bahawa Che Awang bin Kadir, sa-orang pegawai ternakan yang telah melanjutkan pelajaran-nya di-England sa-lama tujuh tahun dalam ilmu ternakan, akan tiba di-lapangan terbang Kuala Lumpur hari Ahad yang akan datang, maka berita itu di-siarkan juga dalam akhbar dan di-samping itu di-chatetkan pula dalam buku kechil-nya tadi. Bila hari ketibaan Che Awang itu tiba, maka pergi-lah pemberita tersebut ka-lapangan terbang untok menemui-nya dan untok mendapatkan serba ulasan dan fikiran yang berupa interbiu yang boleh di-jadikan berita dalam siaran akhbar keluaran esok-nya.

Dalam buku kecil itu si-pemberita akan menchatetkan serba yang di-jangka akan terjadi atau berlaku itu. Antara-nya ia-lah majlis2 perkahwinan atau jemputan yang di-terima undangan oleh-nya, majlis2 meshuarat parti2 politik kebajikan atau persatuan pemuda pemudi, pertunjukan2 aneka warna, preview2 filem asing, majlis2 jamuan atau ramah tamah antara wartawan2 dan bintang2 filem yang biasa di-anjorkan oleh sharikat2 filem, perlawanan bola sepak atau sepak raga jaring dan sa-bagai-nya. Pendek kata semua kejadian yang akan berlaku dan yang di-fikirkan akan memberi minat kepada sa-golongan pembacha akhbar itu hendak-lah di-chatatkan dalam buku kecil pemberita tersebut. Bila sampai waktu-nya pergi-lah pemberita itu ka-perjumpaan2 tersebut.

Biasa-nya buku2 kecil yang menyimpan chatatan2 sa-umpama ini ada-lah di-pegang oleh ketua pemberita, tetapi ada juga akhbar2 yang tugas sa-umpama ini di-letakkan pada news-editor atau pun city-editor.

Pemberita2 yang menjalankan tugas mengenai kejadian2 atau peristiwa2 yang di-jangka akan berlaku saperti ini hanya melakukan-nya sa-bagai tugas biasa sahaja. Untuk memenohkan atau melaksanakan tugas yang demikian tidak perlu kepada kecekapan atau efficiency dalam menulis berita, dan kerana itu wartawan2 yang di-pertanggung jawabkan untuk menjalankan tugas tersebut ada-lah terdiri dari wartawan2 baharu atau apa yang di-panggil junior reporters.

Sekarang mari-lah kita menoleh kepada berita2 yang berjenis kedua itu. Berita2 yang kejadian-nya tidak di-duga akan berlaku tidak-lah sama dengan berita2 yang telah kita perbincangkan tadi. Bahkan berita2 yang tergolong dalam bahagian kedua ini biasa-nya di-tugaskan kepada pemberita2 yang lebih berpengalaman dan lebih lama berkhidmat dalam sharikat2 akhbar. Dalam hubungan ini bukan maksud saya untuk memperkecil kebolehan pemberita2 baharu, bahkan sudah menjadi kebiasaan pula bagi tiap2 sharikat akhbar menghantar atau menugaskan pemberita2-nya yang lebih kanan untuk berita2 yang jenis kedua ini.

Untuk persidangan2 akhbar yang penting atau kejadian2 besar saperti kebakaran atau kemalangan udara dan sa-bagai-nya biasa-nya pemberita2 kanan-lah yang menerima tugas itu, bahkan kadang2 news-editor atau city editor sendiri yang terpaksa memenohkan kewajipan demikian.

Sa-suatu tugas, mengikut ringan berat-nya, di-serahkan kepada pemberita2 dengan menimbangkan pula kebolehan dan kemampuan-nya. Sa-saorang news-editor atau city editor selalu-nya menyimpan sa-chara private chatatan2 kebolehan masing2 pemberita untuk menjadi panduan-nya sa-hari2.

Berita2 yang tidak di-jangka atau di-duga akan berlaku tentu-lah tidak dapat di-chatatkan dalam buku2 kecil pemberita2 itu atau buku chatatan news-editor seperti yang boleh di-lakukan untuk berita2 yang tergolong dalam bahagian pertama tadi. Tentu-lah sukar dan mustahil untuk sa-orang pemberita meramalkan berlaku-nya kemalangan kapalterbang di-lapangan terbang "Z", tentu-lah mustahil untuk sa-orang pemberita itu meramalkan kejadian rompak di-kedai taukeh "X", dan masakan sa-orang pemberita boleh meramalkan bahawa si-anu akan mati di-gelek oleh lori pada sakan hari dan waktu dan di-sakan tempat.

Berita2 yang sa-umpama ini tentu-lah tidak boleh di-duga berlaku dan tidak boleh di-chatet dalam buku2 kecil. Kerana itu di-sini-lah letak-nya kebolehan dan kecekapan sa-orang pemberita untuk mengejar mendapatkan berita itu dan melaporkan dengan sa-baik2-nya sesuai dengan keinginan dan kemahuan pembaca-nya.

Tetapi walau pun sa-orang pemberita tidak boleh meramalkan bahawa satu kemalangan kapalterbang akan berlaku pada sakan waktu dan tempat, namun dia tentu-lah boleh mengetahui akan kejadian itu sa-baik2 sahaja kemalangan tersebut berlaku. Sa-chepat mana kejadian itu boleh sampai ka-telinga si-pemberita, bergantung kepada kecekapan-nya, kebolehan-nya dan kemampuan-nya untuk mendapatkan perkhabaran itu dari sumber2 atau saluran yang oleh-nya menjadi tempat bahan.

Tiap2 sa-buah akhbar besar menugaskan beberapa orang daripada pemberita-nya untuk membuat perhubungan setiap hari dengan orang2 atau alat2 Kerajaan yang mungkin mengetahui kejadian2 atau peristiwa2 seperti itu. Jabatan2 Kerajaan seperti Polis, Bomba, Rumah Sakit, Tentera dan sabagai-nya biasa-nya mempunyai pegawai2 khas yang di-tugaskan untuk menjadi pegawai2 perhubungan antara jabatan2-nya dengan pihak akhbar. Pegawai2 sa-umpama ini di-panggil dalam bahasa Inggeris "Liason Officers", atau dalam bahasa Melayu "Pegawai Perhubungan".

Dengan ada-nya pegawai2 yang di-katakan itu pemberita2 tidak merasa sukar atau payah untuk mendapatkan berita2 atau keterangan2 yang di-perlukan mengenai segala kejadian atau kemushkilan yang ada perhubungan dengan jabatan2 yang berkepentingan.

Umpama-nya tentang kemalangan2 yang berlaku pada tentera2 Malaya yang berkhidmat dengan Bangsa2 Bersatu di-Congo, tentu-lah pihak Angkatan Bersenjata Persekutuan tahu ma'lumat2-nya — ma'lumat2 yang berguna untuk menjadi bahan berita — dan kepada pihak pegawai perhubungan Angkatan Bersenjata itu-lah biasa-nya pihak2 akhbar akan membuat perhubungan menanyakan hal2 lanjut mengenai peristiwa2 itu.

Dan untuk berita2 kemalangan jalan raya, tentu-lah pihak hospital tahu ma'lumat2-nya pula kerana orang yang tadi-nya menjadi mengsa pelanggaran itu harus telah di-kejarkan ka-hospital dan untuk berita2 seperti ini, sumber yang sabaik2 sa-kali untuk di-hubongi ia-lah pihak hospital itu sendiri.

Tetapi pihak Polis biasa-nya mengadakan kemudahan2 untuk para pemberita mendapatkan bahan2 yang boleh di-siarkan dalam akhbar. Berita2 yang di-beri oleh Polis tentu-lah berita2 yang berchorak jenayah, umpama-nya berita2 kechurian, samun, pencholekan dan sabagai-nya. Biasa-nya pihak berkuasa Polis memang menugaskan sa-orang pegawai kanan-nya untuk membekalkan bahan2 tersebut kepada akhbar.

Pegawai kanan itu, biasa-nya Ketua CID (Jabatan Penyiasatan Jenayah), akan mengumumkan bahan2 tersebut dalam persidangan2 akhbar yang di-adakan sa-banyak beberapa kali dalam sa-minggu.

Tetapi bagaimana-kah untuk berita2 yang sa-penting itu yang sumber dan bahan-nya tidak boleh di-dapatkan dari alat2 negara itu? Umpama-nya, sa-orang tokoh politik dengan tiba2 meletakkan jawatan-nya sabagai pegawai dalam parti-nya. Bagaimana-kah pemberita itu hendak mendapatkan bau berita tersebut sa-be-lum berita itu menjadi lapok?

Dalam hubungan ini sa-orang pemberita perlu mempunyai banyak "contact". Dia harus mempunyai kenalan2 yang banyak dari pelbagai peringkat lapisan dan golongan masyarakat. Dia harus berdamping, berbaik dan bersahabat dengan ketua2 persatuan, ketua2 parti politik, ketua2 pelbagai badan dan pertubuhan

sosial, persatuan kebudayaan dan sa-bagai-nya, harus berbaik dengan pegawai2 tinggi sharikat2 perniagaan dan perdagangan, dengan manager2 estate atau lombong, bahkan dengan sa-siapa pun yang di-fikirkan berguna untok menjadi pucha2 untok mendapatkan bahan berita. Di-sini-lah letak-nya sebab yang penting maka sa-orang pemberita itu tidak sa-patut-nya memasoki mana2 badan politik, untok terlepas dari menyebelahi sa-barang pihak atau golongan. Dia harus berbaik dan bersahabat dengan ketua2 UM, NO. Dia harus berbaik dengan ketua2 PAS, dengan ketua2 Socialist Front dan sa-terus-nya berbaik2 dengan semua golongan ta' kira parti atau pendirian-nya.

BAGAIMANA BERITA2 LUAR NEGERI DI-TERIMA:

Berita2 luar negeri sa-benar-nya tidak di-tulis oleh pemberita2 sa-suatu akhbar, saperti yang berlaku pada berita2 dalam negeri. Tegasnya ia-lah berita2 itu di-kirim ka-negeri ini dengan saluran2 lain, ia-itu sharikat2 berita kawat, yang telah pun di-terangkan terdahulu daripada ini.

Tetapi ada juga sharikat2 akhbar besar yang mempunyai pemberita2-nya sendiri di-luar negeri. Bagitu pun, akhbar2 lebeh suka menggunakan berita2 yang di-terima dari sharikat2 berita kawat yang di-lengganinya.

Sa-tengah2 akhbar bukan sahaja mempunyai wartawan2, malah mempunyai juga tukang2 gambar khas-nya. Walau pun pengirisan gambar2 itu mungkin makan waktu yang lama daripada pengirisan berita, namun gambar2 itu di-anggap penting juga untok di-siarkan dalam akhbar2 tersebut, menyusuli berita2 yang sudah pun di-siarkan beberapa hari sa-belum-nya.

Berita2 yang di-kirim oleh wartawan2 luar negeri itu kepada akhbar2-nya biasa-nya di-lakukan melalui kawat, atau pun dengan sa-chara membuat "arrangement" dengan pihak2 sharikat berita kawat supaya hasil2 sharikat pemberitaan wartawan2 khas itu dapat di-salorkan melalui kemudahan2 sharikat berita2 tersebut. Tetapi ada juga sa-tengah2 berita yang di-kirim melalui kapalterbang sahaja.

Pengirisan gambar di-lakukan melalui dua chara. Satu chara melalui alat yang di-panggil Radio Picture, manakala satu chara lagi di-buat melalui pengirisan biasa dengan kapalterbang. Gambar2 yang di-kirim melalui "Radio" itu ia-lah gambar2 ter-

yang peristiwa2 terpenting.

Umpama-nya gambar Permaisuri Farah Deba ketika melangsungkan perkahwinan-nya dengan Shah Iran beberapa tahun yang lalu. Gambar2 itu dapat di-lihat dalam akhbar2 Malaya hanya sa-hari sa-lepas perkahwinan itu. Di-sini dapat kita pernilaikan betapa chepat-nya gambar2 d a p a t di-kirimkan kalau sekira-nya melalui alat Radio yang di-katakan itu.

Tetapi gambar2 yang kurang penting biasa-nya di-kirimkan melalui saluran2 biasa. Gambar2 itu di-kirim dengan kapal terbang dan tiba tiga hari atau lebeh sa-telah peristiwa itu.

Gambar2 yang dikirim melalui Radio biasa-nya tidak sa-terang gambar2 yang di-kirim melalui saluran biasa. Sebab2-nya maka berlaku-nya hal itu tentu-lah sukar untok di-perkatakan di-ruangan ini. Bagaimana pun chukup-lah untok saya katakan bahawa gambar2 yang di-kirim melalui Radio itu terpaksa di-chantek dan di-terangkan oleh ahli2 lukis yang berkhidmat dengan akhbar2 tempatan.

Sayogia di-ketahui tiap2 suratkhbar sa-kurang2-nya mempunyai sa-orang kaki tangan yang tugas-nya ia-lah untok melukis katun2 yang "menyindiri" atau "mengkias" kejadian2 tempatan atau luar negeri, menulis tulisan2 khad dan lain2.

Ahli2 lukis ini terpaksa menggunakan kepandaian-nya mengelokkan gambar2 kiriman Radio Picture itu. Usaha mengelokkan gambar2 yang kurang terang ini dalam bahasa persuratkhbaran di-panggil "touching". Ahli2 lukis itu menggunakan berus-nya dan sa-jenis ayer berwarna hitam dan puteh, juga ada yang berwarna kelabu, untok memperchantek satu2 gambar yang di-kirimkan melalui alat Radio.

Kalau-lah dalam gambar itu, bulu kening muka orang yang kelihatan dalam gambar tersebut kurang jelas, maka menjadi kewajipan pelukis itu-lah untok mengenakan "touching" warna hitam pada bulu kening itu supaya timbul dan hidup warna-nya. Demikian-lah sa-terus-nya.

Pemberita2 yang menjadi wakil akhbar2 luar negeri tidak kurang berat tugas-nya dengan pemberita2 tempatan. Masing2 saling berlumba dan bersaing untok mendapatkan berita2 hangat, berita2

yang di-chedok dari saluran2 atau sumber2 yang tertentu, sesuai dengan kemahuan para pembacha-nya.

MESIN TELEPRINTER:

Berita2 luar negeri yang di-terima dari sharikat2 berita kawat ada-lah di-salorkan ka-sharikat2 akhbar tempatan melalui mesin2 yang dalam bahasa Inggeris di-namakan "teleprinter". Yang de-kian tiap2 suratkhbar ada-lah mempunyai mesin2 sa-umpama ini di-letakkan dalam bilek2 kecil yang memang terkhas untok-nya.

Mesin2 ini ada-lah di-sewa daripada pehak Talikom dan sha-rikat2 akhbar terpaksa-lah membayar bayaran sewa tiap2 bulan kerana mesin2 itu. Ada juga akhbar2 kecil yang tidak mempuny-ai mesin2 sa-umpama itu, dan yang demikian akhbar2 tersebut terpaksa-lah mendapatkan bahan2 langgan-nya da ri pejabat2 berita kawat itu sendiri. Saudara2 dapat mengetahui lebeh lanjut mengenai tugas mesin ini di-halaman lain.

BAB KETIGABELAS:

BERITA CHESSMAN

Berita kematian Caryl Chessman di-bilek gas rachun San Quentine, California (Amerika Sharikat), telah menjadi berita penting dalam bulan May tahun 1960, dan di-jadikan berita muka hadapan oleh suratkhobar seluroh tanah ayer dan dunia umum-nya.

Untuk menyiarkan satu2 berita di-muka hadapan, tentu-lah di-perinchikan dahulu nilai-nya dari beberapa segi yang tertentu. Demikian juga hal-nya kapada berita kematian Chessman ini. Mengapa-kah berita itu menjadi berita penting dan tentang segi mana berita tersebut di-pernilai sabagai berita yang chochok di-siarkan di-muka hadapan, ada-lah satu perkara yang akan saya huraikan dalam halaman ini.

Chessman telah memasoki penjara San Quentine semenjak 12 tahun yang lampau. Dia telah di-tudoh bersalah dalam tahun 1948 kerana mencholek, merompak dan merogol. Mengapa-kah, jika benar, sa-orang perompak, pencholek dan perogol, saperti dia di-anggap penting oleh masharakat dunia umum-nya, bahkan telah menerima simpati yang besar sa-kali dari manusia pelbagai lapangan, yang semenjak bertahun2 turut menyuarakan bantahan agar Chessman dj-ringankan hukuman-nya.

Barangkali tidak berlebihan kalau di-katakan bahawa Chessman menjadi mashor kerana perjuangan-nya yang hebat untuk membebaskan diri-nya daripada hukuman yang mahaberat itu. Dia telah menulis beberapa buah buku, dua daripada-nya mendapat pasaran yang laris sa-kali, tentang azab-nya menerima kuroongan sa-umpama itu. Dalam hubongan ini tidak-lah bererti bahawa dia tidak mendapat layanan yang baik di-penjara tempat dia di-kurong, tetapi tentu-lah kita dapat merasakan bagaimana jemu-nya perasaan sa-orang sa-telah dikurong bagitu lama, di-samping penoh dengan pelbagai kebimbangan terhadap hukuman mati yang telah di-jatohkan ka-atas-nya 12 tahun yang lampau, dan akan di-jalankan menanti waktu-nya sahaja.

Di-penjara, dia bukan sahaja menjadi sa-orang pengarang yang terkemuka tetapi sa-orang peguam yang hebat juga. Sa-tiap

saat yang di-tempoh-nya, di-gunakan juga untuk mempelajari ilmu undang2. Pelbagai buku undang2 di-bacha-nya untuk di-jadikan alat bagi kekuatan perjuangannya melepaskan diri daripada hukuman yang di-panggil "capital punishment" itu.

Saya tidak mahu mempersoalkan dalam rencana ini ada-kah Chessman bersalah atau tidak dalam tuduhan yang di-hadapi-nya itu. Saya sekadar ingin menarek perhatian saudara2 kepada perhatian yang besar yang di-berikan oleh akhbar2 seluruh dunia terhadap perkara Chessman itu.

Pada 2 May tahun 1960, Chessman telah menjalani hukuman mati-nya di-bilek gas rachun San Quentine. Dengan itu berakhir- lah riwayat perjuangannya sa-lama dua belas tahun, yang penuh di-selubongi oleh semangat keberanian, kesungguhan dan ketabahan, satu semangat yang tidak ada tulok banding-nya dengan orang2 salah lain-nya di-penjara mana pun juga.

Itu-lah sebab-nya maka Caryl Chessman menjadi mashor, nama-nya di-kenang orang, peristiwa-nya di-simpati ramai.

Lebih sa-paroh daripada 60 orang yang menyaksikan Caryl Chessman menjalani hukuman mati-nya di-bilek gas rachun ia-lah wartawan2 akhbar. Mereka di-beri kesempatan untuk menyaksikan bagaimana sa-orang yang tadi-nya berbangga2 akan menghadapi hukuman itu dengan berani dan chekap, telah benar2 melaksanakan janji-nya. Semua wartawan2 yang menyaksikan Chessman menghadapi maut-nya itu sa-pakat menyatakan bahawa dia telah memenohi janji-nya dengan tepat.

Hal ini bertambah besar di-beri perhatian oleh orang bahawa Chessman sekarang tidak sama dengan Chessman tahun 1948. Chessman sendiri menyatakan bahawa diri-nya telah berubah antara tahun 1948 dan sekarang, malah dia mengakui akan menjadi sa-orang pengarang yang terkenal kalau sekira-nya dia di-beri kesempatan untuk kembali ka-penghidupan biasa di-masa hadapan.

Chessman semenjak tuduhan itu di-hadapkan kepada-nya, memang tidak mengakui salah melakukan perkara2 yang di-katakan telah di-lakukan oleh-nya. Sa-hingga akhir hayat-nya, dia terus juga bersikap demikian, bahawa dia tidak bersalah terhadap kesalahan2 tersebut. Malah kata-nya: "California telah menghukum orang yang tidak berdosa....."

Akhbar Berita Harian hanya sempat menyiarkan berita tentang Chessman itu di-muka tiga-nya (Page 3) Berita itu telah tiba kira2 tengah malam hari Ithnin 2 May tahun 1960, dan tidak sempat untok di-siarkan d a l a m keluaran hari Thalatha-nya seperti akhbar Straits Times.

Pada masa itu saya masih berkhidmat lagi dengan Berita Harian. Tugas saya ia-lah menterjemahkan berita2 luar negeri. Hari itu saya telah di-beri tugas untok menterjemahkan berita tersebut, sa-telah menyunting dan memotong berita yang panjang itu untok sa-kira2 dapat di-siarkan sa-banyak 15 paragraph sahaja. Berita tentang Chessman tidak kurang dari 100 paragraph penjang-nya dan berita yang sa-panjang ini di-tugaskan kapada saya untok di-pendekkan sa-banyak 15 paragraph sahaja, kerana itu-lah sahaja besar ruangan yang sanggup di-berikan kapada berita itu.

Ini-lah sa-berat2 tugas yang harus di-laksanakan. Sedangkan semua ma'alumat2 yang di-sebut dalam 100 paragraph berita itu penting sa-kali dan menurut hemat saya tentu-lah ingin di-bacha oleh para pembacha am-nya.

Dalam berita yang sa-panjang lebeh 100 paragraph itu, ada di-sebut kenyataan2 yang di-buat oleh Gabnor Brown negeri California itu, peguam2 yang membela Chessman, panjaga2 penjara San Quentine, Hakim Federal Louis Goodman dan beberapa pehak yang tertentu.

Kemudian oleh wartawan2 di-chatetkan pula hal2 bagaimana Chessman menghadapi hukuman-nya, dari waktu dia di-bawa dari bilek menanti-nya membawa kapada keadaan-nya di-dalam bilek gas. Wartawan2 menchatetkan juga bagaimana ayer muka-nya ketika di-ikat pada kerusi dalam bilek itu, dan sa-telah ubat rachun yang mengandongi gas itu di-lepaskan ka-dalam ayer belerang yang di-letakkan di-bawah kerusi-nya hingga akhir-nya di-sedut membawa maut.

Oleh wartawan2 tidak ketinggalan di-sebut hal2 dan perkembangan2 yang berlaku sa-belum peristiwa itu di-lakukan. Tunjok2 perasaan di-hadapan penjara itu, semua-nya di-nyatakan sa-kali dengan lengkap.

Chessman juga telah menulis surat kapada beberapa orang pemberita, yang menurut perentah-nya, hanya boleh di-siarkan sa-telah dia meninggal dunia. Surat2 itu di-siarkan sa-chara besar2-an di-akhbar2, dan tidak ketinggalan untok di-sebut juga dalam

berita yang di-kirirkan oleh sberikat2 berita kawat kapada akhbar2 seluruh dunia. Chessman juga telah membuat amanat kapada peguam2-nya tentang harta dan hak milek-nya sa-lepas dia menjalani hukuman-nya. Ini pun terchatat dalam berita itu. Kemudian para pemberita mendapatkan pula fikiran orang2 yang anak isteri-nya pernah menjadi mangsa Chessman 12 tahun yang silam, untok di-jadikan siaran akhbar.

Umpama-nya, sa-orang perempuan yang anak gadis-nya pernah di-katakan telah di-kachau oleh Chessman ketika gadis itu sedang dudok dengan sa-orang pemuda dalam kereta, menyatakan bahawa hukuman itu adil dan saksama.

Sa-orang lagi, ia-itu suami kapada sa-orang perempuan yang pernah menjadi mangsa Chessman juga, mensifatkan hukuman itu sa-bagai ".....baharu saya puas hati."

Maka segala soal2 ini, yang ada kait mengait-nya dengan Chessman telah di-siarkan sa-bagai satu berita besar.

Tetapi untok Berita Harian, yang hanya sanggup menyiarkan berita itu 15 paragraph sahaja, tentu-lah terpaksa mempernilaikan isi2 yang terbaik sa-kali. Ini satu tugas yang berat juga.

Untok berita sa-umpama itu, yang perlu di-jadikan paragraph pertama ia-lah tentang kematian Chessman. Kerana ketika itu dunia telah menunggu2 ada-kah Chessman jadi di-hukum atau tidak pada hari itu, kerana sudah beberapa kali hukuman itu tidak di-jalankan sa-telah tarikh2 dan waktu-nya di-tentukan. Maka itu tidak-lah hairan kalau dunia menunggu ada-kah hukuman itu jadi pula di-jalankan kali ini.

Yang demikian, yang harus di-jadikan paragraph pertama ia-lah:

SAN QUENTINE, Ithnain. — Caryl Chessman telah mati di-bilek gas rachun San Quentine hari ini.

Bagitu-lah sa-tepat2 paragraph pertama yang harus di-bentuk untok berita2 sa-umpama itu. Tetapi katakan-lah Chessman tidak jadi di-hukum bunoh hari itu, bagaimana-kah pula berita dalam paragraph pertama itu harus di-rupakan?

Untuk itu, maka paragraph pertama-nya harus bagini:

SAN QUENTINE, Ithnain. — Caryl Chessman telah selamat sa-kali lagi dari menjalani hukuman mati-nya di-bilek gas rachun San Quentine hari ini.

Untuk paragraph kedua, saudara harus pula sebutkan sebab2-nya maka hukuman itu tidak jadi di-jalankan. Mungkin sa-telah rayuan2-nya di-terima oleh mahkamah di-sana atau sa-bagai-nya, atau pun kerana hal2 yang lain.

Chessman sa-patut-nya telah menjalani hukuman itu bulan Febuary tahun itu, tetapi telah di-tanggohkan lagi, kerana satu rayuan dari sa-buah negeri Amerika Selatan, yang ketika itu akan di-kunjongi oleh Presiden Eisenhower (bekas kepala negara Amerika Sharikat). Rayuan itu di-terima mengingat bahawa kunjongan Eisenhower ka-negeri itu akan menempoh peristiwa2 tunjok perasaan dan sa-bagai-nya kalau sekira-nya Chessman di-hukum bunoh juga dalam bulan itu.

Untuk paragraph2 selanjut-nya boleh kita chatetkan perkembangan2 yang lain yang ada hubongan-nya dengan Chessman itu. Kenyataan2 dari pelbagai pihak, ulasan dari sanak saudara yang pernah menjadi mangsa-nya, kegiatan peguam2 yang membelanya, semua-nya ini harus di-chatetkan dalam berita itu.

BAB KEEMPATBELAS:

MENULIS RENCHANA

Kandungan suratkhobar terdiri dari dua jenis. Satu jenis di-panggil "berita" manakala satu jenis lagi di-kenal sa-bagai "renchana" atau dalam bahasa Inggeris-nya di-panggil "feature".

Walau pun tugas utama sa-barang suratkhobar di-mana2 ia-lah untok menyampaikan berita kepada sidang pembacha-nya, namun peri mustahak-nya surat2khabar itu menyiarkan juga bahan2 yang berbentok feature ada-lah satu hakikat yang tidak dapat di-sangkal oleh sesiapa pun.

Suratkhobar yang tidak mempunyai ruangan2 yang berbentok reenchana sama-lah saperti sa-orang seniman yang boleh berlakun tetapi tidak boleh bertutur. Renchana merupakan bunga yang ikut menghiasi kandungan suratkhobar, sa-bagai minyak wangi yang ikut mengharumkan suasana-nya dan sa-bagai renchah yang ikut menentukan keenakan sa-suatu lauk.

Kalau-lah berita dan reenchana hendak di-bandingkan dalam bentok kesihatan, dapat-lah mereka di-ibaratkan sa-bagai makanan dan minuman. Berita ada-lah makanan, reenchana ada-lah minuman, masing2 saling memerlukan yang lain, masing2 tidak boleh melepaskan ikatan dari yang lain, masing2 mempunyai perhubungan yang erat dengan yang lain.

Dalam Bab lalu, saya telah terangkan serba umum tentang chara2 menulis berita, dan mensifatkan beberapa berita biasa yang mustahak untok di-ketahui oleh seluroh sidang pembacha. Dan dalam bahagian ini saya akan terangkan sa-chara lanjut mengenai pelbagai jenis reenchana, chara menulis-nya dan bagaimana pembentokan-nya dapat di-lakukan dengan jalan yang sa-baik2-nya.

Renchana2 yang kita lihat tersiar dalam akhbar2 Melayu nampak-nya sa-chorak sahaja, walau pun tajok2-nya memakai pelbagai nama yang berlainan.

Utusan Melayu, umpama-nya, mempunyai satu ruangan khas mengenai para perajurit dan ruangan itu di-namakan "PERAJURIT TANAH AYER", sementara Berita Harian pula mempunyai ruangan yang sama, tetapi dengan nama lain, ia-itu "HALAMAN PERAJURIT" di-pimpin oleh sa-orang wartawan yang memakai nama Jaffar Fahmi.

Tujuan halaman2 itu di-lahirkan tidak berbeza satu sama lain, bahkan pada umum-nya kedua halaman tersebut membawa dan menghidangkan kandungan yang sama.

Di-akhbar2 bukan Melayu, ruangan2 saperti ini tidak terdapat pula. Hal ini mungkin di-sebabkan oleh kebanyakan daripada para perajurit di-tanah ayer ada-lah orang2 Melayu, dan yang demikian sa-barang ruangan yang sama saperti yang ada di-Utusan Melayu dan Berita Harian tidak-lah sa-bagitu mustahak dan penting kepada sidang pembaca akhbar2 bukan Melayu.

Sa-lain dari ruangan2 untok perajurit, akhbar2 Melayu di-tanah ayer mempunyai banyak lagi ruangan lain, yang di-tujukan khas kepada pelbagai perengkat tertentu dalam masharakat kita.

Berita Harian, umpama-nya, mempunyai ruangan2 saperti Dewan Wanita, yang di-tujukan kepada kaum wanita, Halaman Kanak2 di-maksudkan untok menjadi pembacaan kanak2, ruangan2 kesihatan, fotografi, ruangan Pa' Belalang dan beberapa ruangan lain-nya, masing2 mempunyai tujuan tertentu dan di-tujukan kepada perengkat2 masharakat tertentu.

MIMBAR PEMBACHA

Apa-kah syarat2 yang di-perlukan untok membolehkan satu2 surat dari pembaca itu di-terima untok di-siarkan dalam ruangan Mimbar Pembacha?

SHARAT2 itu ia-lah:

1. **Perkara yang di-tulis:** Jika perkara (subject) yang di-tulis itu tidak menasabah, tidak perlu di-ketahui umum, tidak mustahak di-dapatkan perhatian dari pihak yang di-tujukan, dan tidak membawa faedah kepada pembaca umum-nya, maka soal ini sahaja sudah cukup untok menidak-layakkan surat itu untok di-siarkan dalam akhbar.

2. **JALAN** bahasa dan isi: Sa-kira-nya surat ini terlalu me-leret2 dengan jalan bahasa yang tuggang langgang, tidak tepat kapada perkara yang di-tujukan, meliar sa-chara tidak tentu tujuan, maka ini pun dapat di-jadikan keteta-pan bahawa surat tersebut tidak layak untok siaran.
3. **MENCHABUL** undang2 persuratkhbaran: Kadang2 si-penulis menggunakan kata2 yang pedas dalam surat2-nya, hingga dapatENCHABUL undang2 persuratkhbaran dan undang2 negeri juga, sa-kira-nya di-siarkan surat-nya itu dalam akhbar. Maka surat2 saperti ini pun akan di-tolak.

Jika satu2 surat itu di-dapati oleh pengarang layak untok di-siarkan dalam ruangan pembacha, maka oleh pengarang ada lagi tugas2 lain yang harus di-lakukan terhadap surat2 tersebut.

Apa-kah tugas2 pengarang atas surat2 yang sudah di-fikirkan layak itu? Tugas2 itu ada-lah sa-bagai berikut:

1. Untok surat2 yang baik dan lancar jalan bahasa-nya, mudah dan bagus pernyataan fikiran-nya terhadap perkara yang di-ulas, singkat dan padat kandongan-nya, maka surat itu akan di-siarkan bulat2 dengan tidak di-sentuh oleh pengarang.

2. Untok surat2 yang kurang baik susunan-nya, sukar pula untok di-pertanggung jawabkan kalau se-kira-nya di-siarkan bu-lat2, maka oleh pengarang akan di-tambah sedikit2 komentar-nya untok lebeh melayakkan surat itu di-beri tempat dalam ruangan itu.

3. Pengarang akan membuang kalimat2 yang di-rasakan-nya kurang penting dalam surat itu, dan membaiki jalan bahasa-nya agar lebeh singkat dan padat lagi.

4. Untok surat2 yang memajukan saran atau usul, biasa-nya nama penulis-nya di-siarkan sa-chara penuh dan lengkap, tetapi untok surat2 yang sa-lain dari chorak tersebut, nama2 penulis-nya di-siarkan memakai nama samaran yang di-pilih sendiri oleh pe-nulis2 tersebut.

5. Sa-tiap surat yang memakai nama samaran, mesti-lah juga menyatakan nama tulen penulis-nya, untok menjadi ma'alumat dan pengetahuan pengarang.

6. Surat2 pembacha yang memajukan saran2 tertentu dan memerlukan jawapan langsung dari pengarang, maka di-tulis jawapannya oleh pengarang yang mengelolakan ruangan tersebut. Jawapan pengarang ini akan di-siarkan betul2 di-bawah tulisan pembacha itu.

7. Ada juga surat2 pembacha yang di-tulis sendiri oleh pengarang yang memimpin ruangan itu. Surat2 istimewa sa-umpama ini sengahaja di-tulis oleh pengarang kerana ada sesuatu bersifat penting untuk di-terangkan dan mengisi tempat yang kosong.

Untuk supaya saudara2 merasa lebeh jelas lagi dengan penerangan saya, elok-lah saya menurunkan beberapa chontoh untuk tatapan saudara2 sakelian.

Di-bawah ini sa-puchok surat di-tulis oleh sa-orang pembacha yang bersungut terhadap pehak Majlis Bandaran-nya mengenai soal kebersehan bandar.

KEPALA RENCHANA (Ini di-tetapkan sendiri oleh pengarang):

BANYAK KENA TB KERANA SAMPAH TA' DI-KUTIP

Sampah sarap di-Bandar Ulu Sari telah tidak di-pungut oleh pehak2 Majlis Bandaran di-sini semenjak beberapa minggu yang lalu. Hal ini mengakibatkan lalat penoh mengaung di-tempat itu, hingga tempat2 yang tadi-nya berseh dan sihat, menjadi tempat tumpuan lalat dan nyamok.

Mungkin kerana ini-lah juga, banyak penduduk2 di-sini menhidap penyakit batuk kering semenjak beberapa hari yang lalu. Oleh kerana kebersehan bandar ini menjadi pertarohan, maka sudah sampai masa-nya pehak Majlis Bandaran mengambil tindakan yang tegas untuk membersehkan kawasan bandar tersebut saperti biasa.

— Pemuda lapok,
Ulu Sari.

"ANGKAT-LAH KAKI BALEK KA-NEGERI ASAL"

Semenjak bahasa Melayu telah di-perhebat untuk kelak menjadi satu2-nya bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal di-negeri ini dalam tahun 1962, banyak juga pehak2 tertentu dari kala-

ngan orang bukan Melayu yang sa-chara ta' langsung memperihatkan bantahan-nya terhadap langkah itu.

Pihak2 itu nampak-nya enggan memberikan kerjasama-nya yang tulen untok menjayakan rancangan Kerajaan yang maha penting itu. Dalam hubongan ini saya rasa pihak2 itu pada hakikat-nya menentang pelaksanaan bahasa Melayu sa-chara tegas menjadi bahasa kebangsaan negeri ini. Kapada pihak2 itu saya anjorkan supaya angkat kaki kembali ka-negeri mereka.

Selanjut-nya saya menguchapkan tahniah kapada Kerajaan atas usaha-nya yang tegas melaksanakan dasar-nya mengenai bahasa kebangsaan ini.

— PRO—BAHASA
Kuala Lumpur.

USAHA2 DEWAN BAHASA PATUT DI-PUJI

Bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya melancarkan rancangan2-nya dalam pelbagai bidang mengenai kemajuan dan perkembangan bahasa kebangsaan di-negeri ini, ada-lah satu hal yang perlu di-puji dan di-hargai oleh seluroh masharakat negeri ini.

Perkembangan Bahasa Melayu bertambah pesat semenjak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan Dewan itu, dan lebeh penting lagi sa-telah Dewan tersebut di-bawah pengarah- yang hebat itu, Tuan Syed Nassir bin Ismail.

Usaha2 Tuan Syed Nassir dan galakan2 yang di-berikan oleh Kerajaan mengenai pelaksanaan dan perkembangan bahasa kebangsaan itu ada-lah sa-besar2 jasa yang kelak menjadi kenagan bagi seluroh ra'ayat Tanah Melayu.

Banyak buku2 pelajaran yang telah di-terbitkan oleh Dewan Bahasa untok di-pakai oleh sekolah2 kebangsaan dan juga sekolah2 bukan kebangsaan negeri ini. Terjemahan2 istilah dan se-bagai-nya semua-nya merupakan hasil usaha yang besar jasa-nya dan besar bakti-nya kapada perkembangan bahasa di-Tanah Melayu.

Saya yakin Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memainkan peranan yang lebeh hebat dalam bidang itu, dan selanjut-nya menjayakan rancangan Kerajaan untok menjadikan bahasa Melayu satu2-nya bahasa rasmi dalam tahun 1967.

— ANAK MELAYU,
Tampin.

BAB KELIMABELAS:

POJOK

"Pojok" ia-lah nama satu ruangan kecil di-akhbar2 yang menjadi minat banyak orang. Perkataan "pojok" ini berasal dari akhbar2 Indonesia, yang menggunakan istilah tersebut untuk memaksudkan ruangan itu, satu ruangan yang mengulas sa-chara ringkas, tegas dan singkat sa-suatu yang menarek perhatian penulis ruangan itu.

Biasa-nya ulasan2 "pojok" ini di-buat dengan menggunakan jalan bahasa yang tidak meleret2, tetapi terus terang. Lebih tepat kalau di-katakan jalan bahasa yang di-gunakan untuk ruangan2 pojok ia-lah jalan bahasa yang kita gunakan untuk berchakap sa-hari2.

Lebih penting lagi untuk di-ingat bahawa jalan bahasa yang di-gunakan oleh penulis2 pojok ini ia-lah bukan jalan bahasa sastera, dan bukan pula jalan bahasa yang menurut nahu atau tata-bahasa. Bahkan jalan bahasa itu kadang2 merupakan "Broken Malay" atau "Bahasa Pasar".

Barangkali saudara kenal dengan ruangan2 "BAJANG" dan ruangan "DAMAK" di-dalam akhbar2 Melayu sekarang. Ruangan "BAJANG" di-terbitkan dalam Utusan Melayu dan Zaman dengan tajok yang bernama "Ada2 sahaja", sedangkan ruangan "Damak" yang di-terbitkan dalam Berita Harian pula menamakan ruangan tersebut "Chorat Choret". Ruangan "Chorat Choret" ini nampak-nya sudah tidak lagi melahirkan diri dalam akhbar tulisan rumi itu.

Ruangan2 yang sa-umpama itu-lah yang di-namakan "POJOK". Akhbar2 Inggeris jarang2 mempunyai ruangan sa-umpama ini, tetapi akhbar Inggeris "MALAYAN TIMES" nampak-nya sudah menchuba mengikuti jejak rakan2-nya dari bahasa kebangsaan dengan mempunyai ruangan tersebut. Ruangan "MALAYAN TIMES" itu di-beri nama "TIDAK APA-LAH".

Tiap2 akhbar mempunyai ruangan2 sa-umpama itu, dan tiap2 akhbar mempunyai nama2-nya sendiri untuk ruangan2 yang sangat menarek minat para pembacha itu. Berita Harian ketika

mempunyai ruangan pojok dahulu telah memakai nama "Damak" sa-bagai nama penulis-nya, sedangkan Utusan Melayu pula mempunyai penulis bernama "BAJANG", menggantikan penulis yang pernah satu sama dahulu terkenal sa-bagai "AWANG SULONG".

Ada-kah benar orang2 yang bernama sa-umpama itu bekerja di-akhbar2 tersebut. Benar-kah Bajang ada di-Utusan Melayu? Benar-kah orang yang bernama Damak bekerja di-Berita Harian?

Sa-benar-nya "Bajang" dan "Damak" itu ia-lah nama2 samaran sahaja. Di-sebalek nama2 itu ia-lah ahli2 pengarang yang terkenal yang bertugas di-akhbar2 tersebut.

Ketika saya bekerja di-Berita Harian (antara 1957 dan 1960), sa-jauh yang saya ketahui nama "Damak" itu ia-lah nama samaran yang di-pakai oleh Abdul Samad Ismail, pengarang Berita Harian, unok ruangan pojok dalam akhbar keluaran Sharikat Straits Times itu.

Dan ketika saya berkhidmat di-Utusan Melayu pada tahun 1961, nama "Bajang" sa-jauh yang saya ketahui ia-lah nama samaran yang di-pakai oleh wartawan Melan Abdullah unok ruangan pojok-nya itu. Inche Melan ia-lah sa-orang anggota kanan dalam Sidang Pengarang Utusan Melayu.

Sekarang mari-lah kita kaji pula sebab2 ruangan pojok menjadi sukaan ramai, dan sebab2-nya pula mengapa ruangan itu di-anggap penting unok menjadi salah satu ruangan harian bagi akhbar2 tersebut.

Ruangan2 pojok kalau di-pandang dari segi mustahak atau tidak, memang-lah tidak mendatangkan sa-barang faedah kapada sa-barang pihak dari kalangan para pembaca. Tetapi mengapa-kah pengarang2 akhbar menganggap penting ruangan itu? Ada-kah unok mengusek2 para pembesar yang silap menjalankan kewajipan-nya? Ada-kah unok membidas pihak2 yang salah langkah? atau ada-kah unok bergurau senda sahaja saperti komik2 yang juga ad a di-siarkan dalam akhbar2 Inggeris sa-bagai menyindir tokoh2 tertentu dalam hubungan-nya dengan beberapa perkara yang menjadi buah perhatian dari sa-masa ka-semasa?

Apa pun yang menjadi tujuan ruangan pojok itu, memang sukar unok di-perkatakan oleh sa-barang wartawan. Tetapi memang nyata bahawa ruangan pojok sa-kadar menjadi satu ruangan

untuk mengusek dan menyindir sa-chara sihat. Dalam melakukan pengusekan-nya itu, bukan sahaja bahasa-nya mesti bahasa pasar, tetapi gaya menyampaikan usekan-nya itu pun ada-lah dengan chara yang menggelikan hati.

Kadang2 penulis2 itu menggunakan perkataan2 yang hampir "mencharut, perkataan2 yang berdesing2 di-telinga, dan perkataan2 yang tentu-nya tidak di-setujui oleh ahli2 ugama. Tetapi memang sudah menjadi chara menulis pojok, harus menggunakan bahasa yang demikian dan chara melahirkan maksud yang terus terang. Penulis2 pojok bukan tidak tahu akan kelemahan2 itu, tetapi kerana tulisan itu di-panggil-pojok, maka mesti pojok-lah pula isi tulisan itu. Kalau tidak begitu bukan-lah di-panggil "pojok".

Untuk menggambarkan sa-chara lebeh nyata mengenai gaya penulis pojok menyampaikan maksud fikiran-nya, baik-lah saya menarek perhatian saudara2 kepada satu tulisan yang tersiar dalam ruangan pojok sa-buah akhbar Melayu. Kalau ta' silap tulisan tersebut tersiar pada awal2 tahun 1960.

Penulis pojok itu chuba mengusek sa-orang anggota Dewan Meshuarat Undangan yang baharu sahaja menyelesaikan perkahwinan-nya dengan sa-orang gadis di-Kuala Lumpur. Anggota itu biasa-nya memakai misai, tetapi pada hari persandingan-nya misai-nya sudah di-chukor, janggut-nya yang biasa-nya lebat sa-tompok di-bawah dagu sudah kelihatan berseh tidak sa-helai pun tinggal. Kepada penulis pojok itu, hal itu sangat menggelikan hati-nya dan menarek perhatian-nya pula. Yang demikian oleh-nya di-tulis-lah satu pojok yang bunyi-nya lebeh kurang bagini:

"SI — pada hari persandingan semalam nampak-nya sudah menchukori janggut-nya berseh. Agak-nya sudah di-pindahkan ka-bawah....."

Tulisan itu tidak shak menggelikan hati sa-tiap pembacha yang menatap-nya. Tetapi sa-tiap pembacha juga tidak terlepas untuk sepakat menyatakan bahawa tulisan tersebut "mencharut" layak-nya. Bagaimana anggota Dewan yang di-usek itu menerima "kechaman" tersebut ta' dapat kita duga, tetapi walau pun sekadar "usek2an" sahaja tidak shak mengechilkan juga hati yang kena usek itu. Kalau-lah pengantin perempuan-nya terbacha..... alang-kah segan rasa-nya?

Lagi satu tulisan yang ingin saya utarakan di-sini ada-lah satu tulisan yang tersiar dalam tahun 1960 juga. Penulis pojok itu menchuba mengusek sa-orang penulis pojok dari akhbar lain dengan menggunakan perkataan "sabun". Sedangkan perkataan "sabun" untok kenyataan yang di-buat dalam ruangan itu sudah nyata sa-kali satu istilah yang sengkaja di-maksudkan untok menchapai dan menyampaikan maksud fikiran yang agak luchah. Tetapi mengapa-kah penulis itu memakai perkataan tersebut? Adakah untok tujuan menggelikan hati para pembacha? Dan untok menggelikan hati para pembacha, mesti-lah perkataan2 luchah sa-umpama itu di-gunakan?

Kerana kadang2 tulisan2 pojok itu sampai merupakan "mencharut" yang teran2gan, banyak pula pembacha yang menganggap penulis2 pojok ada-lah wartawan2 yang suka mencharut. Dalam hubungan ini, elok rasa-nya untok saya memperkatakan bahawa penulis2 pojok yang saya kenal itu bukan-lah orang2 yang suka mencharut. Mereka ada-lah orang2 yang mulia yang tahu mana di-panggil mencharut dan mana yang bukan. Tetapi itu-lah tugas mereka, tugas untok mengusek orang lain dengan bahasa yang menggelikan hati, dengan perkataan yang bagitu rupa, dengan ayat yang bagitu tegas, tetapi padat isi-nya.

Di-antara penulis2 pojok yang baik sa-kali, menurut hemat saya, ia-lah "BAJANG". Beliau tidak suka menggunakan jalan bahasa yang luchah saperti yang biasa di-gunakan oleh penulis2 pojok yang lain, bahkan fikiran yang di-lahirkan dalam ruangan itu pada umum-nya mendapat perhatian yang tinggi dari seluroh pihak yang di-sentuh. Bajang ada-lah sa-orang penulis pojok yang sangat bertanggung jawab dan sudah sa-mesti-nya menjadi chontoh tauladan kapada penulis2 pojok yang lain supaya nilai ruangan itu terpelihara baik dalam bentok yang sa-sihat2-nya.

Sa-tengah2 wartawan berpendapat bahawa ruangan pojok amat perlu di-adakan di-akhbar2. Ruangan itu, kata mereka, memandu pemimpin2 kita ka-jalan yang di-kehendaki oleh ra'ayat. Pemimpin yang ta' sa-jalan dengan ra'ayat, akan menjadi pengu-sekan-nya, tetapi pemimpin2 yang sa-arah tujuan dan tindakan-nya dengan hasrat ra'ayat, terselamat-lah ia daripada usekan penulis2 pojok.

Sa-tengah pembacha pernah menulis menyatakan ada-kah wartawan2 yang menjadi penulis pojok itu di-bebaskan dari sebarang undang2 kewartawanan yang harus mereka patoh? Tidak-

kah mereka boleh di-da'awa di-mahkamah kalau sekira-nya tulisan2-nya terlalu mencholok mata? Pertanyaan ini tidak ada jawapan-nya. Barangkali semua pehak tahu bahawa apa yang di-usek oleh penulis2 pojok itu sekadar bergurau semata. Bukan betul2 tetapi penulis2 pojok pun sa-taraf dengan wartawan2 lain, dan kerana itu mereka juga harus tundok kepada undang2 kewartawanan dan undang2 lain yang membatasi kebebasan sa-orang watawan dalam bidang menulis berita atau renchana untuk akhbar2-nya.

Sa-orang penulis pojok dari sa-buah akhbar Indonesia telah mengulas kenyataan Bung Hatta waktu dalam perjalanan ka-China Komunis beberapa tahun yang lalu. Bung Hatta, bekas Timbalan Presiden Indonesia, ketika singgah di-Hongkong dalam perjalanan itu, telah memberitahu para wartawan yang menemui-nya bahawa Bung Karno (Presiden Sukarno) ia-lah sa-orang **pemimpin Indonesia yang kuat**. Semua orang tahu bahawa Sukarno dan Hatta memang bertentangan satu dengan lain dalam soal dasar. Sebab itu-lah Hatta mengundorkan diri dari menjadi Timbalan Presiden Indonesia. Tetapi yang menarek perhatian akhbar2 Indonesia ia-lah pujian Hatta terhadap Sukarno, walau pun ia dan Sukarno tidak mempunyai dasar yang sama.

Dan untuk itu sa-buah akhbar Indonesia yang memang tidak pro—Sukarno telah mengulas dalam ruangan pojok-nya: "**BUNG HATTA KATA SUKARNO PEMIMPIN YANG KUAT..... KUAT APA-NYA?**" Bukan-lah tulisan itu menggelikan hati? Tetapi itu-lah usekan dari sa-orang penulis pojok sa-buah akhbar yang memang tidak setuju dengan Bung Karno.

Banyak lagi chontoh2 yang boleh di-bawakan dalam mempe-katakan soal ruangan pojok ini. Tetapi yang perlu kita kaji sekarang ia-lah sebab2 maka ruangan itu di-wujudkan.

Ruangan pojok biasa-nya tidak panjang dan tidak luas. Ruangan itu pendek sahaja. Letak-nya pun di-cherok2 akhbar. Kalau sa-kali membacha, tentu ta' perasankan ada-nya ruangan itu. Mungkin terlalu kecil maka ruangan itu jarang di-ketahui oleh pembacha. Tetapi sa-kali di-ketahui, sa-ratus kali akan di-chari. Tiap2 hari sa-belum membacha berita2 lain, pembacha akan men-chari dahulu ruangan itu kerana na' tahu apa pula yang menjadi bahan ruangan tersebut pada satu2 hari itu. Bagitu sa-kali penga-roh pojok, sedikit tetapi sedap.

Penulis2 pojok biasa-nya terdiri dari pengarang2 akhbar itu sendiri, atau pun penulis2 ruangan renchana pengarang akhbar2 tersebut. Penulis itu harus berani bertanggung jawab terhadap tulisan-nya, tahu dan chekap menghuraikan fikiran-nya dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam menguasai bahasa Melayu. Tiap2 ayat yang di-perkatakan mesti terus tidak berbelok2 lagi, padat dan singkat. Mesti tegas tidak berbunga2 dan mesti menggelikan hati tidak sampai merupakan mencharut yang terangan2.

Sa-tengah2 wartawan yang terkemuka menyatakan bahawa penulis2 pojok yang pandai sa-kali menggelikan hati pembacha, di-samping chekap mengusek orang yang di-usek-nya, ada-lah penulsi2 yang hebat dan tajam otak-nya. Satengah2 penulis pojok yang terkenal pernah menggelikan hati sa-orang pembacha sa-hingga tiga minit bergelak tidak berhenti2. Itu-lah kepandaian sa-orang penulis pojok menggunakan pena-nya. Memang benar bahawa wartawan mesti pandai bukan sahaja mengeluarkan ayer mata orang, menaikkan semangat orang, tetapi juga menchuchok tali perut orang sa-hingga bergelak tidak putus2.

Ruangan pojok boleh juga di-anggap sa-bagai renchana2 yang menghiborkan hati. Komik2 yang di-hidangkan dalam akhbar2 tadi tidak chukup untok memberi penghiboran tersebut. Dan hal ini sangat di-sedari oleh pemimpin2 akhbar dan kerana itu-lah ruangan pojok di-wujudkan.

Akhbar Melayu yang pertama sa-kali melahirkan ruangan pojok ia-lah Utusan Melayu. Wartawan Melayu yang pertama sa-kali melahirkan ruangan tersebut ia-lah Inche Abdul Rahim Ishak, sekarang berkhidmat sa-bagai Setiausaha Politik Kementerian Kebudayaan Singapura. Beliau ia-lah bekas penulis renchana pengarang akhbar kebangsaan itu.

BAB KEENAMBELAS:

MENULIS RENCHANA PENGARANG (Editorial)

Renchana pengarang ia-lah nama satu ruangan yang di-tulis sendiri oleh pengarang akhbar itu (biasa-nya Ketua Pengarang atau Timbalan-nya) atau pun oleh sa-orang anggota kanan Sidang Pengarang yang memang di-lantek khas untok menulis renchana tersebut dalam tiap2 keluaran akhbar itu. Renchana itu ia-lah fikiran penulis itu sendiri yang di-tulis menurut kemahuan pehak berkuasa akhbar tersebut sesuai dengan dasar yang telah di-tentukan oleh Lembaga Pengarah suratkhbar itu.

Yang demikian renchana pengarang boleh juga di-anggap sebagai fikiran dan pendapat akhbar itu sa-chara rasmi terhadap sa-suatu perkara yang di-anggap penting berdasarkan berita2 penting yang di-siarkan oleh akhbar itu hari itu atau hari kelmarinya.

Renchana pengarang kadang2 di-panggil "Tajok Renchana" dan di-Indonesia di-panggil "Tajok Berita". Mungkin perkataan "tajok" di-Indonesia ta' sama dengan perkataan "tajok" yang kita ma'anakan di-sini.

Dalam bahasa Ingeris renchana pengarang di-panggil "Editorial", tetapi orang2 suratkhbar lebih suka memakai perkataan "Leader" untok ruangan itu. Yang demikian penulis renchana pengarang kerap kali di-panggil "Leader-writer".

Renchana pengarang biasa-nya di-siarkan di-muka tengah akhbar itu dengan nama akhbar itu terpampang di-atas-nya, sebagai menandakan bahawa apa yang tertulis dalam ruangan tersebut ada-lah fikiran rasmi suratkhbar itu.

Surat2khbar bahasa kebangsaan yang terbit di-Tanah Melayu menyiarkan renchana2 pengarang mereka di-muka empat.

Saperti di-katakan tadi-nya bahawa renchana pengarang itu ia-lah fikiran akhbar itu sendiri terhadap sa-suatu perkara yang berlaku baik di-dalam a t a u di-luar negeri, berdasarkan berita2 yang di-siarkan sendiri oleh akhbar itu. Melalui halaman ini-lah pengarang itu akan menyatakan pendapat-nya, baik yang berupa

sokongan mahu pun yang merupakan kritik terhadap peristiwa yang di-ulas itu.

Akhbar² Utusan Melayu dan Berita Harian, umpama-nya, sa-tiap kali boleh di-katakan menjadikan berita yang paling penting yang di-siarkan hari kelmarin (semalam-nya) sa-bagai subject untok di-ulas dalam rencana pengarang itu. Umpama-nya berita penting yang di-siarkan dalam keluaran Hari Thalatha akan di-jadikan subject rencana pengarang yang di-siarkan untok keluaran hari Rabu-nya, demikian-lah sa-terus-nya. Tetapi akhbar² bahasa Inggeris tidak begitu pula. Akhbar² bahasa Inggeris seperti Straits Times, umpama-nya, menggunakan berita penting yang di-siarkan hari itu juga sa-bagai subject yang di-ulas dalam rencana pengarang-nya keluaran hari itu juga, satu hal yang memang di-lakukan di-akhbar² negeri² barat di-mana persuratkhabaran telah mencapai takat kemajuan yang pesat sa-kali.

Menulis rencana pengarang bukan satu tugas yang boleh di-lakukan oleh sa-barang wartawan atau ahli sidang pengarang. Tugas ini yang paling bertanggungjawab sa-kali dan yang paling penting untok tiap² suratkhbar di-mana pun juga kerana rencana pengarang ia-lah fikiran akhbar itu sendiri.

Maka orang yang biasa-nya di-pertanggung jawabkan untok membuat atau menulis rencana pengarang itu ia-lah Ketua Pengarang atau Timbalan Pengarang akhbar itu sendiri, bukan oleh sa-barang wartawan dari akhbar itu. Sa-tiap ulasan yang di-buat tentang sa-suatu perkara dalam halaman itu memerlukan sikap yang hati² dan chermat supaya tidak menyeleweng atau menyimpang dari pada dasar atau policy akhbar itu. Akan di-ingat tiap² akhbar mempunyai dasar-nya sendiri, dasar yang di-jadikan pegangan atau asas dalam rangka menulis atau mengarang segenap berita, rencana dan sa-bagai-nya yang di-siarkan dalam akhbar itu.

Rencana pengarang biasa-nya di-tulis pagi² kerana pada pagi²-lah otak atau fikiran pengarang yang menulis-nya itu dalam keadaan yang agak segar. Fikiran yang segar sahaja dapat menenangkan sa-saorang dalam rangka menjalankan satu tugas yang maha penting. Sa-belum rencana itu di-tulis oleh pengarang tadi di-kumpulkan dahulu bahan² untok halaman-nya itu. Bahan² itu di-kumpulkan dari file² yang mengenai soal yang hendak di-tulis itu atau pun dari potongan² akhbar² lama yang memang di-simpan dalam kutub-khanah akhbar tersebut.

Sayogia di-ketahui tiap2 suratkhbar mempunyai sa-buah kutub-khanah khas yang menyimpan potongan2 akhbar keluaran yang lampau, juga gambar2 serta lain2 ma'alumat yang pernah atau belum pernah di-siarkan di-masa yang lalu. Tugas jabatan ini akan di-terangkan di-bahagian lain.

Selain dari mengumpulkan bahan2 dari file2 atau potongan2 akhbar lama mengenai soal yang hendak di-ulas, penulis renchana pengarang itu juga perlu mendapatkan ma'alumat2 sa-perlu-nya dari pihak2 yang bersangkutan supaya ulasan-nya itu kelak dapat di-sandarkan pada ma'alumat2 yang tepat, lengkap dan padat.

Sa-telah bahan2 itu di-chatetkan, maka baharu-lah tugas yang yang maha penting itu di-lakukan. Ia di-lakukan bukan sahaja mesti di-sesuaikan dengan dasar akhbar itu, saperti yang di-katakan tadi-nya, tetapi juga hendak-lah di-sesuaikan dengan fikiran ramai dari pembacha2-nya. Buah fikiran dan haluan pemikiran pembacha juga di-jadikan pegangan penting untok di-pertimbang dan di-perhitong sa-belum renchana itu di-tulis.

Saperti menulis berita, maka renchana pengarang hendak-lah di-tulis sa-chara tepat dan padat chochok dengan apa yang hendak di-utarakan. Jangan menggunakan banyak bunga2 dan jangan pula terlalu meleret2, bahkan setiap ulasan dalam halaman itu biar terus dan langsung, tajam dan padat. Kalau hendak di-katakan putih biar mengatakan "putih" terus, jangan di-katakan "warna tidak hitam", yang mana akan menyebabkan para pembacha ke-liru dan teragak2 untok menentukan faham-nya.

Sa-bagai chontoh elok kalau kita ikuti satu berita yang tersiar dalam akhbar kebangsaan "UTUSAN MELAYU" keluaran 16 April tahun 1962 mengenai Seminar Bahasa dan Sastera yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berita tersebut ada-lah sa-bagai berikut:—

Seluruh "Angkatan Pena" telah di-seru menggunakan senjata mereka untok menyalakan semangat merdeka yang sesuai dengan hasrat kebangsaan guna membangunkan suatu bangsa yang kuat dan bertenaga.

Seruan ini di-buat oleh Timbalan Perdana Menteri Persekutuan, Tun Abdul Razak bin Hussain, di-depan lebih 400 orang ahli2 pendidik, ahli2 bahasa dan pengarang2 dari seluruh Malaya dalam upacara merasmikan

pembukaan Seminar bahasa dan sastera di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pagi semalam.

Oleh Tun Abdul Razak, Seminar itu di-sifatkan-nya sa-bagai sangat penting untok mengator chara2 bagi menampung kekosongan alam perpustakaan dalam bidang pengeluaran buku2 yang bermutu dalam segala jurusan.

Seminar ini di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persekutuan Bahasa Melayu University Malaya di-Kuala Lumpur.

Beliau menjamin bahawa Kerajaan akan memberikan perhatian dan pertimbangan yang sa-wajar-nya terhadap rumusan2 yang akan di-buat oleh Seminar itu dalam bahagian buku2 sekolah dan sastera.

“Ra‘ayat dan Kerajaan mengharapkan seminar ini akan menelorkan fikiran2 yang lunas dan berenas yang akan membawa bangsa kita kepada zaman mewah dalam lapangan buku2 dengan buku2 yang baik untok segala jurusan dan lapangan,” kata-nya.

Tun Razak juga menyatakan harapan supaya seminar itu membinchangkan jalan dan chara mengajar bahasa dan sastera di-semua perengkat sekolah, maktab dan university supaya pengajaran itu menuju kepada chita2 membangunkan kepentingan kebangsaan.

“Bahasa dan sastera ada-lah tenaga2 yang penting selain dari ugama dan iktisad untok membangun rumah kebangsaan yang kuat,” kata-nya.

Tun Razak berkata bahawa pepatah Inggeris ada menyebutkan bahawa pena lebeh berkuasa dari pedang dan senjata itu akan dapat membentok ra‘ayat mengikut achuan dan rupa yang di-kehendaki. “Penulis2 hendak-lah menggunakan senjata ini untok faedah bangsa dan negara”, ujar-nya.

Beliau mengigatkan penulis2 agar jangan menulis atau melahirkan karia2 sekadarkan untok mengisi kekosongan buku dalam bahasa kebangsaan tetapi kekosongan yang masch ada itu patut-lah di-isi dengan ha-

sil yang lebeh terjamin, lebeh baik dan lebeh bernilai," kata-nya lagi.

Tun Abdul Razak menyatakan penghargaan dan penghormatan-nya kepada penulis2 yang telah melahirkan karya2 sa-chara tergesa2 untok mengisi kekosongan buku2 bacaan untok umum ketika bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar serta satu mata pelajaran di-semua sekolah.

"Keadaan saperti ini memang ta' dapat di-elakkan dalam masa2 yang tertentu, masa2 saperti kita alami waktu lepas Merdeka. Dan keadaan itu menunjokkon kita bersama mendokong usaha pembangunan bangsa dan negara atas kadar upaya masing2 dalam lapangan masing2", sambong-nya.

Di-akhir ucapan-nya Tun Abdul Razak se-kali lagi menyatakan harapan-nya agar Seminar itu akan melahirkan rumusan2 tentang bagaimana buku2 Melayu pada masa yang akan datang lebeh terjamin isi-nya, lebeh baik bahasa-nya dan lebeh sesuai di-pandang dari segi2 pendidekan, pengajaran dan pembangunan semangat kebangsaan.

Berita yang tersebut di-atas telah di-ulas oleh Utusan Melayu dalam renchana pengarang-nya sa-bagai berikut:—

Dengan penoh kesedaran akan penting-nya peranan ahli2 bahasa dan sasterawan dalam pembangunan nasional, Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Pertahanan memberitahu Seminar Bahasa dan Sastera Kebangsaan bahawa bahasa dan sastera ada-lah menjadi salah satu tiang kebangsaan di-samping politik, ekonomi dan uga-ma dan kerana yang demikian mensarankan ahli2 bahasa dan sasterawan, demikian juga cherdek pandai yang lain yang ada hubongan-nya dengan bahasa dan sastera bekerja bersungguh2 dalam memberikan nilai bahasa dan sastera di-dalam zaman kebangkitan nasional ini.

Dengan tidak bermaksud mengulang apa yang telah di-katakan oleh Timbalan Perdana Menteri itu dalam seminar tersebut kita ingin menyatakan sa-suatu di-dalam mas'alah per-

kembangan bahasa dan sastera di-dalam negeri ini selama ini.

Saperti juga ahli2 politik yang berjuang untok menuntut kemerdekaan negeri ini maka peranan ahli bahasa dan sastera di-dalam masa'alah ini tidak-lah dapat sama sekali di-nafikan. Menerusi persuratan dan sastera, pujangga2 nasional telah meniupkan semangat kebangsaan, semangat kesedaran, semangat kenegaraan dan semangat kemerdekaan. Cherita2 pendek, sajak2, dan segala rupa tulisan yang di-tulis oleh sasterawan2 dan pengarang2 cherita pendek sa-belum negeri kita ini menchapai kemerdekaan merupakan bentok2 yang penuh memberikan kesedaran dan membangkitkan perasaan ingin bebas merdeka. Sajak2 yang pada pandangan sa-tenengah2 pehak hanya merupakan "sajak2 biasa" sa-benar-mya menyelitkan perasaan penuh dengan seruan supaya ra'ayat negeri ini menyedari, menginsafi akan keadaan-nya dan bergerak menghapuskan segala kemelaratan, penindasan dan penjajahan, demikian juga cherita2 pendek-nya.

Tetapi malang-nya, tidak-lah banyak perhatian yang di-berikan kapada "pahlawan2" sastera itu. Sampai sekarang belum kita mendengar sa-orang ahli sastera kita yang menerima penghormatan negara di-dalam khidmat suci yang telah mereka berikan kapada negara dan bangsa-nya di-dalam memberikan kesedaran rohani kapada ra'ayat negeri ini. Penghormatan itu patut di-katakan tidak ada sama sekali jika di-bandingkan dengan penghormatan2 yang telah di-terima oleh gulongan2 yang berjuang di-dalam lapangan politik dan kemasyarakatan.

Kita mengharapkan, setelah menyedari akan peranan besar kaum sasterawan dan pengarang2 di-dalam negeri ini dalam kebangkitan nasional dan pada masa2 yang akan datang dalam usaha2 pembangunan saperti yang di-katakan oleh Timbalan Perdana Menteri itu penilaian atas usaha dan jasa itu hendak-lah di-berikan kapada gulongan ini.

Memang-lah tidak boleh sa-siapa pun menafikan bahawa gulongan kaum sasterawan ini telah dan akan mengambil peranan penting dalam segala masa'alah yang di-hadapi oleh negeri kita ini, tetapi tenaga dan usaha kaum sasterawan ini tidak-lah akan dapat memberikan sa-suatu saperti yang di-harapkan jika mereka tidak mendapat galakan dari pehak

pemerintah sendiri. Penghargaan sahaja tidak-lah cukup, galakan ada-lah utama, terutama sekali di-dalam keadaan seperti sekarang ini. Galakan yang kita maksudkan itu ialah memberikan bantuan kepada penerbit2 dalam mengeluarkan hasil sastera supaya buku2 yang bernilai itu dapat di-terbitkan dengan harga yang mampu bagi sa-tiap orang membeli-nya demikian juga dengan bantuan yang dapat memberikan pembayaran yang setimpal kepada penulis2.

Penilaian kepada satu2 usaha itu akan memberikan galakan yang baik kepada cherdik pandai kita menulis atau menterjemah buku2 ilmu pengetahuan yang sangat di-perlukan oleh negara kita ini, untok mengisi kekosongan dengan sa-suatu yang sa-sungguh-nya mempunyai nilai dan berguna kalau benar2 ini yang di-maksudkan, tidak-lah dapat di-beli dengan harga yang murah.

Melihat bilangan pembacha yang ada di-dalam negeri kita ini dan jumlah buku yang dapat di-chetak dan boleh terjual, tidak-lah ada kemungkinan sama sa-kali bagi penerbit2 membayar pembayaran yang "dapat menawan hati" pengarang2 dan penterjemah2. Apakala penerbit buku ini tidak dapat memberikan tawaran yang "dapat menawan hati" maka tidak-lah akan di-dapati buku2 yang sa-sungguh-nya amat di-perlukan. Ini-lah yang kita maksudkan bahawa pemerintah, di-dalam lapangan ini pun dan dengan menyedari bahawa usaha dan buah tangan pengarang dan sasterawan ini mempunyai peranan penting di-samping ekonomi dan politik dalam usaha pembangunan negeri ini Pemerintah tidak akan takut2 dan tidak akan berbakhil memberikan bantuan dalam jurusan ini seperti bantuan yang di-berikan dalam jurusan yang lain dalam lapangan pembangunan.

Kita sa-sungguh-nya mengharapkan Seminar Bahasa dan Sastera Kebangsaan ini akan memikirkan masa'alah bantuan atau Subsidy ini, kerana pada hemat kita, selagi yang demikian tidak di-lakukan, sedang Pemerintah menyedari akan penting-nya jurusan ini dalam rangka pembangunan nasional maka sa-lama itu-lah kita maseh belum atau akan terpaksa lambat dalam memenohi akan kekosongan ini.

Demikian renchana pengarang Utusan Melayu keluaran 16 April mengulas berita yang di-siarkan-nya mengenai Seminar Bahasa dan Sastera yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pus-

taka itu. Tujuan saya menurunkan berita dan rencana itu di-sini ialah supaya saudara2 dapat membaca, mempernilai dan selanjutnya membandingkan antara berita dan rencana, dan perbezaan2 yang dapat di-lihat antara kedua bidang itu.

Kalau sekira-nya saudara membandingkan rencana pengarang di-atas dengan berita asal yang juga telah di-siarkan, maka saudara tentu-nya dapat membuat kesimpulan bahawa antara kedua2 bidang halaman itu terdapat beberapa perbezaan dalam mempernyatakan sa-suatu, walau pun kedua2 perkara itu sama sahaja — yang satu berupa rencana pengarang manakala yang satu lagi berupa berita.

Dalam membuat rencana pengarang seperti yang telah saya tegaskan tadi hendaklah di-dasarkan pada berita yang penting yang di-siarkan oleh akhbar itu sendiri. Dalam rencana pengarang yang tersebut di-atas itu telah di-dasarkan pada satu berita mengenai ucapan Tun Razak yang merasmikan pembukaan seminar bahasa itu. Oleh pengarang Utusan Melayu, dalam membuat ulasan-nya itu, telah mengingatkan para pembaca betapa Kerajaan belum lagi memberikan penghargaan yang sa-mulia2 seperti mengurniakan bintang penghormatan dan sa-bagainya sebagaimana yang di-terima oleh golongan2 lain yang telah membuat jasa dan bakti kepada negara dan bangsa. Fikiran2 dan saranan2 ada-lah, perlu bagi sa-suatu rencana pengarang, dan pihak Kerajaan biasa-nya memandang berat atas saranan2 yang di-kemukakan dalam halaman rencana tersebut.

Membuat rencana pengarang seperti yang telah kami hurai dan nyatakan beberapa kali di-masa yang sudah2 memerlukan fikiran yang tenang dan chergas, fikiran yang menggeliga dan hebat, mudah dan aktif untuk menyatakan sa-tiap idea yang menggelodak di-otak dan hati-nya.

Itu-lah sebab-nya maka rencana pengarang ada-lah sa-chermat2 usaha yang di-lakukan oleh sa-barang akhbar, sa-hati2 langkah yang harus di-ambil oleh penulis-nya. Untuk itu, pengarang yang di-tugaskan untuk menulis rencana pengarang tersebut harus telah mempunyai pengalaman yang luas dan mendalam bukan sahaja dalam lapangan kewartawanan bahkan juga dalam lapangan penghidupan seluroh-nya. Dia harus mengikuti sa-tiap perkembangan dalam segala lapangan yang berlaku dalam dunia ini, lebeh2 lagi dalam negeri yang di-diami-nya. Dia harus tahu dan faham keadaan2 yang berlaku sa-tiap hari dan saat, waktu dan

ketika di-segenap lapangan hidup, lapangan pendidikan dan pelajaran, lapangan sosial dan ekonomi, lapangan pertanian dan perikanan, lapangan sastera dan bahasa, lapangan perniagaan dan perdagangan, lapangan sukan dan penghiboran, bahkan untuk lapangan2 lain juga.

Jalan bahasa yang di-pergunakan oleh penulis rencana pengarang itu ada-lah jalan bahasa yang tegas dan tepat, padat dan singkat, chochok dengan sifat-nya sa-bagai rencana pengarang yang harus tegas dalam menyatakan sa-suatu yang di-fikir penting dan wajar hingga sanggup di-jadikan soal bichara dalam rencana-nya yang penting itu.

Walau pun sa-tengah2 akhbar Melayu pernah di-dapati menulis rencana pengarang-nya meleret2, dengan bunga2an yang tidak mustahak, tetapi jalan bahasa yang mereka pergunakan menunjukkan bahawa mereka tidak mengenenpikan peri penting-nya ketegasan dalam mempernyatakan fikiran dalam rencana itu. Tetapi tidak berlebihan pula rasa-nya untuk kita memperkatakan di-sini bahawa rencana pengarang yang memerlukan pembaikan sesuai dengan rukun2 kewartawan dunia.

Menulis rencana pengarang tidak sahaja memerlukan fikiran pengarang itu sendiri terhadap soal yang di-ulas-nya, bahkan menjadi perhatian juga kepada pengarang itu untuk membuat sa-kadar dapat fact2 yang ada perhubungan-nya dengan pokok bichara yang di-tulis-nya.

Umpama-nya si-pengarang yang menulis rencana pengarang itu ingin mengulas soal kemalangan jalan raya yang berlaku di-negeri ini. Barangkali tidak chukup dan tidak lengkap rencana pengarang-nya itu kalau dia tidak pula menyebut bilangan kemalangan2 jalan raya yang berlaku di-negeri itu dari sa-masa ka-se-masa. Dia harus menyebut juga fikiran2 pakar2 lalu lintas terhadap kemalangan jalan raya semenjak sa-tahun yang lampau. Kalau kemalangan jalan raya bertambah, dia harus memetek kenyataan dari sa-orang yang berwajib tentang sebab2 maka kemalangan jalan raya itu bertambah, dan kalau bilangan kemalangan itu berkurang, dia harus juga menyebut sebab2 yang di-dasarkan dari kenyataan2 pihak yang berkenaan, sebab2 berkurang-nya kemalangan jalan raya itu.

Sa-sudah menyebut fact2 tentang perkara yang di-bicharakan-nya itu, baharu-lah oleh si-pengarang menyatakan pula pendapat-nya terhadap soal itu. Mungkin dia ingin menyarankan beberapa

usul atau shor kepada pihak yang berkenaan tentang lalu lintas untuk mengurangi bilangan kemalangan jalan raya itu, maka shor2-nya itu harus di-sebut dalam renchana tersebut. Tetapi sa-tiap kenyataan atau fikiran yang di-utarakan dalam renchana-nya itu tidak-lah chukup dengan fikiran bulat2, malah fikiran yang harus di-susul pula dengan sebab2 maka fikiran itu terpaksa di-sarankan dalam renchana tersebut. Biasa-nya ini berdasarkan pertimbangan2-nya dari sejarah lalu lintas di-masa yang sudah2, dan keadaan2 yang berlaku dan terdapat di-daerah ini.

BAGAI MANA PERASAAN BAKAT2 WARTAWAN BILA RENCHANA-NYA TERSIAR:

Pemuda pemudi yang ingin mengechempongan diri dalam lapangan kewartawanan dapat di-katakan mempunyai bakat dalam lapangan itu. Kerana mereka boleh di-katakan selalu mengi-rimkan dengan sukarela bahan2 untuk siaran akhbar. Sa-tengah2 bahan itu merupakan berita2 dearah tempat kediaman-nya, sa-te-ngah-nya merupakan karangan2 tentang aneka warna, sandiwara dan sa-bagai-nya, sa-tengah-nya lagi merupakan cherita2 pendek, sajak dan hasil2 sastera lain-nya.

Apa juga kiriman-nya itu, pada umum-nya di-panggil sum-bangan atau "contribution", sumbangan kepada akhbar yang di-tujukan itu dengan harapan supaya bahan2 yang di-kirimkan itu di-beri kesempatan untuk di-siarkan dalam akhbar.

Sa-tengah2 bahan yang di-kirimkan oleh bakat2 wartawan sa-umpama itu kepada akhbar2 boleh di-katakan sesuai untuk mendapat tempat dalam akhbar2 itu. Tetapi banyak pula sum-bangan2 yang di-kirimkan oleh mereka yang sukar untuk di-beri tempat atau kesempatan dalam akhbar2 tersebut.

Tetapi yang kami hendak perkatakan dalam ruangan ini kali-ini ia-lah bagaimana perasaan sa-sorang bakat wartawan bila ren-chana atau sumbangan-nya di-siarkan buat pertama kali dalam sa-tu2 akhbar yang di-tujukan itu. Memang tidak dapat saya nafi-kan di-sini bahawa sa-indah2 kenimatan yang di-rasakan oleh bakat2 wartawan itu ia-lah ketika cherita pendek, sajak atau ren-chana yang di-tulis-nya itu di-siarkan buat pertama kali dalam akhbar yang di-tujukan-nya. Mereka merasa ni'mat kerana de-ngan tersiar-nya sumbangan-nya itu bererti-lah bahawa mereka te-lah di-beri kesempatan untuk membuktikan kebolehan-nya dalam lapangan kewartawanan dan persuratkhabaran, lapangan yang

menjadi idaman dan tekad-nya semenjak tadi-nya lagi.

Mereka merasa ni'mat karangan-nya itu telah di-muatkan dalam akhbar kerana dengan itu terasa oleh-nya bahawa hasil chiptaan-nya akhir-nya telah mendapat pengakuan dan pengitirafan dari pehak atau kalangan persuratkhabaran. Mereka gembira bahawa hasil chiptaan-nya telah dapat di-bacha oleh beribu2 orang pembacha akhbar. Dalam hubungan ini barangkali tidak berlebihan rasa-nya untok saya memperkatakan bahawa sa-indah2 ni'mat dalam hidup sa-orang pemuda atau pemudi yang chenderong dalam lapangan wartawan ia-lah ketika sumbangan-nya itu di-muat bagi pertama kali-nya di-suratkhabar. Dan ini juga dapat di-terima sa-bagai satu dorongan yang terpenting dalam usaha menchapai kemajuan yang lebeh besar dan pesat di-kemudian hari.

Akan tetapi tidak semua bakat2 wartawan yang mengirimkan sumbangan kepada akhbar2 itu mendapat penghargaan sa-um-pama itu. Dalam hal ini baik saya taksirkan bahawa dalam 100 orang bakat wartawan yang mengirimkan sumbangan-nya kepada akhbar, hanya 5 orang sahaja sumbangan atau hasil chiptaan-nya itu yang di-terima oleh akhbar untok di-beri tempat guna di-siarkan dalam akhbar.

Di-sini-lah letak-nya kechekapan sa-saorang bakat wartawan. Banyak daripada pemuda pemudi yang ingin mengechemponkan diri dalam lapangan wartawan telah putus asa atau hampa bila hasil chiptaan-nya yang di-kirimkan itu tidak di-siarkan dalam suratkhbar, satu hal yang perlu di-elakkan oleh mereka yang mempunyai bakat dalam lapangan ini kalau mereka benar2 ingin maju dan ingin menjadi wartawan yang sa-jati di-kemudian hari.

Saya tahu dan faham bagaimana hampa-nya sa-orang pemuda atau pemudi yang saya katakan ini bila hasil chiptaan-nya tidak di-siarkan dalam akhbar. Kekechewaan ini mereka terima dengan segala rasa pahit dan maung yang sekira2 dapat "menghempaskan" mereka yang kurang chekal hati-nya, kurang kuat chita2-nya dan kurang pesat kemahuan-nya. Tetapi untok pemuda pemudi yang ingin maju dan ingin menjadi wartawan di-belakang hari, walau pun sumbangan-nya itu tidak di-terima oleh pehak akhbar, walau pun karangan-nya tidak di-muatkan dalam akhbar yang di-tujukan-nya sedangkan kiriman itu sudah berkali2 di-buat-nya, janganlah hendak-nya terlalu chepat berputus asa. Jika karangan atau sebarang hasil chiptaan yang saudara kirimkan kepada akhbar itu

tidak mendapat tempat, jangan-lah menganggap bahawa kebolehan saudara di-perkecilkan, jangan pula merasa bahawa saudara tidak di-akui menjadi wartawan, jangan pula menganggap saudara tidak mempunyai peluang menjadi wartawan. Bahkan apa yang harus saudara buat ia-lah terus menulis segenap karangan atau sumbangan yang dapat saudara hulorkan kepada akhbar2 itu sehingga tulisan saudara di-terima dan di-muatkan dalam akhbar2 yang saudara tujukan.

Banyak daripada wartawan2 Melayu yang masa ini terkenal nama-nya, ada-lah seperti saudara2 juga. Mereka juga dahulunya seperti saudara, menempoh pelbagai kekecewaan dan kehampaan. Moga2 kehampaan hati itu tidak menawarkan hati sa-tiap pemuda pemudi dalam bidang memperjuangkan chita2 itu.

Sa-tengah2 saudara yang mengirinkan karangan kepada akhbar2, barang kali pernah di-kembalikan karangan2 saudara dengan komen dari pengarang akhbar2 itu, umpama-nya "Belum Boleh Di-Timbangkan" dan sa-bagai-nya. Pernah pula karangan2 saudara itu hilang dengan tidak tentu kubor-nya, mungkin di-tengah perjalanan. Bahkan ada pula yang khabar-nya menjadi mangsa bakul sampah tuan pengarang. Bahkan jarang pula kiriman yang berkali2 di-minta di-kembalikan kepada penulis-nya andai k a t a tidak di-muatkan dalam akhbar, tidak di-kembalikan, bahkan lenyap begitu sahaja. Tetapi bukan pehak pengarang yang patut di-persalahkan. Kalau sekira-nya saudara2 mempunyai sharat2 yang penting, sudah tentu hasil chiptaan saudara2 mendapat layanan yang sa-mesti-nya.

Maka untok saudara2 yang mengalami kejadian pahit seperti itu-lah kami huraikan di-bawah ini chara2 atau sharat2 bagaimana mengirinkan karangan saudara supaya mendapat pertimbangan yang baik dari akhbar2 itu. Ini bukan jaminan. Tetapi ini-lah jalan yang sa-baik2-nya untok di-ikuti kalau sekira-nya hasil chiptaan saudara yang di-kirinkan itu mahu menempoh kejayaan.

PERTAMA: Buat-lah karangan2 ta' kira berupa renchana, cerita pendek atau sajak, yang isi-nya betul2 sesuai dengan kemahuan suratkhbar yang di-kirim. Sa-belum saudara kirim karangan atau chiptaan itu, tentu-lah saudara menchiptakan-nya dahulu. Dan di-saat menchiptakan hasil tulisan itu-lah saudara harus berhati2. Saudara mesti menyesuaikan chorak dan isi kandungan karangan saudara itu dengan keinginan suratkhbar yang saudara akan tujukan itu. Dalam hubongan ini saudara hendak-

lah mempelajari sa-baik2 chorak suratkhobar yang akan saudara kirimkan sumbangan itu.

(Sa-tengah2 akhbar berdasarkan konsep2 politik tertentu. Ada yang berchorak atau berhaluan kiri, ada yang kanan, ada yang suka menyiarkan bahan2 yang sekarang kita sifatkan "kuning" ada pula yang tidak suka menyiarkan bahan2 yang berchorak "kuning"). Semua-nya ini menjadi pertimbangan saudara waktu men-chiptakan karangan itu.

Dalam hal ini saudara hendak-lah tahu bahawa andaikata karangan saudara itu mempunyai bahan yang boleh di-katakan "kiri" jangan harap chiptaan itu dapat di-siarkan oleh akhbar yang berhaluan kanan. Andaikata tulisan saudara berchorak atau berhaluan kanan, jangan harap akan di-siarkan dalam suratkhobar yang berhaluan kiri, demikian sa-terus-nya.

KEDUA: Dalam melakukan satu2 chiptaan, saudara jangan hendak-nya tergesa2. Apa yang saudara lakukan mesti-lah dengan perlahan tetapi chermat. Jadikan-lah sifat ketelitian sa-bagai satu pegangan dalam menghasilkan satu hasil kerja kewartawanan semenjak dari susunan kata-nya hingga-lah kepada tulisan dan isi karangan itu. Sa-orang wartawan bernama Rudolf Flesch pernah berkata: "TAKE YOUR TIME AND THINK ABOUT IT." Arti-nya: Ambil-lah masa dan fikirkan-lah hal itu.

Wartawan itu chuba menerangkan bahawa dalam usaha men-chiptakan sa-suatu hasil karangan, biar-lah mengambil masa yang lama, seperti kata orang tua2 "Biar lambat asal selamat". Jangan sekali2 kita terburu2 dalam bidang men-chiptakan sa-suatu hasil yang kita harapkan. Tentang saranan Rudolf Flesch supaya di-fikirkan tentang-nya, ia-lah agar kita dapat betul2 dan sungguh2 memikirkan chara2 memperjuangkan atau mengusahakan supaya hasil chiptaan kita itu dapat di-terima dan di-muat oleh pengarang akhbar yang kita tujukan itu.

KETIGA: Satu lagi rahsia yang penting untok membolehkan hasil chiptaan kita itu di-muat oleh pengarang akhbar ia-lah bahawa kita hendak-lah memeserakan diri kita dengan pengarang tersebut. Kita perlu mengikat perhubungan dan persaudaraan dengan pengarang itu, sa-kurang2-nya kita hendak-lah lebeh dalam memperkenalkan diri kita kepada pengarang itu. Kalau boleh, kita hendak-lah banyak mempunyai kenalan dengan ahli2 sidang pengarang lain-nya kerana dengan perantaraan kenalan2 itu kita

mungkin dapat mengadakan perhubungan yang erat dengan pengarang akhbar tersebut.

Ketiga2 perkara yang saya sebutkan di-atas itu boleh juga di-sifatkan sa-bagai rahsia yang maha penting yang harus di-jadikan pegangan oleh sa-tiap pemuda pemudi yang ingin menjadi wartawan di-masa depan.

Ketiga2 perkara tersebut sangat perlu di-ketahui dan di-pe-lajari sa-dalam2-nya-oleh saudara2. Perkara2 itu perlu di-amalkan sa-bagai pegangan yang penting, kalau sekira-nya saudara benar2 menginginkan terchapai-nya chita2 saudara.

Perchaya-lah isi karangan yang baik dan tepat, sesuai dengan kemahuan dan haluan pengarang suratkhbar itu, di-iringi pula dengan sopan santun serta susunan bahasa yang baik dan indah, rapi dan teratur pemberitaan dan karangan-nya, sudah barang tentu akan mendapat tempat yang istimewa dalam pertimbangan ketua pengarang. Apabila ketua pengarang tersebut mempunyai keyakinan kapada kebolehan dan kecekapan saudara, ia-itu bila bahan kiriman saudara di-muat buat pertama kali dalam akhbar-nya, yakin-lah saudara satu hari kelak tetap menjadi sa-orang wartawan yang berguna dan berbakat di-kemudian hari. Jika hasil chiptaan saudara chochok dengan apa yang kami perkatakan di-atas tadi, dan pula nama saudara menjadi mashor sa-bagai penulis yang terbaik walau pun tidak berjawatan dalam perusahaan akhbar yang sa-benar, namun harapan saudara akan di-tawarkan satu pekerjaan tetap kapada saudara sa-bagai pemberita dan sa-bagai-nya bukan satu angan2 yang sia2.

Tidak semua kesempatan di-berikan kapada penulis2 luar. Ini di-sebabkan oleh banyak perkara yang kami rasa tidak mustahak di-sebutkan dalam ruangan ini. Ada kala-nya kerana bilangan kaki tangan dalam akhbar itu sudah chukup, ada kala-nya keadaan tempat untok orang baharu tidak mengizinkan. Namun demikian sa-tiap suratkhbar tetap membuka pintu kesempatan kapada penulis2 luar.

Suratkhbar yang terbit tiap2 hari umpama-nya memberi kesempatan kapada para pembacha-nya mengirinkan karangan atau berita yang tidak dapat dichapai oleh pemberita-nya sendiri di-daerah2 tertentu. Umpama-nya berita2 daerah atau bandar yang terpenchil yang tidak dapat di-ambil oleh pemberita2-nya yang tersedia di-tempat2 itu, mengharapkan kiriman dari pembacha2

di-tempat2 itu sendiri. Sa-tengah2 akhbar harian menyediakan halaman teristimewa untuk berita2 daerah sa-umpama itu, dan banyak juga berita2 sa-umpama itu yang di-dapatkan hanya dari pembaca akhbar itu sendiri.

Suratkhabar mingguan yang di-terbitkan sa-minggu sa-kali itu, tidak ketinggalan untuk memberi tempat kepada saudara2 memperjuangkan chita2 saudara. Biasa-nya surat2khabar mingguan sa-umpama itu menerbitkan ruangan2 tambahan yang khas untuk bahan2 kewartawanan seperti karangan2, cherita2 pendek dan ranchana yang mengenai pelbagai soal, baik yang berupa kupasan, komentar mahu pun laporan tentang sa-suatu kejadian atau perkara yang menarek.

Dalam hubungan ini, rencana2 tentang pembukaan empangan a y e r, tentang pertunjukan aneka warna di-kampong saudara2, tentang pembukaan bangunan kesihatan atau balai raya yang baharu, pembukaan sekolah atau madrasah, pembukaan tanah baharu dan sa-bagai-nya mendapat pertimbangan yang istimewa dari pengarang2 akhbar. Kalau sekira-nya rencana2 tentang soal ini dapat saudara tulis dengan mengirimkan gambar2-nya sa-kali, saya yakin bahawa rencana2 itu dapat di-beri tempat oleh pengarang akhbar, ta' kira akhbar mana saudara kirimkan.

Dalam pengalaman saya bekerja di-surat2khabar bahasa kebangsaan di-Tanah Melayu, saya chukup tahu dan faham bahawa rencana2 yang sa-macam ini tetap terjamin mendapat pertimbangan dari akhbar2. Satu hal yang pernah saya dapati dari penulis2 luar sa-umpama itu, kebanyakan dari rencana2 yang mereka kirimkan ada-lah rencana2 yang oleh wartawan2 di-sifatkan sa-bagai berchorak "abstract". Rencana2 itu hanya memperkatakan soal2 yang tidak hidup dan tidak berlaku, bahkan seluroh rencana itu sekadar menyatakan pendapat mereka terhadap sa-suatu perkara yang mereka jadikan bahan. Umpama-nya sa-orang penulis pernah menulis dan mengirimkan satu rencana tentang "pendapat terhadap bahasa kebangsaan dan perkembangannya". Walau pun bahasa yang di-pergunakan oleh-nya itu wajar di-puji tetapi memandang bahawa rencana itu berchorak abstract — hanya berkisar pada fikiran dan pendapat-nya terhadap soal bahasa kebangsaan — sedangkan kalau di-uji dari kebolehan dan taraf-nya dia belum wajib dan layak untuk meninjau soal itu dari

segi pandangan-nya, maka rencana-nya itu terpaksa di-tolak oleh pembak pengarang akhbar itu.

KEBOLEHAN YANG DI-PUNYAI OLEH PARA WARTAWAN:

Ada-lah satu hal yang penting untuk tiap2 wartawan mempunyai dan mengamalkan chara2 yang baik sa-kali untuk di-jadikan pegangan dalam penghidupan-nya sehari2. Saya telah menerangkan empat sifat penting yang mesti di-punyai oleh para wartawan di-halaman yang lalu, dan saya rasa ada baik-nya juga jika, selain dari mengamalkan empat sifat yang telah di-terangkan itu, wartawan2 mempunyai juga peribadi2 saperti berikut:

- * Pandai bergurau sa-chara kepada2
- * Boleh berchakap sa-chara berkesan
- * Sa-belum mengeluarkan satu2 pendapat, lebeh dahulu hendak-lah menentukan bahawa pendapat-nya itu tidak menyinggong orang lain
- * Sanggup bergaul bukan sahaja dengan golongan orang2 atasan dalam masyarakat, tetapi juga dengan golongan2 bawahan dan sa-bagai-nya.
- * Senentiasa bersiap untuk berusaha demi kepentingan akhbar-nya walau pun terpaksa mengorbankan masa kelapangan dan sa-bagai-nya
- * Jangan lekas tersinggong.

Oleh kerana sa-saorang yang ingin menjadi wartawan perlu mempunyai peribadi yang demikian, maka jarang2 orang yang pendiam sifat-nya dapat menjadi sa-orang wartawan yang berjaya. Hanya dengan kepandaian menulis berita atau rencana tidak cukup untuk memampukan sa-saorang itu menjadi sa-orang wartawan yang "berjaya" dan terkemuka. Tetapi soal2 peribadi juga menjadi perhitongan dalam bidang usaha menchapai kejayaan itu.

Sa-saorang wartawan yang malas yang mempunyai sifat atau tabiat menanggoh2, tidak dapat bekerja chepat, suka menunggu2 sa-hingga tiba nafsu-nya untuk mengirim berita atau menunggu kesenangan bekerja, jangan harap akan menjadi wartawan yang berjaya dan tidak mungkin mengabdikan diri sa-baik2-nya kepada akhbar yang di-khidmati-nya.

Berita2 yang di-terima oleh akhbar2 akan di-siarkan sa-chepat mungkin. Tetapi untok berita2 yang lambat tiba-nya, umpama-nya pada pukul sembilan atau sa-puluh malam, manakala bahan2 siaran muka satu dan muka lain telah pun di-kirim ka-bahagian mengator huruf, maka terpaksa-lah menunggu ka-hari yang lain.

Kechepatan penyiaran sa-benar-nya bergantung pada keadaan dan alat2 teknik yang tersedia di-pejabat suratkhobar itu. Harian Straits Times, umpama-nya, yang pada jam 5.30 atau 6 pagi sudah di-jual di-kedai2 dan station2 kereta api, maseh sempat untok memuat berita2 yang di-terima-nya pada pukul 2 malam. Hal ini dimungkinkan oleh kerana Straits Times, selain daripada mempunyai alat2 perchetakan yang lancar, mempunyai juga kemudahan2 dan kechekapan alat2 rangkaian pengedaran (network of distribution) yang pesat. Tetapi bagi akhbar2 yang maseh menggunakan alat2 teknik chara lama, berita2 paling akhir yang sempat di-siarkan untok keluaran esok-nya ia-lah berita2 yang di-terima pada pukul 7 atau 8 malam.

MESTI MEMPUNYAI HIDONG SEMUT:

Memang menjadi kewajipan tiap2 wartawan atau pemberita untok mendapatkan satu2 berita dengan chepat, menulis dan menyiarkan-nya dengan chepat pula. Menurut sa-orang wartawan Indonesia, kechekapan mengetahui di-mana "bisa di-dapat berita atau mengetahui harga-nya sa-suatu kejadian sa-bagai berita (news-value) ada-lah bergantung dari bakat dan kechekapan kita sa-bagai wartawan."

Sa-bagai wartawan kita harus mempunyai hidong semut — boleh menchiom berita lebeh dahulu sa-belum orang lain menchiom-nya. Kebolehan menchiom berita merupakan sharat penting untok di-mileki oleh tiap2 orang suratkhobar. Dalam bahasa Inggeris di-panggil sharat ini "feeling" ia-itu satu firsuat yang boleh di-anggap sa-bagai pancha-indera untok sa-orang pemberita akhbar.

Wartawan2 harus tahu bahawa apa yang mungkin tidak diduga menjadi satu berita penting boleh menjadi satu berita yang penting, apa yang di-sangka tidak akan mempunyai nilai berita, akan memileki nilai berita.

Wartawan2 yang berbakat selalu-nya wartawan2 yang rajin. Untok wartawan2 sa-umpama ini, mereka biasa-nya berusaha untok menchari bahan2 pendahuluan sa-belum membuat atau sam-

pai-nya satu2 kejadian yang di-duga. Ini ia-lah supaya wartawan2 itu tidak akan terhengang2 bila tiba waktu-nya melaporkan kejadian itu.

Katakan-lah UMNO Malaya mengadakan satu persidangan penting untuk memperbincangkan soal apartheid Afrika Selatan. Maka sa-belum hari persidangan itu berlangsung, oleh wartawan2 yang rajin harus lebih dahulu tahu berdamping dengan ibu pejabat UMNO, menanyakan soal2 latar belakang mengenai persidangan itu. Mereka harus bertanya siapa-kah tokoh2 UMNO yang akan berucap dalam persidangan itu, mengapa-kah sidang itu diadakan, keputusan2 apa yang mungkin di-ambil dalam persidangan tersebut, se-kurang2-nya chorak keputusan2 itu, suasana atau kejadian2 sekitar dan latar belakang persidangan itu. Segala keterangan ini sa-berapa dapat hendak-lah di-kumpulkan supaya nanti dapat di-umumkan dengan segera.

Malahan sa-belum persidangan itu di-adakan pun, oleh wartawan masih boleh untuk menulis berita tentang persidangan itu, berdasarkan bahan2 pendahuluan yang telah di-dapati-nya tadi. Dalam hubungan ini wartawan itu harus mengeluarkan fikiran-nya sendiri, berdasarkan pula pertimbangan-nya yang adil dan saksama.

Barangkali perlu untuk di-ketahui oleh seluruh para pemberita bahawa kecekapan mengetahui dan mendapat berita tidak sahaja bergantung pada bakat, juga di-dapat dalam pengalaman pekerjaan sa-hari2. Di-samping telah mendapat bahan2 itu dengan chepat, wartawan2 harus chepat pula mengerjakan berita itu, ditulis mengikut sa-mesti-nya supaya dapat di-siarkan dalam keluaran esok-nya.

Untuk pemberita2 daerah, atau wartawan2 luar negeri, berita2 itu hendak-lah di-kirimkan ka-ibu pejabat suratkhbar atau sharikat berita kawat-nya melalui talipon atau kawat (jika berita itu penting) atau melalui surat sahaja (jika nilai-nya kurang penting).

Satu sifat wartawan yang penting sa-kali ia-lah chepat bekerja dan jangan bertanggoh2. Sa-tiap usaha yang telah di-buat harus di-kirim dengan sa-chepat2-nya. Sa-barang kejadian yang lambat di-beritakan, ada-lah di-anggap sabagai kejadian yang sudah basi, lapok dan lembab dan kerap tidak sesuai lagi untuk di-pakai oleh akhbar-nya. Kehangatan berita harus di-jaga sa-tiap masa. Berita yang basi bukan berita lagi. Berita yang basi boleh di-sifatkan sabagai "cherita dongeng".

BAB KETUJUHBELAS:

JALAN BAHASA PERSURATKHABARAN

PEMILIHAN ISTILAH:

Peringkat Satu: Bahasa yang di-pergunakan oleh akhbar tidak sama dengan bahasa persuratan atau kesusasteraan. Bahasa surat-khabar ia-lah sa-mudah² bahasa yang di-pakai dan yang boleh di-fahami oleh segenap ra'ayat jelata, ia-itu bahasa yang di-pakai untok berchakap, berbual, beromong dan sa-bagai-nya. Bahasa yang di-gunakan surat-khabar mudah belaka, perkataan²-nya di-pilih dari perbendaharaan perkataan² yang paling mudah dan ayat²-nya di-susun dengan tegas, padat dan singkat — tidak berbunga² dan meleret². Ini tidak sahaja di-buat dalam lapangan persurat-khabaran Melayu, tetapi juga untok surat²-khabar bahasa lain, masing² menggunakan bahasa-nya yang termudah untok di-faham dan di-ikuti para pembacha-nya.

Oleh kerana surat-khabar, seperti yang saya katakan tadi, menggunakan bahasa yang sa-mudah² di-fahami oleh para pembacha-nya, maka berlaku-lah perbedzaan bahasa antara surat²-khabar yang di-terbitkan di-masing² daerah walau pun bahasa yang mereka gunakan sama jenis-nya.

Tetapi di-Tanah Melayu tidak dapat perkara ini, kerana Tanah Melayu terlalu kecil luas-nya. Bahasa yang di-gunakan oleh surat-khabar Melayu yang terbit di-Pulau Pinang tentu-lah sama dengan bahasa yang di-pakai oleh surat-khabar Melayu yang di-terbitkan di-Kuala Lumpur atau Singapura. Ketiga² bandar ini tidak jauh letak-nya satu sama lain, maka itu tidak terdapat-lah perbedzaan dalam penggunaan bahasa-nya.

Tetapi di-Indonesia, memang terdapat perkara yang kami per-katakan ini. Semua surat²-khabar yang di-terbitkan di-semua bandar² Indonesia ada-lah mempergunakan bahasa Indonesia (Melayu). Namun demikian surat-khabar yang di-terbitkan di-kota Medan, umpama-nya, tidak sama jalan bahasa atau style bahasa-nya dengan surat-khabar yang di-terbitkan di-kota Jogjakarta.

Demikian hal-nya akhbar yang di-terbitkan di-Makassar tentu tidak sama dengan lenggok bahasa-nya dengan suratkhbar yang di-terbitkan di-Pelembang atau Bukittinggi. Ini di-sebabkan oleh jauh-nya kedudukan kota2 itu, yang demikian berbedza-lah jalan bahasa yang mereka gunakan sa-tiap hari walau pun bahasa itu bahasa Indonesia juga. Saperti yang telah di-tegaskan tadi, bahasa surtkhbar ada-lah mengikut bahasa yang menjadi kebiasaan di-pakai oleh masing2 daerah itu. Akhbar keluaran Medan hendak-lah menggunakan bahasa Indonesia yang lazim di-pakai oleh masharakat Medan, akhbar Jogjakarta menggunakan bahasa Indonesia yang lazim di-gunakan di-Jogjakarta, dan sa-terus-nya.

Perengkat Kedua: Kembali kapada soal persuratkhabaran di-Tanah Melayu, pemilehan istilah memegang peranan yang penting dalam rangka menentukan ada-kah sa-suatu berita itu sedap di-bacha atu tidak. Kesedapan istilah itu-lah yang menjadi faktor utama dalam lapangan persuratkhabaran. Pemberita yang tahu menggunakan istilah2 yang tepat dan di-sukai oleh pembacha selalu-nya chepat menjadi mashor nama-nya. Pembacha tidak terlepas membacha berita-nya kalau berita yang di-tulis oleh pemberita yang berkenaan itu tersiar.

Dalam hubungan ini agak baik untok di-terangkan lebeh lanjut bahawa dalam bahasa Melayu banyak perkataan atau istilah2 yang sama arti-nya. Umpama-nya perkataan2 "berkenaan," "darihal", "mengenai" dan "tentang". Keempat2 perkataan itu sama sahaja maksud yang di-bawa-nya.

LIHAT AYAT INI:

Dia berchakap berkenaan perkara itu.

Dia berchakap **d a r i h a l** perkara itu.

Dia berchakap mengenai perkara itu.

Dia berchakap **t e n t a n g** perkara itu.

(KEEMPAT2 AYAT DI-ATAS MEMBAWA ARTI DAN MAKSUD YANG SAMA).

Tetapi istilah mana-kah yang lebeh suka di-pakai oleh wartawan? Banyak para wartawan lebeh gemar memakai istilah "tentang" daripada istilah2 "berkenaan", "mengenai", atau "darihal". Dalam hubungan ini bukan-lah pula saya maksudkan bahawa wartawan2 benchi menggunakan perkataan2 yang lain itu, malah apa yang dapat di-lihat ia-lah wartawan2 hampir sepakat dalam menggunakan istilah2 tertentu untok melahirkan satu jalan bahasa persuratkhabaran yang padat, tegas dan singkat.

Satu lagi contoh ialah perkataan "if" (ia-itu perkataan Inggeris yang bermakna kalau). Untuk membawa maksud istilah itu, bukan "kalau" sahaja yang dapat kita pakai, tetapi kita juga boleh menggunakan perkataan2 "jika", "jikalau", "andaikata", "sekiranya", "kalau sekiranya", "seandainya", dan beberapa perkataan lagi, semua-nya membawa maksud dan arti yang sa-chorak.

Kalau dalam bahasa Inggeris, maksud "kalau" hanya boleh di-tafsirkan oleh istilah "if", dalam bahasa kita maksud itu boleh di-tafsirkan oleh beberapa perkataan. Kita boleh memilih satu daripada beberapa perkataan itu, dan maksud-nya tetap sama. Tetapi apa yang saya ingin menarek perhatian saudara ialah antara perkataan2 itu mana satu-kah yang banyak di-pakai oleh kaum wartawan?

Sa-panjang pengalaman saya bekerja di-surat2khabar, saya dapati wartawan2 kita banyak yang suka memakai perkataan "kalau sekiranya" untuk maksud tersebut. Yang demikian adalah satu tauladan yang baik jika saudara2 yang baharu mengechempongan diri atau ingin mengechempongan diri dalam lapangan itu, gunakan perkataan "kalau sekiranya" untuk memaksudkan "if".

Contoh-nya: **He said he would help the poor people if came to power.**

Dia berkata dia akan menolong orang2 miskin kalau sekiranya dia berjaya berkuasa.

Banyak lagi perkataan2 sa-umpama ini. Tentu-lah tidak muat kalau sekiranya di-turunkan semua-nya itu di-halaman ini. Bagaimana pun saudara2 dapat mengetahui dan mempelajari perkataan2 itu melalui akhbar dan penerbitan2 yang di-usahakan oleh wartawan2 yang terkemuka.

PEMILEHAN KALIMAT:

Saperti yang telah di-katakan tadi-nya bahawa bahasa Melayu yang di-gunakan untuk persuratkhabaran adalah jauh bedza-nya dengan bahasa Melayu yang di-pergunakan di-lain2 lapangan kesusasteraan atau bahasa. Dalam hal ini boleh juga di-katakan bahawa bahasa Melayu yang di-pergunakan oleh akhbar2 mempunyai gaya dan bentuk-nya yang tersendiri, gaya yang ringkas, padat dan tepat dengan sari maksud yang ingin di-kemukakan dalam satu2 berita itu.

Bahasa suratkhobar tidak meleret2, tidak berbunga2 dan tidak berchorak sastera. Sa-barang niat yang menchuba hendak meng-sasterakan bahasa suratkhobar ada-lah di-anggap tidak chochok dengan kemahuan pembacha dan kehendak tradisi peratoran dan tata persuratkhabaran.

Pembacha2 akhbar, buik di-mana pun juga, sudah sehati dan mesra dengan jalan bahasa yang mudah dan senang. Bahasa yang sukar di-fahami akan di-tolak oleh pembacha, dan akhir-nya akan memaksa akhbar tersebut terkubor mengakhiri riwayat-nya.

Saperti juga bahasa2 lain yang bukan Melayu, bahasa Melayu juga mempunyai pelbagai istilah dan kalimat yang sama satu dengan lain-nya, dan kalau sekira-nya kalimat2 itu dapat menyampaikan maksud yang sama, maka oleh si-pemberita hendak-lah pula memilih istilah atau kalimat yang di-anggap chochok atau sesuai dengan kehendak tradisi persuratkhabaran.

SA-BAGAI CHONTOH LIHAT-LAH AYAT INI:

Shor daripada Halimah itu menambahkan susah kerja itu.

SEKARANG LIHAT PULA AYAT INI:

Shor daripada Halimah itu menyusahkan lagi kerja itu.

Kedua2 ayat itu sama sahaja maksud dan arti-nya. Kedua2 ayat itu tepat tujuan-nya walau pun tiap2 ayat menggunakan kalimat2 yang berlainan, satu ayat menggunakan "menambahkan susah" manakala satu ayat lagi menggunakan "menyusahkan lagi". Saudara2 tentu-nya merasa sukar untuk menentukan ayat atau kalimat yang mana lebeh elok untuk di-pergunakan dalam suratkhobar. Tetapi sa-bagai sa-orang pembacha akhbar saya perchaya saudara2 tentu merasa bahawa ayat yang kedua itu lebeh sedap dan lebeh jelas daripada ayat yang pertama. Maka itu gunakanlah ayat yang kedua untuk persuratkhabaran.

Lain kali kalau sekira-nya saudara2 hendak menyampaikan maksud saperti ini: "KEMATIAN AYAH-NYA MENAMBAHKAN BERAT TANGGONGAN IBU-NYA". maka gunakanlah: KEMATIAN AYAH-NYA, ITU MEMBERATKAN LAGI TANGGONGAN IBU-NYA.

Tegas-nya ia-lah pergunakanlah perkataan "lagi" untuk ayat2 sa-umpama itu daripada perkataan "menambahkan" yang oleh banyak wartawan di-anggap kurang tegas dan kurang padat layuk-nya.

Satu lagi kalimat yang barangkali wajar untuk di-kemukakan bagi menarek perhatian saudara ia-lah tentang chara menggunakan penambahan "kan" dan "memper.....". Banyak penulis2 berita yang baharu sahaja mengechempongkan diri dalam bidang menulis berita, kurang faham mengenai penggunaan penambahan itu, menjadikan ayat2 mereka kurang sedap di-bacha, di-samping tidak padat dan tidak tegas kandongan-nya.

Untuk lebeh jelas lagi, chuba-lah saudara2 lihat ayat ini:

AHLI2 PERSATUAN ITU DI-SERU SUPAYA MEMPERKUATKAN PERTUBOHAN ITU.

Kalau sekira-nya sa-kali bacha, memang sukar untuk menyatakan ayat di-atas tidak betul jalan bahasa-nya. Tetapi kalau di-bacha sa-kali lagi dengan chermat dan teliti, sa-perkataan demi sa-perkataan, maka baharu-lah kita dapat melihat di-mana terdapat kesilapan dalam ayat tersebut.

Menurut tata bahasa (bahasa Melayu modern), sa-tiap kata perbuatan yang sudah mempergunakan penambah "memper" di-awal-nya, ta' payah lagi menggunakan "kan" di-akhir-nya, kechuali beberapa perkataan yang di-kechualikan pemakaian-nya kerana penggunaan-nya sudah menjadi keladziman (exception).

Oleh yang demikian kesilapan yang terdapat pada ayat di-atas tadi ia-lah pada perkataan "MEMPERKUATKAN". Sepatut-nya penulis itu mesti-lah menggunakan "MEMPERKUAT" sahaja, ta' payah menggunakan penambahan "...kan" pada akhir perkataan tersebut. Tetapi jika sekira-nya penulis itu suka sangat dengan pemakaian penambah "kan", maka dia boleh gunakan dengan syarat jangan pula pakai "memper....." di-awal, ia-itu dia pakai sahaja perkataan "MENGUATKAN".

Memperkuat dan Menguatkan sama maksud-nya dan sama arti-nya, masing2 boleh di-gunakan dengan ma'ana yang sama.

Yang demikian, jangan-lah gunakan perkataan2 "MEMPERHEBATKAN", "MEMPERKECHILKAN" dan sa-bagai-nya, malahan chukup-lah dengan "MEMPERHEBAT", MEMPERKECHIL" dan sa-terus-nya.

MENGAPA JALAN BAHASA SURATKHABAR MESTI MUDAH:

Kalau sekira-nya saudara membacha akhbar2 Inggeris, saudara akan dapati bahawa bahasa yang mereka pergunakan ada-

lah mudah, senang dan straight-forward. Dalam hubungan ini bukan sahaja akhbar2 mempergunakan perkataan2 yang mudah, perkataan2 yang di-ketahui oleh banyak pembaca, terutama pembaca2 dari golongan biasa dan kebanyakan, perkataan2 yang popular dan menjadi suka ramai di-kalangan umum dan perkataan2 yang tidak perlu ma'ana-nya di-lihat lagi dalam kamus bahkan juga jalan bahasa yang senang dengan penyusunan dan peratoran ayat serta paragraph yang mudah di-ikuti oleh para pembaca umum-nya.

Sedangkan bahasa Inggeris tidak kurang dengan aneka perkataan atau istilah, mengapakah pula akhbar2 Inggeris menggunakan perkataan2 dan jalan bahasa yang mudah? Tidak-kah ini akan menyebabkan kemundoran bahasa tersebut? Ada-kah penggunaan sistem mudah ini di-lakukan oleh akhbar2 Inggeris sahaja? Ada-kah sistem ini di-pergunakan oleh akhbar2 bukan Inggeris di-negeri2 lain?

Semua-nya ini mungkin menjadi tanda tanya di-fikiran saudara2, dan semua-nya ini akan kami huraikan di-sini.

Sa-belum kami memulakan penghuraian itu, lebih baik-lah agak-nya kami katakan tujuan2 akhbar kepada masharakat, kerana dengan tujuan2 itu-lah maka sa-suatu akhbar tersebut lahir di-tengah2 masharakat, lahir dalam arti kata akan memberi khidmat-nya kepada masharakat menurut kemampuan masing2.

Tugas akhbar kepada masharakat sukar untuk di-perkatakan dalam halaman yang bagini pendek. Tetapi tidak berlebihan pula rasa-nya kalau di-katakan bahawa akhbar mempunyai peranan penting dalam rangka pembangunan dan kemajuan masharakat dan tanah ayer.

Akhbar bertugas untuk menyampaikan segala berita dari segala cheroK rantau tanah ayer dan dunia untuk pengetahuan masharakat tempat ia di-lahirkan. Akhbar bertugas memimpin ra'ayat kepada jalan2 yang bertanggung jawab serta untuk membentok fikiran ra'ayat yang bertanggung jawab terhadap sa-suatu masa'alah mengenai untog nasib-nya.

Akhbar menyiarkan renchana2 yang di-fikirkan layak untuk memberi pendidekan kepada ra'ayat, renchana2 yang di-dasarkan pada perkara2 yang akan berlaku atau sudah berlaku di-tengah2 ra'ayat, perkara2 yang di-anggap penting untuk di-keta-

hui ra'ayat sa-chara detail.

Maka tujuan akhbar itu ia-lah semata2 untok menyampaikan tugas itu kapada ra'ayat. Dan oleh kerana ra'ayat yang di-maksudkan-nya itu sa-bilangan besar-nya hanya tahu membacha dan menulis serta memahami jalan bahasa yang mudah dan rendah, bahasa yang senang di-ikuti dan di-ketahui, maka menjadi dasar semua akhbar dalam dunia, ta' kira apa bahasa atau negara pun, mengamalkan sistem yang di-sebutkan tadi, sistem yang menggunakan perkataan2 yang mudah dan gaya bahasa yang senang.

Pemberita2 lebeh suka menggunakan perkataan2 yang paling mudah sa-kali dari antara beberapa perkataan yang sa-arti. Umpama-nya mereka lebeh suka menggunakan perkataan hebat daripada pesat, lichin daripada lancar, dan sa-bagai-nya. Sa-tengah2 perkataan yang di-gunakan oleh pemberita2 Melayu, oleh kerana terlalu "patoh-nya" kapada sistem mudah itu, menyebabkan tersalah gunakan perkataan2 tersebut. Umpama-nya perkataan "kebangsaan".

Wartawan2 di-radio menterjemahkan perkataan Inggeris "national" sa-bagai "kebangsaan". Perkataan itu di-terjemahkan bulat2 dan sa-chara melulu hingga kadang2 terkeluar dari arti yang sa-benar dalam bahasa Inggeris-nya. Walau pun perkaatan "national" ada kala-nya boleh di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu sa-bagai "kebangsaan", namun tidak semua perkataan "national" dapat di-terjemahkan sa-umpama itu.

Wartawan2 radio menterjemahkan "National Wave" sa-bagai "Gelombang Kebangsaan". Terjemahan ini sudah tentu-nya salah dan ta' kena pada arti yang sa-benar yang di-lahirkan dalam bahasa Inggeris. Walau pun bukan tujuan kami untok menyalah atau menegorkan terjemahan perkataan itu, namun sa-barang orang Melayu yang mengerti terjemahan akan sa-kata dengan saya untok mensifatkan terjemahan itu "literal" dan tergelinchir dari isi yang pada hakikat-nya terkandung pada istilah asal.

Dalam perkataan "National Wave" ini, barangkali lebeh tepat kalau di-terjemahkan sa-bagai "gelombang negara" dari "gelombang kebangsaan". Gelombang yang di-maksudkan ini ia-lah gelombang yang boleh di-gunakan untok mendapat siaran radio dari mana2 tempat dalam tanah ayer. Maka itu maksud yang sa-benar dari perkataan itu ia-lah perkataan "negara" bukan "kebangsaan".

Saya perturunkan contoh itu sekadar untuk menerangkan bahawa sa-tengah2 wartawan terlalu patoh dan tundok kepada sistem amalan itu hingga menyebabkan arti perkataan2 itu lari dan menyeleweng. Sistem mudah tadi boleh di-gunakan dengan apa yang di-fikirkan dan yang ingin di-nyatakan.

Satu lagi soal yang ingin kami katakan tentang sistem mudah ini ia-lah bahawa sa-tengah2 wartawan sanggup pula memilih perkataan2 asing daripada perkataan2 yang sedia ada dalam bahasa Melayu, kalau sekira-nya perkataan2 asing itu di-dapati lebih mudah di-faham dan banyak pula orang yang mengerti-nya daripada perkataan Melayu sendiri. Umpama-nya perkataan "doktor".

Wartawan2 lebih suka memanggil doktor itu "doktor" juga walau pun dalam bahasa Melayu ada perkataan "tabib" yang berarti "doktor". Mengapa-kah wartawan2 kita menggunakan perkataan2 bahasa lain, sedangkan bahasa Melayu ada perkataan itu?

Soal-nya dalam hal ini bukan soal bahasa. Tegasnya suratkhabar sekadar menyampaikan tugas-nya kepada umum, dan dengan penuh keazaman supaya umum dapat menerima-nya dengan penuh fahaman dan pengertian, dan untuk itu orang2 suratkhabar ta' kita perkataan apa pun yang harus di-pakai-nya asalkan perkataan2 itu dapat menyampaikan maksud yang di-maksudkan.

Dalam perkara "doktor" tadi, walau pun ia bukan perkataan Melayu dan walau pun perkataan Melayu-nya ada, namun boleh di-katakan semua orang tahu arti dan maksud perkataan tersebut. Sedangkan perkataan "tabib" ta' banyak orang tahu, malah orang2 Melayu sendiri pun banyak yang ta' tahu.

Maka untuk perkataan2 yang sa-demikian, baik-lah untuk bakal2 wartawan menggunakan-nya. Jadikan-lah sa-bagai semboyan atau chogan kata: "Sabaik2 bahasa untuk akhbar ia-lah bahasa yang termudah". Ini penting, dan ini juga menjadi amalan semua akhbar2 dalam dunia.

Terlanjor memperkatakan soal ini, elok pula rasa-nya kalau di-katakan bahawa wartawan dunia yang terkenal telah menjadi mashor nama-nya bukan kerana mereka mempunyai kebolehan2 yang luar biasa yang tidak terdapat pada wartawan2 lain, tetapi kerana kebolehan dan kemampuan-nya dalam menguasai jalan bahasa yang boleh di-faham oleh pembaca2 sekali pun mereka penyapu jalan atau buroh bas.

SINGKAT DAN PADAT:

Untuk karangan2, ayat2 yang mempunyai jalan bahasa yang baik sudah cukup untuk di-katakan karangan yang baik.

Untuk berita, ayat2 yang mempunyai jalan bahasa yang baik belum tentu merupakan berita yang baik.

Menulis karangan, kita tidak di-sekat untuk menggunakan ayat2 yang sedikit berbunga2 dan meleret2, asalkan maksud itu di-nyatakan dengan jelas dan terang untuk sa-kira2 boleh di-fahami oleh orang yang membaca-nya. Namun demikian, kita perlu mengingat pula bahawa karangan yang baik biasa-nya bukan karangan yang terlalu banyak bunga2 atau terlalu nampak meleret2-nya.

Yang di-panggil "bunga2" ia-lah kata2 yang berchorak kesusasteraan. Umpama-nya sa-orang ahli sastera lebih suka menggunakan "sang suria" daripada menggunakan "matahari". Maka perkataan "sang suria" itu sudah layak untuk di-sifatkan sa-bagai mengandung bunga2 konon untuk menyedapkan karangan tersebut.

Dalam hubungan ini bukan pula menjadi maksud kami untuk menyatakan bahawa kata2 yang berchorak kesusasteraaaaan sa-umpama itu tidak boleh di-pakai untuk karangan2 atau rencana2 lain yang ingin mendapat tempat dalam bidang akhbar. Tetapi banyak wartawan2 Melayu sa-kata dalam menyatakan bahawa karangan yang baik mesti-lah karangan yang tegas, tepat dan singkat, menuju maksud yang ingin di-utarakan.

Dalam karangan, bunga2 kadang2 boleh mengindahkan lagi ayat2-nya kalau sekira-nya di-gunakan pada tempat yang tepat. Ayat2 yang tidak memerlukan kata2 bunga2 akan menjadi rosak maksud-nya, janggal bunyi-nya, kaku pengertian-nya, kalau sekira-nya di-pakai kata2 yang berchorak bunga2 itu.

Menulis berita, memang tidak memerlukan sa-barang kata bunga2. Berita yang mengandung bunga2an bukan lagi di-panggil berita. Pemberitaan dan kesusasteraan ada-lah berbeza satu sama lain, walau pun kedua-nya mempunyai pertalian yang erat satu sama lain untuk layak di-katakan adek beradek sa-kandung.

Menulis berita tidak ada alternative-nya lagi. Ia mesti terus terang, nyata, tegas dan pendek. Kata bunga2 tidak mempu-

nyai tempat di-dalam-nya. Kandongan-nya harus mempunyai pernyataan2 atau expression2 yang tegas dan straight-forward.

Sa-bagai contoh LIHAT AYAT DI-BAWAH:

KUALA LUMPUR, Ahad. — Parti Islam Sa-Tanah Melayu telah mengadakan satu rapat umum yang di-langsungkan di-Sultan Sulaiman Club, di-sini, pada malam Sabtu yang baru lalu.

(Saudara2 tentu menyatakan bahawa ayat dalam berita di-atas singkat, terang dan nyata. Memang betul ayat tersebut terang dan nyata. Saudara kemudian mungkin berkata ayat itu baik jalan bahasa-nya. Memang betul jalan bahasa-nya sangat baik. Saudara2 kemudian mungkin menyatakan pula bahawa ayat itu mempunyai susunan yang tepat. Memang betul ayat itu di-susun baik dan tepat.)

Tetapi tahu-kah saudara bahawa ayat itu tidak tegas, tidak padat dan tidak straight-forward, sedangkan ia boleh di-tegaskan, di-pendekkan dan di-padatkan dengan tidak kehilangan sedikit pun maksud semula-nya?

Sekarang, chuba-lah ayat itu di-potong kalimat2 yang tidak tegas itu, untuk menjadikan satu ayat pemberitaan yang tegas, tepat dan singkat. Untuk itu maka saudara harus membuang kalimat "YANG DI-LANGSONGKAN" dan menggantikan kalimat "PADA MALAM SABTU YANG BAHARU LALU" kepada "MALAM KELMARIN" kerana saudara perlu ingat, berita itu di-tulis pada hari Ahad.

Maka itu jadi-lah ayat di-atas itu seperti berikut:

KUALA LUMPUR, Ahad — Parti Islam Sa-Tanah Melayu telah mengadakan rapat umum di-Sultan Sulaiman Club di-sini malam kelmarin.

Lihat bagaimana tegas dan padat-nya ayat itu. Bahawa penyakit menulis ayat panjang2 dan meleret2 seperti yang telah di-chontohkan itu selal uterdapat pada bakat2 wartawan yang baharu sahaja mengechempongkan diri dalam lapangan pemberitaan, terutama pemberita2 daerah dan sukarela di-kampong2. Entah kerana mereka tidak terlatah atau pun kerana lain2 hal, ta' dapat kita pastikan. Tetapi banyak dari berita2 mereka yang mengandongi kalimat2 yang ta' mustahak seperti yang telah di-tunjokkan, menyebabkan sub-editor yang mahu menyiarkan berita itu terpaksa menulis balek berita2 tersebut, menyusun dan membaiki

ayat2 dan kata2 yang di-fikirkan berbunga2, tidak padat, dan me-
leret2 sangat.

Banyak lagi contoh2 sa-umpama di-atas itu. Ini-lah yang
saya panggil usaha "memadat dan merengkaskan berita". Tugas
ini ada-lah tugas sub-editor.

Terlanjur memperkatakan soal padat dan singkat ini, barang-
kali wajar pula untuk saya mengingatkan bahawa pemberita2 ha-
rus j i m a t menggunakan perkataan dalam menulis laporan-nya.
Elakkan-lah pemakaian banyak perkataan yang ta' mustahak. Sa-
tiap buah fikiran di-nyatakan dengan tegas, tidak meleret2. Kali-
mat2 yang boleh di-tinggalkan, harus di-tinggalkan. Kalau tiga
empat perkataan boleh di-wakili maksud-nya oleh satu perkataan
yang tunggal, gunakan-lah perkataan yang tunggal itu. Ingat-lah
bahawa ruangan dalam akhbar sangat sempit. Sa-tiap berita harus
di-masokkan, dan berita2 tadi mesti dapat di-siarkan seluruh isi-
nya dengan menggunakan ayat2 yang tegas dan singkat, menuju
terus matalamat-nya.

Tetapi ini-lah satu masa'alah yang tidak di-sedari oleh sa-bi-
langan besar pemberita2 daerah akhbar. Dan dalam hal ini baik
juga-lah saya menyentuh perkara ini dalam hubongan-nya dengan
kerja yang di-lakukan oleh pemberita2.

Dalam pengalaman saya ketika berkhidmat sa-bagai sub-edi-
tor di-sabuah akhbar bahasa kebangsaan, saya dapati hampir ti-
ap2 berita daerah yang di-kirihkan kepada akhbar terlalu lemah
dalam serba serbi-nya di-lapangan pemberitaan. Mungkin kerana
pemberita2 daerah itu tidak terlatah dalam lapangan kewartawan-
an, sedangkan lapangan ini memerlukan latahan yang chukup dan
wajar, baik sa-chara practical mahu pun sa-chara teori. Rakan2
sejawat saya yang mengelolakan halaman2 bagi memuat berita2
kampong terpaksa menulis samula berita2 itu dan menyusun kem-
bali sa-bagaimana sa-mesti-nya.

Berita2 yang mereka kirim untuk di-siarkan dalam akhbar itu
berjela2 panjang-nya sedangkan berita itu boleh di-rengkaskan
menjadi tiga empat paragraph sahaja. Tambahan pula bahasa
yang mereka pakai bukan sahaja tidak sesuai untuk di-panggil
bahasa persuratkhabaran, tetapi juga tidak chochok di-panggil ba-
hasa persuratan. Ayat2-nya di-panjang2kan dengan tidak tentu
tujuan, kalimat2-nya di-salah gunakan, susunan-nya tonggang
langgang layak-nya.

Paragraph yang harus di-jadikan paragraph pertama di-sebutnya pada paragraph akhir, yang harus di-sebut dalam paragraph akhir di-sebut pula dalam paragraph kedua. Bagitu-lah sa-terusnya.

YANG BERHORMAT:

Sa-tengah2 pemberita, termasuk juga sa-tengah pemberita2 bandar, bila2 menyebut nama ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara atau pun sa-barang councillor yang berhormat dalam berita2-nya, tidak ketinggalan menyebutkan "Yang Berhormat si-anu..... Yang Berhormat si-ini.....", kalau menyebut nama Sultan ta' ketinggalan mereka tambah kalimat2 "Duli Yang Maha Mulia....." dan kalau menyebut nama Gabnor ta' ketinggalan menyebutkan sa-kali "Tuan Terutama....." dan sa-bagai-nya.

Bukan-lah maksud saya bahawa kalimat2 penghormatan sa-perti itu ta' boleh di-gunakan, tetapi ada-lah sudah menjadi hukum persuratkhabaran dan kewartawanan, bahawa kalimat2 sa-perti itu ta' mustahak dan ta' perlu di-gunakan sa-kali pun orang yang di-maksudkan dalam berita itu ada-lah sa-orang councillor atau pun Sultan atau pun Presiden dan sa-terusnya.

Menulis berita, baik dalam suratkhobar2 bahasa apa pun juga, kalimat2 penghormatan sa-macham itu tidak wajar di-sebut. Tetapi ada juga wartawan2 kita yang lazim menggunakan kalimat2 penghormatan itu, dan ini nampak-nya hanya kedapatan dalam akhbar bahasa Melayu sahaja. Sama ada akhbar2 bahasa Melayu mempunyai chara hidangan yang lain pula untok membentok tata persuratkhabaran yang tersendiri, maseh belum dapat di-pastikan oleh sesiapa pun. Barangkali wartawan2 dan bapa2 wartawan kita dapat membuat kesimpulan atas soal yang penting ini satu hari kelak.

Tetapi menurut hukum2 persuratkhabaran Inggeris, kalimat2 sa-umpama itu ta' perlu dan ta' layak untok di-sebut, walau pun orang yang di-sentuh itu councillor atau sa-bagai-nya. Menulis berita, kita harus menyebut nama mereka sahaja dengan tidak menggandingkan kalimat2 yang berbunga2 sa-umpama itu.

TUAN2:

Sa-tengah2 pemberita daerah bila menulis berita2 rapat umum teiah menyebut sa-chara langsung ucapan2 yang di-buat dalam rapat umum tersebut dengan tidak membuat sa-barang perubahan

untuk menyesuaikan ayat2 itu sa-bagai ayat2 dalam pemberitaan. Sa-orang pemberita menulis berita-nya bagini:

.....Inche Ali bin Wahid, ketua Parti National berkata: "Tuan2 harus mengundi kami kalau tuan2 mahu hidup ma'mor dan bahagia.....".

Ayat2 demikian ada-lah terlalu langsung dan terlalu buiat2 pula untuk menjadi ayat2 dalam berita, dan kerana itu maseh perlu di-ubah sa-tengah perkataan2 dan susunan-nya untuk menyesuaikan dengan ayat2 berita. Dalam hubungan ini perkataan "Tuan2" sa-patut-nya di-ganti dengan perkataan "ra'ayat" kalau sekira-nya ayat itu hendak di-terjemahkan sa-bagai berita. Maka ayat di-atas itu sepatut-nya telah di-tulis bagini:

Ra'ayat harus mengundi Parti National kalau sekira-nya mereka mahu hidup ma'amor dan bahagia....."

ISTILAH PERSURATKHABARAN:

Saperti juga lapangan2 lain, lapangan persuratkhabaran pun mempunyai perbendaharaan istilah-nya sendiri, yang di-pakai dan di-gunakan oleh orang2 dalam lengkongan akhbar sahaja. Kapa-da banyak orang2 di-luar gulongan wartawan, istilah ini ada-lah asing dan kurang di-kenali.

Berikut ini saya turunkan beberapa patah istilah suratkhbar yang saya rasa perlu di-ketahui oleh saudara2, terutama mereka yang chenderong dalam lapangan kewartawanan.

LEADER: Istilah ini berm'aana "renchana pengarang". Kadang2 di-panggil juga "Editorial". Tetapi kapada orang2 suratkhbar, perkataan "leader" lebeh di-gemari di-pakai daripada perkataan "Editorial", walau pun kede2-nya itu sama sahaja arti-nya.

Maka muka yang mengandongi renchana pengarang itu di-panggil-nya "Leader Page". Umpama-nya leader-page Utusan Melayu ia-lah muka 4, leader-page Utusan Zaman ia-lah muka 3, dan sa-terus-nya.

CAPTION: Perkataan ini berarti "keterangan gambar", ia-itu keterangan yang di-berikan untuk gambar yang di-siarkan dalam muka2 akhbar itu. Di-hujung keterangan2 gambar ini biasa-nya di-sebut sa-kali sumber2 gambar itu di-dapatkan. Kalau sekira-nya gambar2 itu di-ambil dan di-usahakan sendiri oleh tukang gambar suratkhbar itu, maka di-hujung caption-nya akan

di-chatatkan bahawa gambar itu ia-lah gambar suratkhobar tersebut. Katakan-lah suratkhobar Utusan Melayu dan gambar-nya ada-lah hasil usaha tukang gambar Utusan Melayu, maka di-akhir caption itu akan di-sebut-nya-lah "GAMBAR UTUSAN MELAYU". Surat2khabar Inggeris kadang2 menyebutkan juga nama tukang gambar itu sa-kali, jika sekira-nya gambar itu bagus dan layak di-beri penghargaan yang istimewa kepada pengambil-nya. Gambar2 mengenai kejadian2 luar negeri yang di-terima dari sbarikat2 berita kawat, tidak ketinggalan mendapat hak pengenalan itu. Kalau gambar itu kiriman UPI, maka nama UPI akan tersebut di-hujung caption gambar itu.

CAPS: Orang2 suratkhobar memanggil "hurup besar" (capital letters) sa-bagai "Caps", berasal dari perkataan "Capitals". Perkataan ini ada-lah singkat dari perkataan "capitals" yang berm'ana "huruf besar".

LOWER CASE: Untuk menyatakan huruf2 kechil pula, perkataan "lower case" ada-lah di-gunakan. Istilah ini biasa-nya ditulis "lc" sahaja sa-bagai singkatan-nya.

CROSS-HEADING: Kalau sekira-nya saudara2 membacha akhbar2 Utusan Melayu atau Berita Harian, saudara tentu melihat kepala2 berita kechil di-selitkan atau di-selingkan antara paragraph2 dalam berita2 panjang. Umpama-nya kalau berita itu mengandongi 18 paragraph, maka antara tiap2 tiga paragraph itu akan di-selitkan kepala2 berita kechil, berdasarkan isi paragraph di-bawah-nya. Kepala2 berita kechil si-umpama ini di-namakan "Cross-heading". Tetapi di-Utusan Melayu, wartawan2 lebeh suka menggunakan "sub-heading" untuk memaksudkan "cross-heading". Mana2 pun boleh, arti-nya sama sahaja. Cross-heading2 di-Berita Harian atau Straits Times selalu-nya menggunakan jenis2 huruf 14 point. Utusan Melayu gunakan jenis2 huruf 18 point.

Demikian-lah antara istilah2 suratkhobar yang penting yang perlu di-ketahui oleh saudara2. Di-kalangan orang2 suratkhobar, perkataan2 singkat selalu sahaja menjadi pemakaian-nya sa-hari2. Untuk itu istilah2 yang di-sebutkan tadi ada-lah perlu untuk pemuda pemudi yang ingin menjadi wartawan di-kemudian hari.

BAB KEDELAPANBELAS:

JABATAN2 (Department) DALAM SURATKHABAR

Tiap2 suratkhobar mempunyai pelbagai jabatan, yang masing2 mempunyai tugas yang tersendiri untuk sa-pakat menjayakan kelancharan pengeluaran akhbar itu. Antara jabatan2 yang besar dalam sharikat2 persuratkhobaran tersebut ia-lah Jabatan Pengarang (Editorial Department), Jabatan Tukang Gambar (Photographers Department), Jabatan Membuat Blok (Block-making Department), Jabatan Kilang (Production Department), Jabatan Pengedaran (Distribution Department), Jabatan Pentadbiran (Administration Department), Jabatan Perniagaan (Commercial Department), Jabatan Iklan (Advertising Department), Jabatan Keselamatan (Security Department) dan beberapa lagi Jabatan yang kecil2.

JABATAN2 PENTING

Kapada sa-barang sharikat persuratkhobaran, baik di-mana pun juga terbit-nya, terdapat jabatan yang penting yang merupakan nyawa dan darah kapada penghidupan-nya. Jabatan pengarang boleh di-anggap sa-bagai nyawa sementara Jabatan Iklan ada-lah sa-bagai darah. Kedua2-nya saling memerlukan yang lain, dan sa-barang kepentingan atau kelemahan pada satu daripadanya akan mengakibatkan perusahaan akhbar itu terkubor dalam arti kata yang sa-benar-nya.

Jabatan Pengarang selain merupakan nyawa kapada sa-sabua sharikat akhbar, ada-lah juga merupakan enjin yang paling mustahak untuk di-jaga dan di-pelihara. Saudara2 tentu dapat menggambarkan bagaimana sa-buah kereta yang tidak mempunyai enjin atau jentera yang baik, tidak dapat berjalan dengan lancar dan tentu pula di-benchikan oleh yang ampunya kenderaan tersebut.

Demikian-lah hal-nya kapada sa-sabua akhbar. Jabatan ini merupakan enjin yang kalau tidak di-jaga baik dan kalau tidak bermutu baik, akan di-benchikan oleh pembaca2-nya. Kalau untuk kereta yang menjadi pembenchi ia-lah pemakai-nya, maka

untuk suratkhobar yang menjadi pembenci-nya ia-lah para pembacha-nya. Akhbar yang tidak mempunyai jabatan pengarang yang baik tentu tidak dapat menghasilkan siaran atau keluaran yang baik, dan hal ini sudah tentu di-benchikan oleh pembacha-nya. Kalau si-pembacha sudah naik benchi terhadap suratkhobar itu, tentu-lah tidak akan di-bacha dan di-beli-nya lagi. Maka akan kurang-lah circulation akhbar tersebut dan hal ini sudah cukup untuk meletakkan kedudukan akhbar tersebut di-suatu tempat yang mungkin dapat mengakhiri nafas penghidupan-nya.

Bila circulation sudah turun, akan turun-lah pula penghargaan orang atau pehak yang menyiarkan iklan di-dalam-nya. Pehak yang memberi iklan tidak sanggup untuk di-kenakan bayaran yang mahal jika sekira-nya akhbar tersebut tidak mempunyai circulation yang tinggi.

Maka untuk sharikat persuratkhabaran, Jabatan Pengarang-nya-lah yang paling di-jaga sa-kali, paling di-pelihara mutu-nya, paling di-awasi dengan penuh perhatian, paling di-selideki sa-tiap kelemahan dan kepinchangan-nya, jika ada, dan paling di-bimbing laksana anak tengah mentateh, paling di-sayangi saperti isteri yang baharu di-kahwini, paling di-hati2 saperti timun berdekatan duri.

Dalam hubungan ini, Ketua Pengarang-lah atau pun siapa juga yang di-tugaskan oleh pehak yang lebeh atas untuk mengetuai jabatan itu, yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi keadaan jabatan tersebut dari sa-masa ka-semasa. Sa-tiap kelemahan atau kepinchangan atau sa-barang hal yang memerlukan perubahan dan pembaikan, menjadi kewajipan ketua jabatan itu-lah untuk melaporkan kepada pehak yang lebeh atas supaya langkah2 sewajar-nya dapat di-jalankan bagi membaiki apa juga kekurangan yang terdapat itu.

Anggota2 pengarang yang kurang chergas terpaksa di-ingatkan supaya lebeh chergas lagi. Kalau tidak dia akan di-pindahkan ka-jawatan yang sesuai untuk-nya. Berita2 yang kurang menarek di-menarekkan, yang kuchar kachir susunan-nya di-baiki semula menurut pertimbangan yang sewajar-nya. Semua-nya itu menjadi pengawasan Pengarang atau pun ahli2 yang terkanan yang di-tanggung jawabkan untuk mewakilinya d a l a m menjalankan tanggung jawab yang maha berat itu.

Ada-lah menjadi tugas pengarang itu juga untuk mengawasi jalan bahasa baik untuk rencana mau pun untuk berita. Berita atau rencana yang ejaan-nya lintang pukang akan di-perbetulkan menurut ejaan yang sa-benar, rencana yang terlalu panjang dan tidak berisi di-pendekkan dan di-padatkan isi-nya, yang bahasanya terlalu bunga2 tetapi buah-nya tidak ada, akan di-kurangkan bunga-nya, rencana yang meleret2 di-rengkas dan di-padatkan sesuai dengan kehendak akhbar dan kemahuan umum dari sidang pembaca juga, rencana2 yang pokok bichara-nya menyeleweng dari maksud yang di-tujui-nya akan di-betulkan arah-nya supaya menchapai maksud yang di-utarakan.

Semua-nya itu menjadi tugas Jabatan Pengarang. Tetapi banyak lagi tugas2 lain yang akan di-terangkan sa-chara detail nanti. Siapa-kah yang menjalankan tugas itu, semua-nya akan saya terangkan dalam bentuk penjelasan yang boleh memahamkan saudara mengenai kewajipan Jabatan yang merupakan nyawa kepada akhbar itu.

BAB KESEMBILANBELAS:

JABATAN PENGARANG

Jabatan Pengarang terdiri dari beberapa bahagian pula. Bagi suratkhbar yang kecil bilangan bahagian dalam jabatan itu tidak-lah sa-besar bilangan yang boleh di-dapati dalam jabatan pengarang di-sharikat2 suratkhbar yang besar seperti Straits Times.

Akhbar Utusan Melayu mempunyai tiga bahagian. Satu bahagian di-panggil Bahagian Sub-Editor, satu lagi ia-lah Bahagian Pemberita sementara satu lagi ia-lah Bahagian Utusan Zaman dan Mastika. Ketiga2 bahagian ini di-tempatkan dalam sa-buah bilek khas di-pimpin oleh pemangku news-editor-nya, Inche Osman Abadi.

Pengarang, Inche Zabha, dan Penolong Pengarang, Inche Melan Abdullah, masing2 mempunyai bilek khas yang lain pula, berhadapan dengan ruang Jabatan Pengarang itu.

Tetapi sharikat akhbar Straits Times pula, oleh kerana ia ada-lah sa-buah sharikat akhbar yang besar yang mengeluarkan bukan sahaja akhbar harian Straits Times, tetapi juga dua akhbar harian lain — Berita Harian dan Malay Mail — mempunyai Jabatan Pengarang yang luas dan besar. Jabatan tersebut memenohi seluroh tingkat dua bangunan sharikat tersebut di-Pudu Road.

Jabatan Pengarang sharikat Straits Times pada umum-nya boleh di-katakan terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian2 itu ia-lah:—

BAHAGIAN BERITA HARIAN (Jabatan Pengarang)

BAHAGIAN MALAY MAIL (Jabatan Pengarang)

BAHAGIAN PEMBERITA2 KAWASAN K. LUMPUR

BAHAGIAN SUB-EDITOR2 STRAITS TIMES.

BAHAGIAN BERITA HARIAN:

Ketika Berita Harian baharu2 di-terbitkan, akhbar tersebut ada-lah merupakan naskhah Straits Times juga yang di-terbitkan dalam tulisan rumi. Saya telah berkhidmat dengan akhbar tersebut semenjak waktu itu hingga-lah kepada bulan July tahun 1960.

Oleh kerana kedudukan Berita Harian nampak-nya sudah bukan satu naskhah lagi, bahkan telah bertukar menjadi satu akhbar yang bebas dan bersendirian, maka Jabatan Berita Harian ini yang memang merupakan sa-bahagian dari Jabatan Pengarang kumpulan surat2khabar keluaran Straits Times sendiri-nya mempunyai bahagian2 yang kecil. Sa-tengah para anggota-nya bertugas sa-bagai sub-editor, sa-tengah-nya lagi sa-bagai penterjemah berita2.

Berita Harian mendapatkan sa-bahagian besar berita-nya dari hasil usaha pemberita2 suratkhabar kumpulan Straits Times lain-nya, terutama daripada pemberita2 Straits Times. Berita2 daripada Ipoh, Pulau Pinang dan Singapura hampir semua-nya di-dapati melalui rangkaian jabatan pemberita2 akhbar Straits Times yang memang terdapat di-seluruh tanah ayer dan juga luar tanah ayer. Bagaimana pun Berita Harian mempunyai juga pemberita2-nya sendiri, terutama di-kampong2 dan di-bandar2 Pantai Timor.

Di-Singapura akhbar tersebut mempunyai wakil2 khas-nya juga, yang di-tugaskan khusus untok menchari dan mengutip berita2 sekitar masharakat Melayu pulau itu.

BAHAGIAN MALAY MAIL:

Saperti juga Bahagian Berita Harian, Bahagian Malay Mail ini pun mempunyai bentok sidang pengarang yang boleh juga di-katakan bebas dan tidak terikat atau tertundok sa-chara langsung kepada Jabatan Pengarang Straits Times. Dengan lain2 perkataan sidang pengarang Bahagian ini di-beri kebebasan yang sa-perlu-nya untok menguruskan hal chwal-nya sa-olah2 ia ada-lah sa-buah perusahaan yang tersendiri, dengan mempunyai pengarang yang tersendiri dan anggota2 pengarang saperti juga sidang pengarang besar Straits Times. Bagai mana pun ia terpaksa patoh kepada dasar Straits Times yang telah di-tetapkan, dan di-samping itu ikut tundok juga kepada arahan2 atau penyeliaan Ketua Pengarang Straits Times yang besar.

Sa-hingga awal2 tahun 1962, Malay Mail merupakan keluaran tengah hari yang hanya dapat di-edarkan di-negeri2 sekitar Selangor. Tetapi pada masa ini akhbar tersebut telah di-satukan dengan akhbar Singapore Free Press, juga akhbar keluaran Sha-rikat Straits Times, yang di-terbitkan tengah hari di-Singapura.

Oleh yang demikian, akhbar Malay Mail sekarang mempunyai anggota sidang pengarang yang lebeh besar dan di-edarkan bukan sahaja di-negeri2 sekitar Selangor dan Singapura tetapi juga di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Akhbar tersebut sudah dapat di-beli di-mana2 bandar di-Persekutuan sa-belum pukul 1 tengah hari pada tiap2 hari, kechuali hari Ahad.

Malay Mail mempunyai pemberita2-nya sendiri di-Kuala Lumpur, juga di-bandar lain di-Tanah Melayu, Namun demikian oleh kerana Malay Mail ada-lah sa-buah akhbar kumpulan Straits Times maka berita2 yang datang dari puncha2 dan dari akhbar2 keluaran Straits Times yang lain, di-benarkan juga untok menjadi siaran Malay Mail.

Bagaimana pun, nampak-nya Malay Mail lebeh banyak menyiarkan berita2 luar negeri yang tidak sempat di-siarkan oleh Straits Times keluaran pagi. Ini ada-lah satu perkembangan ka-pada persuratkhabaran di-tanah ayer kita.

BAHAGIAN PEMBERITA2 KAWASAN KUALA LUMPUR DAN SEKITAR-NYA:

Bahagian ini boleh di-katakan berchorak tempatan, terdiri dari lebeh kurang 10 orang anggota sidang pengarang, semua-nya para pemberita. Di-dalam bahagian ini-lah dudok-nya pemberita2 Straits Times yang gagah, ulong dan terkemuka. Antara-nya ia-lah Tuan Felix Abishangaden, pemberita Straits Times yang terkemuka yang terkenal dengan laporan2-nya mengenai persidangan Parlemen dan lain2 hal yang penting, dan Tuan Ng Yook Yoon, sa-orang waratwan yang chergas dan terkenal dengan renchana2-nya yang tajam dan hebat.

Tuan Ng pernah menjadi Pengarang Berita Harian, sa-belum Inche Abdul Samad di-angkat memegang jawatan tersebut.

Pemberita2 ini, di-samping menchari berita2 yang berlaku di-seluruh kawasan Kuala Lumpur dengan sifat-nya sa-bagai ibukota

Tanah Melayu, ada-lah juga di-tugaskan untok menchari berita2 umum yang berhubungon dengan Tanah Melayu keselurohan-nya. Kuala Lumpur, sa-bagai ibukota, ada-lah menjadi sumber yang penting untok mendapatkan berita kerana selain dari menjadi tempat letak-nya jabatan2 penting Kerajaan Persekutuan yang selalu sahaja dapat mengeluarkan bahan2 untok siaran akhbar, ada-lah juga menjadi tempat letak-nya ibu pejabat2 parti politik yang penting dan pertubohan2 besar di-negeri ini. Di-samping itu di-sini juga tempat-nya di-mana kedutaan2 besar asing menempatkan kedutaan2-nya. Lebeh penting dari itu Kuala Lumpur semakin hari terkenal pula sa-bagai tempat di-mana di-adakan persidangan2 international yang penting atau pun perjumpaan2 lain yang berchorak sukan, politik, ekonomi, kebajikan dan sa-bagai-nya. Pendek kata, Kuala Lumpur ada-lah pusat tentang segala2-nya, baik untok lapangan politik mahu pun ekonomi, tempat persinggahan orang2 kenamaan dan tempat kunjongan pembesar2 dari luar negeri.

Bahagian ini tidak sahaja bertugas untok menchari dan menulis berita2 tentang Kuala Lumpur, tetapi juga menerima berita2 yang di-kirim oleh pemberita2 daerah-nya, saperti Kota Bharu, Kuala Trengganu dan sa-bagai-nya, yang mengirim berita2 mereka sa-chara Collect Press (taligram). Maka menjadi tugas Bahagian ini-lah untok membetulkan chara pemberitaan, jika ada hendak di-betulkan, yang di-buat oleh pemberita2 daerah itu.

BAHAGIAN MENYUNTING BERITA SELUROH MALAYA:

Jabatan Pengarang Straits Times di-Kuala Lumpur dahulunya tidak mempunyai Bahagian ini. Bahagian ini dahulu di-tempatkan di-ibu pejabat Straits Times di-Singapura. Dan Bahagian tersebut hanya wujud sa-telah sharikat Straits Times memindahkan ibu pejabat-nya ka-ibu kota dari Singapura pada tahun 1959 yang lalu.

Ada pun tugas penting Jabatan ini ia-lah menerima segala be-ta dari pelbagai daerah dan kota di-Persekutuan dan Singapura, juga dari luar negeri. Berita2 itu di-terima di-sunting dan di-baikkan sesuai dengan kepentingan akhbar itu dan di-timbangkan kalau sekira-nya chochok untok di-siarkan d a l a m keluaran esok-nya. Bahagian ini bukan sahaja menerima berita2 dari pemberita2-nya di-Kuala Lumpur tetapi juga dari daerah2 lain. Berita2 luar negeri di-terima-nya dari sharikat2 berita Reuters dan United Press

dalam hal ehwal sidang pengarang semua surat2khabar keluaran Straits Times, termasuk Berita Harian.

Akhbar Utusan Melayu pada masa ini belum mempunyai Ketua Pengarang lagi kerana jawatan itu maseh kosong. Biasa-nya jawatan tersebut dipegang sendiri oleh Managing Director-nya. Tetapi jawatan tersebut belum di-penuhi lagi semenjak Inche Ibrahim Fikri (sekarang menjadi Menteri Besar Trengganu), mengundorkan diri dari jawatan Managing Director.

Untuk surat2khabar yang sederhana besar-nya seperti Utusan Melayu, orang yang kedua kanan dalam Jabatan Pengarang ia-lah Timbalan Pengarang. Tetapi bagi surat2khabar yang besar seperti Straits Times, orang yang kedua kanan ia-lah Pengarang Straits Times, ia-itu jawatan yang kedua sa-lepas jawatan Editor-in-Chief.

Jawatan2 seperti News-Editor (Pengarang- Berita), Ketua Pemberita dan sa-bagai-nya ada-lah jawatan2 yang penting juga bagi sa-sabuah sidang pengarang. Yang demikian antara orang2 ini mesti-lah senentiasa ada perhubungan dan saling pengertian yang rapat untuk menghidup dan meranchakkan perjalanan dan pentadbiran jabatan pengarang sa-suatu sharikat akhbar itu. Kerjasama dalam bentuk yang seluas2-nya amat penting bagi orang2 ini dan kejayaan bulat bagi sa-suatu akhbar tersebut tidak shak lagi tergantung pada kemampuan dan kebolehan yang bulat yang di-lahirkan sa-chara kolektif oleh pegawai2 ini.

KETUA PENGARANG:

Kerana Ketua Pengarang ia-lah ketua untuk Jabatan Pengarang, maka tanggung jawab-nya dalam Jabatan ada-lah berat sa-kali. Akhbar2 kechil biasa-nya tidak mempunyai jawatan tersebut, dan pegawai yang tertinggi sa-kali untuk jabatan itu ia-lah Pengarang (Editor).

Dalam bahasa Inggeris, Ketua Pengarang di-panggil Chief Editor, tetapi untuk sharikat2 persuratkhabaran yang menerbitkan lebeh dari satu suratkhabar (sharikat Straits Times, umpama-nya), jawatan itu tidak di-panggil Chief Editor, tetapi dikenal dengan nama "Editor-in-Chief" — "Pengarang Agong".

Baik apa pun perengkat dan nama yang di-maksudkan untuk jawatan yang paling tinggi dalam Jabatan Pengarang ini, bukan-

lah satu soal yang hendak kita utarakan dalam halaman ini. Tujuan kami sekadar untuk menjelaskan apa-kah tugas2 penting yang di-lakukan dan di-pertanggung-jawabkan kepada ketua Jabatan Pengarang suratkhobar.

Dalam hubungan ini, tidak-lah berlebihan rasa-nya untuk kami memperkatakan bahawa tanggungjawab dan kewajipan Ketua Pengarang ia-lah sa-berat2 tanggungjawab yang di-pikul oleh sa-orang wartawan yang bekerja dalam sa-buah suratkhobar.

Saperti kata pepatah: "Lebeh berat mata memandang, berat lagi bahu memikul."

Tugas2 Ketua Pengarang antara lain ia-lah:

1. Menetap dan menentukan kerja2 yang harus di-buat oleh sa-tiap pemberita pada sa-tiap hari. Tugas ini kadang2 tidak terletak pada tanggung jawab Ketua Jabatan, tetapi tanggung-jawab News Editor. Umpama-nya sa-orang pemberita mungkin akan di-perentahkan supaya pergi ki-Kampong Pandan untuk menginterbiu sa-orang gadis yang khabar-nya telah menjelma menjadi Dewi. Sa-orang pemberita lain pula di-perintah supaya menginterbiu sa-orang Menteri meminta fikiran-nya terhadap sa-suatu perkara yang ada perhubungan-nya dengan Kementerian itu. Dan sa-terus-nya.

Pendek kata, sa-tiap assignment yang harus di-lakukan oleh pemberita2 itu ada-lah di-tentu dan di-tetapkan oleh Ketua Pengarang itu.

2. Memilih dan menentukan berita2 yang harus di-siarkan oleh suratkhobar-nya. Pemilihan-nya itu biasa-nya di-dasarkan pada policy atau dasar yang sudah di-putuskan oleh pihak Lembaga Pengarah. Dalam hubungan ini dia harus memegang kuat dasar akhbar-nya supaya sa-tiap berita yang di-siarkan tidak menyeleweng daripada dasar yang telah di-tentukan oleh akhbar itu. Tanggong jawab ini kadang2 di-serahkan sahaja kepada Timbalan Pengarang atau pun kepada News-Editor.

3. Menentukan dan mempernilai satu2 berita yang harus di-siarkan. Pernilaian harus di-lakukan dengan kebijaksanaan Ketua Jabatan. Mungkin ada berita yang hanya layak untuk mendapat ruangan tiga inchi sahaja dalam akhbar itu, mungkin ada pula berita yang hanya layak untuk mendapat ruangan hingga dua puluh inchi dalam halaman suratkhobar itu. Bagaimana hal ini di-ten-

tukan bergantung kepada minat yang dapat di-perhitong dari para pembacha-nya. Sebab itu-lah saudara2 pernah dapati sa-tengah2 berita hanya di-laporkan sedikit sahaja, manakala sa-tengah2 berita agak panjang layak-nya.

4. Segala renchana atau surat kepada pengarang yang di-maksud-untuk ruangan MIMBAR PEMBACHA hendak-lah lebeh dahulu di-sampaikan ka-tangan Ketua Pengarang, dan Ketua Jabatan itu-lah yang akan membetulkan jalan bahasa serta susunan laporan renchana itu sesuai dengan rukun2 dan hukum2 persuratkhbaran. Sa-tengah2 renchana yang meleret2 dan tidak mempunyai isi akan di-tegas dan di-padatkan kandongan-nya sa-bagaimana sa-mesti-nya, dengan bahasa yang padat, tegas dan tepat, tidak meleret2 dan tidak terlalu banyak menggunakan bunga2 yang tidak mustahak. Ada-lah menjadi tanggung jawab Ketua Jabatan untuk me-nolak atau menerima sa-suatu karangan atau renchana yang di-kirimkan kepada akhbar itu guna di-siarkan.

Tugas ini, di-Utusan Melayu, dulu-nya di-lakukan oleh Penga-rang-nya, Inche Zabha. Dia mempunyai kuasa penuh atas renchana2 itu. Dia berkuasa membuang renchana yang tidak sesuai dan berkuasa menerima sa-suatu renchana dengan syarat membuat perubahan dalam susunan laporan-nya chochok dengan dasar akh-bar itu.

5. Menulis renchana pengarang (editorial) ada-lah menjadi tugas Ketua Pengarang juga. Di-Utuasn Melayu, tugas tersebut di-la-kukan oleh Penolong Pengarang, Inche Melan bin Abdullah. Renchana pengarang di-tulis pagi2, dan oleh pengarang itu akan di-kerahkan segenap pendapat-nya dalam memperkatakan sa-suatu perkara yang di-jadikan bahan bicara dalam renchana pengarang itu. Dalam bidang menjalankan tugas yang maha penting ini, bia-sa-nya si-pengarang terpaksa menggunakan file2 yang di-ambil-nya daripada Jabatan Kutub-khanah untuk menchari dan me-ngumpulkan fact2 yang di-fikirkan layak untuk di-sebut atau di-sentuh dalam renchana itu.

6. Ketua Pengarang mempunyai tanggung jawab untuk menyu-sun kerja2 yang di-jalankan oleh Jabatan-nya. Umpama-nya dia berhak untuk menentukan jenis2 kerja yang harus di-lakukan oleh wartawan2-nya. Umpama-nya sa-tengah anggota pengarang akan di-perintah-nya supaya menjadi pemberita, melaporkan perkara2 yang di-perlukan-nya, sa-tengah2 anggota pengarang akan di-pe-rentah-nya pula menjadi sub-editor, ia-itu menlolakan page (muka)

yang tertentu, ada pula yang diperintah menjadi penterjemah untuk khusus menterjemahkan segala berita luar negeri yang diterima daripada syarikat2 berita kawat Reuter, UPI atau syarikat2 berita lain-nya. Akan di-ingat, berita2 luar negeri yang di-laporkan oleh syarikat2 berita kawat itu ada-lah di-terima dalam bahasa Inggeris. Maka menjadi tugas penterjemah2 itu-lah untuk menterjemahan berita tersebut ka-dalam bahasa Melayu yang betul dan baik. Di-sini-lah perlu-nya sa-orang wartawan itu tahu dan mahir dalam bidang penterjemahan Inggeris-Melayu.

7. Menjadi tugas Ketua Pengarang juga untuk menentukan berita2 yang harus di-siarkan dalam muka satu, yang mana layak di-siarkan dalam muka dua, yang mana untuk muka tiga dan seterusnya. Tiap2 muka dalam akhbar membawa berita yang berlainan jenis dan nilai-nya.

8. Ketua Jabatan juga mempunyai kuasa menaikkan jawatan sa-sorang wartawan, atau pun menurunkan-nya, mengikut kebolehan dan keadaan, tetapi sa-telah mengadakan perundingan lebeh dahulu dengan pengarang2 kanan lain-nya di-Jabatan itu. Dia berkuasa mereccomendkan sa-sorang kaki-tangan Jabatan-nya untuk di-naikkan gaji-nya atau di-tukarkan ka-tempat2 lain.

9. Oleh kerana Ketua Pengarang ada-lah orang yang paling bertanggung jawab sa-kali untuk jabatan-nya, maka dia bertanggung jawab atas sa-tiap siaran yang di-lahirkan pada tiap2 keluaran akhbar-nya. Yang demikian kalau-lah ada sa-suatu kesilapan yang berlaku pada penyiaran, maka dia-lah orang yang pertama yang akan di-pertanggungjawabkan atas kesilapan tersebut. Umamanya berlaku kesilapan2 "libel" yang membolehkan orang yang tersentuh dalam berita siaran akhbar itu mengambil tindakan undang2, maka Ketua Pengarang-lah yang ikut di-da'awa kerana kesilapan dalam berita tersebut. Bagitu-lah berat-nya tugas sa-orang Ketua Jabatan.

TIMBALAN PENGARANG:

Sa-tengah2 suratkhobar tidak mempunyai jawatan ini. Dalam bahasa Inggeris, jawatan tersebut di-panggil "Deputy Editor", ia-itu orang yang kedua terkanan dalam Jabatan Pengarang. Dia-lah yang akan menolong dan membantu Pengarang menjalankan tugas sa-hari2, sa-lain dari tugas2 lain yang memang sudah di-tentukan pada diri-nya. Menulis renchana pengarang pada sa-tengah2 suratkhobar ada-lah di-buat oleh-nya.

Di-Utusan Melayu, jawatan ini di-pegang oleh Inche Othman Wok, yang juga merangkap jawatan News-Editor.

ASSISTANT EDITOR:

Jawatan ini lebih kurang sama dengan jawatan Deputy-Editor. Sa-tengah2 suratkhobar tidak mempunyai jawatan tersebut, tetapi bagi akhbar2 yang besar jawatan ini memang di-wujudkan. Di-Utusan Melayu, jawatan ini di-pegang oleh Inche Melan Abdullah, yang juga menjadi penulis renchana pengarang dan penulis pojok. Jika di-bandingkan dengan sa-buah kabinet Kerajaan, maka jawatan Asst. Editor ini boleh-lah di-samakan sa-bagai jawatan "Menteri Luar Negeri", kerana sa-bahagian besar dari tugas-nya untuk mengadakan perhubungan dengan pihak2 luar dan untuk memelihara muhibbah dengan yaasan2 penting, di-dalam dan di-luar negeri.

SUB-EDITOR:

Perkataan "sub" berma'ana "bawah", yang demikian "sub-editor" ia-lah wartawan yang bekerja di-bawah "Editor". Dalam bahasa persuratkhobaran Melayu lama, sub-editor di-panggil "penyunting" tetapi perkataan itu sekarang sudah tidak di-pakai lagi sa-chara popular dan untuk memaksudkan "sub-editor" perkataan itu juga di-gunakan-nya.

Tiap2 suratkhobar sekurang2-nya mempunyai lima orang sub-editor yang bertugas mengikyt kemahuan dan perintah Pengarang. Untuk surat2khabar yang besar seperti Straits Times, bilangan sub-editor-nya tidak kurang dari 10 orang, masing2 di-tugaskan untuk menyusun, mengelola dan menyiapkan satu2 muka akhbar sesuai dengan arahan dan perintah daripada Ketua Jabatan Pengarang-nya.

Utusan Melayu mempunyai kira2 tujuh orang sub-editor, termasuk sa-orang wanita bernama Che' Dah binte Mohd. Nor yang lebih terkenal dengan nama samaran-nya "ALSA". Che' Dah ia-lah isteri Inche Osman Wok, Timbalan Pengarang Utusan Melayu.

Sub-editor yang terkenal sa-kali ia-lah Inche Osman Abadi. Beliau telah mula mengechempongkan diri dalam lapangan kewartawanan sa-bagai sa-orang pemberita khas Utusan Melayu di-Kuala Trengganu, dan sa-telah memperlihatkan kebolehan dan ke-

kechekapan-nya sa-bagai wartawan telah di-panggil ka-Kuala Lumpur untuk menjadi sub-editor.

Sa-orang lagi sub-editor kanan di-Utusan ia-lah Inche Harun Hassan, juga berasal dari Kuala Trengganu. Beliau berkhidmat sa-bagai pemberita Berita Harian di-sana sa-belum memegang jawatan sub-editor mulai bulan August tahun 1962.

Oleh kerana kechekapan-nya dalam bidang pemberitaan dan kesusasteraan, Inche Harun sekarang telah di-angkat sa-bagai "pengarang" bagi Utusan Zaman dan Majallah MUSTIKA. Di-samping sa-bagai wartawan, Inche Harun juga ada-lah sa-orang novelist. Banyak buku2-nya yang telah di-terbitkan untuk menjadi pembachaan umum.

Tugas sa-orang sub-editor pada hakikat-nya terta'alok pada arahan News-Editor atau Assistant-Editor atau pun Pengarang. Tetapi boleh di-katakan tiap2 sub-editor di-beri kebebasan yang sa-luas2-nya untuk menentukan sendiri berita2 yang mahu di-siarkan di-halaman-nya. Pihak2 yang lebeh atas memang tidak mahu mengganggu atau menyekat kebebasan sa-saorang sub-editor dalam bidang memilih, menyusun dan menyiarkan satu2 berita bagi muka (page) masing2, asalkan kebebasan itu di-gunakan dalam bentuk perbatasan yang tidak terkeluar dari dasar2 yang sudah di-tentukan untuk di-ikuti dan di-amalkan oleh akhbar itu.

Tetapi bagi berita2 yang di-sifatkan sa-bagai "critical", maka biasa-nya di-selidek dan di-timbangkan dahulu oleh news-editor atau pun oleh pengarang. Jika satu2 berita yang critical tidak dapat di-putuskan oleh news-editor sama ada mahu di-pakai atau di-buang, sama ada hendak di-siarkan sedikit atau banyak, maka news-editor akan membawa berita itu kepada perhatian Pengarang untuk di-timbangkan lebeh lanjut dan lebeh mendalam.

Sub-editor yang menjaga muka berita2 luar negeri (Muka 2 bagi Utusan Melayu, Muka 3 bagi Berita Harian), umpama-nya di-beri kebebasan sa-luas2-nya untuk memilih apa juga berita yang di-terima melalui mesin2 teleprinter daripada sharikat2 berita kawat Reuter dan UPI, untuk di-jadikan bahan siaran-nya. Dia juga di-beri kebebasan sa-penoh-nya untuk menimbangkan sendiri sa-banyak mana satu2 berita hendak di-pakai untuk mukanya.

Biasanya sub-editor bahagian berita2 luar negeri ini akan berunding dengan News-Editor mengenai soal tersebut. Ada kalanya berita2 luar negeri yang penting di-fikirkan layak untuk menjadi siaran muka depan (muka satu), maka oleh sub-editor tersebut akan di-kumpulkan segala berita mengenai perkara tersebut untuk kemudian-nya di-serahkan kepada news-editor bagi di-pakai untuk muka satu.

Sub-editor juga berhak menolak dan membuang berita2 yang di-fikirkan tidak mempunyai nilai berita-nya (news-value), atau pun yang di-fikir berlawanan dengan dasar suratkhbar-nya. Bagi sa-sorang sub-editor, manakala menemui kesukaran untuk membuat satu2 pertimbangan, maka dia akan bertemu dengan news-editor untuk mendapatkan fikiran dan pertimbangan-nya.

Sub-editor boleh di-samakan sa-bagai "tuan rumah" bagi satu2 page akhbar itu. Jika suratkhbar itu mempunyai lapan muka, maka berman'ana akhbar tersebut akan mempunyai lapan "tuan rumah". Tetapi ada juga sub-editor2 yang di-tugaskan untuk memimpin lebih dari satu muka.

Selain dari memilih, memutuskan dan menyusun berita2 yang di-terima untuk menjadi bahan siaran muka-nya, ada-lah menjadi tugas sub-editor juga untuk membetulkan bahasa yang di-pergunakan oleh pemberita2 dalam membuat berita2-nya itu. Berita2 yang di-kirim oleh pemberita2 daerah, umpama-nya, kebanyakannya menggunakan bahasa Melayu yang meleret2 dan terlalu banyak bunga2-nya sedangkan menulis berita memerlukan ketegasan yang padat dan singkat, chochok dengan maksud yang ingin di-utarakan dalam berita itu. Maka oleh sub-editor bukan jalan bahasa sahaja yang harus di-perbetulkan, bahkan susunan berita itu pun harus mendapat perhatian-nya yang chermat dan teliti.

Berita yang di-kirim oleh pemberita2 daerah kebanyakannya hantam keromo sahaja. Pemberita2 daerah itu, mungkin kerana mereka tidak mempunyai pendidekan yang wajar dalam ilmu ke-wartawanan, telah menulis berita2-nya dengan tidak memikirkan soal susunan. Soal yang harus di-sebut dalam paragraph pertama di-sebut-nya dalam paragraph akhir, soal yang harus di-laporkan dalam paragraph kedua di-sebut-nya pula dalam paragraph pertama, tegas-nya berita itu di-tulis demikian rupa hingga harus dapat memeningkan kepala si-pembacha-nya kalau sekira-nya berita2 tersebut tidak lebih dahulu di-perbetulkan susunan dan jalan bahasa-nya oleh sub-editor.

Satu lagi tugas Sub-editor yang penting ia-lah menentukan kepala berita untuk berita2 yang di-siarkan dalam muka-nya. Untuk berita2 kecil tentu-lah dia memerlukan kepala2 berita yang kecil pula, untuk berita2 besar tentu-lah memerlukan kepala2 berita yang besar pula. Sa-besar mana kepala berita, jenis apa-kah yang harus di-pakai, sa-banyak mana ruangan yang di-perlukan, sa-banyak mana baris (line) yang di-perlukan, semua-nya menjadi pertimbangan sub-editor.

Sub-editor harus cekap dalam menjalankan kerja-nya. Dia harus tahu dan faham serta menghafadz nama2 jenis kepala berita, banyak mana satu2 jenis itu boleh muat untuk satu2 ruangan dan bagaimana pula pemilehan jenis2 itu harus di-lakukan. Di-mana-kah dia harus memakai kepala berita yang berjenis Roman Century, di-mana pula dia harus menggunakan kepala berita yang berjenis Century Italic, semua-nya ini menjadi pertimbangan sub-editor untuk menentukan-nya.

Tetapi untuk suratkhbar jawi seperti Utusan Melayu, oleh kerana huruf2 kepala berita tulisan Jawi tidak mempunyai jenis yang boleh di-hasilkan dari mesin ludlow, maka kepala2 berita bagi akhbar2 tulisan Jawi di-buat sa-chara menulis khat, yang kemudian di-bikin blok.

Utusan Melayu mempunyai sa-orang kakitangan yang bertugas semata2 untuk menulis tulisan khat bagi kepala2 berita.

Kepala2 berita yang di-karang oleh sub-editor biasa-nya menggunakan bahasa yang tegas, tepat dan padat. Perkataan2 pendek selalu di-gunakan. Ipi ia-lah kerana untuk menjimatkan perkataan kerana ruangan yang di-untokkan bagi kepala berita sangat terbatas dan terhad.

Bagi tulisan Rumi, kita selalu terdapat pemakaian perkataan2 pendek a t a u singkat seperti "Menlu" — untuk memaksudkan "Menteri Luar", "Kpd" — untuk memaksudkan "Kepada", "Utk" — untuk memaksudkan "Untuk" dan lain2. Tetapi akhbar2 tulisan Jawi, kerana kesukaran2 untuk melahirkan perkataan2 singkat dalam bentuk Jawi, boleh di-katakan tidak pernah menggunakan perkataan2 singkat dan tidak pernah pula menyingkatkan sa-barang perkataan untuk kepala berita-nya. Nasib baik tulisan jawi boleh membentok perkataan2 dengan beberapa huruf sahaja, kalau tidak tentu-lah menjadi satu kesukaran juga kepada sub-editor2 dalam usaha membuat dan mengarang kepala2 berita.

Membuat kepala berita, kita harus bijak untuk melahirkan isi berita itu dengan tepat. Umpama-nya kalau sekira-nya kita hendak membuat kepala berita dari satu kejadian pelanggaran yang mengakibatkan dua orang mati, maka yang harus di-jadikan kepala berita ia-lah bilangan orang yang telah menempoh maut itu. Umpama-nya "Dua mati kerana pelanggaran".

Jadi, kepala berita harus melahirkan kandungan yang penting dari berita itu dengan bahasa yang pendek tetapi lengkap. Ini juga memerlukan kebijaksanaan sub-editor itu dalam memainkan bahasa. Dia harus tahu memilih istilah yang sa-arti. Untuk be-rita lebeh baik untuk mengingatkan istilah2 yang pendek yang ha-nya memerlukan beberapa huruf sahaja. Kepala berita tidak sa-mesti-nya menurut jalan bahasa yang betul. Ini ia-lah untuk me-ngejar dan merebut tempat dan masa. Sebab itu-lah sa-tengah2 suratkhabar menggunakan perkataan2 asing untuk memaksudkan sa-suatu, sa-kali pun ada perkataan Melayu-nya yang tulen.

Akan di-ingat tidak semua muka2 akhbar di-gunakan untuk menyiarkan berita. Sa-tengah2-nya menyiarkan renchana sahaja saperti hal-nya kapada muka 4, 7 dan 6 Berita Harian, dan muka 4, dan 7 Utusan Melayu. Halaman2 itu sa-penoh-nya di-gunakan untuk menyiarkan renchana atau feature, sama ada yang berben-tok halaman2 tertentu saperti Pa' Belalang, Halaman Wanita dan sa-bagai-nya, atau pun yang berbentok komik dan lukisan saperti komik Tarzan yang di-siarkan di-muka 7 Utusan Melayu.

Halaman Muka 4 seluroh-nya di-gunakan untuk menyiarkan renchana pengarang dan renchana2 ringan lain-nya yang di-tulis oleh orang2 lu ar atau pun kakitangan surat2khabar itu sendiri. Dan di-muka 4 itu juga biasa-nya di-siarkan surat2 yang datang daripada pembaca.

Segala karangan atau ranchana yang di-siarkan di-muka 4 ini terlebeh dahulu di-bacha oleh pengarang untuk menentukan layak tidak-nya renchana itu di-berikan tempat dalam muka 4. Kalau sekira-nya di-anggap layak, maka renchana itu di-berikan kapada sub-editor yang bertanggung jawab untuk selanjut-nya di-perbetul-kan jalan bahasa dan susunan-nya chochok dengan rukun2 persu-ratkhabaran.

Sa-lain daripada itu menjadi tugas sub-editor juga un t o k merengkaskan karangan2 atau renchana2 yang panjang dan me-leret2. Bahasa yang terlalu banyak bunga2-nya yang kadang2

hampir merosakkan mutu renchana terpaksa di-baiki supaya isi yang di-maksudkan dalam renchana tersebut tidak tergelincir dari tujuan yang sa-benar.

Untok surat2khabar rumi, soal menentukan kepala2 renchana menjadi satu tugas yang penting. Sub-editor2 perlu menentukan kepala2 untok renchana2 itu berdasarkan kebijaksanaan-nya sa-bagai wartawan. Untok renchana2 yang menurut hemat sub-editor itu akan menarek perhatian ramai, akan di-beri kepala2 berita yang besar dengan jenis yang menarek pula. Sa-besar2 kepala berita yang boleh di-gunakan untok Page ini ia-lah jenis huruf yang size-nya 72 point. Banyak sub-editor2 yang menjaga dan memimpin bahagian feature (renchana) lebeh suka menggunakan jenis huruf yang di-panggil Medium Gothic Condensed atau Tempo Heavy Condensed Italic untok menulis kepala2 berita yang besar. Sebab-nya di-pilih huruf2 ini kerana huruf2 ini tidak di-pakai dalam bentuk yang sa-luas2-nya oleh sub-editor2 yang memimpin muka2 berita.

Sub-editor2 yang memimpin muka2 berita lebeh suka menggunakan huruf2 jenis Roman Century atau Century Italic dan untok membezakan antara muka2 berita dan muka2 feature, maka itu-lah sebab-nya perbezaan jenis kepala berita harus dan wajar di-lakukan.

Kerja yang paling rumit sa-kali untok page ini ia-lah menentukan dan menetapkan layak tidak-nya surat2 yang di-kirinkan oleh para pembacha yang di-maksudkan untok di-siarkan dalam ruangan Mimbar Pembacha. Ruangan Mimbar Pembacha, ada-lah ruangan khas untok para pembacha menulis sa-barang renchana atau karangan pendek sama ada berupa sungutan, shor, saranan atau kechaman. Kebanyakan daripada surat2 yang diterima untok ruangan ini agak sukar untok di-katakan layak untok siaran akhbar, kerana surat2 itu mengandong bidasan yang ter-lalu pedas dan tajam sa-kira2 dapat di-katakan bersifat libel.

Walau pun ruangan itu ia-lah ruangan untok pembacha, namun tidak-lah pula berarti bahawa ruangan tersebut dapat di-gunakan untok para pembacha menyatakan isi hati-nya dengan sa-suka yang mahu tanpa mengingat dan menimbangkan undang2 yang sedia menjadi panduan dan pegangan kaum wartawan umum-nya.

Satu lagi masa'alah yang biasa di-tempoh sa-tiap hari oleh sub-editor ia-lah untok membetulkan isi karangan yang di-tulis oleh pembacha2 itu. Mereka menggunakan bahasa Melayu yang tidak tegas, yang demikian menjadikan karangan-nya itu jemu untok di-bacha oleh para pembacha. Susunan karangan-nya itu pun kadang2 tidak tentu arah, dan ada kala-nya hilang terus di-tengah2 bahasa yang champor adok dan ta' tentu tujuan.

Tetapi itu-lah yang menjadi tugas sub-editor untok membetulkan karangan dan renchana itu sa-hingga layak untok di-siarkan dalam akhbar.

PEMBERITA:

Sa-orang wartawan Amerika yang terkemuka bernama James Gordan, pengasas suratkhbar Herald Tribune, berkata: "Sa-orang wartawan atau pemberita ada-lah sa-paroh diplomat dan sa-paroh mata2 gelap."

Barangkali yang di-maksudkan oleh wartawan Amerika itu bahawa sa-orang pemberita harus merupakan "sa-paroh diplomat" ia-lah bahawa pemberita itu hendak-lah pintar bergaul, p i n t a r menyatakan satu2 fikiran yang wajar dan bertanggung-jawab, p i n t a r untok bersopan dan sa-bagai-nya. dan yang di-maksudkan sa-bagai "sa-paroh mata2 gelap" itu ia-lah bahawa sa-saorang pemberita harus mempunyai hidong yang tajam yang boleh menchiom segala sa-suatu yang mungkin terjadi atau telah terjadi atau pun untok menchiom tempat2 yang boleh di-jadikan sumber bagi mendapatkan bahan berita.

Kenyataan yang sa-demikian tinggi nilai-nya tentu-lah di-akui oleh wartawan2 lain, mengigat bahawa wartawan yang membuat kenyataan tersebut bukan wartawan yang sa-paroh masak, bahkan wartawan yang chukup matang dan berpengalaman dalam soal kewartawanan. Tambahan pula dia juga menjadi pemimpin sa-buah suratkhbar Amerika yang paling terkemuka dan paling popular bukan sahaja di-negara itu, tetapi juga di-seluruh d u n i a umum-nya.

Maka yang menjadi tugas pemberita ia-lah untok mendapatkan berita2 yang baik yang akan dan yang telah berlaku di-seluruh tanah ayer, berita2 yang bukan sahaja terhad untok satu2 gulongan tetapi meliputi juga seluruh gulongan lain, berita2 yang tidak sahaja berchorak politik, tetapi juga yang berchorak ekonomi, budaya, seni, sosial dan sa-bagai-nya.

Tetapi untuk sa-orang pemberita biasa, tugas-nya di-tentukan oleh Ketua Pengarang sendiri. Ketua Jabatan Pengarang akan menyuruh mereka mendapatkan bahan2 dari pelbagai sumber yang tertentu, yang oleh-nya di-fikirkan menolong mengeluarkan soal2 yang menarek.

Umpama-nya sa-orang pemberita akan di-suruh oleh Pengarang atau pun News-Editor menginterbiu sa-orang Menteri, ada pula pemberita yang di-suruh ka-lapangan terbang untuk menemui sa-orang pelajar yang baharu sahaja balek daripada menuntut ilmu kejuruteraan di-England, untuk menanyakan soal2 yang menarek yang boleh di-jadikan berita besar atau kechil untuk keluaran esok-nya. Mungkin oleh pelajar yang baharu kembali itu dapat di-terangkan sa-suatu perkara yang agak asing lagi pada orang2 Melayu. Katakan-lah soal kapal layang (Hovercraft), sa-buah pengangkutan yang boleh terbang hanya dua atau tiga kaki dari bumi atau muka laut, satu perkara yang agak asing kapada orang2 Melayu tetapi menarek, kerana kapal layang ini tentu boleh merupakan satu pengangkutan atau kenderaan yang berguna untuk kaum nelayan di-Pantai Timor pada masa2 banjir.

Di-samping kerja2 atau assignment2 yang telah sedia di-tentukan oleh Ketua Jabatan Pengarang, pemberita juga hendak-lah menggunakan daya utama-nya menchari berita2 lain, berita2 yang istimewa yang agak dapat menarek perhatian para pembacha-nya.

Memperkatakan tugas sa-orang pemberita pada sa-tiap hari, ingin juga untuk kami memperkatakan bahawa sa-saorang pemberita sa-telah menemui orang atau sumber yang telah di-suruh oleh Ketua Jabatan Pengarang atau News-Editor tadi bagi mendapatkan bahan2-nya, a k a n kembali ka-pejabat untuk menulis berita itu dari bahan2 yang telah di-dapati-nya. Dia harus menyusun bahan2 itu sa-demikian rupa hingga berita yang di-tulis-nya itu dapat merupakan satu berita yang tepat dan padat, senang dan mudah di-ikuti dan di-bacha oleh sa-tiap pembacha-nya, baik oleh pembacha2 di-bandar atau pun pembacha2 di-kampong2.

Ada kala-nya juga si-pemberita akan di-marah oleh Ketua Jabatan atau News-Editor kalau sekira-nya berita2 yang di-tulis-nya tidak di-susun sa-demikian rupa yang dapat di-katakan wajar dan baik. Ada kala-nya juga si-pemberita akan di-marah oleh Ketua Jabatan atau News-Editor kalau sekira-nya jalan bahasa yang di-pergunakan oleh pemberita itu tidak tepat, tidak padat,

tidak singkat, tidak menarek dan tidak tegas. Sebab itu-lah pemberita2 harus hati2 sa-belum menulis berita-nya itu. Pemberita2 harus hati2 untok menulis dan menentukan bahan yang mana yang harus di-jadikan paragraph pertama dan yang mana pula harus di-jadikan paragraph akhir. Yang mana perlu di-dahulukan, yang mana perlu di-belakangkan, semua-nya ini menjadi pertimbangan pemberita dalam bentuk kebijaksanaan yang sa-mampu2-nya. Tetapi pemberita juga di-perentahkan supaya menulis berita-nya dengan sa-berapa chepat yang boleh, kerana untok lapangan per-suratkhabaran masa ada-lah penting sa-kali.

Sa-tiap saat a k a n di-kejar dan di-jimatkan, masing2 harus chepat dan chergas menjalankan kerja-nya, bual2 harus di-kurangkan, rokok harus di-jimatkan tetapi fikiran harus di-kerahkan. Itu-lah tugas pemberita. Berita2 yang di-anggap baik dan istimewa akan di-beri "by-line" (nama pemberita yang menulis berita itu) di-sabelah atas berita tersebut. Itu-lah satu penggalak kapada kaum pemberita untok menchari berita2 yang paling istimewa dan baik.

Sa-telah satu2 berita di-karang, berita itu akan di-berikan kapada sub-editor atau pun News-editor yang kemudian membuat pertimbangan-nya sama ada berita itu akan di-siarkan seluruh-nya atau pun harus di-potong atau pun harus di-tokok lagi dengan latar2 belakang tertentu, yang biasa-nya di-sarankan oleh Sub-editor atau News-editor itu sendiri.

Chara2 pemberita mentype berita-nya di-kertas ada-lah menurut peratoran2 yang tertentu, peratoran yang memang telah di-tetapkan untok di-pakai di-mana2 pejabat suratkhabar.

Peratoran2 itu harus terpaksa di-patoh dan di-amalkan kerana sa-barang penyelewengan dari pemakaian peratoran2 itu dapat mengelirukan pehak Jabatan Mengator Huruf (sekarang di-panggil Jabatan Kilang), yang bertanggung-jawab menlenotaip berita2 itu menjadi kepingan2 timah yang kemudian di-ator dan disusun dalam rajah2 besi sesuai dengan apa yang telah terlebih dahulu di-arah dalam dami yang memang telah di-buat oleh sub-editor.

Peratoran2 yang di-katakan itu ia-lah:

1. Pemberita di-kehendaki mentaip berita-nya itu di-sekeping kertas, biasa-nya sa-besar 6 inchi x 7 inchi, dan harus menggunakan sa-belah sahaja daripada muka kertas itu.

2. Dia harus taip menggunakan jarak dua langkah supaya juru-lenotiap yang kelak akan mentaip berita-nya untok di-jadikan kepingan timah itu dapat membacha dan menjalankan tugas-nya dengan mudah dan lancar.

3. Nama pemberita itu harus di-taip di-sabelah kiri (penghujung atas). Ini ia-lah untok memudahkan Ketua Jabatan atau News-Editor mengetahui nama-nya dan menggunakan-nya sa-bagai by-line jika berita-nya itu di-anggap layak dan penting untok di-beri penghormatan sa-umpama itu. Nama pemberita hanya di-perlukan untok di-tulis pada kertas yang pertama sahaja, dan jika berita itu menggunakan lebeh dari satu kertas, maka ta' perlu-lah di-semua kertas2 itu juga harus di-chatat nama-nya.

4. Tiap2 pemberita harus di-beri "nama-kenalan" untok di-taip pada tiap2 keping kertas yang di-gunakan untok berita itu, dan nama-kenalan itu harus di-taip di-sabelah kanan (penghujung atas) kertas2 itu. Ini ia-lah untok memudahkan sub-editor atau pun juru-lenotiap yang akan melayani berita itu kelak mengenal berita itu, dan tidak akan hilang kertas2 yang di-gunakan untok berita itu, sa-kali pun kertas tersebut lebeh dari satu atau pun chichir dan sa-bagai-nya. Ini juga penting untok mengelakkan kertas2 itu berchampur dengan kertas2 berita yang lain. Tiap2 kertas hendak-lah di-nomborkan. Katakan-lah berita yang akan di-tulis itu mengenai ucapan Tengku Abdul Rahman, dan nama kenalan yang di-pakai untok berita2 tadi ada-lah "Tengku", maka untok kertas pertama dari berita itu mesti di-chatat "TENGGU.....2", dan untok kertas kedua hendak-lah di-chatat "TENGGU.....3", untok kertas ketiga pula ia-lah "TENGGU.....4" dan sa-terus-nya. Sebab-nya maka kertas pertama di-sebutkan "TENGGU... ..2" dan tidak "TENGGU.....1" ia-lah kerana kertas yang kelak akan di-nomborkan "TENGGU.....1" itu ia-lah untok di-gunakan bagi menulis kepala berita-nya, yang biasa-nya di-buat sendiri oleh sub-editor, bukan pemberita.

5. Bagi berita2 yang menggunakan lebeh dari satu kertas, tiap2 penghujung kertas itu hendak-lah di-tulis perkataan "BERSAMBONG" atau "MORE", dan jangan lupa untok kertas yang penghabisan-nya hendak-lah di-tulis "SELESAI" atau "ENDS". Ini penting untok pengetahuan dan tugas fore-man yang mengetuai Jabatan Kilang itu.

Perkataan2 "BERSAMBONG" dan "SELESAI" itu hendaklah di-kepong dengan tanda bulatan. Akan di-ingat, tiap2 perkataan atau tanda yang di-chatat pada kertas2 menaip, tetapi tidak di-hajatkan untok di-lenotaipkan, hendaklah di-tanda dengan tanda bulatan.

Sa-tengah2 wartawan tidak suka menggunakan perkataan2 untok menyampaikan maksud "BERSAMBONG" dan "SELESAI" itu dan sa-bagai ganti-nya mereka menggunakan tanda2 yang tertentu.

6. Pemberita hendaklah memulakan taip di-tiap2 kertas berita-nya itu sakurang2nya dua inchi daripada garisan atas. Ini ia-lah sa-bagai untok memberi tempat kepada sub-editor kelak menulis chatatan2 yang perlu di-lakukan-nya pada kertas2 itu, umpama-nya nombor muka yang hendak di-masokkan-nya berita itu dan size serta jenis huruf yang hendak di-pakai bagi berita itu, ada-kah 12 point Black, Metro Black atau pun 10 point Roman atau 8 point Roman.

Chatatan2 size dan jenis huruf itu di-buat oleh sub-editor atau pun wartawan2 lain yang di-tugaskan untok memimpin muka. Demikianlah peratoran2 yang perlu di-ketahui oleh pemberita ketika hendak menaip berita-nya di-kertas2 yang telah di-sediakan oleh pejabat-nya itu.

JABATAN KILANG

Barangkali tidak beriebahan rasa-nya untok di-perkatakan bahawa Jabatan Kelang yang dahulu-nya terkenal sa-bagai Jabatan Mengator Huruf itu tidak layak lagi di-panggil Jabatan Mengator Huruf, kerana beberapa kemajuan teknik yang telah di-chapai untok jabatan itu oleh perkembangan dan kemajuan sains dan teknik.

Kalau dahulu-nya suratkhbar di-chetak dengan perkataan2-nya di-ator dan di-susun dari sa-huruf ka-sahuruf dengan mengambil waktu yang lama, sakarang suratkhbar di-chetak dengan chara yang lain pula, chara yang lebeh chepat dan lebeh mudah, sesuai dengan perkembangan dan kemajuan sains dan teknik zaman ini — ia-itu dengan ada-nya mesin2 menchetak huruf timah yang di-panggil leno-taip.

Walau pun kita tidak dapat menolak sa-tengah2 perusahaan akhbar kecil masih menggunakan sistem atau peratoran sa-um-pama itu, namun kita tidak pula dapat menafikan ada-nya kema-juan2 baharu yang sekarang di-chapai oleh perusahaan2 akhbar Melayu yang chochok pula dengan kema-juan2 teknik yang telah di-chapai oleh perusahaan akhbar asing.

Surat2khabar yang lebeh maju tidak lagi menggunakan chara lama itu. Surat2khabar sekarang menggunakan mesin2 atau jen-tera2 modern yang dapat menjalankan tugas mengator huruf itu dengan lebeh chepat dan lebeh lancar daripada sistem lama itu. Mesin2 yang di-gunakan itu boleh menyiapkan satu2 muka akhbar dalam tempoh 3 jam, sedangkan kalau muka akhbar itu mahu di-susun dengan huruf2-nya menurut chara lama, tentu-lah akan me-makan masa sa-chepat2-nya 6 atau 7 jam. Itu pun dengan meng-gunakan lebeh dari sa-orang pengator huruf.

Bentuk mesin2 lenotaip ini besar juga. Tinggi-nya kira2 enam kaki dan luas-nya kira2 4 kaki persegi. Rupa-nya bukan rupa empat segi, dan ia mempunyai alat2 "muka" sama saperti muka typewriter dengan huruf2-nya tersusun lebeh kurang sama dengan huruf2 yang kita lihat di-muka typewriter.

Dengan mesin2 ini-lah ahli2 mesin dalam Jabatan Kilang ini menjalankan kerja-nya sa-tiap hari menchetak huruf2 timah yang di-perlukan dalam usaha mengarang dan menyusun muka2 akhbar itu. Tugas ahli2 lenotaip barangkali dapat di-anggap sa-bagai tu-gas yang penting, tugas yang memerlukan kecekapan dan kecher-dasan, tugas yang tidak kurang nilai-nya dalam menjayakan penge-luaran akhbar sa-tiap hari.

Bahagian menchetak huruf dengan mesin2 lenotaip ini pada hakikat-nya ada-lah satu daripada beberapa bahagian yang wujud dalam Jabatan Kilang ini. Sa-lain daripada Bahagian Lenotaip, terdapat juga bahagian mesin chetak, bahagian membuat kepala berita, bahagian membacha proof (proof-readers section) bahagian mesin membuat "art-proof" dan beberapa bahagian lain perusa-haan suratkhabar.

Untuk kita menerangkan tugas tiap2 mesin dalam Jabatan Kilang ini barangkali sulit juga, kerana soal2 yang sa-macham ini tidak mudah untuk di-pelajari sa-chara teori. Namun demikian, mari-lah kita merenong kembali tugas yang di-jalankan oleh mesin

lenotaip tadi, dan memperlilai bakti-usaha yang di-telorkan olehnya sa-tiap hari sa-hingga berita dan rencana yang dihidangkan tiap2 hari itu dapat di-sampaikan dalam bentuk perchetakan yang menarek dan lanchar.

Saperti yang di-katakan tadi bahawa ahli2 lenotaip menjalankan tugas-nya sama saperti yang di-lakukan oleh jurutaip2 biasa. Mereka menggunakan jari menjalankan tugas itu.

Bahan2 yang di-jadikan buah tugas-nya hari itu datang sa-chara langsung daripada Jabatan Pengarang. Berita2 yang hendak di-chetak telah di-taip oleh para pemberita di-atas kertas2 type yang baik dan di-hantar ka-Jabatan Kilang untok di-sampaikan kepada ahli2 lenotaip sa-telah ketua jabatan atau sub-editor menyunting sa-banyak perlu pada bahan2 berita tersebut.

Oleh ahli2 lenotaip, bahan2 itu di-taip-nya hingga menjadi timah2 huruf yang berkeping2, di-keluarkan daripada mesin itu melalui saloran2 khas dalam mesin tersebut. Sa-telah berita2 itu di-taip dengan mesin tersebut hingga merupakan kepingan2 timah yang berhuruf sa-besar yang kita lihat dalam akhbar2, maka bahan2 itu di-bawa pula oleh foreman ka-meja2 panjang untok di-ator dan di-susun sa-bagai sa-mesti-nya dalam rajah2 besi tiap2 satu sa-besar muka suratkhbar yang kita dapati sa-tiap hari.

Dalam rajah2 besi ini-lah kepingan2 timah yang mempunyai tulisan itu di-ator, berdasarkan susunan kemahuan Ketua Jabatan Pengarang yang di-nyatakan pula pada kertas2 yang di-panggil dami. Kertas2 dami ini-lah yang mengarahkan tukang pengator (make-up man) untok menyusun berita2 yang harus di-masokkan dalam rajah besi itu. Bahan berita yang mana harus di-dahulukan, yang mana di-kiri dan yang mana di-kanan, yang mana harus di-kepong dengan border dan yang mana harus di-garis, semuanya ternyata dan terchatat dalam kertas dami tersebut. Maka dengan dami itu-lah tukang pengator berpandu sa-hingga akhirnya rajah besi itu dapat merupakan betul2 saperti muka akhbar yang sa-benar.

Sa-telah berita2 itu di-ator sa-penoh rajah besi itu, maka di-bawa pula ka-sabuah penjuru lain dalam Jabatan Kilang itu untok di-jadikan ferlong, ia-itu di-chetak pada keping2 kertas tebal yang kemudian dapat pula di-chetakkan pada timah2 betul untok di-gunakan pada mesin penchetak yang sa-benar.

Kertas tebal ferlong ini banyak guna-nya, terutama kepada surat2khabar besar yang mempunyai naskhah2 khas yang di-chap di-beberapa pejabat chawangan-nya yang lain. Sa-bagai contoh saya ingin menarek perhatian saudara kepada suratkhabar Berita Harian.

Pada masa sidang pengraang Berita Harian belum di-satukan di-ibu pejabat Kuala Lumpur (ia-itu satu bahagian di-Kuala Lumpur, satu bahagian lagi di-Singapura), ia-itu dalam tahun 1957 dan 1958, muka2 feature (muka 4, 6 dan 7) ada-lah di-susun dan di-jadikan ferlong di-pejabat Singapura. Sa-telah di-jadikan ferlong, maka muka2 tersebut di-kirihkan dengan kapal terbang hari itu juga ka-Kuala Lumpur untok di-chap bersama2 muka2 berita yang memang di-usahakan di-pejabat Kuala Lumpur. Dengan ada-nya ferlong2 ini-lah memudahkan sharikat2 akhbar yang besar mengusahakan naskhah2 (edition2)-nya di-chap di-mana2 sahaja yang disukai-nya.

Dalam semua jabatan2 di-sharikat2 akhbar, Jabatan Kilang-lah yang paling sebok sa-kali dan paling ramai anggota2-nya. Di-sini-lah letak-nya tenaga2 teknik yang mahir untok melahirkan ribuan naskhah surat2khabar sa-tiap hari sa-bagai hidangan kepada para pembacha sa-tiap hari.

BAB KEDUAPULOH:

JABATAN IKLAN

Jabatan Iklan ia-lah satu daripada jabatan2 yang terpenting dalam sa-suatu sharikat persuratkhabaran. Banyak surat2khabar yang mati dan terkubor di-Tanah Melayu pada sa-bahagian besarnya di-sebabkan oleh "penyakit iklan" yang di-hidapi oleh jabatan ini.

Kerana itu maka sudah menjadi pengetahuan semua wartawan dan semua orang yang pernah bertugas di-sharikat2 akhbar bahawa untuk mempunyai sa-buah suratkhabar yang kuat, sihat dan terjamin umur-nya, seluruh tenaga yang kuat harus di-tumpukan pada pembentokan Jabatan ini.

"Kekuatan" dalam Jabatan Pengarang tidak cukup untuk menjamin panjang pendek-nya usia sa-sabuah suratkhabar. Bahkan pernah pula menjadi "chakap2" orang suratkhabar, lebeh baik mempunyai Jabatan Iklan "yang kuat" daripada mempunyai Jabatan Pengarang "yang kuat". Di-sini-lah letak-nya urat sarap yang terpenting yang menggerakkan seluruh tenaga dan alat dalam mana2 sharikat persuratkhabaran.

Oleh kerana Jabatan Iklan ada-lah sama penting-nya kepada sa-sabuah suratkhabar dengan Jabatan Pengarang, maka Jabatan ini juga mempunyai kekuatan anggota yang terpilih. Saperti Jabatan2 lain, ia juga mempunyai sa-orang ketua yang di-panggil Ketua Jabatan Iklan. Sa-tengah2 sharikat suratkhabar yang besar, jawatan ini di-panggil "Advertising Manager" atau "Pengurus Iklan".

Di-bawah-nya ada pula dua tiga orang yang membantu tugas2-ya, masing2 telah di-tentukan tugas dan kerja yang harus di-lakukan sa-tiap hari dan masa.

Kertas2 "dami" yang kelak akan di-penohkan dengan berita dan renchana oleh Jabatan Pengarang, ada-lah datang dari Jabatan ini. Dami2 itu lebeh dahulu akan di-chatat oleh Jabatan Iklan sa-bagai menandakan peruntokan ruangan yang mahu di-pakai bagi di-isi iklan, sa-belum di-serahkan kepada Jabatan Pengarang.

Tiap2 dami ada-lah datang daripada Jabatan itu. Dan pihak Jabatan Pengarang di-haruskan tundok kepada segala chatatan peruntukan yang telah di-buat oleh Jabatan Iklan, dan tidak berkuasa meminda atau merubah sa-barang chatatan tersebut kechuali ada sa-suatu hal yang penting dan istimewa, bahkan itu pun mesti mendapat persetujuan dan pengesahan daripada Jabatan Iklan.

Dami ia-lah sa-keping kertas yang size-nya lebeh kurang sa-paroh daripada size halaman (muka) suratkhbar biasa. Dami di-gunakan oleh sub-editor2 sa-bagai panduan dalam bidang menyusun dan mengarang muka yang di-jaga-nya. Maka segala chatatan mengenai siaran berita, apa2 berita yang mahu di-siarkan, sa-panjang mana dan banyak mana, berapa besar ruangan yang di-perlukan bagi kepala berita-nya, semua-nya ada-lah di-chatatkan pada dami itu, sa-telah satu2 dami di-siapkan, maka dami tersebut akan di-serahkan pula kepada Jabatan Kilang yang kelak menyusun muka2 itu selanjut-nya sa-chara teknik pula.

Membuat chatatan pada dami ada-lah satu tugas yang mesti di-ketahui oleh tiap2 sub-editor dan pihak2 yang menyiapkan muka2 itu di-Jabatan Kilang. Untok itu, maka banyak-lah tanda2 yang di-gunakan sa-bagai untok melahirkan satu2 maksud yang tertentu dan tanda2 itu ada-lah merupakan pertolongan besar kepada kedua2 pihak — pihak Jabatan Pengarang dan pihak Jabatan Iklan.

Untok lebeh jelas lagi, biar-lah saya sebutkan satu chontoh. Katakan-lah saya sa-orang sub-editor Muka Dua, yang menguruskan berita luar negeri. Maka saya akan dapati bahawa dami yang kosong, kechuali chatatan2 peruntukan bagi iklan, sudah ada di-meja saya sa-baik2 sahaja saya tiba di-pejabat pagi hari. Dami itu datang-nya daripada Jabatan Iklan. Bukan di-meja saya sahaja, bahkan di-meja sub-editor2 lain juga mempunyai dami2 tersebut, masing2 datang dari Jabatan Iklan.

Dami Muka Dua pada meja sub-editor Muka Dua, dami untok muka 3 pada meja sub-editor Muka 3, dami muka 4 pada meja sub-editor Muka 4 dan sa-terus-nya. Dalam dami2 itu sudah di-chatat peruntukan ruangan bagi iklan2, dan yang demikian kita tidak boleh menyentoh lagi ruangan2 yang sudah di-untukan bagi iklan itu bagi di-gunakan untok berita atau renchana.

Tugas sub-editor ia-lah hanya memenohkan ruangan2 yang belum di-isi iklan. Kalau seluruh muka itu sudah penuh dengan iklan, seperti yang biasa kita dapati pada satu2 waktu yang tertentu, maka sub-editor yang menjaga muka itu tidak-lah mempunyai tugas lagi untuk di-lakukan-nya hari itu. Bagaimana pun dia tidak-lah mengambil feadah untuk berehat dan sa-bagai-nya bahkan akan menggunakan masa itu bagi membantu rakan2 sa-jawat-nya yang lain.

Jika dami itu separoh daripada-nya sudah di-untokkan bagi iklan, maka bererti-lah kita hanya mempunyai sa-paroh sahaja yang boleh di-gunakan bagi menyiarkan berita. Jika dami itu tidak beriklan langsung, maka bererti-lah sub-editor tersebut akan terpaksa memenohi seluruh muka itu dengan berita2 atau renchana dan sa-bagai-nya.

Sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa dami ada-lah sa-paroh dari size muka akhbar biasa, maka dengan ini bererti-lah bahawa tiap2 sa-tengah inchi di-dami itu berm'ana akan memakan ruangan satu inchi pada muka akhbar biasa.

Dalam dami itu juga ada di-chatatkan bilangan ruangan akhbar itu. Kalau akhbar itu mempunyai lapan ruangan, maka lapangan ruangan-lah ada di-dami tersebut, dan semua-nya ini adalah merupakan kemudahan kepada kerja2 sa-orang sub-editor.

Maka itu, katakan-lah kita mahu menyiarkan berita berkenaan ucapan Tengku Abdul Rahman sa-banyak 8 inchi di-muka akhbar biasa. Yang demikian kita harus menchatat di-dami tersebut satu ruangan yang sa-besar 4 inchi pula, ta' kira sama ada berita itu mahu di-susun dengan menggunakan dua ruangan atau pun satu ruangan. Kalau berita itu di-siarkan dalam satu ruangan, maka tentu-lah akan di-shatatkan 4 inchi di-dami, tetapi kalau di-gunakan dua ruangan, maka akan di-chatat dua inchi pula, dan sa-terus-nya.

Untuk kemudahan2 pehak Jabatan Kilang, maka tiap2 berita yang mahu di-siarkan akan di-beri tajok untuk di-chatatkan pula pada dami itu. Katakan-lah kita mahu menyiarkan berita ucapan Tengku, maka kita harus chatat perkataan "TENGGU" pada ruangan yang mahu di-siarkan berita Tengku itu kerana ini akan memudahkan pehak Jabatan Kilang mengetahui tempat dan ruangan yang kita pilih untuk menyiarkan berita tersebut.

JABATAN PERTADBIRAN:

Dalam bahasa Inggeris Jabatan ini di-namakan "Administration Department". Jabatan ini-lah yang mentadbirkan seluruh tenaga dan tugas sa-chara umum yang di-jalankan sa-tiap hari oleh sharikat itu. Tugas membayar gaji, memberi pinjaman dan sa-bagai-nya ada-lah di-bawah pentadbiran Jabatan ini. Tetapi sa-tengah suratkhobar mempunyai chawangan² lain untuk menjalankan tugas itu.

Soal mendapatkan buroh² kasar, peon dan sa-bagai-nya, ada-lah menjadi tugas Jabatan Pentadbiran ini. Banyak lagi hal² lain yang di-jalankan-nya, dan barangkali tidak penting untuk di-terangkan sa-chara khusus dalam halaman ini.

JABATAN CIRCULATION:

Jabatan Circulation ia-lah satu Jabatan yang tugas-nya untuk menerima pesanan dari agent², mengedarkan dan selanjut-nya menentukan banyak mana circulation yang harus di-usahakan sa-tiap keluaran pada sa-tiap hari. Circulation suratkhobar pada umum-nya boleh di-katakan tidak tetap dan tidak stabil. Ada waktu²-nya tinggi dan ada pula menurun. Maka menjadi tugas Jabatan ini-lah untuk menjaga segala urusan dan pentadbiran yang mengenai perkara circulation itu.

Sa-banyak mana circulation di-tentukan untuk satu² keluaran bergantung kepada jumlah pesanan yang di-terima oleh Circulation Manager pada tiap² petang dari agent² atau pengedar².

JABATAN KUTUB-KHANAH:

Sa-tengah² suratkhobar tidak mempunyai Jabatan ini. Tetapi sharikat² persuratkhabaran yang besar seperti Straits Times, Jabatan ini memang terbentuk dan mempunyai pentadbiran-nya yang tersendiri, dengan di-pimpin oleh sa-orang Ketua Jabatan.

Tetapi kutub-khanah yang ada pada pejabat suratkhobar tidak sama dengan kutubkhanah biasa, kerana Jabatan Kutub-khanah ini tidak menyimpan buku² bacaan seperti hal-nya dengan kutub-khanah² biasa, kechuali buku² yang mengandong ma'lumat² rasmi mengenai Kerajaan atau Jabatan² Kerajaan, yang pada hakikat-nya memang berguna untuk menjadi reference bagi wartawan² dalam menjalankan tugas mereka sa-hari².

Hampir 90 peratus daripada isi kutub-khanah di-jabatan2 suratkhbar ini ada-lah terdiri dari file2 yang berisi potongan2 akhbar lama dan gambar2 yang pernah atau belum pernah di-jadikan siaran dalam keluaran surat2khbar itu di-masa lalu.

Tugas Jabatan kutub-khanah ini boleh di-bahagikan kepada dua perkara yang besar:

PERTAMA: Memotong sa-tiap berita yang tersiar dalam suratkhbar-nya untok di-simpan dalam file2 yang tertentu. Um-pama-nya berita2 mengenai ucapan Tengku Abdul Rahman yang pernah di-siarkan di-masa yang lalu, maka menjadi kewajipan Jabatan ini-lah untok mengusahakan potongan2 siaran itu untok di-simpan dalam file di-namakan "File Tengku" dan sa-bagai-nya. Demikian-lah hal-nya kepada file2 lain, masing2 di-beri nama untok menyenangkan wartawan2 mengenal dan menchari-nya kelak bila2 di-perlukan untok reference. Berita2 tentang "Dato Onn" pula akan di-simpan potongan2-nya dalam file yang bernama "Dato Onn" dan sa-terus-nya.

Potongan2 akhbar ini di-simpan selama2-nya untok kemudahan wartawan yang ada sekarang, juga wartawan2 yang akan berkhidmat kelak. Sebab itu-lah wartawan2 yang ada sekarang, bukan sahaja boleh mendapat potongan2 berita yang berlaku 10 tahun yang lalu, bahkan yang terjadi 50 tahun yang silam pun memang sedia ada tersimpan dalam file2 di-Jabatan Kutub-khanah itu.

Kerja2 memotong potongan2 berita ini memang di-lakukan sa-tiap hari oleh sa-orang kakitangan yang memang di-khaskan untok melaksanakan tugas tersebut. Yang demikian potongan2 akhbar tetap di-usahakan hari itu juga, dengan tidak tertanggoh lagi. Apa juga berita yang terdapat di-suratkhbar, kechil atau besar, dalam atau luar negeri, tetap di-usahakan potongan2-nya untok menjadi simpanan Jabatan itu.

Potongan2 berita ini di-simpan bukan sahaja satu tugas yang mustahak tetapi juga satu tugas yang wajib. Tugas ini bukan sahaja akan memberi kesenangan dan faedah kepada wartawan2 sekarang, tetapi juga wartawan2 yang akan kelak mengganti tempat wartawan2 yang ada sekarang ini. Andaikata sa-orang wartawan yang akan berkhidmat di-suratkhbar itu pada tahun 2962 (1,000 tahun lagi), mahu membuat komen atau ulasan tentang sejarah Malaysia, maka dia dengan tidak menempoh kepayahan bo-

leh mendapatkan ma'lumat2 yang di-perlukan — ma'lumat2 latar belakang — dengan mendapatkan file yang bernama "MALAYSIA" yang memang tersimpan di-Jabatan ini. Dalam file itu kelak, dia akan dapati segala berita mengenai perjuangan pembentokan Malaysia yang tersiar pada zaman kita ini.

Sa-tengah2 Jabatan suratkhobar tidak sahaja membuat potongan2 berita yang tersiar di-suratkhobar2-nya sendiri, tetapi memuat potongan2 juga dari berita2 yang tersiar di-suratkhobar2 lain.

KEDUA: Menyimpan gambar2 yang pernah di-siarkan di-suratkhobar-nya, juga gambar2 yang belum tersiar tetapi menjadi hak milek suratkhobar itu. Gambar2 yang di-simpan itu bukanlah potongan2 gambar yang terdapat di-suratkhobar itu sendiri, tetapi ada-lah gambar2 asli-nya (orginal copy-nya).

Sa-tiap gambar yang tersiar di-suratkhobar ada-lah hasil dari pembikinan blok dari gambar asal itu, dan maseh boleh di-simpan dan di-pakai lagi sa-telah gambar tersebut telah di-bikin blok. Kemajuan2 teknik telah membolehkan gambar2 tersebut tidak rosak sedikit pun, bahkan dalam keadaan rupa-nya yang sedia kala walau pun impression-nya sudah menjadi blok.

Maka dalam hal ini, tugas Jabatan Kutub-khanah sama-lah dengan hal-nya terhadap potongan2 akhbar tadi. Gambar2 itu di-simpan dalam envelope2 besar untok di-simpan dalam laci2 besi yang memang ada di-Jabatan tersebut.

Kapada sa-tiap wartawan, Jabatan Kutub-khanah ada-lah satu Jabatan yang sangat penting kapada diri-nya untok melaksanakan satu2 tugas yang agak berat. Katakan-lah sa-orang wartawan yang bertugas menulis renchana pengarang di-tugaskan menulis tentang Irian Barat, maka tidak ada kemudahan yang sa-bagitu di-perlukan sa-kali dari kemudahan2 yang boleh dan mampu di-dapat-nya daripada Jabatan Kutub-khanah.

Jabatan Kutub-khanah dapat membekalkan-nya file2 mengenai Irian Barat, daripada mula hingga akhir, dari semenjak soal Irian menjadi perbinchangan hebat dalam tahun 1949 membawa kapada tahun ini, menakala perjuangan tersebut sedang dalam suasana yang sa-panas2-nya.

Bagitu juga dalam menulis satu2 berita yang memerlukan latar belakang yang chukup dan kuat, maka dari Jabatan ini-lah juga wartawan2 itu boleh mendapat ma'lumat2 yang sa-wajar-nya.

Sekarang saya cheritakan pula bagaimana peratoran2 yang mesti di-lakukan untuk membolehkan sa-orang wartawan meminjam file2 yang di-perlukan-nya daripada Jabatan Kutub-khanah. Boleh-kah ia terus mengambil-nya tanpa mengikut peratoran2 yang di-perlukan? Ada-kah wartawan2 di-beri kebebasan untuk mengambil apa2 dari Jabatan itu dengan tidak lebeh dahulu mendapat kebenaran dari pihak2 tertentu?

Dalam hubungan ini elok-lah saya memberi satu contoh yang senang. Katakan-lah sa-orang wartawan yang bernama Ahmad mahu membuat satu renchana mengenai Algeria. Dan kerana itu dia perlukan file yang bernama "Algeria" untuk membuat reference. Apa yang mesti di-buat oleh Ahmad ia-lah dia sendiri harus pergi menemui Ketua Jabatan Kutub-khanah itu atau pun sa-barang kerani yang ada bertugas di-situ menyatakan maksud-nya. Tetapi jika Ahmad terlalu sebok dan tidak dapat pergi sendiri ka-Jabatan itu, yang biasa-nya terletak jauh dari Jabatan Pengarang, maka dia boleh-lah menyuroh sa-orang peon ka-Jabatan itu dengan syarat menchatatkan di-sekeping kertas nama file yang di-perlukan serta tanda tangan-nya sa-kali.

Peon itu akan menemui Ketua Jabatan Kutub-khanah meminta file tersebut. Pegawai itu kemudian akan menyuroh kaki-tangan2 bawahannya pula untuk menchari file yang di-kehendaki itu dan kemudian menyerahkan-nya kepada peon tersebut, yang pada masa menerima-nya itu di-minta menurunkan tanda tangan-nya juga.

Semua-nya ini ada-lah perlu kerana jika berlaku kehilangan file2 itu, maka pihak Jabatan mudah menchari pihak yang meminjam-nya itu.

Peon itu akan membawa file tersebut untuk di-serahkan kepada wartawan Ahmad tadi. Sa-telah selesai di-gunakan-nya maka file itu ta' payah di-hantar terus ka-Jabatan Kutub-khanah, bahkan di-meja tiap2 Jabatan suratkhobar itu memang ada di-seediakan bakul2 khas untuk menerima balek segala isi kutub-khanah yang di-pinjam oleh masing2 Jabatan itu. Yang demikian wartawan "Ahmad" akan memasokkan sahaja file itu dalam bakul tadi bila sahaja dia selesai memerlukan-nya.

Bagitu-lah satu contoh bagaimana pinjaman file di-lakukan di-jabatan2 suratkhobar. Peratoran2 ini lebeh ketat bagi sharikat2 persuratkhabaran yang menerbitkan lebeh dari satu suratkhobar.

JABATAN TUKANG GAMBAR:

Tiap2 suratkhobar mempunyai tukang2 gambar-nya sendiri. Surat2khabar yang besar kadang2 mempunyai sampai 7 orang tukang gambar. Utusan Melayu sekarang mempunyai tiga orang tukang gambar.

Tukang gambar ini di-khaskan untok satu Jabatan tertentu, yang biasa-nya terletak tidak jauh dari Jabatan Pengarang. Ini ia-lah kerana perhubungan antara Jabatan Pengarang dengan Jabatan Tukang Gambar sangat rapat dan erat, masing2 memerlukan yang lain dalam sa-tiap saat dan ketika. Sa-tengah2 orang luar menganggap tukang2 gambar suratkhobar juga sa-bagai wartawan, yang pada hakikat-nya tidak.

Tetapi ka-mana sahaja pemberita di-tugaskan, tukang gambar juga di-tugaskan sama untok mengiringi pemberita itu, kechuali untok assignment2 yang difikirkan tidak mustahak pengiringan tukang2 gambar.

Banyak orang yang menyangka bahawa sa-sorang tukang gambar suratkhobar itu ada-lah wartawan, dan yang demikian tiap2 orang yang mahu menjadi wartawan harus tahu pula memetek gambar.

Sa-orang pemberita tidak perlu menjadi sa-orang tukang gambar. Tiap2 suratkhobar mempunyai tukang2 gambar-nya sendiri dan tukang2 gambar itu di-tugaskan untok mengikut para pemberita ka-mana2 sahaja di-perlukan oleh pemberita itu. Umpamanya ka-majlis jamuan negara, tukang2 gambar itu di-tugaskan untok mengikut pemberita yang di-tugaskan untok mengambil berita sa-kitar jamuan itu bagi mengambil sa-berapa banyak gambar yang boleh, yang manakala tiba di-pejabat nanti akan di-pilih pula oleh pengarang untok menjadi bahan siaran akhbar itu. Itu-lah satu daripada tugas2 tukang gambar akhbar2.

Satu lagi tugas tukang2 gambar ia-lah membesarkan gambar2 yang terlalu kecil untok di-siarkan dalam akhbar. Umpamanya si-pengarang ingin menggunakan gambar Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman yang sedang di-jamu dalam sa-buah majlis makan malam. Gambar itu mungkin di-dapati sesuai untok di-siarkan bersama2 satu berita mengenai Perdana Menteri itu.

Mungkin si-pengarang suka menggunakan gambar itu kerana gambar tersebut menunjukkan Tengku sedang ketawa besar dan

sa-bagai-nya, dan berita yang hendak di-siarkan itu pun harus mempunyai gambar yang sa-demikian rupa.

Tetapi gambar Tengku yang sedang ketawa itu ia-lah gambar dalam jamuan saperti yang di-katakan tadi. Selain dari Tengku tentu-lah ada orang2 lain dalam gambar tersebut. Tetapi yang diperlukan hanya gambar Tengku sahaja. Bagaimana-kah dapat si-pengarang menggunakan gambar Perdana Menteri itu sahaja sedangkan orang2 lain pun ada dalam gambar tersebut?

Maka itu oleh si-pengarang di-garis-lah dengan pencil merah atau pencil warna hitam, pencil yang boleh melekat di-gambar Tengku itu, merupakan satu petak. Sa-telah menggaris gambar tersebut, oleh pengarang di-beri-nya gambar itu ka-Jabatan Tukang Gambar, dan tukang gambar-lah yang akan membesarkan gambar kechil itu hingga dapat menunjokkan gambar Tengku sa-orangan sahaja.

Demikian tugas2 penting yang di-lakukan sa-tiap hari oleh Jabatan Tukang Gambar. Tentang bilangan anggota Jabatan itu, agak sukar untok di-katakan, kerana bilangan itu mengikut besar mana sharikat suratkhbar tersebut. Bagi sharikat2 akhbar mingguan atau pun sharikat2 akhbar harian yang kechil sahaja, mereka tidak mempunyai langsung jabatan itu, bahkan mengharapakan gambar2 untok siaran-nya dari pihak2 lain yang memang menjadi tempat tempahan-nya.

Akhbar Straits Times mempunyai tidak kurang dari empat tukang gambar untok kawasan Kuala Lumpur sahaja, manakala di-Singapura akhbar tersebut mempunyai lebeh dari itu. Tanggong jawab tukang gambar tidak kurang berat-nya dengan tanggong jawab para pemberita.

Sementara sa-orang pemberita menggunakan mesin taip untok mengarang berita-nya, sa-orang tukang gambar menggunakan camera untok mengambil gambar-nya. Sementara sa-orang pemberita ingin menyatakan hasrat pemberitaan-nya dengan sa-berapa menarek yang boleh dan sa-berapa bermalumat yang dapat, sa-orang tukang gambar ingin menyiapkan sa-buah gambar yang menarek untok menjadi bahan penyiaran akhbar-nya.

Memperkatakan tugas Jabatan ini tentu-lah tidak lengkap kalau sekira-nya tidak di-sebut bahawa tukang2 gambar juga mempunyai tugas menyuchi gambar2 yang di-ambil-nya tadi. Gambar2 yang di-gunakan oleh akhbar2 tertera di-atas kertas2

kilat kerana gambar2 yang kilat sahaja dapat menghasilkan blok2 gambar yang terang dan jelas bila tertera di-kertas suratkhbar kelak.

Tiap2 tukang gambar suratkhbar mesti pandai mengambil dan menghasilkan gambar yang bukan sahaja jelas dan terang, tetapi juga mempunyai angle atau sudut yang menarek yang dengan kecekapan itu sahaja dapat memberi gambaran k a p a d a para pembacha untok mengetahui apa isi berita yang hendak di-bacha-dengan melihat gambar itu sahaja, walau pun pembacha itu belum memulakan pembachaan-nya.

Umpama-nya satu filem dapat di-siapkan menjadi sa-keping-gambar dalam masa 15 minit sahaja sa-telah gambar tersebut di-petek. Kerana kecekapan dan kepantasan tukang2 gambar itu, maka sa-suatu peristiwa yang berlaku dua jam sahaja sudah sempat di-siarkan di-suratkhbar asalkan waktu terakhir perchetakan sempat di-kejar.

Sebab itu-lah satu peristiwa yang berlaku di-Stadium Merdeka pada pukul 9 pagi, umpama-nya biasa-nya telah sempat di-siarkan gambar-nya di-Malay Mail yang keluar pada pukul 11.30 hari itu.

JABATAN PROOF-READER:

Tiap2 perusahaan suratkhbar mempunyai satu jabatan kecil yang di-panggil Jabatan Proof-Reader (Pembacha Proof). Jabatan ini boleh di-katakan satu jabatan yang bersendirian, tidak terta'alog pada jabatan Pengarang (Editorial Department) atau Jabatan Kilang.

Tetapi Jabatan Proof-Reader ini mempunyai kaitan dan perhubungan yang rapat sa-kali dengan Jabatan2 tersebut — Jabatan Pengarang dan Jabatan Kilang. Lebih tepat lagi kalau di-katakan kedudukan Jabatan ini terletak antara kedua Jabatan yang di-sebut tadi.

Sa-perti yang di-ketahui sa-belum satu2 muka atau halaman akhbar itu di-istiharkan "OK" atau "Beres" untok di-chetak di-Jabatan Perchetakan, berita2 atau karangan yang tersiar dalam halaman tersebut terpaksa di-telitikan beberapa kali oleh Jabatan Proof-Reader itu, menentukan bahawa berita2 atau karangan2 dalam muka itu tidak sahaja mempunyai teknik yang betul, bahkan ejaan2 yang tidak silap dan sa-bagai-nya.

Saudara2 tentu mengalami sa-kali sa-kala, sa-tengah2 baris dalam berita yang saudara baca itu tidak betul di-tempatkan. Baris yang sa-patut-nya di-tempatkan pada baris ketiga, kadang2 terdapat terletak pada baris yang pertama, menyebabkan pembaccha sukar untok memahami berita itu.

Bukan itu sahaja, malah kadang2 ejaan kepala berita pun turut tersilap juga. Perkataan yang sa-harus-nya bereja "baik" tertulis di-muka akhbar sa-bagai "baki" atau "baaki" dan sa-bagai-nya.

Maka semua kesilapan2 ini akan berulang sa-tiap hari kalau sekira-nya tidak ada Jabatan Proof-Reader itu. Jabatan ini-lah yang membaccha sa-tiap proof berita yang hendak di-siarkan dalam halaman2 berita itu.

Proof ia-lah berita2 atau karangan yang telah di-chetak, tetapi belum lagi di-masokkan dalam halaman itu. Berita2 atau karangan itu di-salinkan chetakan-nya pada kertas2 lain untok di-baccha oleh Jabatan Proof-Reader tersebut. Sa-kira-nya ada kesilapan2 ejaan dalam berita itu, tersalah meletakkan baris2 ayat dalam berita itu, maka menjadi kewajipan ahli2 Jabatan itu-lah membaikinya, dengan menchatatkan kesalahan2 itu di-tepi proof tersebut untok kemudian di-balekkan kapada Jabatan Kilang untok di-lenotaip lagi baris2 yang silap itu.

Kadang2 kerja ini berulang2, kerana sa-orang juru-lenotaip yang membetulkan garis yang tadi-nya telah di-perbetulkan oleh ahli Jabatan Proof-Reader, akan mengulangi lagi kesilapan-nya pada perkataan atau baris yang lain.

Tiap2 perusahaan sharikat akhbar mempunyai tanda2-nya yang tertentu untok membetulkan kesilapan2 dalam proof2 itu. Tanda2 ini di-pakai juga oleh akhbar2 lain dalam dunia ini.

Antara2 tanda2 itu ia-lah yang menunjokkon:

1. Tanda penunjuk yang mana harus di-betulan
2. Tanda buang perkataan2 atau ayat2 yang tidak di-kehendaki
3. Tanda huruf rosak, yang harus di-betulan kembali oleh juru-lenotaip
4. Tanda merenggangkan lagi perkataan2 yang terlalu sempit jarak-nya

5. Tanda meminta agar di-sambungkan satu huruf dengan huruf yang lain, perkataan dengan perkataan yang lain dan sa-bagai-nya. Tanda ini biasa di-pakai untok menyambung kepala berita yang telah tersilap chap-nya. Umpama-nya perkataan "BAIK" terchap "BA IK". Maka antara "ba" dan "ik" harus di-sambung terus supaya betul2 bertulis "Baik".
6. Tanda memasokkan satu perkataan atau huruf
7. Tanda menukarkan tempat — umpama-nya memindahkan satu perkataan, ayat atau baris ka-tempat lain, kerana juru-lenotaip telah tersilap menempatkan ayat atau perkataan itu di-tempat yang bukan hak-nya
8. Tanda huruf besar
9. Tanda ta' jadi buat correction (pembetulan). Umpama-sa-orang ahli Jabatan Proof-Reader telah menchatat dalam proof itu pembetulan pada perkataan atau baris yang di-fikirkan salah, sedangkan ayat itu atau baris itu benar dan tidak salah. Maka untok supaya ayat atau baris tersebut jangan di-perbetulkan, bahkan di-biarkan bagitu sahaja, maka tanda ini perlu di-pakai.

JABATAN MAMBUAT BLOK GAMBAR:

Saudara2 tentu bertanya2 ada-kah gambar yang di-siapkan oleh Jabatan Tukang Gambar tadi di-pakai terus bulat2 dengan tidak melalui jabatan2 lain. Tegas-nya saudara ingin tahu ada-kah gambar2 yang telah di-siapkan tadi oleh Jabatan Tukang Gambar di-hantar terus ka-Jabatan Kilang dengan tidak di-bikin apa2 terhadap gambar itu?

Untok menerangkan perkara itu-lah maka kami huraikan sekarang kerja2 satu jabatan suratkhbar lagi yang bernama Jabatan Membuat Blok Gambar atau dalam bahasa Inggeris di-panggil Blok-Makers Department. Semua gambar2 yang di-siapkan oleh tukang gambar di-beri dahulu kepada Jabatan Pengarang, dan dari Jabatan Pengarang di-sampaikan pula kepada Jabatan Membuat Blok. Tentang apa-kah yang di-lakukan pada gambar2 itu oleh Jabatan Pengarang akan kami huraikan nanti, apabila kami menerangkan sa-chara lanjut hal2 lain yang ada kaitan-nya kelak.

Sekarang kembali kita kepada Jabatan Membuat Blok gambar. Sa-tiap gambar yang hendak di-chap di-suratkhabar, sa-be-lum di-beri kepada Jabatan Kilang, ada-lah di-jadikan blok lebeh dahulu. Hanya sa-telah menjadi blok, maka gambar2 itu dapat di-chap. Itu pun bukan kertas gambar yang di-perlukan untuk mengechap gambar2 itu tetapi blok gambar yang di-pakai untuk menghasilkan tugas yang maha penting itu.

Dalam hal ini saudara tentu bertanya2 apa-kah yang di-panggil blok itu? Blok di-buat dari kepingan timah dan dengan melalutui alat2 membuat blok yang khas, maka gambar yang tadi-nya di-sampaikan oleh Jabatan Pengarang itu untuk siaran, dapat tertera pula di-atas kepingan timah tersebut. Jabatan ini mempunyai alat2 dan peralatan modern dan sa-bagai-nya.

Dan kepingan timah yang telah tertera di-atas-nya gambar yang di-maksudkan itu-lah yang di-panggil blok gambar. Dan blok gambar ini-lah yang akan di-gunakan kelak oleh Jabatan Kilang untuk di-chetak. Gambar asal yang di-gunakan untuk di-buat blok tadi maseh boleh di-pakai lagi untuk masa2 yang akan datang, sa-bagaimana yang telah di-terangkan terdahulu daripada ini. Gambar2 itu tidak rosak, bahkan dalam keadaan saperti mula-nya tadi. Gambar itu kemudian di-pulangkan oleh Jabatan Blok ka-Jabatan Kutub-khanah untuk di-simpan dan boleh di-gunakan bila2 di-perlukan kelak.

Rupa tiap2 blok berlainan satu sama lain, kechuali bagi blok2 gambar. Untuk blok2 kepala berita dan sa-bagai-nya yang memerlukan warna warni saperti hitam, puteh, screen gelap, screen terang dan sa-bagai-nya, maka bentok rupa blok2 tersebut nyata berbeza sa-kali.

BAB KEDUAPULOH-SATU:

MENENTUKAN KEPALA BERITA

Sa-lepas satu2 berita yang siap di-tulis oleh sa-orang pemberita di-bacha oleh sub-editor, satu lagi tugas penting terpaksa dilakukan oleh sub-editor tersebut sa-belum berita itu boleh di-hantarkan ka-Jabatan Mengator Huruf (Jabatan Kilang) untok di-le-notaip atau selanjut-nya di-chetak.

Sub-editor itu di-kehendaki membuat satu kepala berita bagi berita tersebut, dan sa-besar mana kepala berita itu akan di-buat dan dalam bentok apa, ada-lah menjadi satu tugas pula kapada news-editor atau pun kapada sa-barang wartawan yang telah di-pertanggung jawabkan untok mengelolakan kerja2 menyusun dami.

Tugas sa-orang sub-editor yang demikian bukan sahaja untok memilih berita2 yang mahu di-siarkan dalam muka-nya tetapi juga membuat dan menentukan kepala2 berita untok berita yang di-siarkan itu. Tujuan utama kepala2 berita di-buat ia-lah untok menarek perhatian para pembacha kapada satu2 berita yang tertentu dengan hanya menggunakan beberapa perkataan untok dapat memberitahu mereka kesah penting dari berita itu.

Dengan demikian pehak pembacha dapat menentukan dengan chepat sama ada ia harus membacha berita itu atau tidak. Kepala berita juga mempunyai daya tugas untok menekankan kepentingan satu2 berita tertentu atas berita2 lain yang kurang penting dan dengan kepala berita juga kechanteakan susunan dan chorak-rupa sa-suatu akhbar itu dapat di-perlihatkan dalam bentok yang sa-hebat2-nya.

Sa-sabuah penerbitan yang mempunyai wartawan yang bijaksana dalam bidang pemberitaan, tidak chukup untok dapat mengemukakan akhbar itu sa-bagai satu akhbar yang popular jika sekira-nya wartawan2-nya tidak juga bijak dalam bidang membuat dan menentukan kepala berita.

Sa-belum saya membinchangkan soal jenis bentok atau style yang biasa di-pakai untok membuat kepala2 berita akhbar, lebeh

baik-lah rasa-nya untok saya menerangkan jenis2 huruf yang di-pergunakan membuat kepala2 berita itu.

Huruf2 besar atau kechil yang di-gunakan untok kepala2 berita itu terdiri dari berbagai2 jenis dan rupa, yang masing2 mempunyai nama2-nya yang tersendiri. Antara nama2 jenis huruf yang kerap di-pergunakan oleh akhbar2 di-Tanah Melayu, umpama-nya Straits Times dan Berita Harian, ia-lah huruf2 yang jenis-nya ber-nama :

1. ROMAN CENTURY
2. ITALIC CENTURY
3. BODONI BOLD
4. BODONI BLACK
5. BODONI BLACK ITALIC
6. CENTURY ROMAN EXTENDED
7. MEDIUM GOTHIC
8. SQUARE GOTHIC
9. LINING PLATE GOTHIC LIGHT (No. 1, 2, 3 dan 4)
10. TEMPO BOLD
11. TEMPO HEAVY CONDENSED
12. TEMPO HEAVY CONDENSED ITALIC
13. TEMPO HEAVY ITALIC
14. TEMPO HEAVY

Demikian nama2 jenis huruf yang di-pergunakan untok membuat kepala2 berita dalam akhbar2 rumi di-Malaya.

Kalau tiap2 sa-orang manusia tentu-lah dia mempunyai nama, tetapi di-samping itu dia juga mempunyai umor. Maka demikian pula-lah jenis2 huruf yang di-pergunakan untok kepala2 berita itu, tiap2 satu jenis tidak terhad pada satu size sahaja.

Tiap2 jenis itu mempunyai pelbagai size dan size2 itu di-panggil sa-chara bernombor. Size2 itu ia-lah sa-bagai berikut (di-sebut dari kechil membawa kapada yang besar):

12 point; 14 point; 18 point; 24 point; 30 point; 36 point; 42 point; 48 point; 60 point; 72 point.

Berita2 yang kechil, umpama-nya yang hanya mempunyai tidak lebeh dari enam paragraph (fasal), biasa-nya hanya menggunakan Century Roman 18 point.

Ada kala-nya kepala berita itu di-buat sa-baris sahaja dan ada kala-nya dua baris. Dan berita2 kechil sa-umpama ini di-panggil

dalam bahasa Inggeris "fillers" yang di-siarkan dengan menggunakan sa-ruangan sahaja (satu column sahaja) Berita2 "fillers" ini boleh kita panggil dalam bahasa Melayu "berita2 penyendal" kerana banyak daripada-nya telah di-gunakan sa-bagai penyendal untok memenohi tempat2 kosong dan sa-bagai-nya.

Berita2 yang sederhana besar-nya, ia-itu yang mengandongi lebeh kurang 11 paragraph, selalu menggunakan size 24 point sama ada yang jenis-nya Century Roman atau yang berjenis Century Italic. Kadang2 sub-editor2 menggunakan juga jenis2 huruf yang lain mengikut kesukaan-nya sendiri sa-telah menimbangkan chantek tidak chantek-nya muka mereka kalau sekira-nya jenis2 huruf itu di-pergunakan.

Berita2 yang mempunyai antara 11 dan 16 paragraph biasanya menggunakan size 30 point atau 36 point, ta' kira jenis-nya. Dan berita2 yang lebeh panjang dari 16 paragraph hingga 20 biasanya menggunakan size 42 atau 48 point. Tetapi ada juga berita2 yang panjang yang menggunakan size2 kechil dengan syarat bilangan baris-nya di-lebehkan. Kadang2 hingga 3 atau 4 baris kepala berita-nya kalau pengarang2 itu mempergunakan size2 yang lebeh kechil.

Kepala berita untok berita2 yang penting dan besar kerap mempergunakan size2 yang besar pula. Tetapi biasa-nya size 48 atau 60 atau 72 point. Akan di-ingat tiap2 size itu terdiri dari dua bahagian. Satu bahagian ia-lah huruf2 kechil di-panggil "Lower Case", dan satu lagi terdiri dari huruf2 besar di-panggil "Caps".

Sekarang mari-lah kita memaling kapada jenis style yang dipakai untok kepala2 berita. Style2 ini sa-benar-nya banyak, tetapi yang paling kerap di-pakai oleh akhbar2 ia-lah enam jenis, terdiri dari:

- 1) Jenis Tunggal
- 2) Jenis Bertangga
- 3) Jenis Kochi
- 4) Jenis Gantong
- 5) Jenis Sa-Kiri
- 6) Jenis Lintang

JENIS TUNGGAL:

Kepala berita yang memakai jenis style ini hanya terdiri dari satu baris sahaja. Yang demikian boleh di-letakkan sama ada kakiri terus atau pun di-tengah. Jenis style ini ia-lah untok berita2

kecil yang mempunyai satu paragraph atau dua paragraph sahaja.

JENIS BERTANGGA:

Jenis style ini di-pakai untuk kepala2 berita yang mempunyai sa-kurang2-nya dua baris. Kepala berita sa-baris ta' boleh memakai style ini. Jika kepala berita itu hanya dua baris, baris yang pertama hendak-lah di-tolakkan ka-tepi sa-belah kiri sementara baris yang kedua di-tolakkan sa-belah kanan. Tetapi jika kepala berita itu mempunyai tiga baris, baris yang pertama mesti-lah di-tolakkan ka-tepi sa-belah kiri, baris yang kedua di-letakkan di-tengah2 dan baris yang ketiga di-tolakkan ka-sabelah kanan. Style sa-umpama ini sangat chantek di-pakai untuk kepala2 berita, yang mengandongi tiga baris sa-kurang2nya.

JENIS KOCHI:

Jenis kochi ini ia-lah style yang paling tua sa-kali di-pakai oleh kaum wartawan. Jenis ini di-pakai untuk kepala2 berita yang mengandongi dua baris atau lebeh. Memakai style ini, jarak antara huruf2 awal dan akhir dari baris itu dengan garis2 tepi di-kanan dan di-kiri sa-imbang ukoran-nya. Jika kepala berita itu mengandongi dua baris, baris yang pertama harus lebeh panjang dari yang kedua, dan jika ada pula baris yang ke-tiga, maka yang ke-tiga itu harus lebeh pendek dari yang kedua. Demikian-lah selanjut-nya. Jenis ini di-pakai selalu-nya sa-bagai menyusul kepala berita yang memakai jenis tunggal.

JENIS GANTONG:

Style ini jarang2 di-pakai oleh akhbar2 tempatan, tetapi selalu terdapat dalam akhbar2 di-Barat. Dalam bahasa Inggeris, jenis ini di-namakan "HANGING IDENTATION", dan dalam bahasa Melayu saya gelarkan "JENIS GANTONG".

Saya namakan "Jenis Gantong" kerana rupa-nya sa-olah2 bergantung layak-nya ia-itu baris kedua dan selanjut-nya bergantung pada baris yang pertama. Untuk memakai style ini, kepala berita harus sa-kurang2-nya mempunyai tiga baris, dan lebeh chantek lagi style ini melahirkan diri jika di-pakai untuk kepala2 berita yang mempunyai lima baris.

Baris yang pertama hendak-lah di-tolak ka-kiri sa-kali. Dan baris2 yang lain hendak-lah di-mulakan ka-kanan sedikit dari yang pertama dan harus sa-jajar letak-nya.

JENIS SA-KIRI:

Menurut style ini, semua baris hendak-lah di-sejajarkan ka-kiri, ta' kira sama ada baris2 itu ada yang pendek atau panjang.

JENIS LINTANG:

Style ini biasa-nya di-pakai untuk kepala berita yang terpenting, khusus-nya kepala2 berita muka hadapan surat2khabar. Style ini hanya sa-baris sahaja dan di-untokkan kepada berita2 yang paling besar yang dapat di-lahirkan oleh sa-sabuah akhbar pada satu2 keluaran yang tertentu.

Kepala2 berita yang memakai style ini biasa-nya ta' kurang dari size 72 point. Bahkan size ini-lah yang paling kecil sa-kali yang di-izinkan untuk style tersebut. Sa-tengah2 akhbar yang tidak mempunyai jenis huruf yang lebeh besar dari 72 point size-nya, terpaksa menjadikan blok-huruf2 itu untuk dapat menampung ruangan yang telah di-sediakan itu.

Kepala2 berita yang menggunakan style ini biasa-nya di-susun juga, sama ada di-bahagian atas atau bahagian bawah-nya, dengan kepala2 berita kecil yang menggunakan size2 huruf yang lebeh kecil pula. Umpama-nya kalau berita jenis lintang tadi lebeh dari 72 point, maka di-atas kepala berita besar itu akan di-pakai kepala2 berita lain yang size-nya 30 atau 36 point, dan di-bawah-nya pula akan menyusul kepala2 berita lain, biasa-nya memakai dua atau tiga ruangan, dengan size yang berkisar antara 42 point dan 48 point.

Akhbar Straits Times biasa-nya menggunakan huruf2 jenis Century Roman untuk kepala berita jenis lintang-nya dan huruf2 Century Italic untuk kepala2 berita lain yang ikut berpadu sa-bagai kepala berita terpenting yang di-lahirkan oleh akhbar itu.

MENGARANG KEPALA BERITA

Walau pun kami telah menerangkan jenis huruf yang di-pergunakan untuk membuat kepala2 berita itu, barangkali belum lengkap lagi penerangan itu sa-belum di-terangkan pula sa-chara lengkap dan detail atau pun memberi contoh untuk membuat kepala2 berita itu.

Sekarang kami minta saudara2 mengikuti berita yang berikut di-bawah ini:

KUALA LUMPUR, KHAMIS. — Sakurang2-nya 13,000 buah rumah baharu perlu di-dirikan dalam bandar2 Persekutuan Tanah Melayu untok menempatkan sa-ramai 180,000 orang yang pindah ka-pekan2 tiap2 tahun. Jika sa-buah rumah sederhana berharga \$5,000, sa-banyak \$50 juta di-kehendaki untok membena rumah2 itu, demikian menurut laporan pehak Lembaga Perumahan Persekutuan.

Berita ini ia-lah satu berita kechil atau "berita penyendal". Berita2 kechil saperti ini-lah yang selalu-nya di-gunakan untok mengisi tempat2 kosong yang terdapat di-sana sini dalam muka2 akhbar itu.

Sekarang kita perhatikan betul2 berita penyendal di-atas itu. Oleh kerana berita kechil ini di-turunkan di-sini untok menunjukkan chontoh bagaimana hendak membuat kepala berita-nya, maka elok-lah saudara bacha dengan hati2 akan berita itu, kerana sa-belum satu2 berita di-buat, berita yang hendak di-buat kepala-nya itu mesti-lah di-fahami lebeh dalam sebab soal yang perlu di-jadikan kepala itu mesti-lah berdasarkan fact penting yang terkandung dalam berita tersebut.

Untok berita kechil di-atas ini tentu-lah senang di-tentukan kepala berita-nya, kerana berita ini terlalu kechil dan tidak mengandong fact2 yang banyak. Satu2-nya fact yang terkandung dalam berita ini ia-lah soal **rumah**.

Berita itu menyatakan tentang keperluan rumah di-bandar2 memandang kapada banyak-nya orang2 kampung yang pindah ka-bandar satiap tahun. Jadi tahu-lah kita sekarang bahawa soal yang di-perbicharakan dalam berita ini. Maka tajok yang baik sa-kali untok berita ini ia-lah: **13,000 RUMAH PERLU TAHUN2.**

Oleh kerana kepala berita ini ia-lah kepala berita untok hanya sa-buah berita kechil yang mengandongi dua paragraph (jika di-buat dalam suratkhbar), maka chukup-lah kalau kita gunakan size 18 point (lower case). Biasa-nya berita2 kechil hanya menggunakan huruf2 yang berjenis Roman Century. Oleh kerana bilangan huruf Roman Century (lower case) ini untok size 18 point hanya boleh mengisi kira2 18 huruf, maka kepala berita yang sa-panjang "13,000 rumah perlu tahun" terpaksa-lah di-buat dua baris untok satu ruangan (column).

Biasa-nya soal menentukan jenis2 huruf yang perlu di-gunakan dalam kepala2 berita hanya boleh di-pelajari jika saudara2 bekerja dalam pejabat2 akhbar kelak, kerana ini terlalu rumit untuk di-terangkan atau di-huraikan sa-chara teori.

Tetapi untuk menentukan kepala berita tidak sa-sukar menentukan jenis2 huruf yang perlu di-gunakan untuk kepala berita walaupun pun antara satu dengan yang lain mempunyai kaitan yang erat sa-kali.

Sekarang mari-lah kita mempelajari pula chara untuk membuat kepala berita bagi berita2 besar:

LIHAT-LAH BERITA YANG BERIKUT:

BATU PAHAT, Khamis. — Wakil2 ra'ayat dari Parti Perikatan telah di-seru supaya selalu menemui ra'ayat yang tadi-nya telah memilih mereka untuk duduk dalam Dewan Ra'ayat Persekutuan.

Che'gu Salim bin Dahalan, sa-orang pemimpin UMNO Bahagian Batu Pahat, telah membuat seruan itu dalam ucapan-nya di-dalam mesuarat UMNO bahagian itu baharu2 ini.

Beliau berkata: "Wakil2 ra'ayat hendak-lah selalu menemui ra'ayat di-kawasan2 pilihan raya mereka dan tidak pula untuk ra'ayat mesti menemui mereka untuk menyatakan sa-suatu yang mereka harapkan."

Beliau menerangkan bahawa mereka telah di-pilih oleh ra'ayat kerana ra'ayat mempunyai keyakinan kapada mereka dan kerana keyakinan ra'ayat kapada Perikatan dalam usaha memperjuangkan chita2 mereka.

"Kalau sekira-nya mereka melupakan ra'ayat sa-telah pilihan raya, maka keyakinan ra'ayat kapada Perikatan tentu-lah akan merosot dari sahari ka-sahari," kata-nya.

"Dengan ini," kata Che'gu Salim, "datang-lah indohan2 daripada ra'ayat bahawa Perikatan hanya tahu berjanji sahaja".

Beliau mengingatkan wakil2 ra'ayat bahawa mereka telah di-pilih untuk menjadi hamba kapada ra'ayat, bukan untuk menjadi tuan kapada ra'ayat dengan menggoyangkan kaki duduk di-kerusi sahaja.

Berita di-atas agak panjang radikit. Maka berita yang panjang sa-umpama ini tidak di-namakan "berita penyendal".

Dalam membuat berita untok berita ini, seperti juga yang mesti di-lakukan waktu hendak membuat kepala2 berita untok berita2 lain, maka soal yang pertama harus kita buat ia-lah memikirkan fact apa-kah yang telah di-kemukakan dalam berita ini.

Kita tahu bahawa berita ini ia-lah mengenai satu perjumpaan meshuarat UMNO di-Batu Pahat. Kita juga tahu dari berita itu, bahawa ucapan pemimpin UMNO Batu Pahat itu telah di-laporkan.

Jadi apa yang di-bicarakan dalam berita itu ia-lah ucapan yang di-buat oleh Che'gu Salim tersebut. Dalam paragraph pertama berita ini, pemberita itu telah mensifatkan ucapan itu sebagai "seruan". Maka soal ini-lah yang patut kita fikirkan sekarang kerana ada baik-nya kalau di-jadikan kepala berita.

Oleh kerana seluruh daripada berita itu ia-lah mengenai seruan Che'gu Salim kepada wakil2 ra'ayat yang di-pilih supaya mereka tidak melupakan ra'ayat, bahkan wakil2 itu mesti-lah menemui ra'ayat sa-belum ra'ayat menemui mereka, maka menurut hemat saya, sudah wajar-lah soal ini di-jadikan intisari untok kepala berita itu.

Jadi, kepala berita yang tepat sa-kali untok berita yang tersebut di-atas itu ia-lah "WAKIL2 DI-SERU MENEMUI RA'AYAT" — PEMIMPIN UMNO". Atau pun "WAKIL PERLU MENEMUI RA'AYAT SA-BELUM RA'AYAT MENEMUI MEREKA, KATA KETUA UMNO".

Demikian-lah chontoh2 yang baik untok menjadi kepala berita kepada berita di-atas itu. Bahkan saudara2 boleh membuat kepala2 berita yang lain pula chorak-nya untok berita ini asalkan tidak menyeleweng dari soal yang di-katakan fact tadi, ia-itu soal seruan. Soal seruan mesti di-sebut dalam kepala berita itu kerana ini-lah fact yang penting sa-kali dalam berita itu. Bahkan kalau kita tinjau dalam2, boleh di-katakan seluruh berita itu ia-lah mengenai seruan.

BAB KEDUAPULOH-DUA:

MENULIS BERITA2 TENTANG P E R E K O N O M I A N

Perkembangan dan kemajuan persuratkhabaran di-dunia Barat ada-lah lebeh maju dan lebeh pesat daripada persuratkhabaran di-negeri kita. Mungkin kerana negeri2 Barat telah mengenal suratkhbar lebeh dahulu dan lebeh awai daripada negeri kita, dan kerana itu kemajuan2-nya dalam pelbagai bidang dan lapangan jauh lebeh ka-hadapan daripada apa yang telah di-chapai pada masa ini oleh surat2khbar yang terbit di-Tanah Melayu.

Banyak ruangan2 dan halaman2 yang kita dapat di-surat2-khbar Barat, masih belum terdapat lagi di-surat2khbar kita. Satu daripada-nya ia-lah ruangan ekonomi dan perniagaan, satu halaman yang memang di-untokkan semata2 untok menyiarkan dan melaporkan segala berita ekonomi dan perniagaan, terutama yang mengenai hal2 tempatan dan daerah2 yang berhampiran.

Ruangan ini merupakan satu daripada ruangan2 yang terpenting bagi surat2khbar Barat, mungkin juga kerana soal ini ada-lah soal sa-hari2an bagi negara2 yang berchorak hidup kapitalis.

Sa-tengah2 negeri Barat bukan sahaja mempunyai ruangan2 khas di-surat2khbar-nya yang melaporkan perkara2 perekonomian, bahkan mempunyai juga akhbar2 yang seluruh-nya di-isi berita2 dan rencana2 mengenai perekonomian, perdagangan dan kewangan.

Oleh kerana negeri kita belum mempunyai surat2khbar yang demikian, barangkali wajar-lah untok saya menerangkan sahaja ruangan2 ekonomi yang terdapat dalam surat2khbar tempatan.

Akhbar2 Melayu belum mempunyai ruangan2 sa-umpama itu, walau pun sudah ada langkah2 perchubaaan yang di-lakukan oleh sa-buah akhbar bahasa kebangsaan untok menchapai maksud itu. Sa-jauh mana perchubaaan2 itu berjaya belum dapat kita pastikan, tetapi ada-lah satu perkara yang baik juga jika perchubaaan itu

di-teruskan kerana dengan ada-nya ruangan ekonomi dan perniagaan bererti satu langkah lagi kemajuan persuratkhabaran Melayu di-dunia penerbitan.

Akhbar Straits Times ada-lah satu2-nya akhbar di-Tanah Melayu yang semenjak dahulu lagi telah menguntokkan satu ruangan khas untuk berita2 dan rencana2 ekonomi. Halaman itu bertajuk "COMMERCIAL NEWS AND VIEWS", memakan satu muka penuh, dan biasa-nya tersiar di-muka 14 akhbar tersebut.

Berita2 yang di-penuhi dalam halaman ini ada-lah berita2 perekonomian, perniagaan, perdagangan, kewangan dan sa-bagai-nya yang ada sangkut paut-nya sa-chara langsung atau ta' langsung dengan negeri ini. Bertia2 seperti pengimpotan besi baja daripada Jepun, pembukaan sharikat2 atau jabatan2 perniagaan baharu di-Singapura, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan sa-bagai-nya, ranchangan2 New Zealand hendak mengirim lebeh banyak lagi buah apple ka-Malaya, lawatan ahli2 perniagaan asing ka-Tanah Melayu, dan sa-ribu satu macham berita lagi seperti itu ada-lah menjadi bahan untuk ruangan perekonomian dalam akhbar tersebut sa-tiap hari.

Lapangan perekonomian dan perniagaan ada-lah satu lapangan yang penting untuk mana2 negeri. Tetapi perihal lapangan itu barangkali tidak banyak di-chempongi oleh orang2 Melayu, maka ruangan2 tersebut tidak mewujudkan diri dalam surat2khabar bahasa Melayu.

Sudah sampai masa-nya untuk surat2khabar bahasa kebangsaan di-negeri ini menchurahkan sa-penoh perhatian untuk dari sekarang memulakan ruangan2 sa-umpama itu, satu usaha yang kelak dapat mendatangkan faedah kapada ahli2 perniagaan Melayu yang sa-makin hari sa-makin ramai, bahkan dengan chara itu juga boleh menambahkan minat dan menarek banyak lagi orang2 Melayu ka-lapangan perniagaan dan perdagangan di-Tanah Melayu.

Kita mengaku bahawa untuk mempunyai ruangan2 seperti itu, surat2khabar mesti-lah mempunyai penulis2 dan pemberita2 khas yang memang pakar dalam hal ehwal ekonomi dan perniagaan. Berita2 perniagaan dan perekonomian bukan berita2 biasa yang boleh di-tulis dan di-laporkan oleh sa-barang pemberita biasa tetapi harus memerlukan wartawan2 yang memang terlatih dalam

bahagian itu dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang tersebut.

Surat2khabar Asia, mungkin kerana tidak mempunyai penulis yang terlatih dan luas pengalamannya dalam bidang ekonomi, telah memperlihatkan kelemahan-nya dalam menulis berita2 tersebut. Hakikat ini diakui oleh banyak wartawan2 ekonomi di Asia sendiri.

Sejarah pemberitaan ekonomi di-Asia boleh di-katakan bermula pada tahun2 yang baharu lalu, kechuali negeri Jepun yang memang mempunyai sejarah yang sudah berabad2 dalam lapangan tersebut. Suratkhbar ekonomi yang bernama Nihon Keizai Shinbun itu telah terkemuka sa-bagai akhbar ekonomi yang paling berpengaruh diJepun dan telah berkhidmat sa-lama lebeh 80 tahun sa-bagai suratkhbar yang melapor dan merenchanakan segala bahan perekonomian di-negeri "Mata Hari Timbul" itu. Sa-lain daripada Nihon Keizai, Jepun mempunyai beberapa buah lagi akhbar perekonomian yang terbit tiap2 hari, antara-nya ia-lah Kabushiki Shinbun dan Nihon Shoken Shinbun. Akhbar2 itu semua-nya diterbitkan dengan bahasa Jepun.

Surat2khabar perekonomian di-Jepun yang di-terbitkan dengan bahasa Inggeris tidak kurang juga mendapat perhatian di-negeri itu. Antara-nya yang paling terkemuka dan berpengaruh sa-kali ia-lah Oriental Economist, The Stock Journal dan Japan Business News.

Negeri Jepun ia-lah satu2-nya negeri Asia yang paling maju dalam lapangan perniagaan dan perdagangan, dan kerana itu sejarah perekonomian mereka begitu maju sa-kali untuk memerlukan surat2khabar yang khusus melaporkan hal ehwal ekonomi saperti hal-nya di-negeri2 Barat.

Surat2khabar di-India nampak-nya sudah mula memberi perhatian-nya kepada lapangan ini, terutama semenjak tiga tahun yang lalu. Di-Bombay sahaja, dua suratkhbar perekonomian telah di-terbitkan, ia-itu Financial Express dan Economic Times. Kedua2 akhbar harian ini telah terbit semenjak dua tahun yang lalu.

Di-Burma, surat2khabar bahasa Inggeris tidak memperlihatkan sebarang kechenderongan dalam lapangan pemberitaan ekonomi, kechuali akhbar The Guardian. Sebab2 maka terjadi-nya hal demikian harus berpuncha dari ketidak mampuan pihak2 yang

bersangkutan untuk membekalkan ma'lumat2 statistik yang tepat dan chepat. Negeri ini tidak mempunyai chara yang boleh memeriksa sama ada satu2 angka rasmi yang di-keluarkan itu benar atau tidak.

Indonesia juga mempunyai kesukaran dalam lapangan itu, dan di-negeri ini juga surat2khabar-nya terdapat tidak mempunyai minat yang sa-benar2-nya untuk melaporkan berita2 dan rencha-na2 ekonomi.

Di-Persekutuan Tanah Melayu, Jabatan Penerangan ada-lah merupakan tempat wartawan2 mendapatkan ma'lumat2 latar belakang yang tepat untuk memungkinkan mereka melaporkan berita2 ekonomi yang boleh di-perchayai dan di-pegang oleh kalangan2 perniagaan. Pegawai2 Jabatan Penerangan senentiasa bersedia bekerjasama untuk membekalkan ma'lumat2 yang tepat kepada wartawan2 yang berhajat.

Untuk supaya kita dapat memperdalam lagi pengkajian kita dalam bidang pemberitaan ekonomi ini, elok-lah kita mengikuti fi-kiran2 dan pendapat2 yang di-utarakan dalam Seminar Asia Ke-empat International Press Institute di-Manila pada bulan March tahun 1962, oleh Saudara Kayser W. Sung, Timbalan Pengarang suratkhabar FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW, sa-buah akhbar ekonomi yang terbit di-Hongkong.

Menurut Saudara Kayser, pemberitaan ekonomi di-Asia jauh dari di-katakan chukup dan wajar. Dia menerangkan betapa perlu-nya kekurangan2 itu di-atasi untuk supaya surat2khabar di-Asia dapat menyaingi kemajuan persuratkhabaran di-Barat dalam bidang itu.

Kayser mengaku bahawa surat2khabar Asia ada-lah kekurangan wartawan2 ekonomi yang berpengalaman, dan menurut pendapat-nya, hanya ada dua gulongan sahaja yang boleh dan mampu melahirkan bahan2 yang di-perlukan untuk ruangan2 atau surat2khabar ekonomi sa-umpama itu.

Dua gulongan yang di-maksudkan itu ia-lah Pakar2 Ekonomi dan wartawan2. Malang-nya, kata-nya, gulongan wartawan kebanyakan-nya mempunyai latehan ekonomi yang sadikit sahaja sedangkan gulongan Pakar Ekonomi pula kebanyakan-nya tidak mempunyai bakat dalam kewartawanan dan kerana itu tidak mempunyai kebolehan untuk menchiium berita.

Mengapa? Sebab kedua2 golongan itu telah menerima latihan yang berlainan yang demikian mempunyai chara2 yang berseendirian dalam usaha menghadapi kejadian2 atau peristiwa2 ekonomi yang berlaku.

Golongan pakar2 ekonomi yang di-katakan itu tidak s h a k mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas tentang selok belok perekonomian, tetapi mereka tidak pula mempunyai kebolehan untuk mempersembahkan ma'alumat2 dan angka2 ekonomi dalam bentuk berita yang lancar dan tepat sa-bagaimana yang di-perlukan oleh rukun2 kewartawanan, untuk dapat mendatangkan pengertian kepada orang ramai, terutama pembacha2 yang rendah sa-kali pelajaran-nya. Tetapi sa-baik-nya pula golongan wartawan yang memang mempunyai kebolehan dalam mempersembahkan berita, tidak pula mempunyai pengetahuan latar belakang yang chukup tentang perekonomian.

Dalam hubungan ini, Kayser berkata: "Hal ini merupakan jurang yang besar antara kedua golongan tersebut. Bagaimana untuk dapat menghapuskan jurang itu dan menyatukan k e d u a pengetahuan itu dalam diri sa-orang manusia yang tunggal, hingga sekarang menjadi satu masa'alah yang belum dapat di-selesaikan.

"Ini berma'ana kita perlu mendapatkan pakar2 ekonomi yang mempunyai kebolehan dalam pemberitaan, mampu menchari dan menchium berita untuk dapat di-persembahkan dalam bentuk berita yang lengkap, tepat, padat dan hebat. Kita juga memerlukan wartawan2 yang chukup terlatch yang juga chukup pengetahuannya mengenai latar belakang ekonomi".

Kayser telah juga menyatakan tentang bahaya2 ahli2 ekonomi yang dogmatis tentang dasar yang di-pelajari-nya, atau di-kaji-nya. Dalam hubungan ini dia telah menarek perhatian kepada usaha2 yang di-jalankan oleh sa-orang pakar ekonomi di-London tentang pengaliran penggunaan bahan kertas. Pakar ekonomi tersebut melakukan usaha itu pada masa dia bertugas dengan sa-buah sharikat pembuat kertas yang ingin mengetahui kemajuan2 penggunaan kertas di-negeri2 dalam dunia.

Pakar ekonomi tersebut dan rakan-nya2 telah berjaya mengumpulkan data statistik yang komprihensiv yang menunjokkan bahawa sa-tengah2 negeri telah melipat-gandakan penggunaan bahan kertas-nya dalam masa sa-puluh tahun yang lalu. Tetapi di-Argentina, demikian menurut penyelidekan itu, penggunaan

bahan kertas sudah merosot dengan banyak-nya. Pakar2 ekonomi itu telah terlalu sa-kali bergantung kepada data statistik dan berpegang kuat pada pengaliran sejarah. Pakar2 ekonomi tersebut akhir-nya membuat kesimpulan bahawa Argentina tidak akan menggunakan bahan2 kertas langsung dalam masa beberapa tahun lagi. Kesimpulan itu, menurut Kayser, ada-lah karut tetapi itu-lah hasil usaha akibat terlalu kuat-nya bergantung pada dasar2 tersebut.

Kayser mensifatkan hasil usaha yang demikian sa-bagai satu perkara merbahaya pada ahli2 ekonomi yang terlalu sangat bergantung pada teori dan tidak pada pengalaman-nya.

Sa-balek-nya pula, k a t a Timbalan Pengarang FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW itu wartawan2 tidak mudah pula untuk mendapatkan latar belakang yang chukup dalam usaha mengendalikan perkara yang di-tugaskan. Yang demikian, ada-lah menjadi satu masa'alah untuk kita melengkapkan pakar2 ekonomi dengan rukun2 kewartawanan dan di-samping itu memperhebat lagi usaha2 melateh wartawan2 dalam bidang ekonomi.

Memang benar kata Kayser itu, dan memang di-akui oleh semua wartawan di-mana pun juga bahawa jurang yang memisahkan pakar2 ekonomi dengan kaum wartawan harus di-hapuskan, dan usaha2 harus di-jalankan untuk dapat memungkinkan sa-orang manusia yang tunggal mempunyai pengetahuan yang luas dan chukup dalam kedua2 bidang itu.

Tuan Charles Dana, bekas pengarang akhbar New York Sun, berkata: "Saya boleh mendapatkan pengarang2 yang saya perlukan, tetapi saya susah untuk mendapatkan pemberita2 yang chekap." Dalam hal ini, Kayser telah menambah dengan berkata bahawa untuk menchari sa-orang pemberita ekonomi yang chekap ada-lah lebeh susah lagi.

Tuan Dana nampak-nya memperlihatkan sikap pessimistik-nya tentang latehan chalun2 wartawan, tetapi dia mungkin telah melahirkan banyak pemberita2 chekap daripada sa-barang pengarang yang sa-zaman dengan-nya. Wartawan yang di-kehendaki-nya ia-lah: "Sa-barang orang yang benar2 jujur dan lohor dan tidak memikirkan kepentingan diri, boleh menjadi sa-orang pemberita yang baik.

Untuk menchari sa-orang yang boleh menjadi sa-orang wartawan ekonomi ada-lah sukar. Dia mesti sa-orang pemberita yang

cepat, boleh mempernilai satu2 berita, mempunyai kechenderongan yang sa-benar2-nya pada berita tersebut, kebolehan untok bersikap tidak berat sebelah, kemampuan melakukan daya utama dan boleh membuat chatatan dengan chepat, umpama-nya dengan menggunakan trengkas. Dia harus juga mempunyai pengetahuan tentang chara2 statistik dan boleh mengumpulkan angka dan kenyataan dan menganalisa-nya sa-chara sains untok dapat di-persembahkan sa-chara objektif pula.

Kayser selanjut-nya berkata statistik ada-lah merupakan kenyataan dan ada-lah satu bahasa yang mengkesahkan satu cerita.

Kata-nya: "Terserah-lah kepada wartawan2 ekonomi untok membacha berita itu dan mengkesahkan-nya sa-mula dengan bahasa yang terang dan nyata kepada pembacha2-nya. Sa-orang wartawan ekonomi harus tahu bagaimana hendak mengambil perhatian dari data statistik, chara2 data itu di-susun dan di-kumpulkan dan bagaimana pula untok menggunakan-nya dalam bentok yang sa-baik2-nya.

Kayser Kemudian menarek perhatian ahli2 Seminar Wartawan di-Manila itu kepada amaran yang di-buat oleh sa-orang professor statistik di-University London tentang bahan2 statistik. Dr. R. G. D. Allen, kata Kayser, telah memberi amaran bahawa sa-tiap bahan statistik ada-lah mengakibatkan kesilapan. Kesilapan2 itu berkisar dari yang kechil membawa kepada kesilapan2 yang berupa salah pentafsiran.

Timbalan Pengarang Far Eastern Economic Review itu selanjut-nya menerangkan bahawa untok mentaksirkan data statistik dan untok menchegeh berlaku-nya kesilapan, ada-lah memerlukan pengetahuan sa-chara pakar dari ahli2 ekonomi. Tetapi bagaimana chara-nya pula untok supaya data2 statistik itu tidak tersilap di-pakai ada-lah menjadi tanggung jawab wartawan2 ekonomi pula.

Kayser berkata: "Statistik biasa-nya di-kumpulkan oleh yayaan2 Kerajaan atau lembaga2 penyiasat yang bukan Kerajaan, dan usaha2 yang di-jalankan itu memakan waktu yang lama. Wartawan ekonomi jarang2 mengumpulkan ma'alumat2 statistik-nya sendiri. Dia tidak mempunyai masa atau tenaga untok menjalankan kerja2 yang memang di-pertanggung jawabkan pada ahli2 statistik itu.

Daripada ahli2 statistik itu-lah wartawan2 ekonomi mendapatkan data yang di-kumpulkan itu, yang sudah pun di-ator dan di-susun dan di-chatat pada papan2 chatatan."

Kata-nya lagi, ada-lah menjadi kewajiban wartawan ekonomi untuk supaya bahan2 yang di-bekalkan-nya itu boleh di-perchayai. Sumber2 darimana ma'alumat2 di-dapati perlu di-sebut juga supaya pembacha2 boleh menentukan sendiri sa-jauh mana mereka boleh perchayai kebenaran ma'alumat2 itu.

Kayser mengingatkan bahawa data statistik yang di-keluar-oleh negeri2 Komunis harus di-layan dengan penoh hati2 dan cher-mat.

Kayser berkata: "Kaum wartawan semua-nya perchaya bahawa persembahan hakikat2 dan angka2 "sa-chara kesusasteraan" ada-lah mudah di-kendalikan, tetapi pakar2 statistik modern tidak pula berfikir demikian. Kebanyakan ahli statistik perchaya bahawa ulasan2 yang mustahak harus di-berikan juga untuk supaya ma'alumat2 itu di-terima dengan penoh tepat dan padat.

Surat2khabar harian, menurut Kayser, jarang2 menyiarkan jadual chatatan atau graf kerana data statistik yang sa-umpama itu biasa-nya terlalu detail bagi sa-sabuah suratkhabar. Untuk wartawan2 ekonomi yang bertugas dengan sharikat2 berita kawat tentu merasakan juga betapa sukar-nya untuk mengutuskan jadual chatatan dan sa-bagai-nya dalam bentok kawat.

Yang demikian wartawan2 ekonomi hendak-lah mempunyai kebolehan membacha statistik, satu bahasa yang tidak boleh di-faham oleh banyak orang, sa-lain mempunyai chara merengkas dan mentafsirkan arti dan nilai tiap2 angka yang di-sebutkan kepada pembacha2-nya.

Di-Hongkong, kata Kayser, perusahaan pertenunan ada-lah sangat mustahak kepada ekonomi tanah jajahan itu. Tetapi tidak semua orang boleh menghakimkan sa-jauh mana mustahak-nya sa-hingga angka2 di-sebutkan untuk menunjukkan betapa mustahak-nya perusahaan tenunan dalam bidang perangkaan perdagangan Hongkong.

Sa-orang wartawan ekonomi harus terdiri dari sa-orang yang mampu menjadi sa-orang petugas penyiasat, tetapi sa-orang yang chekap sa-bagai petugas penyiasat tidak sa-mesti-nya pula menjadi sa-orang wartawan. Ini, kata Kayser ia-lah kerana sa-orang

wartawan mempunyai kebolehan untuk menchari hakikat2 baharu yang belum tersiar lagi sa-bagai berita di-mana2. Sementara pekerja2 atau petugas2 penyiasat pula pada sa-bahagian besar-nya ada-lah menumpukan seluroh tenaga-nya bagi menganalisa bahan2 latar belakang.

Sa-orang wartawan belum dapat di-katakan sa-orang wartawan yang chekap kalau sekira-nya dia kurang pengetahuan-nya tentang peristiwa2 ekonomi yang penting. Bila dia membuat satu2 renchana dia harus mempunyai lebeh dahulu ribuan hakikat untuk di-jadikan sandaran atau alasan bagi hujjah2-nya.

Kayser berkata: "Pengetahuan latar belakang ada-lah batu asas kapada sa-orang wartawan ekonomi. Dengan tidak ada pengetahuan latar belakang, sa-orang wartawan ada-lah sukar untuk menchari hakikat2 atau kenyataan2 baharu. Pengetahuan latar belakang ada-lah mewakili kemajuan dan perkembangan di-masa yang lalu, dan hakikat2 atau kenyataan2 baharu mewakili pula perkembangan2 dan kemajuan2 yang berlaku sekarang. Hakikat2 itu mempunyai perhubungan satu sama lain.

Timbalan Pengarang FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW itu selanjut-nya memberitahu para peserta Seminar wartawan di-Manila itu bahawa pada satu hari dia telah pergi ka-lapangan terbang Hongkong untuk menemui sa-orang pegawai Kerajaan Hongkong yang baharu sahaja balek daripada Washington sa-telah menghadhiri sidang2 penyiasatan Surohanjaya2 Tariff Amerika Sharikat tentang usul "equalization fee".

Sa-orang pemberita tempatan telah di-tugaskan untuk melaperkan soal ketibaan pegawai itu, kata Kayser.

"Soal ini ada-lah sangat mustahak kapada ekonomi tanah jajahan itu, kerana kalau-lah "equalization fee" itu di-laksanakan, maka akan melibatkan juga impot2 bahan2 tenunan kapas yang di-impot daripada Amerika Sharikat. Oleh kerana Hongkong mempunyai bahagian yang besar dalam bidang pasaran barang2 tenunan kapas Amerika Sharikat, "equalization fee" itu akan menutup seluroh barang2 tenunan Hongkong.

Sungguh pun soal itu amat mustahak," kata Kayser,, "wartawan itu tidak mempunyai pengetahuan latar belakang yang cukup untuk layak mengendalikan perkara itu."

Pertanyaan pertama yang di-kemukakan oleh pemberita itu ialah: "Di-mana sidang2 penyiasatan itu di-langsungkan?" Kapada

soalan ini pegawai itu berkata: "Sudah tentu-lah di-Washington." Soalan yang kedua ia-lah: "Apa arti-nya "equalization fee" dan apa pula yang mahu di-samakan itu?" Menjawab pertanyaan ini, pegawai itu kelihatan -rsinggong sedikit sebab untuk menjawabnya akan memakan penerangan yang detail, sedangkan pada fikiran-nya wartawan itu harus telah mengetahui pengetahuan2 yang titek bengek sa-umpama itu.

Menurut Kayser, susunan ketika itu sudah membingungkan sa-kali. Akhir-nya pemberita itu berkata: "Boleh-kah saya bertanya satu lagi, dan ini-lah pertanyaan saya yang akhir. Apa-kah yang akan menjadi hasil sidang2 penyiasatan itu?" Menjawab soalan itu, pegawai tersebut berkata: "Saya sangat optimistik."

Kayser memberitahu Seminar Wartawan di-Manila itu bahawa akhir-nya pemberita tadi meninggalkan tempat itu dengan hanya mendapat ma'alumat2 yang tersadikit sedangkan masa'alah yang sa-umpama itu ada-lah paling penting dan mustahak.

Kayser berkata: "Esok-nya bila saya membacha berita itu di-akhbar, saya lihat berita tersebut di-siarkan di-muka hadapan dengan menggunakan tajok "pessimistik". Berita itu menyebut pegawai itu sa-bagai berkata bahawa dia berperasaan pessimistik terhadap hasil sidang2 penyiasatan itu. Lihat-lah betapa besar kesilapan itu!

"Mengapa-kah pemberita itu melakukan kesilapan sa-umpama itu? Saya boleh mengagak dia mungkin telah bingung dan tidak mengerti apa yang sa-benar-nya berlaku".

Bila pemberita itu mendapatkan kenyataan yang singkat dari pegawai tersebut dia tidak pula mahu bertanya lebeh lanjut tentang apa-kah asas2 yang menyebabkan dia mempunyai perasaan demikian. Kalau-lah pemberita itu mempunyai pengetahuan latar belakang yang cukup, harus berita yang di-tulis-nya itu satu berita istimewa yang paling menarek perhatian sa-kali. Perbezaan antara satu kesilapan dan satu "scoop" ada-lah besar, tetapi hasil-nya bergantung kepada persiapan dan chara pengendalian sa-saorang itu.

Ma'alumat2 latar belakang ada-lah satu perkara yang amat bernilai bagi sa-sabuah suratkhbar harian ekonomi atau kewangan. Sa-bagai contoh mari-lah kita mengambil FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW umpama-nya, sa-buah akhbar mingguan yang melaporkan hal2 perdagangan, perusahaan, kewangan, pe-

ngangkutan dan hal ehwal umum di-Asia Timor dan Selatan. Akhbar itu mempunyai wartawan2-nya di-tempatkan di-tiap2 negara dalam daerah Asia ini dan lengkap dengan kutub-khanah bahan2 latar belakang yang di-susun dan di-bahagikan kepada lebih 2,000 bahagian. Dalam tiap2 file terdapat potongan2 akhbar, risalah2 kenyataan akhbar, rencana2 khas yang di-tulis dan di-susun oleh pakar2 dan sa-bagi-nya.

Menurut Kayser, sistem penyimpan file ma'alumat2 latar belakang di-suratkhabar-nya itu di-susun mengikut negara2 yang menjajar dari Korea dan Jepun membawa ka-Pakistan dan India. Bila2 satu persoalan timbul di-mana2, pihak yang menguruskan file2 itu akan mendapatkan segenap latar belakang dan kemudian mengutuskan arahan melalui kawat kepada wartawan2 suratkhabar itu untuk melakukan penyiasatan sa-chara lebih lanjut. Dengan kedua2 sumber ma'alumat itu, satu laporan komprehensiv dapat di-siapkan di-pejabat FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW itu.

Ma'alumat latar belakang bukan sahaja mustahak bagi sa-orang wartawan yang menyiapkan laporan itu, tetapi juga mustahak kepada sa-orang pembacha yang membacha berita itu. Tetapi bahagian yang mustahak ini selalu tidak di-indahkan oleh sa-tengah2 suratkhabar Asia, terutama yang berhubungan dengan berita2 ekonomi yang di-siarkan-nya itu.

Kayser menyatakan bahawa kita sekarang ada-lah tinggal dalam sa-buah dunia perniagaan yang mengelirukan, dan tiap2 ma-salah ekonomi ada-lah sa-chara langsung mendatangkan akibat kepada penghidupan pembacha2 kita sa-hari2. Pembacha2 memerlukan berita2 antara peristiwa2 ekonomi dengan kepentingan mereka sendiri.

Umpama-nya, perjanjian barang2 tenunan international yang baharu2 ini terchapai di-Geneva ada-lah pada hakikat-nya mengelirukan sa-kali. Perjanjian jangka panjang itu akan berkuat kuasa sa-lama lima tahun, ia-itu sa-hingga tahun 1967 akan datang, dan akan mendatangkan akibat2 yang berkesan pada saudagar2 dan pembeli2 di-19 buah negara yang ikut menandatangani perjanjian itu. Kandungan penuh perjanjian itu sangat sukar untuk di-faham oleh pembacha2 biasa. Tetapi kalau sa-orang wartawan ekonomi boleh mengambil beberapa jam sahaja untuk merengkaskan maksud perjanjian itu dengan bahasa yang mudah untuk pembacha2-nya, terutama ahli2 perniagaan yang biasa, maka jasa yang demi-

kian ada-lah sa-besar2 bakti kapada pembacha2 umum-nya.

Satu lagi chontoh, Kayser telah mengambil pula SEAFET (South East Asia Friendship and Economic Treaty). Soal SEAFET pada satu masa dahulu telah menjadi perbincangan hangat dalam surat2khabar Asia tetapi tidak sa-orang pun mengambil daya utama untuk menerangkan apa ma'ana SEAFET dan apa tujuan2-nya.

Kayser berkata pada tahun 1960 dia telah datang ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menginterbiu sa-orang pegawai Kerajaan yang penting.

Dalam masa interbiu itu, Kayser telah bertanya: Dari manakah datang-nya anjoran untuk membentok SEAFET itu? Oleh kerana Tengku Abdul Rahman ia-lah orang yang pertama sa-kali mengemukakan rancangan itu, apa-kah usaha2 Malaya untuk menjayakan anjoran itu? Apa-kah hasil usaha yang sudah di-chapai dalam perundingan2 membentok pertubohan itu? Berapa lama-kah usaha2 persiapan-nya akan memakan waktu dan bila-kah perjanjian tersebut akan di-laksanakan? Apa-kah yang menjadi tujuan besar SEAFET? Apa-kah pula yang menjadi tujuan2 di-masa akan datang perjanjian itu? Ada-kah SEAFET akan membentok sa-buah blok politik? Ada-kah SEAFET akan di-bentok dalam rangka kerja Persidangan AFRO-ASIA di-Bandung atau pun dalam lingkungan Bangsa2 Bersatu? Sa-tengah2 negeri yang di-ajak untuk ikut dalam SEAFET telah memperlihatkan ke-dinginan-nya atas anjoran itu, ada-lah keinginan itu dapat menge-chewakan pelaksanaan a t a u pembentokan SEAFET? Apa-kah yang menjadi matlamat akhir rancangan itu? Bagaimana-kah soal bahasa dan kesukaran2 politik di-atasi? Apa-kah fikiran tuan tentang kemungkinan kerjasama sa-chara kedaerahan dalam lapangan2 sa-umpama penerbangan, perkapalan, kastam, rancangan perusahaan bersama dan pelanchongan? Umpama-nya soal getah, bagaimana-kah sistem harga getah dapat di-samakan? Apa-kah nama rancangan yang di-anjorkan itu?

Pada akhir interbiu itu, juruchakap Kerajaan Persekutuan itu berkata bahawa nama SEAFET hanya nama sementara sahaja. Pada hakikat-nya, nama "Association of Southeast Asia States" (Persatuan Negara2 Asia Tenggara) telah pun di-terima untuk menjadi nama pertubohan itu kelak. Dan sa-bagai singkatan akan di-gunakan "ASAS" yang dalam bahasa Melayu berarti "tapak".

Kayser berkata: "Dalam interbiu itu, saya bukan sahaja mendapat bahan2 ma'alumat latar belakang mengenai SEAFET, tetapi juga telah berjaya mendapat satu bahan penting. Semenjak interbiu itu di-siarkan dalam suratkhobar, perkataan "ASAS" telah di-gunakan sa-chara meluas oleh akhbar2 lain sa-bagai kepala2 berita besar. Sekarang ASAS telah di-singkatkan lagi menjadi "ASA".

Kayser memberitahu Seminar Wartawan di-Manila itu bahawa dalam masa 15 tahun yang lalu dia telah bekerja dengan dua surtakhobar bahasa Inggeris kepunyaan British. Dia juga telah berkhidmat dengan sa-buah sharikat berita kawat sa-lama 12 tahun sa-hingga tiga tahun yang lalu, manakala dia memasoki pula suratkhobar THE FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW, yang terbit di-Hongkong.

Ketika saya berkhidmat dengan sharikat berita kawat itu, kata-nya, saya tidak putus2 dan tidak berhenti2 menchari angle2 baharu dan fact2 baharu dan hanya sedikit sahaja berikhtiar untok mendapatkan ma'alumat2 latar belakang.

Di-pejabat sharikat berita kawat itu, dia hanya menyimpan beberapa buah buku reference saperti "Who's Who" karangan Statesmen dan "International Political Handbook" serta beberapa buah file akhbar. Sa-lain itu, tidak ada apa2 lagi.

Tetapi untok bertugas dengan sa-buah suratkhobar ekonomi pula, ada-lah menjadi kewajipan-nya pula untok menyimpan sa-bberapa banyak ma'alumat2 latar belakang untok kelak di-gunakan pada masa2 tergepar.

Kayser kemudian-nya telah mengalehkan perhatian-nya kepada soal penyelidekan, dan telah berchakap panjang tentang peri mustahak-nya soal itu kepada tiap2 kaum wartawan. Menurut-nya, dengan angka dan fact kita boleh mengerjakan satu2 pekerjaan penyelidekan tetapi tidak sa-mesti-nya satu berita yang sa-benar. Untok melahirkan satu berita ada-lah memerlukan bakat kewartawanan. Orang2 pernah berkata: "Bila kita ragu2, tinggalkan sahaja", tetapi bagi sa-orang wartawan pula "bila ragu2, selesaikan-lah keraguan itu". Sa-saorang wartawan ekonomi harus mempunyai otak yang senentiasa mahu bertanya2, mata yang tajam, telinga yang chepat mendengar, dan harus mempunyai buku panduan yang banyak chatatan2 penting.

Bagi tiap2 wartawan ekonomi, pertanyaan2 yang berikut harus senentiasa telekat pada otak-nya: —

1. Apa yang mahu di-laporkan?
2. Di-mana na' pergi?
3. Na' jumpa siapa?
4. Bagaimana mahu melakukan-nya?
5. Bila mahu melakukan-nya?
6. Mengapa begitu sa-kali perlu-nya?

Sa-orang hakim British pernah menasihatkan sa-orang wartawan akhbar: "Awak bukan di-suruh mengajar atau bersharah, tetapi di-kehendaki mengutip dan melaporkan berita". Tetapi sa-orang wartawan ekonomi mempunyai tugas dan kewajipan yang lebeh berat dari itu — untok menganalisa fact2 dan membuat ramalan tentang hari depan. Dia di-kehendaki menerangkan kerja2 sistem ekonomi dan melaksanakan apa yang akan berlaku dalam suasana2 tertentu sa-umpama itu.

Kayser berkata: "Saya rasa tugas sa-orang wartawan ekonomi hampir sa-rupa dengan tugas sa-orang ahli ekonomi. Kedua2-nya mempunyai kebolehan untok membuat dugaan yang berdasarkan penyiasatan dan pekerjaan tentang sistem ekonomi.

DEMIKIAN-LAH PENDAPAT2 DARI SA-ORANG WARTAWAN EKONOMI YANG TERKEMUKA, TUAN KAYSER W. SUNG, yang sekarang berkhidmat sa-bagai Timbalan Pengarang FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW di-Hongkong. Pendapat2-nya itu amat penting kapada wartawan2 dan perlu mendapat perhatian kaum wartawan umum-nya.

BAB KEDUAPULOH-TIGA:

PEMBERITAAN TENTANG PILEHAN RAYA

Dalam tiap2 negara yang mengamalkan dasar2 demokrasi berparlemen, Hari Membuang Undi ada-lah hari yang paling sebak sa-kali untuk kaum wartawan. Surat2khabar terpaksa mengerahkan sa-tiap tenaga wartawan-nya, untuk melaporkan dalam bentuk yang sa-lengkap2-nya perjalanan pembuangan undi itu diseluruh tanah ayer, mulai dari waktu tempat membuang undi dibuka hingga-lah ka-saat tempat atau pusat membuang undi itu di-tutup, dan akhir-nya kapada pengumuman keputusan2 pilehan raya itu sendiri ala kadar yang sempat untuk menjadi bahan siaran esok-nya.

Biasa-nya surat2khabar telah lebeh dahulu menentukan tugas masing2 wartawan untuk menjalankan tugas-nya pada hari tersebut, dan segenap tenaga telah di-ator dan di-susun mengikut kebijaksanaan pengarang, sesuai dengan apa yang di-fikirkan perlu dan mustahak untuk menjadi bacaan ra'ayat umum-nya yang memang menanti2 dan mahu mengetahui lebeh lanjut dan lebeh luas tentang sa-tiap kejadian a t a u perkembangan yang berlaku hari itu, bukan sahaja di-bandar atau di-kampong-nya tetapi juga di-bandar2 yang lain dan di-kampong2 yang lain.

Untuk negara2 yang kecil, seperti Persekutuan Tanah Melayu, Ceylon atau Singapura, tugas melaporkan hari membuang undi bukan-lah satu tugas yang sukar. Keputusan2 pilehan raya biasa-nya sempat di-ketahui pada malam itu juga, dan keputusan2-nya sempat pula di-siarkan pada keluaran hari esok-nya. Tetapi bagi negara2 yang besar seperti India, Indonesia dan negara2 besar dalam lingkungan negara2 yang belum maju di-Asia Afrika ini, keputusan2 itu jarang2 dapat di-ketahui pada malam itu juga, kechuali bagi kawasan2 bandar.

Negara2 Barat, walau pun berganda2 luas-nya dari negara2 Afro-Asia, oleh kerana telah mempunyai rangkaian perhubungan yang modern dan chepat, tidak-lah sa-sukar negara2 di-Asia dalam bidang pemberitaan itu.

Masa'alah pemberitaan dan sa-bagai-nya mengenai hari membuang undi boleh di-katakan menjadi satu masa'alah yang sama2 di-hadapi di-negara2 Asia Afrika. Ini di-sebabkan bukan sahaja kerana perkara2 perhubungan yang belum begitu modern seperti negara2 Barat tetapi juga kerana keadaan negara2 itu sendiri dalam perengkat pembangunan untuk sukar satu2 perhubungan dilakukan dalam masa yang chepat dan dalam keadaan2 yang lancar dan lalin.

Surat2khabar Asia biasa-nya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk saling menyaingi satu sama lain dalam usaha mendapatkan pemberitaan yang lebeh lengkap dan lebeh chepat. Di-sini-lah letak-nya kemampuan satu2 suratkhabar untuk memperlihatkan kebolehan dan kesanggupan-nya kepada para ra'ayat dan di-sini-lah juga letak-nya pengaruh satu2 suratkhabar pada para pembacha dan memberi peluang kepada sidang pembacha memutuskan dan membuat kesimpulan akhbar yang paling chekap dan paling mampu menjadi bahan pembachaan-nya untuk menchari dan mengetahui berita2 sa-hari2an.

Dan kerana itu tiap2 akhbar saling berlumba2 untuk mengumpulkan keputusan2 dari seluroh tanah ayer dengan tepat dalam bentuk yang sa-mampu2-nya.

Kalau-lah surat2khabar tidak mempunyai perasaan berlumba2 dan hanya bertujuan untuk menjimatkan wang, surat2khabar itu boleh mendapatkan hasil keputusan itu dengan menunggu pengumuman2 dari Surohanjaya Pilehan Raya. Tetapi sa-bagaimana yang kita ketahui, ra'ayat biasa-nya tidak suka menunggu2 bahkan mahu tahu sa-chepat yang boleh hasil keputusan pengundian itu. Ra'ayat tidak sabar untuk menunggu keputusan di-buat dari Surohanjaya Pilehan Raya dan kerana itu maka surat2khabar tidak dapat bersabar pula untuk menanti pengumuman2 yang di-buat oleh Surohanjaya Pilehan Raya.

Hal yang demikian tidak berlaku di-Persekutuan Tanah Melayu, tetapi berlaku di-negeri2 lain yang perhitongan dan dugaan di-buat oleh badan2 private walau pun keputusan2 yang rasmi hanya di-akui dari pengumuman Surohanjaya Pilehan Raya itu sendiri.

Di-Filipina, umpama-nya, sudah menjadi amalan semua surat2khabar-nya untuk mengumpulkan hasil keputusan sa-saat sa-lepas Lembaga2 Pemereksa atau Board of Inspectors mula membachakan kertas2 undian.

Surat2khabar Filipina, yang demikian, menghadapi dua masa'alah penting. Pertama: Bagaimana untok mengumpulkan hasil pengundian dari seluroh pelosok tanah ayer dengan sa-berapa chepat yang boleh. Kedua: Bagaimana hendak melakukan tugas itu dengan tidak mengeluarkan belanja yang banyak.

Dalam hubongan ini, sa-orang wartawan Filipina bernama Baldomero T. Olivera berkata bahawa banyak masa'alah2 yang di-hadapi dalam usaha untok membuat kesimpulan tentang perkara tersebut.

Katakan-lah parti2 politik telah mengadakan majlis2 perhimpunan-nya untok melantek chalun2 mereka bagi pilehan raya Presiden dan chalun2 itu telah pun menjalankan kempen untok memanching undi dari ra'ayat di-kampong2.

Wartawan2 yang di-tugaskan untok menyertai rombongan chalun2 itu membuat kempen di-daerah2 dan di-kampong2 biasanya menghadapi dua kesukaran besar, demikian menurut Baldomero.

Periama, chalun2 itu berkali2 mengulangi apa yang telah dinyatakan tadi-nya dalam kempen2 yang telah di-adakan di-tempat2 yang terdahulu daripada itu, dan sa-telah sa-minggu lepas itu wartawan2 itu tidak langsung dapat menchari satu pun bahan baharu yang boleh di-laporkan untok siaran akhbar-nya. Kesukaran kedua ia-lah kebanyakan daripada rapat2 umum pilehan raya itu di-adakan pada waktu pentang atau malam, ia itu sa-lepas ra'ayat selesai menjalankan kerja-nya hari2 dan chuacha-nya pun agak baik dan dingin. Tetapi di-Filipina kebanyakan daripada pejabat2 talikom di-daerah2 ada-lah tutup pada pukul 6 petang. Ini berma'ana bahawa rapat2 umum yang di-langsungkan pada hari Ahad malam, hanya dapat di-utuskan dengan kawat pada esok-nya dan yang demikian hanya boleh di-siarkan pada keluaran pagi selasa-nya. Menjelang waktu itu, berita itu sudah pun boleh di-katakan berita basi kerana radio2 mungkin telah lebeh dahulu menyiarkannya.

Hal yang sa-rupa ini bukan sahaja berlaku di-Filipina tetapi juga di-negeri kita. Chalun2 yang mengambil bahagian dalam pilehan raya Parlemen, umpama-nya, selalu-nya mengulangi lagi apa yang telah di-nyatakan di-tempat2 lain terdahulu daripada itu. Katakan-lah soal bahasa kebangsaan, soal itu telah di-uchapkan di-satu rapat umum di-Tanjong Malim, tetapi soal itu juga akan men-

jadi bahan ucapan chalun tersebut di-rapat2 umum di-Ipoh, Kuala Lumpur dan sa-bagai-nya. Kalau-lah modal ucapan itu sama sahaja di-mana2, tentu-lah tidak bijak untok pemberita2 yang mengikuti rombongan2 kempen itu untok melaporkan perkara itu juga, kerana perbuatan yang demikian boleh mendatangkan jemu kepada sidang pembacha.

Sidang pembacha mahu tahu perkara baharu, perkara yang belum pernah di-ucapkan dan perkara yang "dara". Soal2 yang sudah biasa di-chakapkan, kemudian di-beritakan lagi, bukan sahaja akan menjemukan sidang pembacha tetapi boleh juga menyebabkan suratkhbar yang menyiarkan-nya di-benchikan pembacha dan sa-terus-nya akan mendatangkan kerugian kepada perusahaan suratkhbar itu.

Sekarang bagaimana-kah sa-saorang pemberita yang di-tugaskan mengikuti rombongan2 kempen itu mengatasi perkara itu supaya berita2 daripada-nya tetap mendapat penghargaan pengarang dan tidak di-abuikan oleh pehak pengarang. Dalam hubungan ini satu2-nya soal yang boleh di-lakukan ia-lah untok pemberita itu jangan mengindahkan ucapan yang telah berkali2 di-ucapkan itu, bahkan dia boleh mengadakan interbiu sa-chara langsung dengan chalun2 itu menanyakan pendapat2-nya terhadap tudohan2 atau kechaman yang datang dari chalun2 lawan terhadap ucapan-nya atau pun sa-barang perkara yang di-timbulkan oleh chalun2 lawan. Dengan chara mendapatkan komen2 seperti ini akan lebih mendatangkan faedah dan dapat mendatangkan minat pada para pembacha. Katakan-lah sa-orang chalun menudoh ucapan chalun "A" mengenai bahasa kebangsaan, maka pemberita harus mendapatkan pendapat chalun yang kena kecham itu atas tudohan yang datang dari chalun "A". Tudohan dan kounter-tudohan biasa-nya boleh menghidupkan pemberitaan dan mendatangkan minat yang sa-baik2-nya pada pembacha.

Sekarang kita membicharakan pula tentang soal pejabat2 talikom yang di-tutup pada pukul enam petang, satu hal yang menjadi kesukaran dan masa'alah kepada wartawan2 Filipina ketika mengikuti rombongan2 pilehan raya untok berkempen di-daerah2 perdalaman dan sa-bagai-nya. Sayogia di-ketahui, rapat2 umum yang di-adakan oleh chalun2 biasa-nya pada malam hari, tetapi pejabat2 taligram tutup pada 6 petang, dan yang demikian adalah menjadikan mustahil bagi sa-orang wartawan untok melaporkan berita-nya ka-pejabat suratkhbar-nya malam itu juga, bahkan kena menunggu sa-hingga hari esok-nya dan kerana itu hanya

sempat di-siarkan keluaran lusa.

Bukan sahaja di-Filipina, tetapi di-Persekutuan Tanah Melayu juga masa'alah yang demikian terpaksa di-alami oleh wartawan2 daerah. Di-daerah2 luar bandar atau di-bandar2 kecil di-negeri kita, pejabat2 talikom hanya di-buka pada siang-nya sahaja.

Maka bagaimana-kah wartawan2 dapat mengatasi masa'alah itu supaya berita-nya sempat di-siarkan pada keluaran esok, tidak lusa sa-bagaimana yang telah di-terangkan tadi. Bagi pemberita2 yang berpengalaman, mereka biasa-nya dapat mengatasi kesukaran itu dengan menemui chalun itu pada masa makan tengah hari dan meminta kapada-nya — demi kepentingan chalun itu sendiri, bagitu-lah chara pemberita2 itu mendesak — menerangkan soal2 yang hendak di-kemukakan kelak dalam ucapan-nya malam nanti.

Dengan chara yang demikian, pemberita2 itu telah berjaya untok mengetahui lebeh dahulu apa yang mahu di-chakapkan oleh chalun tersebut dalam rapat umum-nya kelak, dan yang demikian memungkinkan wartawan itu menulis-nya siang itu juga berita tentang rapat umum yang belum lagi di-adakan itu untok sempat di-kirim melalui pejabat talikom dan yang demikian sempat pula di-siarkan pada hari esok-nya.

Kebanyakan daripada chalun2 pilehan raya biasa-nya tidak berkeberatan untok memenohi permintaan pemberita2 itu. Sattengah2 chalun yang mempunyai setiausaha2 akhbar-nya biasa-nya menyiapkan kenyataan2 yang sudah tersedia untok di-berikan kapada wartawan2 supaya berita2 yang kelak di-tulis oleh wartawan2 itu tidak mengelirukan atau tersilap.

Tetapi ada juga chalun2 yang berat sedikit untok memberikan kerjasama yang demikian kapada pemberita2. Chalun2 yang demikian biasa-nya tidak dapat memutuskan sa-chara awal bahan2 yang kelak hendak di-ucapkan-nya.

Dalam pilehan raya Filipina yang lalu, ibu2 pejabat parti2 politik telah mengadakan kemudahan2 dengan menentukan perkara yang kelak hendak di-ucapkan oleh masing2 chalun-nya. Seksi Akhbar ibu pejabat parti politik itu membekalkan bahan2 ucapan chalun2-nya itu bagi kegunaan akhbar2 dan yang demikian tidak-lah menyukarkan akhbar2 tersebut dalam usaha mengatasi masa'alah yang di-katakan tadi itu. Tiap2 hari, ibu2 pejabat

parti2 politik di-Manila mengeluarkan apa yang boleh kita panggil sa-bagai "Kenyataan Akhbar" pada tengah hari tentang ucapan yang hendak di-buat oleh chalun2-nya di-tempat2 tertentu pada malam itu. Dengan chara yang demikian, demikian menurut sa-orang wartawan Filipina, andaikata chalun itu tidak menyebutkan soal yang telah di-keluarkan oleh ibu pejabat parti-nya dalam ucapan pilehan raya-nya malam itu, maka kesalahan itu bukan lagi menjadi kesalahan suratkhbar yang menyiarkan-nya, tetapi terletak pada tanggung jawab ibu pejabat parti-nya. Sebab itu-lah untok lebeh selamat lagi, surat2khabar Filipina telah menyebutkan sa-kali dalam berita-nya itu bahawa kenyataan tersebut datang dari ibu pejabat parti politik yang berkenaan.

Bagi Persekutuan Tanah Melayu, sejarah pilehan raya boleh di-katakan baharu sa-kali. Ra'ayat negeri kita hanya mengenal pilehan raya dalam masa 10 tahun yang lalu, dan kerana itu kita tidak mempunyai sejarah2 lama tentang pemberitaan pilehan raya untok dapat di-terangkan dalam halaman ini. Pilehan raya di-negeri kita telah di-adakan selepas perkembangan dan kemajuan persuratkhbaran telah meningkat di-perengkat yang sa-sai-ngan dengan kemajuan persuratkhbaran di-Barat.

Bagaimana pun saperti juga di-negeri2 lain di-Asia dan Afrika, maka di-Persekutuan Tanah Melayu juga soal penting yang di-hadapi oleh sharikat2 akhbar pada waktu2 pilehan raya ia-lah tentang pemberitaan yang chepat dan pembiayaan yang murah. Sa-lama ini surat2khabar negeri ini terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak untok mendapatkan berita2 pilehan raya yang chepat.

Di-negeri2 Asia yang lebeh awal menchapai kemerdekaannya, dan yang demikian lebeh chepat mengalami pilehan raya, masa'alah pemberitaan ini barangkali menjadi satu hal yang patut di-ketahui juga oleh kaum wartawan umum-nya.

Sa-belum perang dunia yang lalu, surat2khabar bergantung se-luruh-nya pada pengumuman2 rasmi tentang keputusan2 yang biasa-nya di-kumpulkan di-perengkat daerah. Usaha2 mengumpulkan keputusan2 itu, menurut sa-orang wartawan Manila mengambil masa sampai berminggu2.

Sa-lepas Perang Dunia Kedua, kemajuan suratkhbar sa-makin pesat dan sa-makin modern, dan sharikat2 akhbar juga tidak mahu ketinggalan untok memampukan diri-nya mendapatkan berita2 yang demikian tadi dalam tempoh yang sa-chepat2-nya, baik

dengan apa chara pun juga.

Maka sharikat2 akhbar mula menggunakan wartawan2 yang di-tugaskan untok ikut dalam rombongan2 kempen ka-seluruh pelesok tanah ayer supaya mereka dapat mengutuskan dengan kawat keputusan2 pilehan raya itu bila2 sahaja hasil pengundian yang berjumlah besar di-ketahui. Bagitu pun boleh di-katakan kawat2 itu lambat juga tiba-nya di-Manila sedangkan perbelanjaan yang di-keluarkan untok kawat tersebut ada-lah besar.

Untok mengatasi kesukaran itu, sharikat2 suratkhbar yang terbesar di-Manila telah membentok sa-buah sharikat berita kawat dalam tahun 1950. Dengan chara demikian, perbelanjaan untok tiap2 berita yang di-terima ada-lah di-tanggung sama sa-chara merata oleh surat2khbar yang menjadi anggota dalam sharikat berita kawat itu. Sistem mempercepat ketibaan berita2 juga telah di-buat oleh sharikat kawat itu.

Bagaimana pun soal yang paling penting sa-kali di-hadapi oleh surat2khbar itu ia-lah soal perhubungan atau "communications". Pada masa yang lampau, demikian menurut sa-orang wartawan Philippine News Service, hampir semua suratkhbar mengharapkan taligram yang di-uruskan oleh pejabat talikom Kerajaan.

Sekarang, selain daripada taligram2 dan sharikat2 kawat Kerajaan, perhubungan2 talipon sa-chara langsung boleh di-dapati di-35 buah daerah. Lima buah sharikat perhubungan private telah mengadakan urusan2 perniagaan sendiri dan mampu menghulorkan perkhidmatan yang paling istimewa.

Di-Persekutuan Tanah Melayu, masa'alah perhubungan tidak menjadi bagitu sulit sa-kali kerana surat2khbar besar di-negeri kita mempunyai alat2 yang di-panggil taliprinter.

Akhbar Straits Times, umpama-nya mempunyai mesin2 taliprinter di-pejabat2-nya di-Pujau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura. Yang demikian perutusan2 yang datang dari daerah2 yang berdekatan dengan mana2 pejabat yang ada taliprinter itu, boleh-lah di-kirimkan ka-pejabat suratkhbar di-Kuala Lumpur melalui talipon ka-pajabat2 kechil itu untok kemudian di-utuskan dengan taliprinter pula. Perhubungan yang demikian ada-lah memberi faedah sa-kali dan sebab itu-lah akhbar Straits Times sempat menyiarkan berita2 dari daerah2 yang jauh lebeh awal dari akhbar2 lain.

Di-Filipina, mungkin kerana negeri itu terdiri dari banyak pulau dan lebih besar dari negeri kita, maka soal perhubungan itu menjadi masa'alah yang sampai sekarang masih di-bicarakan lagi. Surat2khabar Filipina merasa penting bahawa satu cara yang konkrit mesti di-gunakan untuk memungkinkan sa-tiap pemberitaan di-buat dalam bentuk yang sa-chepat2-nya dan sa-lan-char2-nya.

Maka satu daripada usaha2 yang pertama sa-kali di-buat oleh sharikat berita kawat Filipina yang di-dokong oleh sharikat2 suratkhabar besar di-Manila itu ia-lah mengadakan penyiasatan sa-chara mendalam dan ringkas tentang perkara perhubungan. Penyiasatan itu telah berjaya melahirkan hakikat2 penting, antaranya:

1. Sa-tengah2 daerah di-Filipina tidak mempunyai rangkaian perhubungan sa-chara langsung dengan Manila tetapi hanya menjalankan perkhidmatan yang demikian itu melalui pusat sambongan perhubungan atau "relay point". Menurut sa-orang wartawan Manila, dalam tahun 1949 sa-buah suratkhabar telah membuat komplek bahawa satu berita yang di-kirim dengan kawat oleh sa-orang pemberita-nya di-Tagbilaran, Bohol, telah tiba di-Manila tiga hari sa-lepas berita tersebut di-kawatkan. Ini ia-lah kerana kawat2 dari Tagbilaran terpaksa lebih dahulu di-utuskan ka-sabuaah daerah lain bernama Cebu sa-belum di-sambungkan ka-Manila. Oleh kerana Cebu terpaksa menerima juga perkhidmatan demikian dari tujuh buah daerah lain, maka pusat sambongan perhubungan di-tempat itu terlalu sebok untuk dapat menjalankan satu2 perkhidmatan dengan chepat. Oleh kerana semua kawat2 dari seluroh pelosok tanah ayer bertumpu di-Manila, maka pejabat besar talikom di-ibukota itu menjadi seperti leher botol yang berse-sak2 di-datangi kawat hingga boleh juga menyebabkan berlakunya kekeliruan.

Untuk mengatasi masa'alah itu, sharikat berita kawat Filipina tadi telah membuat sistem pengiriman berita, ia-itu dengan memerentahkan wartawan2-nya di-daerah2 satellite itu mengutuskan kawat2 mereka ka-wakil2-nya di-pusat sambongan perhubungan itu dan wakil masing2 akan mengirinkan berita2-nya itu melalui talipon jarak jauh pada waktu2 yang sudah di-tetapkan lebih dahulu.

Sistem sa-umpama ini dapat mengelakkan pejabat talipon Kerajaan di-Manila di-mana kesebokan terlalu sa-kali.

2. Penyiasatan mengenai perhubungan telah mendapati bahawa banyak urusan pemberitaan boleh dilakukan melalui talipon. Sa-lain daripada itu telah di-ketahui juga bahawa "panggilan appointment" boleh di-tambah terdahulu daripada itu. Usaha yang lojik ia-lah bahawa satu jadual waktu perlu di-siapkan untuk membuat perhubungan langsung dengan Manila dan urusan itu hendak-lah di-tempah sa-baik2-nya sa-bulan lebeh dahulu daripada hari membuang undi tersebut.

Dalam hubungan ini dapat di-tarek perhatian terhadap satu peristiwa dalam pilihan raya tahun 1953 di-Filipina. Perhubungan talipon telah di-uruskan untuk tiap2 dari enam belas daerah (province) seluruh negara itu membuat panggilan bagi melaporkan hasil keputusan undian yang sempat di-terima dalam masa sa-tengah jam sa-lepas pembuangan undi di-tutup. Menjelang pukul 8 malam semua angka2 dari keputusan undian yang di-terima melalui talipon menunjukkan bahawa Magsaysay telah mendapat sa-jumlah undian dari perimbangan 2—1 membawa kepada 5—1, satu keputusan yang sudah boleh di-sifatkan sa-bagai satu kemenangan besar bagi Magsaysay dalam pilihan raya Presiden tahun itu.

Oleh kerana keputusan itu datang dari hampir seluruh pelosok tanah ayer, maka sharikat berita kawat yang di-dokong oleh sharikat2 suratkhobar besar di-Manila telah berani mengeluarkan kenyataan yang berkata:

"Keputusan awal yang telah di-terima menunjukkan bahawa Magsaysay menang sa-chara besar2an."

Ada-kah sharikat2 berita kawat asing yang mempunyai wakil2-nya di-kota itu mahu meyakini kenyataan tersebut untuk di-kawatkan pula ka-ibu2 pejabat mereka di-London dan New York? Hampir semua sharikat2 asing menganggap pengumuman itu satu dugaan sahaja dan ta' boleh di-pakai. Sharikat2 berita kawat asing mungkin perchaya bahawa ada-lah satu perkara yang mustahil untuk sa-barang pihak mengetahui hasil keputusan satu2 pilihan raya yang begitu penting dalam hanya ta' berapa jam sa-lepas pengundian di-tutup sedangkan negara Filipina terlalu luas dan tidak mempunyai kemudahan2 perhubungan yang pesat sa-perti di-negeri2 Barat. Oleh yang demikian, sharikat2 asing itu memperlihatkan sikap tidak perduli-nya pada pengumuman sharikat berita kawat Filipina itu dan menganggap kenyataan tadi hanya sa-bagai kerja main2 dan "agak2an" sahaja.

Tetapi ada sa-buah sharikat berita kawat asing yang berani melaporkan pengumuman yang di-buat oleh sharikat berita kawat Filipina, ia-itu dengan mengkawatkan ka-New York sa-bagai berikut:

"Sharikat berita kawat tempatan memberitakan pada pukul 8 malam ini bahawa keputusan2 yang di-terima menunjukkan bahawa Magsaysay telah menang sa-chara besar2an."

Oleh kerana keputusan2 ma'tamad kemudian-nya membuktikan kebenaran kemenangan tersebut, pejabat sharikat kawat yang beribu pejabat di-New York itu mengirinkan satu kawat kepada pejabat-nya di-Manila itu dengan berkata: "Kerja jempol".

Dalam hubungan ini terbukti-lah bahawa ramalan itu mungkin tidak akan tepat kalau sekira-nya hasil keputusan dari seluruh pelosok tanah ayer tidak di-kirim melalui talipon. Yang penting ia-lah keputusan2 itu mengalir dari serata tanah ayer sa-chara saksama.

* * *

Buku ini saya tulis sa-bagai kenangan2 muhibbah saya kepada bekas Managing Director Utusan Melayu, Inche Ibrahim Fikri — Orang yang saya kasehi dan taati

GHAZALI

T A M A T

Isi Kandungan:—		Muka
Bab I	— ARTI-NYA WARTAWAN 1
Bab II	— SIFAT2 WARTAWAN 15
Bab III	— APA ITU BERITA? 20
Bab IV	— TIGA UNSOR 25
Bab V	— MENULIS BERITA 30
Bab VI	— MEMBUAT INTRO 33
Bab VII	— SISTEM KOCHI 42
Bab VIII	— BAGAIMANA HENDAK MENGUMPULKAN BAHAN 49
Bab IX	— MENGARANG BERITA 62
Bab X	— WARTAWAN YANG CHEKAP 75
Bab XI	— BERITA2 LUAR NEGERI 79
Bab XII	— BAGAIMANA HENDAK MENENTUKAN SAMA ADA SESUATU BERITA PENTING ATAU TIDAK 85

Bab XIII	—	BERITA CHESMAN	99
Bab XIV	—	MENULIS RENCHANA	104
Bab XV	—	POJOK	109
Bab XVI	—	MENULIS RENCHANA PENGARANG (Editorial)	115
Bab XVII	—	JALAN BAHASA PERSURATKHABARAN	133
Bab XVIII	—	JABATAN2 (Department) DALAM SURATKHABAR	147
Bab XIX	—	JABATAN PENGARANG	150
Bab XX	—	JABATAN IKLAN	174
Bab XXI	—	MENENTUKAN KEPALA BERITA	187
Bab XXII	—	MENULIS BERITA2 TENTANG PEREKONOMIAN	195
Bab XXIII	—	PEMBERITAAN TENTANG PILEHAN RAYA	209

* * *

WARTAWAN2 MELAYU KUALA LUMPUR DI-RUMAH PERDANA MENTERI



WARTAWAN2 MELAYU KUALA LUMPUR DI-RUMAH PERDANA MENTERI



Gambar ramai ini menunjukkan wartawan2 Melayu di-Kuala Lumpur bergambar ramai bersama2 Perdana Menteri P
 sekutuan, Tengku Abdul Rahman Putra Alhai, di-Residency, beberapa tahun yang lalu. Berdiri di-barisan depan, dari kan
 Inche Ali Salim, sub-editor Utusan; Inche M. Ghazali bin Abdul Semad; Inche Ainul Jamal, Pemberita Utusan Melayu; In
 Abdul Aziz, tuan punya Pustaka Antara; Inche Abdul Samad Ismail, Pengarang Berita Harian; Tengku Abdul Rahman; In
 Seid Zahari; Inche Abdullah Ahmad; Inche Mustaffa Suhaimi, sub-editor Berita Harian.

Barisan kedua, dari kanan: Inche Rosdin Ya'cob, ketua Pemberita Utusan; Inche Ghazali Yunus; Inche Wahab Ma
 Inche Melan Abdullah, penulis rencana Pengarang merangkap Personal Assistant kepada Managing Director Utusan; In
 Ghazali Ismail (pengarang buku ini); Inche Salleh Yusof, Ketua biro Utusan Melayu di-Singapura; Inche Hamid Yasi
 Inche Abu Zaki Fadzi.

Di-belakang Inche Hamid ia-lah Inche Salim Kajai, manakala sa-belah-nyo ia-lah Inche Ibrahim. Di-belakang In
 Ghazali Ismail ia-lah Tuan Syed Jaffer Albar, bekas Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, sementara di-tengah-nyo ia
 ia-lah Tuan Critchley, Pasuruhjaya Tinggi Australia di-Persekutuan Tanah Melayu.